Bil. 46

Selasa
29 Oktober 2019

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 7)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2020 (Halaman 33)

USUL-USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 32)
Anggaran Pembangunan 2020 (Halaman 33)

Diterbitkan Oleh:
SEKSYEN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2019

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. " Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. " Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. " Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. " Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. " Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. " Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. " Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. " Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. " Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. " Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. " Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. " Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. " Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. " Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. " Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Besar Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH

24. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH

25. " Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN

26. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN

27. " Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN

28. " Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – Senator

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM

2. " Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, [Tanjong Piai] [Kosong]

3. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM

4. " Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM

5. " Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR

6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR

7. " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR

8. " Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR

9. " Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR

10. " Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR

11. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP

12. " Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

13. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP

14. " Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP

15. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP

16. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP

17. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH

18. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH

20. " Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH

21. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR

22. " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN

23. " Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN

24. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*

25. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*

26. " Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*

27. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah - *Senator*

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR

2. " Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM

3. " Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - PPBM

4. " Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR

5. " Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM

6. " Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR

7. " Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR

8. " Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP

9. " Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR

10. " Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR

11. " Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] - PPBM

12. " Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR

13. " Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP

14. " Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP

15. " Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR

16. " Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR

17. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP

18. " Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP

19. " Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR

20. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP

21. " Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM

22. Yang Berhormat Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
23. " Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
24. " Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
25. " Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
26. " Dato' Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
27. " Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
28. " Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
29. " Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
30. " Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
31. " Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
32. " Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
33. " Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
34. " Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
35. " Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
36. " Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
37. " Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
38. " Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
39. " Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
40. " Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
41. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
42. " Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - PPBM
43. " Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
44. " Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
45. " Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
46. " Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
47. " Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
48. " Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
49. " Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
50. " Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
51. " Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] - PPBM
52. " Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
53. " Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
54. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
55. " Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
56. " Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP

57. Yang Berhormat Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
58. " Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
59. " Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - PPBM
60. " Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
61. " Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
62. " Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
63. " Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
64. " Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
65. " Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
66. " Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
67. " Dr. Su Keong Siong [Kampar] – DAP
68. " Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
69. " Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
70. " Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
71. " Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
72. " Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
73. " Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
74. " Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
75. " Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
76. " Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
77. " Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
78. " Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
79. " Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] – DAP
80. " Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
81. " Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
82. " Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - PPBM
83. " Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] - PPBM

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. " Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
3. " Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
4. " Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
5. " Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. " Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
7. " Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO

8. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N,, S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO

9. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [[Ketereh] – UMNO

10. " Dato' Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

11. " Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO

12. " Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO

13. " Dato' Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO

14. " Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO

15. " Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO

16. " Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO

17. " Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO

18. " Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO

19. " Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO

20. " Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO

21. " Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO

22. " Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC

23. " Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO

24. " Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO

25. " Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO

26. " Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO

27. " Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO

28. " Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO

29. " Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO

30. " Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO

31. " Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO

32. " Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

33. " Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO

34. " Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO

35. Yang Berhormat Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO

36. " Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO

37. " Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO

38. " Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO

39. " Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA

40. " Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]

2. " Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]

3. " Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]

4. " Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]

5. " Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]

6. " Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

7. " Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]

8. " Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]

9. " Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]

10. " Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]

11. " Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]

12. " Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]

13. " Tuan Sabri bin Azit [Jerai]

14. " Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]

15. " Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]

16. " Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]

17. " Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]

18. " Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]

2. " Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]

3. " Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]

4. " Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]

5. " Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]

6. " Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]

7. " Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]

8. Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]

9. " Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]

10. " Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]

11. " Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]

12. " Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]

13. " Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]

2. " Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]

2. " Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (WARISAN)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]

2. " Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]

3. " Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]

4. " Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]

2. " Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PBS)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

AHLI-AHLI (PBRS)

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

AHLI-AHLI (UPKO)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

AHLI-AHLI (PSB)

1. Yang Berhormat Dato' Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nor Sakinah binti Samat
Nurammarah binti Md Isa
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juarah
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Selasa, 29 Oktober 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta Menteri Pendidikan menyatakan, bilangan sekolah daif di Kelantan dan di seluruh negara, berapa yang telah dibaiki di Kelantan setakat ini dan berapa akan dibaiki pada tahun 2020.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini berdasarkan data semasa Kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat sejumlah 1,290 buah sekolah daif di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, dua buah sekolah berada di negeri Kelantan. Pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif khususnya di negeri Kelantan melibatkan 41 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM66.592 juta melalui peruntukan pembangunan (DE) dan *private finance initiative* (PFI), dengan izin, bermula dari tahun 2017 sehingga tahun 2019.

Untuk pelaksanaan projek sekolah daif tahun 2017, sebanyak enam buah sekolah daif telah dinaiktarafkan dengan kos sebanyak RM8.57 juta. Manakala bagi pelaksanaan projek sekolah daif tahun 2018, sebanyak 34 buah sekolah daif telah dinaiktarafkan dengan kos sebanyak RM55.02 juta. Kesemua 42 buah sekolah telah siap dibina. Bagi pelaksanaan tahun 2019, pembangunan semula dan naik taraf sekolah daif di Kelantan melibatkan sebuah sekolah iaitu SMK Geting di Tumpat dengan kos sebanyak RM3 juta. Projek ini sedang dalam pembinaan dan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Selain daripada itu, bagi memperkasakan penyelenggaraan aset pembangunan, aset tanah dan aset infrastruktur di sekolah dan di institusi pendidikan kerajaan di negeri Kelantan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM9,785,729 kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan bagi tahun 2019. Peruntukan yang disalurkan ini digunakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala ataupun *periodical maintenance* dengan izin dan penyelenggaraan pembaikan- *corrective maintenance,* dengan izin, sejumlah 259 buah sekolah dan institusi pendidikan di negeri tersebut bagi mengekalkan fungsi aset-aset berkenaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi pihak warga pendidik di negeri Kelantan dan ibu bapa, saya ucapkan terima kasih kerana mengikut Menteri sejak tahun 2017, sebanyak 41 buah sekolah melibatkan kos berjumlah RM66 juta telah dibelanjakan. Terima kasih dan beberapa sekolah akan disiapkan pada tahun ini. Soalan saya yang pertama, adakah kementerian bercadang menetapkan satu tempoh jangka hayat sesebuah bangunan sekolah itu? Setelah ditetapkan tempoh itu, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan audit fizikal menyeluruh?

Kedua, saya ada dua sekolah di Jeli iaitu SK Kalai dan SK Nik Daud yang beberapa bangunan sudah di*condemn,* dengan izin, oleh JKR. Apakah perancangan untuk membaik sekolah-sekolah tersebut? Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertama, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Jeli kerana secara *details* sebutkan sekolah-sekolah dengan bangunan yang daif tersebut.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jeli, pertimbangan bagi penyaluran – minta maaf. Pada umumnya, usia sesebuah sekolah bukan lah faktor utama sesebuah sekolah itu dikategorikan sebagai daif ataupun tidak. Akan tetapi, ia dikategorikan berdasarkan skala mengikut seperti skala *Richter*. Ini dengan kerjasama JKR, maka kita letakkan skala tujuh atau tidak selamat untuk diduduki atau digunakan, itu dikategorikan sebagai daif, enam dan tujuh. Hal ini bergantung kepada penyelenggaraan secara berkala dan faktor-faktor lain seperti faktor geologi, cuaca, tanah dan juga banjir.

Walau bagaimanapun, bagi sekolah SK Nik Daud seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Jeli, satu bangunan akademik sedia ada, Blok 'C' yang telah melebihi 40 tahun dikategorikan sebagai bangunan daif. Bukan sekolah daif, tetapi dikategorikan sebagai bangunan daif. Laporan daripada JKR menyatakan bahawa bangunan tersebut masih selamat, namun sekiranya dibuat pembaikan, ia tidak ekonomik memandangkan bangunan tersebut telah berusia lama dan juga tidak menepati spesifikasi bangunan JKR. Pihak KPM sedang berusaha mendapatkan peruntukan bagi penggantian blok tersebut.

Manakala bagi sekolah SK Kalai pula, sistem pendawaian sekolah ini perlu dinaiktarafkan daripada *single phase* kepada *three phase* untuk menampung keperluan kapasiti di sekolah. Pada masa ini, sedang mengumpulkan maklumat terperinci berkaitan sistem pendawaian sekolah yang berusia melebihi 50 tahun untuk dinaiktarafkan termasuklah di sekolah ini. Terdapat juga sebuah bangunan akademik enam bilik darjah yang dikategorikan sebagai bangunan daif juga yang memerlukan gantian penuh. Pihak KPM akan mengemukakan untuk permohonan gantian tersebut dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita menghargai usaha kementerian untuk membaiki sekolah-sekolah daif. Saya ingin tahu, sekolah-sekolah yang tidak selamat kerana akibat daripada banjir. Jadi, saya ingin tahu berapakah jumlah yang telah disenaraikan dan saya juga ingin tahu ialah berapakah jumlah sekolah daif yang melibatkan sekolah menengah jenis kebangsaan Cina ataupun sekolah menengah persendirian Cina (SMPC)?

Oleh sebab, kita mahu tahu dengan peruntukan sebanyak RM60 juta yang diperuntukkan dalam Bajet 2020, berapakah daripada mereka yang melibatkan sekolah daif di kalangan SMPC? Minta penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: Seperti mana yang telah dijawab tadi, di Kelantan, terdapat 41 buah sekolah daif yang telah diuruskan. Sekarang tinggal dua buah sekolah dalam urusan dan tidak ada di dalam itu SMPC. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai. Silakan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dan guru-guru dari Sekolah Menengah Sains Selangor, Cheras... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua,

Hujan lebat semua basah;
Ayaq naik rakyat susah.

2. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah punca kelewatan benih padi di beberapa kawasan di Parlimen Bagan Serai baru-baru ini kerana kelewatan ini boleh menggagalkan penanaman padi ikut jadual bekalan air seterusnya bakal menggugat hasil padi dan natijah akhirnya pendapatan pesawah padi. Apakah penyelesaian serius kementerian.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Bagan Serai yang saya anggap seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap nasib pesawah khususnya di Bagan Serai.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya menerima notis soalan ini pada 25 Oktober, yang lalu, saya telah meminta supaya Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang untuk segera menyemak dan mendapatkan data-data yang boleh dipertanggungjawabkan untuk saya menjawab dengan teliti soalan daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Melalui PPK, Yang Berhormat Bagan Serai, saya telah dimaklumkan bahawa kawasan Bagan Serai mempunyai keluasan bertanam padi seluas 5,285.25 hektar dan jumlah pesawah seramai 2,451 orang.

Sehingga 29 Oktober 2019, benih padi yang telah dibekalkan mengikut keperluan adalah sebanyak 50,000 beg ke kawasan Bagan Serai. Pesawah telah mula menanam sejak 1 Oktober 2019. Demikian juga di Gunung Semanggol, kawasan bertanam adalah seluas 4,642.38 hektar yang melibatkan sebanyak 32,497 beg yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada fakta-fakta ini, setakat pada pagi ini, saya dengan yakin mendapat maklumat bahawa tidak timbul isu tidak cukup benih padi. Oleh itu, sekiranya rakan-rakan saya daripada Bagan Serai memiliki ataupun mempunyai bukti-bukti, maklumat yang masih ada lagi yang tidak dapat untuk bekalan benih padi ini, sila beritahu saya dan pada hari ini juga, *insya-Allah* dengan bekalan yang ada kita akan penuhi segala kesulitan dan kesusahan yang dialami oleh pesawah-pesawah di Bagan Serai. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan bersedia untuk memberikan bantuan khas segera kepada pertama, petani-petani yang sawahnya tenggelam sekarang ini di Parit Jay, Parit Mat Keling, Parit Ali Kalang, Tebok Matang dan juga yang teruk sekali Kampung Matang Merbau, itu saya pergi sendiri. Selain itu juga, kepada petani-petani Mukim Selinsing yang tidak dapat benih sepenuhnya sedangkan *ayaq* sudah masuk ini, 25 Oktober sudah masuk *ayaq*. Jadi, tidak dapat hendak tanam sepenuhnya.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bersedia untuk mewujudkan satu lagi loji benih di negeri Perak khususnya di Parlimen Bagan Serai untuk menyelesaikan masalah benih-benih yang lewat ini? Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak akan berlengah untuk kita menyampaikan apa jua bantuan dan saya pun membaca melalui akhbar dan juga berita. Sebahagian daripada kawasan tanaman di Bagai Serai telah dilanda dengan banjir.

Oleh itu, dengan ini saya mengatakan bahawa kita akan memberikan bantuan sekiranya berlaku di bawah 70 hari. Kita akan memberikan *in-kind* dalam bentuk benih ataupun kita boleh bagi *cash* dalam nilai RM876 untuk satu hektar. Sekiranya telah lebih 70 hari, maka, kita akan berikan *cash* sebanyak RM1,800 juga dalam bentuk *cash* kepada pesawah ini. Oleh itu, Yang Berhormat Bagan Serai, sila berikan kerjasama untuk saya dan pihak LPP untuk bersegera menghantar bantuan ini untuk kita meredakan kesusahan pesawah-pesawah kita.

Tentang di Selinsing, Yang Berhormat Bagan Serai juga boleh memberikan maklumat yang spesifik kerana saya yakin kita cukup. Ini kerana, berdasarkan kepada 50 ribu beg itu Yang Berhormat, maknanya satu penggunaan adalah sebanyak 150 beg untuk setiap hektar. Maknanya, seperti satu ada lebih lagi 40 kilogram untuk sulaman. Sekiranya ada *shortage* atau ada yang perlu kita bekalkan, kita tidak akan berlengah untuk menghantar.

Untuk pandangan sebuah lagi loji benih diadakan di Perak, itu *insya-Allah* saya akan teliti tentang permohonan itu. Sekiranya ada keperluan dan ada peruntukan di bawah RMKe-12, saya tidak nampak ada masalah untuk kita mempertingkatkan benih kita khususnya di negeri Perak. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian. Memang jawapannya sedap dan memang tidak ada masalah para petani kalau mengikut jawapan daripada Menteri Pertanian ini. Akan tetapi, apabila kita balik ke kawasan-kawasan pertanian, kita sering kali melihat keluhan, perkara-perkara yang tidak diselesaikan terutamanya berkenaan dengan benih padi yang dahulu diletakkan satu beg, 80 kilogram untuk satu hektar. Sekarang dikatakan, satu beg telah menjadi 40 kilogram. Adakah ini- minta Yang Berhormat Menteri siasat adakah sabotaj yang berlaku ke atas Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat Menteri jawab semua cukup.

Bila kita turun ke bawah, pergi jumpa para petani, isu benih padi menjadi isu utama sekarang selain daripada baja. Jadi, Yang Berhormat Menteri jawab minggu lepas, seminggu saya akan selesaikan. Seminggu selesai, tetapi benda ini sudah setahun lebih tidak selesai. Jadi minta Yang Berhormat Menteri turun ke bawah balik, jumpa dengan para petani yang sebenar. Adakah cukup bekalan benih satu pek yang biasanya 80 kilogram, tinggal 40 kilogram, *half of- fifty percent from the actual* yang dibekalkan oleh kementerian dengan izin, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Lagi mahal lagi.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Pendang. Saya cuba yang terbaik, bukan sekadar meneliti jawapan daripada pihak pegawai. Akan tetapi, saya juga turun padang untuk mengadakan dialog dan juga pertemuan dengan petani-petani kita.

Yang Berhormat Pendang, secara keseluruhannya apa yang telah kita bekalkan itu kita telah dapat berikan mengikut kuota-kuota ataupun tempahan-tempahan yang dilakukan melalui PPK. Oleh sebab, kalau kerajaan, PPK lah tempat kita untuk mendapatkan maklumat yang sebenarnya. Namun begitu, saya juga faham bila kita turun ke padang ini, masih ada lagi kawasan-kawasan yang bertompok-tompok yang tidak cukup bekalan. Di sini, saya telah mula membuat satu kajian secara mendalam, apakah punca sebenarnya. Maka, kita dapati, isu yang berkaitan dengan pembekal, ada pembekal yang telah kehabisan kuota, ada pembekal yang saya janji minggu lepas itu sampai- memang sampai pada ketika itu. Akan tetapi, timbul juga di kawasan yang lain.

Maka, atas *shortage* itu ataupun kekurangan itu, Yang Berhormat Pendang, sebab itulah saya dan juga kementerian yang lain khususnya MOF, saya bercadang supaya kuasa untuk menentukan perolehan berdasarkan kepada keperluan semasa ini diserahkan kepada KSU. Oleh sebab tidak boleh lagi, maknanya kalau kita tidak cukup perolehan kita hantar pada MOF.

■1020

Satu surat untuk pergi MOF, nak patah balik itu akan memakan masa. Oleh sebab itu saya akan mencadangkan perkara ini supaya...

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tahu tak apa.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: ...Boleh kita perbaiki pada masa akan datang kerana yang dulu pun macam Yang Berhormat Pasir Salak dulu jadi Timbalan Menteri pun, saya tidak tahulah sama ada diberi cadangan ini atau tidak. Jadi perolehan itu kena cepat, KSU diberikan kuasa...

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri tak usah ‘goreng’ lah...

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: ...Dan kita boleh membuat beberapa...

Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Di Seberang Perak itu, saya punya petani menghadapi masalah. Pergi tengoklah...

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya lah dulu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Jangan 'goreng-goreng' lah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bagi Menteri jawab, Menteri jawab jangan ganggu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dulu tak adalah...

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Dulu jadi Timbalan Menteri tak nak buat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Nanti menangis lagi Menteri ni. Jangan sampai menangis nanti kita buat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bagi Menteri jawab, jangan ganggu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nanti buat *you* terus menangis nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan sesi perbahasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cakap sahaja macam-macam di sini, di Dewan ini.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Kat Perak dulu semasa jadi Timbalan Menteri...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak ada, tak ada!...

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai.

Tuan Willie Anak Mongin [Puncak Borneo]: Pagi-pagi buat perangai Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Krai, silakan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tak makan ubat tu.

Tuan Yang di-Pertua: Masih pagi lagi.

3. **Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah tindakan tegas yang diambil terhadap pihak yang menerbitkan dan mengedar komik propaganda komunis dan politik DAP yang bertajuk "Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama" secara senyap-senyap di sekolah.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab menguruskan sekolah sebagai tempat yang berfungsi untuk memberikan pendidikan kepada anak watan.

Sekolah merupakan institusi pendidikan yang neutral, bertunjangkan falsafah pendidikan kebangsaan dan prinsip Rukun Negara. Saya sendiri meletakkan nilai tambah iaitu menerapkan budaya, kebahagiaan, kasih-sayang dan hormat-menghormati di sekolah. Perlu saya tegaskan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mendukung kebebasan dalam menyampaikan maklumat tetapi harus disandarkan dengan fakta yang jelas dan penuh rasa tanggungjawab. Justeru, sekolah tidak seharusnya menjadi medan penyebaran propaganda politik.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, pada 17 Oktober 2019, KPM telah mengeluarkan kenyataan media bagi menegaskan bahawa KPM tidak pernah mengeluarkan kebenaran atau kelulusan untuk pengedaran komik bertajuk "Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama" kepada mana-mana institusi pendidikan termasuk sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah telah diarahkan untuk memastikan semua sekolah tidak menerima dan membuat edaran buku komik daripada mana-mana pihak ataupun pembekal.

Pada masa yang sama, KPM juga telah berhubung dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mendapatkan ulasan berkaitan aspek keselamatan yang melibatkan sensitiviti masyarakat, politik dan hubungan luar negara.

Langkah itu menjadi keutamaan kerana urusan penerbitan dan pemasaran komik tersebut bukan berada di bawah tanggungjawab KPM tetapi di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Pada 18 Oktober 2019, KDN telah mengeluarkan kenyataan bahawa tindakan tegas akan diambil kepada pihak yang terbabit dalam penerbitan dan pengedaran komik itu. KDN menyatakan isi kandungan komik itu adalah bermasalah dan tidak sesuai disebarkan ke sekolah-sekolah.

Seterusnya, pada 23 Oktober 2019 KDN telah mewartakan perintah larangan terhadap komik itu di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ataupun lebih dikenali sebagai Akta 301. KPM terus bekerjasama dengan KDN memantau isu ini melalui semua mekanisme di peringkat JPN, PPD dan sekolah bagi memastikan komik tersebut tidak berada di premis pendidikan dan tidak memberi kesan negatif kepada warga sekolah.

Pada masa yang sama, KPM akan memperkasa pelaksanaan Manual Kesedaran Sivik dan Amalan Nilai Murni di sekolah sebagai benteng jati diri murid. Manakala pengedaran bahan bacaan ke sekolah perlu mematuhi garis panduan pemilihan dan penilaian bahan bacaan tambahan sebagai rujukan kepada pusat sumber sekolah yang dikeluarkan oleh KPM pada tahun 2007 untuk memilih dan menilai bahan bacaan tambahan yang akan dijadikan koleksi bahan pusat sumber sekolah. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih kepada Menteri atas jawapan dan tahniah atas tindakan yang cepat untuk menarik balik pengedaran komik ini. Soalan tambahan saya ialah, adakah Kementerian Pendidikan bersetuju bahawa komik ini mengandungi unsur komunis dan rasis sebagaimana yang ditegaskan oleh KDN dan ia adalah sebuah doktrin untuk merosakkan pemikiran rakyat terutama di kalangan pelajar. Apakah kesan daripada komik ini boleh menyebabkan jurang perpaduan dan juga perkauman semakin melebar dan ketidaktenteraman antara kaum yang sengaja dibuat oleh pihak tertentu?

Dalam masa yang sama, apakah jaminan KPM pada masa-masa akan datang bahawa bahan seperti ini tidak akan diedarkan? Apakah kementerian sudah mengenal pasti dalang di sebalik penyebaran ini di sekolah? Yang terakhir ialah bagaimana pula dengan komik yang telah dihadiahkan kepada negara China yang telah pun berada di tangan mereka kerana di Malaysia ini telah ditarik balik? Adakah kerajaan berhasrat untuk menarik balik juga komik tersebut yang telah dihadiahkan kepada Presiden China. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Rasa kena bezakan antara Menteri Pendidikan dan Perdana Menteri itu. Okey, seperti mana yang telah saya jawab tadi bahawa KPM bertindak berdasarkan lunas undang-undang dan berdasarkan nasihat daripada KDN. KPM turut bekerjasama dengan KDN bagi memantau isu ini melalui semua mekanismenya, sama ada Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah ataupun sekolah-sekolah. Kita telah menarik balik dan kita telah mengeluarkan arahan. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, bagi pihak KDN, KDN telah mewartakan perintah larangan terhadap komik itu di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301].

Berkaitan perpaduan, Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk memastikan unsur perpaduan dan unsur harmoni di antara rakyat akan sentiasa menjadi keutamaan dan menjadi sebahagian daripada teras kepada pendidikan sivik yang telah mula diperkenalkan oleh KPM semenjak Jun tahun lalu dan akan diperhebat ke tahun-tahun akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, jelas bahawa Timbalan Menteri Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab menerima komik itu di dalam kementerian, di dalam pejabat kementerian. Apa komen Yang Berhormat Menteri dari segi itu? Juga prakata di dalam komik itu adalah datang daripada Yang Berhormat Bagan. Macam mana perkara ini boleh berlaku? Mesti ada puncanya, mesti ada salurannya. Yang Berhormat Menteri bertanggungjawab ke atas ini. Silakan Yang Berhormat Menteri, tolong jawab soalan saya satu persatu. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya rasa isu berkaitan dengan gambar Timbalan Menteri menerima komik tersebut telah pun beliau jawab di dalam *Facebook* beliau dan bagaimana beliau telah dihadiahkan... *[Disampuk]*

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jawab dalam Dewan, Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Nanti. Penerangan telah dilakukan oleh Timbalan Menteri tersebut...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa *facebook*, ini Parlimen kita tanya, tolong jawab Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sedang menjawab.

Dr. Maszlee bin Malik: Penerangan telah dibuat oleh Timbalan Menteri bagaimana beliau telah diberikan komik tersebut dan diambil gambar. Insiden yang sama telah berlaku kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diserahkan komik tersebut lalu diambil gambarnya. Ini bukanlah satu insiden terpencil. Saya yakin ramai Menteri dan juga Ahli Parlimen juga kadang-kadang diserbu untuk diberikan buku-buku tertentu oleh pengarang-pengarang, lantas mereka mengambil gambar.

Ini tidak boleh dijadikan bukti pengiktirafan dan ini telah diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri bagaimana itu tidak menjadi pengiktirafan dan beliau tidak pernah mengeluarkan apa-apa kenyataan bertulis mengiktiraf apa pun, tidak kiralah gambar siapa. Gambar Timbalan Perdana Menteri kah, gambar KSU kah, gambar mana-mana MP kah, yang penting Menteri Pendidikan tidak benarkannya. Keputusan di tangan saya. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey Menteri, tahniah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta Perdana Menteri menyatakan, langkah segera yang diambil kerajaan bagi menangani dan mengendurkan ketegangan berikutan kian meluasnya isu-isu sensitif perkauman dan keagamaan yang boleh menjurus kepada malapetaka nasional jika ianya gagal ditangani.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Minta maaf kepada Yang Berhormat Port Dickson, sebenarnya Yang Berhormat Menteri tidak sihat pada pagi ini, saya diminta untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa jua situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya kepada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu-padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

■1030

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan nasional melalui perancangan kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Jabatan Perpaduan telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik- *engage and educate* melalui pelbagai program dan mekanisme.

Antara langkah segera yang diambil kerajaan bagi menangani dan mengendurkan ketegangan berikutan kian meluasnya isu-isu sensitif perkauman adalah seperti berikut:

(i) Jabatan Perpaduan ataupun PERPADUAN dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah menubuhkan menguruskan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) yang akan bertindak sebagai forum rasmi mengenal pasti isu-isu yang menjadi polemik yang berupaya menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat sehingga mengancam ketenteraman awam serta meningkatkan sinergi agensi-agensi yang terlibat dalam menangani isu perpaduan dan agensi-agensi yang terlibat dalam menangani isu perpaduan dan keharmonian secara bersepadu.

JPIP dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi dan di antaranya ialah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan Malaysia (JPEN) dan beberapa agensi lain yang berkenaan;

(ii) Perpaduan juga turut berkongsi dan menyalurkan isu-isu berbentuk polemik dan berupaya menggugat perpaduan dan keharmonian masyarakat di peringkat akar umbi kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) agar isu tersebut sentiasa dipantau oleh pihak berkuasa supaya tidak mencetuskan pertikaian lebih besar atau tidak ditularkan secara meluas sehingga boleh menimbulkan rusuhan kaum dan agama;

(iii) selain memantau, agensi tersebut juga mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang sedia untuk mempertahankan keharmonian dan kedaulatan institut diraja. Antaranya Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati telah membangkitkan isu-isu sensitif melibatkan agama, kaum dan institusi diraja;

(iv) mewujudkan pasukan pemantau isu-isu semasa perpaduan di pejabat sosial peringkat jabatan termasuk Pejabat Perpaduan Negeri dan daerah untuk menyebarkan berita-berita positif agar dapat menenangkan keadaan. Penyebaran berita-berita palsu, negatif dan berunsur fitnah supaya dapat meyakinkan masyarakat agar tidak mudah percaya kepada isu dan berita yang dimainkan dalam media sosial dan inisiatif ini akan diperluaskan ke peringkat akar umbi dengan penglibatan Rukun Tetangga.

Jabatan Perpaduan selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan anggota komuniti dan dari pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi yang akhirnya akan membawa kepada pembentukan perhubungan manusia yang rapat sehingga akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan.

Akhirnya, namun memandangkan usaha-usaha mempromosi perpaduan adalah tanggungjawab bersama, maka adalah menjadi harapan kerajaan agar semua pihak termasuk ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin masyarakat, aktivis-aktivis negara dan rakyat sendiri memainkan peranan masing-masing sebagai warganegara yang bertanggungjawab.

Antaranya dengan tidak mengeluarkan ataupun menularkan sebarang kenyataan berunsur perkauman dan agama supaya tidak mewujudkan sebarang sensitiviti dan prasangka buruk antara masyarakat Malaysia demi menjaga dan memelihara hubungan baik antara mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, kita akui bahawa suhu yang memanaskan isu ini sebenarnya berpunca dari tokoh-tokoh politik. Oleh yang demikian, harus ada langkah yang khusus supaya ada pertemuan dan dialog untuk menyederhanakan kerana selalunya perbicaraan mereka itu di luar dan yang menjadi mangsa adalah rakyat. Oleh sebab itu saya tidak fikir masalahnya masalah rakyat tapi masalah pimpinan politik dari pelbagai kalangan.

Saya mengusulkan supaya pihak kerajaan mengambil langkah untuk mengadakan sidang untuk membahaskan isu yang dianggap penting, yang tidak akan menjurus kepada isu perkauman ataupun fahaman agama yang sempit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat bakal Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Port Dickson... *[Dewan riuh]* Betullah. *Relax* lah yang sana. Boleh berangan lah, berangan boleh.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Beli insurans nampak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi, saya...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Boleh naik Menteri lepas ini, bakal Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya hendak mengatakan bahawa cadangan daripada Yang Berhormat Port Dickson amat baik...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Macam hendak naik Menteri saja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Dan akan dipertimbangkan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua. Ya, Yang Berhormat Pasir Salak. Silakan, nampak terkejut.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ingat. Pihak kerajaan kena menunjukkan ketegasan sekiranya ada pihak-pihak yang mempertikaikan kedudukan orang Melayu, agama Islam ya dan juga hak-hak istimewa. Akan tetapi sekarang yang berlaku ialah kerajaan tidak menunjukkan kesanggupan. Dengan sebab itu kita orang Melayu merasakan bahawa ini tidak adil kepada orang Melayu dan kita tengok pihak-pihak bukan Melayu mengambil kesempatan seolah-olah *you have all the power now, they can say anything what they like*, dengan izin.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Sungai Petani jangan menyibuk ya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum tentu boleh jadi Menteri Besar tahu. Terima kasih *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalannya Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya daripada Pasir Salak. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Salak, sebenarnya dari segi ketegangan kaum ini dia merentasi semua kaum, bukan Melayu saja. Semua pihak tidak boleh memainkan isu perkauman ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau sekiranya kita tegas, kalau sekiranya kerajaan Yang Berhormat minta supaya tegas, saya takut Yang Berhormat nanti kena tangkap dulu.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya sudah berasa kena tangkaplah, tidak takut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi kita...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat belum rasa. Hendak merasa kah?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Menteri jawab dululah. Apa punya Menteri ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hendak merasa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, saya hendak kata semua pihak, semua pihak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sokong Perdana Menteri tidak semestinya tidak kena tangkap.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kalau buat salah tangkaplah, apa pula begitu, sudah salah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum ada pengalaman lagi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kalau siapa buat salah pun tangkaplah, apa Timbalan Menteri jawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tanya Yang Berhormat Port Dickson, tanya saya baru tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bab-bab tangkap ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Timbalan Menteri Undang-undang cakap fasal tangkap dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat....

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tangkaplah siapa pun.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tambah satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir, Yang Berhormat Setiu.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mengenai Akta Hasutan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah. Dua soalan saja. Yang Berhormat Setiu.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak boleh tambah lagi, tidak boleh?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Akta Hasutan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Akta Hasutan dia kata dalam janji manifesto dan diharam, hendak dihapuskan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua sudah minta Yang Berhormat Setiu, duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu kemukakan. Silakan.

2. Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, rancangan dan usaha bagi memperkenalkan pakaian patuh syariah bagi semua aktiviti dan pertandingan sukan yang dianjurkan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Persoalan adalah berkenaan rancangan dan usaha bagi Kementerian Belia dan Sukan untuk memperkenalkan pakaian patuh syariah bagi semua aktiviti dan pertandingan sukan yang dianjurkan di peringkat domestik dan antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat.

Pendirian Kementerian Belia dan Sukan adalah untuk menggalakkan dan untuk menasihatkan tanpa wujudnya keperluan untuk memaksa. Saya beri contoh kita melihat idola negara, atlet Farah Ann yang baru-baru ini telah pun berjaya memberhentikan kemarau penyertaan Malaysia ke Sukan Olimpik khususnya bagi bidang gimnastik. Selama 16 tahun kita menunggu dan akhirnya baru-baru ini beliau melayakkan diri ke *Olympic Games Tokyo* 2020.

Lazimnya bagi atlet gimnastik mereka bermula seawal umur enam tahun ke tujuh tahun. Mereka melatih sekurang-kurangnya enam hari dalam tempoh masa seminggu. Pada masa yang sama, aksi yang agak sukar untuk mereka pamerkan dan tunjukkan di mana mereka melakukan *multiple twist and turn,* mereka dicampak ke udara. Satu kesilapan sahaja boleh menyebabkan mereka patah tangan, kaki dan tengkuk. Akan tetapi mereka tetap merempuh rintangan ini untuk membanggakan negara tercinta. Apabila mereka bersara, komposisi tulang mereka terkesan dan akibatnya sampai ke jangka masa yang panjang.

Kita beri contoh juga atlet "*the Pocket Rocketman*", Mohd Azizulhasni Awang yang saya sendiri kenali. Beliau berlatih tujuh kali seminggu. Kadangkala berlatih sampai pengsan atau muntah kerana beliau ingin membanggakan nama negara tercinta.

■1040

Ini semua penting kerana sebelum kita lakukan apa-apa piawaian baru, saya sentiasa syorkan untuk semua pihak mendengar keluh-kesah, mendengar pandangan atlet dan persatuan sebelum kita merangka pelan jangka masa panjang.

Ketegasan daripada kementerian ini juga akan diberikan kepada atlet-atlet yang memilih untuk memakai pakaian patuh syariah. Jika mereka memilih, kita akan menyokong mereka sama sahaja bagi mereka yang memakai pakaian selainnya kerana akhirnya, jasa mereka kepada negara sangat besar. Jasa mereka kepada Malaysia sangat besar. Oleh sebab itu kita tetap akan memberikan sokongan kepada mereka, tidak kira apa pun pilihan pakaiannya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah halangan yang dihadapi oleh kerajaan bagi memperkenalkan pakaian patuh syariah ini sebab kalau kita lihat dari segi prestasi atlet, sedikit pun tidak terjejas? Contohnya, saya berikan juara SUKMA 100 meter, Olahragawati SUKMA 100 meter 2018 daripada atlet Terengganu yang telah mendapat pingat emas walaupun dalam keadaan memakai pakaian yang menutup aurat.

Dalam masa yang sama, ada syarikat-syarikat pengeluar produk sukan seperti *Nike*, telah mengeluarkan produk-produk pakaian yang menutup aurat. Apakah pandangan-Adakah MSN telah diberi tanggungjawab untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada atlet khususnya yang beragama Islam berhubung dengan pakaian patuh syariah ini?

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya faham bahawa memang ada pakaian patuh syariah bukan sahaja dikeluarkan oleh *Nike* tetapi juga oleh syarikat di Malaysia seperti *aL-ikhsaN* dan banyak lagi. Memang lazimnya atlet akan tahu berkenaan pilihan pakaian yang sedia ada dan mereka berhak untuk memilih.

Seperti saya maklumkan pada peringkat awal pendirian kementerian, di mana kita boleh menasihati dan menggalakkan tanpa memaksa. Oleh sebab kalau kita lihat soal prestasi, lazimnya atlet dan persatuan tahu apa yang terbaik bagi diri mereka. Dalam bab ini, pihak kementerian akan sentiasa berdialog dan berdiskusi dengan mereka.

Oleh sebab itu, pendirian adalah untuk tidak memaksa sesiapa pun pakai sebab dalam bab ini, kita yakin bahawa rakyat Malaysia tetap akan memberikan sokongan kepada atlet-atlet kita yang mengharumkan nama negara di persada dunia, tidak kira apa pun pakaian mereka. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Setiawangsa ingin bertanya. Pertama ialah tentang apa yang dikatakan tadi bahawa hak untuk memilih itu harus bersifat dua hala. Di mana kalau kita lihat kalau ada insiden atlet-atlet Muslim misalnya tidak dibenarkan memakai pakaian yang mereka pilih, kita juga tentang. Maka pada masa yang sama, jika ada atlet yang memilih untuk menggunakan pakaian dalam ruang lingkup yang tertentu, maka mereka juga harus diberikan peluang tersebut.

Kedua, adakah Yang Berhormat setuju bahawa sekiranya ada yang tidak senang atau merasakan tidak selesa, maka mereka boleh memilih untuk tidak menonton acara sukan tersebut dan bukan mahu menghukum atlet-atlet kita?... *[Tepuk]*

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Soalan sangat baik. Saya setuju dengan Yang Berhormat Setiawangsa dalam bab ini. Oleh sebab itu sambil kita bertegas untuk mempertahankan pendirian atlet dan persatuan khususnya, kita juga perlu berpendirian tegas untuk mempertahankan atlet-atlet yang memilih untuk pakaian patuh syariah.

Contohnya kalau kita lihat di banyak negara lain, atlet yang memilih untuk pakaian patuh syariah contohnya untuk berhijab, ada melalui diskriminasinya tersendiri. Kita dengar kes maraton baru-baru ini bukan di Malaysia tetapi di luar negara, di mana individu wanita tersebut dikecualikan kerana pakaiannya. Perkara tersebut tidak akan berlaku di Malaysia dan akan kita tentang berhabis-habisan... *[Tepuk]*

Bukan sahaja itu, kita akan menggunakan ketetapan kita di Malaysia dan akan membawa suara ini ke peringkat antarabangsa melalui IOC dan banyak lagi persatuan-persatuan sukan di mana kita boleh menyuarakan pandangan ini. Oleh sebab itu, kami percaya bahawa pendirian atlet dan persatuan perlu diambil kira, perlu ada rundingan khusus dengan mereka sambil kita mengorak langkah ke hadapan, demi masa depan sukan negara. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran di Dewan ini, Persatuan Siswazah Sabah di Semenanjung Malaysia dan mahasiswa Sabah di universiti awam... *[Tepuk]* Saya juga ingin mengalu-alukan mahasiswa dan mahasiswi dari Fakulti Sains Pentadbiran UiTM Merbok, cawangan Kedah... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang.

3. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan pendapatan luar bandar yang mana dapat merapatkan jurang pendapatan masyarakat bandar dan luar bandar selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019 merupakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan, seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

Objektif pertama WKB adalah untuk menstrukturkan semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi. Ini termasuklah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan memastikan kuasa beli rakyat dapat ditingkatkan.

Objektif kedua WKB iaitu Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan, memberi fokus kepada usaha untuk menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.

Dalam konteks jurang antara bandar dan luar bandar, kerajaan menyedari bahawa jurang pengagihan ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar semakin melebar. Sebahagian besar sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara tertumpu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Pada tahun 2018, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor telah menyumbang hampir 40 peratus kepada KNDK negara berbanding dengan lima negeri lain iaitu Kelantan sebanyak 1.8 peratus, Kedah sebanyak 3.3 peratus, Pahang sebanyak 4.1 peratus, Sarawak sebanyak 9.7 peratus dan Sabah sebanyak 6.2 peratus.

Sementara itu, jurang pendapatan purata bulanan isi rumah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor pula didapati lebih tinggi berbanding lima negeri berkenaan. Justeru, pemusatan pembangunan ekonomi yang tertumpu di bandar-bandar besar telah mewujudkan ketidakseimbangan pembangunan dan pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Dalam Teras Strategik Keenam WKB iaitu Keterangkuman Wilayah, fokus kerajaan adalah supaya pengagihan pembangunan dilakukan secara saksama dan inklusif, untuk memastikan pembangunan ekonomi tidak hanya tertumpu di kawasan tertentu sahaja. Dalam hubungan ini, pemetaan kawasan titik panas ekonomi, dengan izin, *economy hotspot* akan dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi ditetapkan dalam meningkatkan aktiviti ekonomi adalah berasaskan kepada kekuatan dan keunikan kawasan tersebut.

Dalam Teras Strategik Kedua, terdapat lima belas cadangan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama atau KEGA. Antaranya ialah tumpuan kepada pertanian pintar dan bernilai tinggi. Ini merujuk kepada penggunaan dan pengintegrasian teknologi tinggi yang mesra alam sekitar secara lebih meluas untuk meningkatkan produktiviti hasil tanaman.

Selain daripada itu, penekanan kepada Komoditi Malaysia 2.0 membolehkan tumpuan diberikan kepada penghasilan produk hiliran daripada komoditi seperti sawit dan getah supaya dapat menjana nilai ditambah dan pulangan yang lebih tinggi. Penekanan baharu kerajaan untuk mengembangkan ekonomi dan peluang ekonomi merentasi kawasan luar bandar akan dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan usahawan berpendapatan tinggi di kawasan luar bandar, yang seterusnya meningkatkan pendapatan rakyat di kawasan tersebut.

Pada masa ini, strategi dan pelan tindakan untuk mencapai objektif dan sasaran Wawasan Kemakmuran Bersama, sedang giat dirangka oleh kerajaan dan akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pada tahun hadapan. Selaras dengan pendekatan *bottom up* dan *top down* yang diamalkan oleh kerajaan, sesi libat urus yang dilaksanakan secara berterusan bagi mendapatkan input dan pandangan semua pihak.

■1050

Kerajaan percaya bahawa usaha untuk memperluaskan aktiviti ekonomi bernilai tinggi merentasi wilayah dan negeri akan dapat mengurangkan jurang pendapatan penduduk di kawasan bandar dan luar bandar dan seterusnya meningkatkan kuasa beli rakyat secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin tiada kerajaan yang mengolah dasar yang inginkan jurang perbezaan antara ekonomi, pendapatan antara wilayah dan negeri dan bandar. Itu merupakan asas, tiada kerajaan yang ingin melihat perbezaan dan akhirnya mengecilkan jurang perbezaan yang ketara. Oleh sebab itu, saya yakin bahawa Dasar Ekonomi Baru diolah sedemikian untuk menyamaratakan semua negeri dan wilayah. Rancangan Malaysia daripada rancangan pertama hingga kesebelas juga diolah sedemikian.

Akan tetapi, akhirnya dapatan daripada rancangan dan dasar ini kita melihat masih terdapat jurang perbezaan yang ketara. Jurang perbezaan ekonomi Sabah 6.2 peratus, satu perbezaan yang ketara.

Jadi dasar yang baru ini dasar wawasan kemakmuran ini, sejauh mana langkah-langkah yang mengakibatkan jurang perbezaan ini diambil tekan, diambil perhatian sepenuhnya oleh kerajaan. Kelemahan-kelemahan dari segi agihan dan implementasi dasar-dasar ini, sejauh mana ianya yang diambil perhatian serius oleh kerajaan agar dasar yang baru ini tidak akan menghasilkan jurang perbezaan yang ketara lagi di masa akan datang. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Terima kasih atas pandangan yang diberikan. Itulah antara inti pati apabila kita merangka Wawasan Kemakmuran Bersama apabila kita lihat bahawa masih terdapat jurang yang luas di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar. Seperti mana saya sebut tadi, 40 peratus KDNK negara tertumpu di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor. Jadi, itulah tumpuan untuk merapatkan jurang ini dan pendekatan yang diambil pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama ini seperti mana saya sebut tadi melalui dua rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Ketiga Belas.

Kini kita sedang merangka atau menyiapkan Rancangan Malaysia Kedua Belas dan untuk memastikan bahawa kita mengambil kira keperluan negeri-negeri yang ketinggalan, maka satu sesi libat urus yang menyeluruh telah diadakan dengan setiap negeri bersama dengan kepimpinan negeri untuk membincangkan keperluan setiap negeri. Apa yang kita ingin tekankan terutamanya apabila kita bercakap tentang *economic hotspot* tadi, kita melihat apakah kekuatan yang ada pada negeri tersebut yang kita boleh gembleng bagi memastikan usaha untuk merapatkan jurang ini dapat dilaksanakan dalam tempoh yang lebih singkat.

Satu lagi keutamaan yang diberikan dalam atau penekanan yang diberikan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama adalah tumpuan kepada kesaksamaan keberhasilan ataupun *accountability of outcome* yang kita tidak bercakap hanya tentang peluang, tetapi kita ingin pastikan bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan itu dapat mencapai *outcome* yang telah ditetapkan. Apabila kita menetapkan bahawa sehingga tahun 2030, kita akan rapatkan jurang antara wilayah, maka kita akan letakkan usaha-usaha untuk pastikan bahawa *outcome* itu dapat dicapai. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa teruja dengan jawapan tadi khususnya berkaitan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama dengan program-program ekonomi *hotspot* dan sebagainya. Jadi, cuma saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah di Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan seiring, seia, sekata. Kalau kita lihat dalam bajet perbahasan pembentangan Bajet 2020, saya melihat begitu ketara sekali jurang antara bantuan untuk kawasan bandar dan luar bandar. Apatah lagi di kawasan luar bandar yang mana kelulusan-kelulusan telah diperoleh sebelum-sebelum ini untuk pembangunan.

Contohnya, di kawasan saya UiTM, di negeri Kedah masalah air yang harus diselesaikan dan tambahan pula dengan projek-projek rumah untuk orang-orang muda. Semua ini sudah diluluskan, tetapi kita melihat dalam Bajet 2020 ini di bawah Kerajaan Pakatan Harapan terlalu banyak jurang dan mengapakah kebanyakan bajet untuk anak muda dan kawasan golongan luar bandar khususnya yang telah dipotong. Inilah persoalannya, saya fikir persoalan saya di antaranya adakah ada jurang komunikasi di antara Kementerian Kewangan dan Kementerian Ekonomi? Kementerian Ekonomi *doing very well,* tetapi pada masa yang sama dengan izin, Kementerian Kewangan tidak mengikuti apakah perkembangan dan sebagainya. Ini pada pandangan saya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Baling atas pandangan tersebut. Apa yang kita ingin tekankan sebagai sebuah Kerajaan Pakatan Harapan bergerak sebagai satu pasukan dan itulah yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawasanya walaupun Wawasan Kemakmuran Bersama ini bermula daripada RMKe-12 dari tahun 2021 tetapi Belanjawan 2020 dijajarkan dengan semangat Wawasan Kemakmuran Bersama. Sekian, terima kasih.

4. Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah yang diambil bagi memastikan pihak pengurusan dan majikan mematuhi pelaksanaan Garis Panduan Menunaikan Solat Dalam Waktu Kerja yang dilancarkan oleh kementerian.

Timbalan Menteri Tenaga Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan. Untuk pengetahuan Dewan, Kementerian Sumber Manusia telah pun bekerjasama dengan JAKIM untuk mengeluarkan Garis Panduan Solat dalam waktu bekerja. Ini telah pun kita lancarkan pada 17 Januari 2019 di Camfil Malaysia Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang beribu pejabat di Stockholm Sweden. Syarikat ini syarikat asing yang beroperasi di Malaysia dan tidak ada masalah untuk sudut pelaksanaan garis panduan ini.

Garis panduan ini juga menjadi satu panduan kepada pihak majikan dan juga pihak pekerja sendiri supaya pihak pekerja juga tidak menyalahgunakan waktu yang telah diberikan oleh pihak-pihak majikan. Kita telah pun menggariskan berapa tempoh masa yang harus diberikan kepada sembahyang waktu dan berapa tempoh masa yang harus diberikan kepada pekerja untuk menunaikan solat Jumaat. Sehingga kini, tidak ada masalah. Kalau adapun hanya kes-kes yang terpencil dan kita dapat atasi melalui rundingan damai dan sebagainya, *insya-Allah.*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Setakat ini ada berapa kes yang telah dilaporkan yang melibatkan pelanggaran yang telah dibuat terhadap isu ini? Apakah tindakan yang telah diberi kepada majikan yang terlibat dan adakah garis panduan ini juga melibatkan pekerja-pekerja asing. Saya ingin tahu sejauh mana pemantauan yang telah dibuat dengan pihak JAKIM ini untuk memastikan pekerja-pekerja Muslim patuh kepada garis panduan ini? Berapa kes yang mungkin tidak mengerjakan solat. Adakah panduan telah dibuat dan begitu juga bilakah kerajaan akan melaksanakan kebenaran berpakaian patuh syariah kepada semua sektor termasuk agensi kerajaan dan swasta?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Setakat ini dari segi aduan daripada tahun 2017 hingga 2019, terdapat 35 kes aduan yang kita terima. Akan tetapi, bila kita buat siasatan akhirnya yang betul-betul ada kes ini 12 kes sahaja dalam tempoh tahun 2017 sampai 2019. Sebanyak 12 kes sahaja yang benar, yang lain itu aduan-aduan yang tidak betul iaitu kita turun buat siasatan dan sebagainya dan daripada 12 kes itu, kita telah pun membuat perbincangan dengan pihak majikan yang kadang-kadang ada masalah-masalah komunikasi dari sudut pemberian waktu dan sebagainya. Jadi, akhirnya kita telah berjaya mengatasi dan dapat berjalan dengan baik.

Kita tidak dapat hendak memastikan sejauh mana pekerja itu mematuhi macam mana mak *pak* payah juga hendak memastikan anak patuh sembahyang, betul tak? Dalam bilik, kadang-kadang dia duduk dalam bilik dia baca Al-Quran, *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat al-Quran]* Dengan melagu. Kita *dok* rasa kata dia sembahyang, buka-buka tengok dia tengok komik. Tengok-tengok dia *dok* buka komik. Jadi, kita pun tidak boleh hendak pasti anak-anak kita macam itu juga, kita tidak boleh hendak pasti pekerja-pekerja dia hendak patuh kepada garis panduan sembahyang ini.

Jadi sebab itu kita harap bahawa kesedaran harus diberikan kepada pekerja-pekerja Muslim supaya mereka dapat memanfaatkan waktu yang diberi ini, bukan menyalahgunakan kerana ini akan memberikan pandangan yang serong terhadap peribadi orang Islam itu sendiri. Adapun berkaitan dengan garis panduan pakaian. Kita sedang membuat semakan akhir dengan pihak JAKIM untuk garis panduan pakaian. Pakaian yang harus dipakai macam mana yang boleh dipakai dan sebagainya di tempat-tempat kerja. Jadi, *insya-Allah* selepas kita selesai dengan beberapa perbincangan lanjut, mungkin kita akan membuat pelancaran, *insya-Allah.*

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Solat ini Rukun Islam yang kedua, tiang agama. Buat solat, tegakkan agama, tinggalkan solat, runtuhkan agama. Perkara pertama yang akan ditanya di akhirat dan *Rasulullah SAW* terima soalan ini *direct* daripada *Allah SWT* semasa Israk Mikraj... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

■1100

Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula dengan garis panduan atau bagaimana kita *check* pembantu-pembantu rumah yang Islam, contohnya dari Indonesia yang bekerja dengan majikan yang bukan Islam? Saya pernah dengar ada situasi di mana tempat dan ruang sembahyang tak diberikan, bagaimana itu?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Oleh sebab itu macam saya katakan tadi, kalau ada kes, boleh mengemukakan aduan di Pejabat Tenaga Kerja (PTK) yang berdekatan. Jadi, kita akan buat siasatan tak kira sama ada dia pembantu rumah atau apa jawatan dia dan pekerjaan dia, dia ada majikan iaitu tuan rumah dia. Jadi, kita akan buat siasatan untuk memastikan supaya hak-hak yang berkaitan dengan beragama ini diberikan kepada mereka*, insya-Allah.*

5. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) jumlah belia berusia 30 tahun ke bawah yang terkorban dalam kemalangan jalan raya di antara tahun 2016-2018; dan

(b) apakah benar kemalangan jalan raya merupakan sebab kematian utama kepada golongan tersebut dan langkah-langkah yang diambil untuk menurunkan angka tersebut

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Salam sejahtera, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat Lembah Pantai, berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kemalangan jalan raya merupakan sebab kematian utama kepada belia berusia 15 tahun hingga 40 tahun. Laporan perangkaan kemalangan jalan raya PDRM juga menunjukkan golongan belia merupakan golongan yang paling banyak terkorban dalam nahas jalan raya.

Statistik menunjukkan bahawa belia berusia 16 tahun hingga 30 tahun yang terkorban hampir mencecah purata 2,600 orang setiap tahun bagi tempoh 2016 hingga 2018. Pada tahun 2016, bilangan belia yang terkorban mencecah 2,818 orang dan bilangan ini menurun kepada 2,693 pada tahun 2017. Pada tahun 2018, bilangan belia yang terkorban ialah sebanyak 2,449 orang. Daripada 2,693 kematian akibat nahas jalan raya yang melibatkan golongan belia pada tahun 2017, 72 peratus daripadanya maut ketika menunggang atau membonceng motosikal.

Bagi menangani masalah ini, MIROS telah banyak menjalankan program dan aktiviti yang memberikan tumpuan kepada pengguna motosikal untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya, pengguna motosikal yang kebanyakannya adalah golongan belia. Antara inisiatif baharu yang dilaksanakan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya adalah pelaksanaan program intervensi iaitu Program '*My Safe Road*'.

Program ini memfokuskan kepada daerah-daerah yang mencatatkan statistik kematian tertinggi akibat kemalangan jalan raya di setiap negeri di seluruh Malaysia. Pelaksanaan program intervensi ini telah pun dilaksanakan di beberapa buah daerah seperti di Batu Pahat, Bentong, Kuala Rompin dan Berapit. Pelaksanaan program ini jelas menunjukkan pengurangan daripada segi kadar kematian akibat kemalangan jalan raya. Sebagai contoh, Program '*My Safe Road*' yang telah dijalankan pada tahun 2016 di Batu Pahat berjaya menunjukkan penurunan angka kematian sebanyak 20 peratus iaitu daripada 2007 kepada 165 kes kematian pada tahun 2017.

Justeru itu, program ini akan dilaksanakan secara menyeluruh di daerah-daerah yang mencatatkan statistik tertinggi kematian akibat kemalangan jalan raya di seluruh negara bermula tahun ini. *Commuting Safety Support Program* (CSSP), dengan izin, yang telah bermula sejak tahun 2017 memberikan fokus kepada pekerja yang menaiki motosikal ke tempat kerja dan juga pekerja-pekerja perkhidmatan penghantaran.

Modul-modul yang terkandung dalam program ini berteraskan kepada tiga faktor utama kemalangan jalan raya iaitu faktor manusia, jalan raya dan kenderaan.

Antara modul yang terkandung dalam CSSP adalah *defensive riding training, motorcycle inspection, family safety reminder, route hazard mapping,* commuting safety talk *and fitness to ride assessment.* MIROS juga menganjurkan *Motorcycle Safety and Technology Symposium* yang mana program ini memberikan fokus kepada belia-belia di universiti yang menggunakan motosikal dengan memberikan pendedahan tentang keselamatan jalan raya dan cara penunggangan motosikal yang selamat seperti memberikan latihan cara pengendalian motosikal yang betul.

Selain itu, pendedahan awal juga turut diberikan seawal pra sekolah, sekolah rendah dan menengah melalui program PKJR. Program ini dilaksanakan bagi melahirkan generasi yang lebih mementingkan keselamatan jalan raya dan berhemah ketika berada di jalan raya. PKJR telah diajar secara penyerapan umum dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bermula tahun 2007 di sekolah rendah dan 2015 di sekolah menengah. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya berkenaan dengan salah satu daripada isu yang hangat sekarang ini yang melibatkan ekonomi gig ataupun *gig economy.* Rata-rata kita lihat ramai anak muda yang terlibat dalam *gig economy* khususnya sebagai pemandu sama ada *GrabFood* ataupun *Foodpanda, Dego Ride* dan pelbagai yang lain.

Ada Ahli Parlimen yang pernah dilanggar oleh pembawa *Foodpanda* contohnya ya dan sering kali masalah bila mereka terlibat dalam satu kerja seperti ini, memang mereka terdedah kepada bahaya. Angka 72 peratus yang meninggal akibat motosikal ini, menunggang ataupun membonceng amat merisaukan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk melaksanakan apa-apa langkah intervensi khusus bagi anak muda yang ingin terlibat dalam kerjaya *gig economy* seperti yang saya sebutkan tadi? Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Memang betul bahawa pada ketika ini, mereka yang menghantar makanan iaitu penunggang-penunggang motosikal yang terlibat dalam industri *gig economy* ini ataupun penghantaran makanan- *food delivery*, memang ketika ini tidak ada *regulation* ataupun *unregulated* dalam industri ini. Kabinet telah memutuskan supaya kita membenarkan *gig economy* ini ataupun penghantaran makanan dan juga penumpang melalui motosikal. Kementerian Pengangkutan telah pun merangka satu garis panduan daripada segi bagaimana kita mengawal selia dan saya akan membentangkan Memorandum Jemaah Menteri itu kepada Kabinet dalam minggu ini juga. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah kementerian sekarang ini mengkaji sebab saya kira daripada data kemalangan yang terbesar di jalan raya adalah disebabkan ataupun melibatkan penggunaan motosikal yang ber CC kecil ataupun kapcai. Itu jumlah yang terbesar. Apakah perancangan daripada segi kajian dan juga perancangan jangka panjang sama ada untuk melihat sama ada kita menggantikan kapcai ini dengan kenderaan yang lebih selamat. Itu yang pertama.

Kedua, usaha ke arah menidakkan kapcai ini di lebuh raya sebab kemalangan yang besar melibatkan kapcai ialah di lebuh raya, menyebabkan kemalangan maut dan sebagainya. Apakah pandangan kementerian dalam bidang ini sebab ada kajian mengatakan ini adalah satu perkara yang sebenarnya mengundang kepada kemalangan yang lebih besar. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat tadi yang memberikan pandangan tersebut. Memang kita tahu bahawa ada juga NGO-NGO yang terlibat dalam keselamatan jalan raya ini yang memprovokasi supaya tidak dibenarkan kapcai ini, akan tetapi kita kena melihat kepada *practicality* bahawa dalam kalangan negara kita, ada kalau tak silap saya, 16 juta motosikal yang didaftarkan dan kebanyakan ini ialah kapcai. Kalau kita hari ini kata tidak membenarkan kapcai, maka ramai yang akan terjejas. Jadi, kita kena melihat kepada *practicality* sama ada sesuatu langkah itu dapat dilaksanakan atau tidak.

Pada ketika ini, pandangan saya ialah ia sukar dilaksanakan kalau kita tidak membenarkan kapcai. Memang betul bahawa ada pelbagai usaha untuk mempromosikan umpamanya motosikal elektrik pada ketika ini di mana had lajunya lebih rendah, tak dapat memecut kalau menggunakan motosikal elektrik. Jadi ini sesuatu yang memang kita galakkan, tetapi belum ada satu dasar di mana kita tidak membenarkan kapcai langsung. Itu pandangan saya.

Berkenaan dengan penggunaan di lebuh raya, memang pihak kementerian dan juga bersama-sama dengan MIROS dan juga JKJR, kita juga menggalakkan supaya kita dapat ke arah di mana ada laluan khas untuk motosikal. Akan tetapi, itu seperti Yang Berhormat sebagai mantan Menteri Kerja Raya pun tahu bahawa ini memakan perbelanjaan yang cukup besar kalau kita hendak mewujudkan satu *lane* untuk motosikal sahaja.

Namun begitu, memang cadangan ini akan dikemukakan untuk Rancangan Malaysia Kedua Belas, supaya di mana kawasan-kawasan yang amat membahayakan motosikal, umpamanya beberapa daerah yang banyak terlibat dengan kemalangan jalan raya ini, kita harap dapat mewujudkan satu laluan khas untuk motosikal. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah perancangan jangka panjang kerajaan bagi pembangunan belia negara pada masa akan datang

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan belia kerana menghargai peranan dan sumbangan mereka dalam pembangunan negara. Oleh sebab itu pada tahun ini, kementerian telah pun membuat pindaan kepada Akta Belia yang telah pun menurunkan umur belia bagi persatuan kepada 30 tahun supaya kita dapat menyampaikan bantuan secara bersasar.

■1110

Pada masa yang sama, bekerjasama dengan Ahli Jemaah Menteri untuk menurunkan had umur mengundi kepada 21 tahun ke 18 tahun. Calon daripada 21 tahun kepada 18 tahun dan juga automatik *voters registration*, dengan izin, untuk memastikan bahawa suara anak muda akan sentiasa kuat tidak kira apa pun pandangan ataupun parti politiknya.

Pada masa yang sama, kita juga telah memastikan bahawa anak muda yang melalui latihan amali akan dibayar jika mereka memasuki agensi-agensi kerajaan melalui inisiatif *internship* berbayar ataupun, dengan izin, *paid internship* termasuk dengan peruntukan tambahan kepada peruntukan sedia ada RM10 juta setahun bagi usaha ini yang telah pun diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Bawah Kementerian Belia dan Sukan, kita juga telah pun memulakan program baru yang dipanggil Felo Korporat di mana anak-anak muda yang terbaik yang ingin menjadi seorang tokoh korporat pada masa yang akan datang akan diletakkan di bawah bimbingan CEO, *Chairman*, pengurusan tertinggi 20 syarikat gergasi di Malaysia supaya akhirnya mereka dapat dilatih untuk menjadi tokoh korporat pada masa yang akan datang.

Bagi pembangunan di peringkat akar umbi khususnya di sekolah supaya kita dapat melatih mereka untuk jadi pemimpin pada masa yang akan datang, kementerian telah pun menggerakkan Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) di mana akan ada 35 ribu anak yang akan dilatih dan sebelum ini merupakan kem BTN tetapi sekarang ini telah pun diubah kepada Kem Malaysia *Future Leaders School* mengikut piawaian sedia ada di mana kita mendapat input daripada semua pihak, semua parti politik, semua kerajaan negeri dan juga oleh pihak-pihak NGO dan wakil-wakil guru.

Jangka masa panjang adalah untuk memastikan bahawa program pembangunan akar umbi itu dapat diperkasakan dan pada masa yang sama suara anak-anak muda itu akan sentiasa kuat.

Sebagai contoh, bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain untuk memastikan bahawa akan ada lebih banyak wakil-wakil anak muda yang layak untuk diletakkan dalam ahli lembaga syarikat-syarikat gergasi termasuk GLC supaya pada akhirnya pandangan mereka juga diambil kira.

Sekarang kita telah pun bermula. Oleh sebab itu kalau kita lihat Ahli Lembaga Pengarah bagi PSM, bagi *Sepang International Circuit* telah pun ada wakil-wakil anak muda dan banyak lagi akan disertakan dalam jangka masa panjang. Pada masa yang sama, isu pekerjaan yang telah pun kita bangkitkan berkali-kali yang akhirnya menyebabkan lebih RM6.5 bilion diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan melalui Program Malaysian@Work. Semua program berkenaan anak muda akan kita perkasakan bersama kerana pembangunan belia bermula dengan semua anak muda dan mereka yang lebih veteran, yang prihatin kepada suara anak muda. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengamati jawapan Yang Berhormat Menteri. Hanya program-program yang telah pun dirancang semua itu saya harap ia dapat sampai ke ceruk-ceruk daerah seluruh negara, bukan hanya tertumpu di tempat orang-orang bandar.

Jadi, soalan tambahan saya ialah kita sedia maklum had umur belia diturunkan daripada 40 tahun ke 30 tahun. Jadi penurunan ini sedikit sebanyak memberi cabaran kepada kementerian untuk merangka pembangunan golongan belia. Cabaran utama yang saya dapat lihat adalah membentuk pemikiran yang matang di awal usia muda belia itu sendiri. Saya kira ramai kita dalam Dewan ini sendiri pernah merasai kehidupan pada zaman muda, remaja yang mana corak pemikiran kita belum cukup matang dan mudah terpengaruh dengan benda-benda yang negatif.

Persoalannya di sini, apakah yang kerajaan khususnya kementerian Menteri yang akan lakukan kepada golongan awal usia belia ini untuk membentuk pemikiran yang lebih matang agar mereka boleh menjadi seperti belia yang kita harapkan sebelum mencapai usia 30 tahun tersebut. Juga, dalam keinginan kita untuk membentuk dan meremajakan atau membeliakan politik kepimpinan dan sebagainya dalam negara kita, dalam program kita untuk memajukan belia ke hadapan ini, ada kumpulan belia yang terjerumus dengan dadah musuh negara.

Apakah peranan dan juga perancangan khusus Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan mereka yang ketinggalan ini tidak akan ketinggalan dalam *way forward* untuk belia negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Yang Berhormat, soalan yang sangat baik. Pertama sekali saya setuju bahawa pelaksanaan adalah paling penting sekali. Oleh sebab itu dalam agenda besar kerajaan iaitu Inisiatif Kemakmuran Bersama, pembangunan atau pelaksanaan program dan juga pembangunan infrastruktur sukan akan kita lakukan mengikut keperluan, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Apabila kita melaksanakan Program Felo Perdana yang telah diwujudkan oleh kerajaan lepas yang sangat baik, saya juga merupakan salah seorang Felo Perdana. Apabila kementerian mengambil alih, kita memastikan ada kuota khas bagi mereka yang datang daripada latar belakang B40 dan penekanan khusus dan bantuan khusus diberikan kepada mereka juga untuk menyertai program-program besar bawah kementerian. Sama juga bagi Program Felo Korporat di mana kita memberikan penekanan khusus juga bagi mereka yang datang daripada latar belakang keluarga yang susah.

Bagi pembangunan infra sukan contohnya, tahun depan kita akan mulakan dana khas RM100 juta yang akan difokuskan di kawasan-kawasan luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak.

Bagi soalan dadah, ada lagi dua dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dadah ini memang isu yang sangat dekat dengan hati saya. Oleh sebab itu pada hari in saya memakai pin reben kuning. Ini daripada program yang telah kita lancarkan daripada awal tahun ini di mana kita berikan peluang kedua kepada bekas banduan muda. Kita lihat 60 peratus banduan muda berkait rapat dengan kes dadah. Bukan pengedaran tetapi ketagihan. Mereka dimasukkan ke penjara, ada, dengan izin, *criminal record* dan akhirnya tidak dapat peluang kedua.

Oleh sebab itu Kementerian Kewangan telah pun meluluskan di mana akan ada Skim Insentif Khas bagi syarikat-syarikat swasta yang memberikan peluang kedua kepada mereka. Melalui KBS, kita melengkapkan mereka melalui TVET, laluan khas supaya mereka melalui program KBS, *Malaysia MyFuture Youth Plus* yang difokuskan bagi anak-anak muda yang melalui masalah ini.

Bagi jangka masa panjang, ada banyak lagi perkara yang akan kita lakukan, perbincangan dengan izin, *decriminalize drug addiction* yang akan kita mulakan. Kabinet pun telah bersetuju dan kita akan lakukan bersama kerana ia memberikan impak yang sangat besar kepada anak muda khususnya dan perhatian sewajarnya patut diberikan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat Dasar Pembangunan Belia yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi agak tersusun. Cumanya, saya punya pandangan, adakah Yang Berhormat Menteri melihat perpindahan anak muda daripada luar bandar ke bandar ini suatu perkara yang harus kita hentikan. Kerana apa? Ia seolah-olahnya menunjukkan bahawasanya di kawasan luar bandar ini tidak ada suatu kek ekonomi yang sejajar walaupun Wawasan Kemakmuran Bersama telah menunjukkan akan ada perapatan jurang di antara luar bandar dan bandar. Itu yang pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah status terkini berkaitan pemilihan Ahli Dewan Negara yang telah diumumkan oleh kerajaan pada 15 Mei 2019 ketika Yang Berhormat Menteri juga berjanji supaya had umur itu diturunkan setakat 35 tahun. Akan tetapi tidak dapat ditunaikan kerana had umur turun kepada 30 tahun. Adakah Ahli Dewan Negara ini akan dilantik dalam penggal ini atau bagaimana? Saya suka mencadangkan supaya Presiden Majlis Belia Malaysia diangkat menjadi Senator Dewan Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Yang Berhormat, ada dua soalan yang ditanyakan. Pertama sekali berkenaan dengan perpindahan anak muda dari luar bandar ke bandar. Saya hendak dikongsi satu cerita, dengan izin. Semalam saya ambil kesempatan untuk lawat salah satu rumah yang agak uzur yang ibunya ada sembilan anak. Salah seorang dari anaknya merupakan lepasan UiTM dalam bidang *Islamic Banking* dan telah lebih setahun tidak bekerja.

Saya agak terkesan dengan kes ini kerana pertama ini lepasan UiTM, universiti yang kita semua menyokong dan akan terus memartabatkan tetapi pada masa yang sama salah seorang yang ada ijazah tetapi masih menganggur selepas setahun. Apabila saya tanya kesnya, dia kata bahawa dia telah pun memohon di banyak syarikat-syarikat setempat di kawasan kampungnya tetapi tidak ada peluang pekerjaan di kawasan tersebut.

Pekerjaan yang dihulurkan, yang ada di mana penempatan diberikan semua terletak di *Klang Valley* ataupun di Kuala Lumpur yang begitu jauh dari rumahnya dan kesnya yang agak sukar kerana ibunya ada masalah yang tersendiri yang memerlukan anaknya agak rapat dengan keluarganya.

Oleh sebab itu sangat penting untuk kita wujudkan pelbagai peluang di kawasan setempat, bukan sahaja di kawasan-kawasan bandar. Oleh sebab itu apabila Kabinet bersetuju untuk menggerakkan Program Malaysian@Work yang sasarannya adalah golongan anak muda, di mana insentif khas diberikan kepada syarikat yang menambahkan peluang pekerjaan. Pada masa yang sama, anak muda diberikan gaji insentif tambahan, ia juga adalah untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat kecil khususnya di kawasan-kawasan separa bandar dan luar bandar dapat menambahkan peluang pekerjaan, mengambil lebih banyak pekerja-pekerja baru dan *almost 100 percent* datang daripada golongan anak muda.

Perkara seperti ini harus kita teruskan dan perlu kita memperkasakan bersama. Persoalan berkenaan lantikan Ahli Dewan Negara, perkara ini telah pun dibincangkan dalam Kabinet, telah pun dipersetujui juga oleh pimpinan tertinggi, akan ada wakil tetapi keputusan wakilnya itu belum dimuktamadkan dan pada masa yang sama tempoh masa tersebut belum dimuktamadkan lagi.

■1120

Insya-Allah dengan izin saya rasa kalau ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini lebih senang untuk perkara ini diluluskan, kita boleh maklumkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *insya-Allah* pada akhir tahun ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang yang menjemput Yang Berhormat Kluang. Silakan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum saya mengemukakan soalan saya, saya ingin mengalu-alukan kedatangan MPKK Segamat... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang.

7. Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, bagaimana dasar "Kemakmuran Bersama" akan memanfaatkan semua rakyat Malaysia, khususnya golongan B40, tidak kira kumpulan etnik.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019, merupakan hala tuju baharu negara yang lebih holistik bagi tempoh tahun 2021 hingga 2030.

Objektif pertama WKB adalah untuk menumpukan kepada ekonomi yang progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat. Dalam konteks ini, kerajaan akan menumpukan kepada ekonomi yang bernilai tinggi yang mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat seterusnya meningkatkan kuasa beli rakyat.

Selain memperkukuhkan sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, tumpuan akan diberi untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi. Penstrukturan semula ekonomi akan dapat memastikan potensi ekonomi negara dapat digembleng ke tahap yang optimum dan seterusnya memberi manfaat kepada seluruh rakyat.

Objektif kedua WKB, menumpukan pada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan, wilayah, rantaian bekalan dan etnik. Bagi menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, kerajaan yakin tumpuan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan perwujudan pekerjaan berpendapatan tinggi akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan. Selain daripada itu, teras strategik kelima WKB iaitu kesejahteraan sosial memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40.

Antara strategi yang akan dilaksanakan termasuklah memperkasakan sistem perlindungan sosial, menggalakkan program kesedaran kewangan dan mengintegrasikan pangkalan data bagi memastikan bantuan dapat diberikan kepada kumpulan sasar. Dalam merapatkan jurang ekonomi antara wilayah, kerajaan komited untuk memastikan pembangunan dilakukan secara saksama dan inklusif bagi memastikan pembangunan ekonomi tidak tertumpu di kawasan tertentu sahaja.

Dalam hubungan ini, pemetaan kawasan titik panas ekonomi, dengan izin, *economic hotspots* akan dilaksanakan bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada kekuatan dan keunikan kawasan tersebut.

Seterusnya dari segi rantaian bekalan, data menunjukkan masih terdapat jurang yang lebar dalam pelbagai lapisan rantaian bekalan. Sebagai contoh, kajian pasaran sektor makanan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) berkaitan pemasaran ikan mendapati pemborong utama menaikkan harga sehingga enam kali dalam rantaian pemasaran ikan tempatan dengan mengambil keuntungan antara 60 peratus hingga 75 peratus di setiap lapisan rantaian.

Dalam rantaian ini nelayan merupakan kumpulan yang paling sedikit mendapat keuntungan. Perkara ini tidak setimpal dengan titik peluh nelayan untuk mencari rezeki. Sehubungan itu, kerajaan akan memastikan penyertaan yang lebih adil dalam rantaian bekalan. Usaha untuk menangani ketiga-tiga jurang ini melibatkan rakyat secara keseluruhannya tanpa mengira kumpulan etnik.

Namun begitu, kerajaan sedar masih wujud ketidakseimbangan pendapatan dan jurang kekayaan yang nyata dan semakin melebar antara kumpulan etnik. Jurang ini jika tidak ditangani dengan baik akan mewujudkan keadaan tidak harmoni di dalam negara. Antara penekanan utama WKB adalah kepada keberhasilan pencapaian berdasarkan prinsip kesaksamaan keberhasilan- *equitability of outcomes*.

Kalau dahulu kerajaan memberi fokus kepada peningkatan bilangan peluang berdasarkan prinsip kesaksamaan peluang atau *equitability of opportunities* dengan izin, terutamanya dalam bidang ekonomi dan pendidikan, kini aspek keberhasilan pencapaian berdasarkan prinsip kesaksamaan keberhasilan kepada etnik yang ketinggalan turut diberi penekanan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama.

Peluang akan diberikan kepada yang berkelayakan dan mempunyai kemampuan. Bagi yang masih belum layak dan mampu pula, bantuan latihan dan serta sokongan sewajarnya akan diberikan bagi meningkatkan peluang kejayaan mereka. Wawasan Kemakmuran Bersama adalah satu agenda nasional bagi membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi serantau. Matlamat akhir segala usaha kerajaan ini adalah untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia mengecap taraf hidup yang wajar atau, dengan izin, *decent standard of living* menjelang tahun 2030. Sekian, terima kasih.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya pertama adalah selain daripada garis untuk menilai jurang pendapatan antara kaum yang penting juga adalah antara golongan usia. Jadi bilangan jumlah belia B40 yang menganggur sekarang itu adalah penting, satu statistik yang penting untuk kita menilai betapa usaha perlu kita menyumbang untuk membantu golongan ini. Begitu juga untuk WKB ini adalah penting untuk kerajaan memastikan apa mekanisme untuk mencapai visi ini dan kena pastikan bantuan yang disediakan dan juga dasar yang disediakan oleh kerajaan sampai pada golongan B40 dan tidak disalahgunakan oleh golongan lain untuk ambil *advantage* pada golongan ini. Itu saya minta pandangan dan jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, ada dua pertanyaan di situ, pertama berkaitan dengan belia. Dalam Bab 10, dokumen Wawasan Kemakmuran Bersama ini disebut tentang pengurusan *polarity* yang kita beri penekanan antaranya adalah kepada belia dan ini merupakan satu komponen penting dalam negara khususnya dalam konteks mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Oleh sebab itulah apa yang ditekankan dalam WKB ini adalah untuk menstrukturkan semula ekonomi supaya belia-belia ini mendapat peluang bekerja dengan hasil pendapatan yang lebih tinggi. Ini merupakan satu kaedah yang terbaik memandangkan dalam konteks golongan B40 sebagai contoh, sebahagian besar daripada mereka mendapat pendapatan melalui gaji-gaji melalui pekerjaan.

Jadi sekiranya gaji yang diterima itu rendah sehingga bila-bila kita tidak dapat merapatkan jurang ekonomi antara kumpulan-kumpulan pendapatan. Seterusnya adalah berkaitan dengan B40 supaya segala bantuan yang diberikan kepada sasaran B40 ini sampai. Inilah yang saya tekankan tadi dalam Wawasan Kemakmuran Bersama bahawa penekanan diberikan kepada *outcomes.*

Jika kita ingin mencapai supaya kita dapat meningkatkan pendapatan golongan B40 maka usaha-usaha akan dibuat untuk menumpukan kepada peningkatan pendapatan B40. Jadi bila kita jelas *outcome*-nya maka usaha-usaha itu akan dilakukan supaya *outcomes* yang hendak dicapai itu dapat dilaksanakan dan sasarannya adalah lebih jelas.

Oleh sebab itu juga saya sebut dalam jawapan tadi, kita perlukan satu *database* yang lengkap supaya kita mendapat maklumat menyeluruh tentang kumpulan-kumpulan rentan ekonomi khususnya kumpulan miskin tegar dan miskin supaya bantuan dapat disalurkan dengan lebih cekap dan saksama. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon angka B40 ikut pecahan kaum. Kedua untuk rapatkan jurang ekonomi adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan Program Pendapatan Kedua (PPKD) kepada B40 secara besar-besaran.

Sebagai contoh pekebun sawit juga penternak, nelayan juga peniaga kecil hasil laut, penoreh getah ada *homestay,* pesawah padi ada IKS. Sementara menunggu padi masak tiga bulan mereka ada IKS. Sementara musim tengkujuh, mereka ada *homestay*. Sementara sawit jatuh, mereka menternak. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

■1130

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Untuk soalan pertama berkaitan dengan B40 ya. Saya tidak mempunyai maklumat secara mendalam tetapi sekitar 70 peratus dari golongan B40 adalah bumiputera. Sekitar 70 peratus lebih kurang 71.3 peratus seingat saya adalah daripada golongan bumiputera.

Kedua, berkaitan dengan program pendapatan kedua. Ini merupakan satu usaha kerajaan seperti mana Yang Berhormat pun sedia maklum apa yang berlaku di FELDA sebagai contoh, apabila harga sawit menurun, maka peneroka merasai kesan daripada penurunan harga sawit kerana mereka tidak mempunyai pendapatan sampingan yang dapat membantu mereka mewujudkan satu *buffer*, dengan izin apabila harga sawit itu menurun.

Oleh sebab itulah, kerajaan dalam konteks Wawasan Kemakmuran Bersama ini ingin melihat bagaimana kaedah yang terbaik termasuklah penjanaan pendapatan melalui sumber-sumber pendapatan kedua atau apa sahaja yang boleh memastikan bahawa nilai yang dijana, nilai pendapatan yang dijana oleh rakyat setimpal dengan usaha yang diletakkan oleh mereka. Sekian terima kasih.

9. Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan masih mengenakan halangan kepada penjawat awam di negara ini untuk menyertai proses politik dan sistem demokrasi secara langsung dengan memegang jawatan dalam parti politik. Jika ya, apakah hukuman kepada mereka yang terlibat tanpa kebenaran majikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kudat. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan ini ada dua *link* soalan ini.

Yang Berhormat, peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa bagi kakitangan awam yang ingin menyertai politik ialah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Tahun 1993 P.U.(A) 395/93 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1996 serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9, Tahun 2010 yang hanya membenarkan penjawat awam yang terdiri daripada kumpulan pelaksana sahaja dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 hingga DG48 selain pengetua ataupun guru besar ataupun pegawai yang memegang apa-apa jawatan pentadbiran dalam mana-mana agensi kerajaan untuk terlibat aktif dalam politik ataupun memegang jawatan dalam parti politik. Keterlibatan penjawat awam ini perlulah mendapat kebenaran bertulis daripada ketua perkhidmatan ataupun ketua jabatan masing-masing.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Peraturan 21(1) P.U.(A) 395/93, penjawat awam di kalangan Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) akan dilarang daripada mengambil bahagian dalam politik di mana pegawai tidak boleh:

(i) membuat apa-apa kenyataan awam sama ada lisan atau bertulis. Memberi pandangan yang berat sebelah atas perkara yang menjadi isu parti politik;

(ii) menerbitkan atau mengedar buku majalah atau risalah parti politik;

(iii) merayu undi;

(iv) menjadi ejen pilihan raya;

(v) bertanding apa-apa jawatan parti politik; dan

(vi) memegang jawatan dalam parti politik.

Adapun mengenai hukuman Yang Berhormat bangkitkan, sekiranya keterlibatan seorang penjawat awam itu dibuat tanpa kebenaran ketua jabatan ataupun melanggar Peraturan 21(1) P.U.(A) 395/93 pegawai berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman bermula daripada amaran sehinggalah ke hukuman buang kerja tertakluk kepada tahap keseriusan, kesalahan ataupun pelanggaran tatatertib yang dilakukan oleh pegawai. Sekian, terima kasih.

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah kalau kita melihat Perkara 10 Perlembagaan Malaysia ternyata bahawa setiap rakyat Malaysia dijamin dari segi kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan. Oleh sebab itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah peruntukan-peruntukan sekatan ini tidak ultra-virus dengan Perlembagaan Persekutuan?

Kedua, soalan saya memang beberapa kebenaran boleh diberi kepada kumpulan sokongan dan juga golongan pendidik. Akan tetapi apa yang kita tahu bahawa kebenaran ini adalah terlalu sukar untuk diberikan dan tidak ada ketua jabatan yang memberikan kebenaran bertulis tentang kebenaran untuk menyertai politik ini. Jadi, adakah usaha untuk mempermudah kemudahan ini supaya mereka dapat melibatkan diri dalam politik dan menjadi pemimpin yang boleh menjadi pemimpin masa hadapan negara ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Ada dua soalan. Pertamanya, mengenai sama ada peraturan ini bercanggah dengan Perkara 10 ataupun Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat Perkara 10(1)(c) memang membenarkan mana-mana rakyat untuk terlibat dalam dipanggil hak untuk berpersatuan *right to form association.* Walaupun di sana terdapatnya pengecualian ataupun terdapatnya larangan di bawah Perkara 10(2) untuk Parlimen boleh membenarkan sekatan ke atas hak ini. Saya Yang Berhormat secara jujurnya menyatakan memang perkara ini boleh diperdebatkan sama ada peraturan yang ada sekarang ini bercanggah atau tidak bercanggah dengan Perlembagaan itu boleh diperdebatkan.

Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat merasakan bahawa mana-mana pihak yang merasakan bahawa hak ini mungkin bercanggah dengan Perlembagaan, forum yang layak untuk menentukan sama ada peraturan ini boleh dilihat bercanggah dengan Perlembagaan ataupun tidak adalah mahkamah. Jadi, itu sekiranya pihak-pihak yang merasakan boleh – tidak berpuas hati dengan sekatan itu mereka boleh mengambil peguam dan juga mencabar di mahkamah. Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat tentang kebenaran bertulis Yang Berhormat bangkitkan itu. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya ada kes-kes yang di mana kebenaran itu diberikan. Akan tetapi oleh kerana Yang Berhormat berkata, adakah kita hendak pemudahan lagi ataupun untuk supaya kebenaran ini bertulis. Secara umumnya Yang Berhormat kita memang mana-mana kerajaan saya rasa memang kalau boleh seideal yang boleh kita tidak mahu mana-mana pegawai kerajaan kalau boleh terlibat secara aktif dalam politik sebab *nature* pegawai kerajaan dengan ahli politik berbeza. Oleh sebab bila kita terlibat dengan politik ini, dikhuatiri ia akan menjejaskan prinsip *naturality* kerajaan ini.

Jadi, saya bagaimanapun berterima kasih dengan cadangan Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat merasakan bahawa mana-mana pegawai kerajaan yang mendapat kesukaran untuk mendapat kebenaran, jadi kita- Yang Berhormat boleh menulis surat kepada pihak kamilah. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setakat ini berapakah kes aduan ataupun tindakan yang telah di tatatertib ataupun buang kerja yang telah dikenakan kepada penjawat awam yang terlibat politik sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi?

Adakah daripada pemantauan yang dibuat oleh pihak Yang Berhormat. ada kes-kes yang melibatkan penjawat awam diugut oleh orang politik? Jadi, macam mana dalam menangani isu ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Untuk statistik Yang Berhormat, oleh sebab soalan spesifik, saya tidak ada angka itu. Akan tetapi untuk saya boleh bagikan berdasarkan *off-hand* Yang Berhormat. Kalau yang berlaku itu kemungkinan kerajaan lama. Kerajaan sekarang ini tidak ada lagilah. Kerajaan lama biasa, terutamanya parti yang melibatkan Yang Berhormat.

Apabila orang-orang PAS terlibat dalam politik, kerajaan lama biasanya hukum. Akan tetapi kerajaan sekarang saya tidak ada maklumat Yang Berhormat. Akan tetapi saya hairan Yang Berhormat boleh berbaik dengan kerajaan lama ini... *[Dewan ketawa]* Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ini kah cara Timbalan Menteri menjawab?

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Apa punya jawapan ini?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Kenapalah selalu buat macam ini dalam Dewan? Tidak profesional.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Mesti ada provokasi.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Yang Berhormat Menteri mengamuk dalam *WhatsApp* pula ini.

10. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah keputusan kementerian berkaitan isu umur wajib bersara bagi penjawat awam dan sektor swasta. Adakah ia akan ditetapkan umur wajib bersara pada umur 65 tahun.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengumumkan dan mengalu-alukan kehadiran Wanita Keadilan daripada Parlimen Hang Tuah Jaya Negeri Melaka ke Dewan ini... *[Tepuk]* Selamat datang. Ahli Parlimen dia pun ada. Seorang pendekar yang hebat ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, berdasarkan kepada umur persaraan minimum di dalam Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [*Akta 753*] yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2013 ke atas semua majikan di seluruh Malaysia menyatakan bahawa umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila seseorang pekerja itu mencapai umur 60 tahun. Ini bermakna bahawa seseorang pekerja itu masih boleh terus bekerja walaupun telah mencapai melebihi 60 tahun dan juga bergantunglah kepada tawaran pekerjaan oleh majikan yang sedia ada dia bekerja sebelum itu ataupun majikan-majikan yang lain.

■1140

Memandangkan Akta 753 ini menetapkan umur persaraan minimum, maka tiada apa-apa keperluan untuk kita meningkatkan umur persaraan kepada 65 tahun. Apa pun, itu cadangan yang dibuat oleh MTUC kepada pihak kerajaan dan pihak kerajaan telah pun membuat keputusan, had umur persaraan tidak akan diubah pada masa ini dan kekal pada umur 60 tahun kepada sektor awam dan umur persaraan minimum bagi sektor swasta juga kekal pada 60 tahun.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Jawapan kepada soalan yang akan saya tanya ini, dinanti-nantikan oleh perkhidmatan awam dan juga rakyat iaitu adakah pihak kerajaan bercadang untuk menghentikan skim lantikan tetap dan berpencen di dalam perkhidmatan awam atau adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengekalkan dasar tersebut selama-lamanya?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Itu telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Bagi yang telah pun sedia ada di dalam lantikan ini, itu kekal seperti mana sedia kala dan mereka yang telah berpencen pun kekal seperti mana yang termaktub. Akan tetapi, ke hadapan ini, kerajaan akan membuat kajian. Untuk pengambilan-pengambilan baharu itu, kajian sedang dilakukan. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Setiawangsa ingin bertanya, keputusan kerajaan jelas tentang mengekalkan usia persaraan kepada 60 tahun. Saya fikir sebab sekarang kerajaan ada dua dilema iaitu satu ialah warga emas hidup semakin lama dengan kemajuan perubatan yang ada hari ini. Pada masa yang sama, anak-anak muda juga menginginkan peluang pekerjaan dan mereka berhadapan dengan pengangguran yang tinggi.

Jadi, bagaimana hasrat kerajaan untuk mengimbangi kedua-dua perkara ini? Ini kerana meskipun kita lihat di negara kita ada masalah pengurusan misalnya KWAP sebelum ini yang memberi kesan kepada kakitangan kerajaan tetapi masalah hidup semakin lama ini adalah satu trend yang ada di mana-mana negara yang semakin maju termasuk negara-negara barat dan sebagainya. Jadi, bagaimana rancangan kerajaan supaya kita dapat berhadapan dengan cabaran baharu ini dengan baik?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) telah melaksanakan satu kajian penggajian dan guna tenaga warga emas pada tahun 2018. Kajian ini bertujuan mengkaji keperluan dan merangka langkah-langkah strategik dalam aspek pekerjaan untuk warga emas. Hasil daripada kajian ini, merumuskan sebanyak sembilan bidang fokus strategik dan 19 inisiatif sebagai usaha menyediakan Malaysia menghadapi negara tua menjelang 2030.

Antara bidang fokus strategi adalah menggalakkan minat dan kemampuan bekerja, meningkatkan kebolehpasaran serta menggalakkan nilai kesukarelawanan warga emas. Ketika ini, kementerian dalam usaha merangka pelaksanaan dapatan kajian dengan kerjasama kementerian-kementerian yang lain. Jadi *insya-Allah,* bila kita selesai itu nanti, kita akan bentangkan, *insya-Allah*.

11. Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta Perdana Menteri menyatakan, perkembangan cadangan kerajaan untuk membina rumah mampu milik untuk Orang Asli yang bersesuaian dengan komuniti mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Hulu Selangor. Untuk makluman Dewan, soalan ini berkaitan dengan adakah kerajaan bercadang untuk membina rumah mampu milik untuk Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tidak ada apa-apa cadangan daripada pihak kerajaan untuk membina rumah mampu milik untuk Orang Asli seperti Yang Berhormat soalkan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman, peruntukan bagi pembinaan rumah kepada masyarakat Orang Asli diterima melalui peruntukan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), meliputi pembinaan rumah baharu dan baik pulih rumah sedia ada di seluruh perkampungan Orang Asli di seluruh negara. PPRT merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar dalam memastikan kumpulan sasar iaitu miskin dan miskin tegar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.

Mulai tahun 2015 hingga 2018, jumlah pembinaan rumah baharu untuk masyarakat Orang Asli iaitu PPRT yang layak adalah sebanyak 282 buah rumah, manakala jumlah baik pulih rumah dalam tempoh yang sama adalah sebanyak 662 buah rumah. Pada masa ini, JAKOA tertakluk kepada garis panduan dan tatacara pelaksanaan PPRT, SPKR yang dikeluarkan oleh KPLB yang meliputi semua komuniti di seluruh negara.

Namun begitu, bagi meraikan kesesuaian rumah yang dibina dengan keperluan dan budaya masyarakat Orang Asli, beberapa perbincangan dengan pihak-pihak yang mempunyai kepakaran telah diadakan bagi meneliti reka bentuk rumah yang lebih sesuai.

Satu kerangka kerja akan diaturkan bagi menilai pelaksanaan reka bentuk yang baharu agar program PPRT untuk masyarakat Orang Asli mencapai objektif sebenar kerajaan tanpa meminggirkan keperluan dan kebolehan masyarakat Orang Asli sebagai penerima manfaat. Sekian, terima kasih.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya adalah, adakah kerajaan akan bekerjasama dengan NGO seperti Epic Homes yang diakui telah berjaya membantu membina rumah Orang Asli di Malaysia dengan modal dan teknologi baharu untuk tujuan mengatasi kepadatan penduduk ataupun anggota dalam sebuah rumah? Untuk maklumat Yang Berhormat, kita dimaklumkan biasanya kepada kampung Orang Asli, anak-anak yang telah berkahwin, masih lagi duduk bersama dengan bapa dalam satu rumah yang ada sampai lima anak bersama. Itulah soalan saya. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat tentang sama ada kerajaan adakah akan bekerjasama dengan NGO seperti Epic Homes itu, minta maaf Yang Berhormat saya tidak ada maklumat tentang itu. Akan tetapi walau bagaimanapun, saya akan memberikan jawapan secara bertulis Yang Berhormat.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah perkembangan kerja-kerja perangkaan kepada pelan pembangunan menyeluruh bagi masyarakat Orang Asli yang telah pun diumumkan perangkaannya sejak Januari lepas? Sejauh manakah dapatan-dapatan dari Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 telah dipertimbangkan ataupun dimasukkan sebagai salah satu perkara yang berada di dalam dasar pembangunan Orang Asli? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak menyeleweng daripada soalan asal sebab ia berkaitan dengan rumah. Akan tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya akan bagi jawapan bertulis lah. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Tuan Yang di-Pertua sebab menyeleweng ini.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Apa pula jawab macam itu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Kata lah tidak dapat jawab.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Untuk Orang Asli Tuan Yang di-Pertua. Satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Timbalan Menteri? Sebab soalan tadi ...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Boleh, boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya berkaitan dengan rumah. Populasi Orang Asli di Malaysia lebih kurang 219 ribu. Adakah kementerian akan mewujudkan satu skim khas bagi memudahkan mereka untuk membeli rumah walaupun rumah itu mampu milik atau tidak, tetapi ada anak-anak Orang Asli yang mempunyai keupayaan tetapi skim khas ini untuk memudahkan mereka? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ini saya boleh jawab. Untuk maklumat Yang Berhormat Paya Besar- saya harus memuji Yang Berhormat Paya Besar. Pertama, dia rajin datang. Selalu sampai balik lewat. Keduanya, rajin aktif dalam bertanya soalan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jawab soalan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi Yang Berhormat, saya hendak beritahu- saya hendak puji pun salah kah? Sekejap lah, relaks lah. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebarang skim yang baik, kerajaan yang baik ini akan terima. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Apa punya jawapan lah Menteri ini. Tidak payah datang lah.

12. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, kedudukan ekonomi negara semenjak Kerajaan Pakatan Harapan memerintah negara setahun yang lalu. Ini kerana tindakan kerajaan menjual aset-aset penting negara dirasakan mendapat pulangan yang tinggi tetapi dilihat hutang semakin meningkat serta pasaran saham terus menjunam dan nilai mata wang terus jatuh manakala hutang luar negara terus ditambah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Gerik berkaitan dengan kedudukan ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi Malaysia masih mencatatkan pertumbuhan yang positif, namun sedikit menyederhanakan disebabkan oleh pelbagai faktor, seiring dengan perkembangan semasa ekonomi global.

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi separuh pertama 2019 berkembang sebanyak 4.7 peratus berbanding 4.9 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan ini masih dalam lingkungan sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019 iaitu sebanyak 4.7 peratus. Pencapaian ini disokong oleh pertumbuhan domestik terutamanya permintaan sektor swasta yang kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan.

■ 1150

Penggunaan swasta berkembang 7.7 peratus manakala pelaburan swasta menyederhanakan kepada 1.2 peratus pada pertengahan tahun pertama 2019. Dalam masa yang sama kesemua sektor ekonomi utama turut mencatatkan pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.3 peratus dan perbuatan sebanyak 4.2 peratus.

Kedua-dua sektor ini kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara iaitu dalam lingkungan 80 peratus daripada KDNK. Walaupun berlaku penyederhanaan dalam pertumbuhan ekonomi negara, namun prestasi pelaburan negara masih menggalakkan berdasarkan data yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan telah meningkat sebanyak 97 peratus kepada RM49.5 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 2019 berbanding RM25.1 bilion yang dicacatkan dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Selain itu, prestasi FDI yang direalisasikan turut mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 69 peratus daripada RM15.5 bilion pada separuh pertama tahun 2018 kepada RM26.1 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun ini. Peningkatan pelaburan FDI ini menunjukkan keyakinan pelabur kepada ekonomi negara semakin meningkat. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada ketidaktentuan ekonomi dunia. Penyederhanaan ekonomi antara lain disebabkan oleh beberapa faktor luaran yang semakin mencabar yang memberi kesan bukan sahaja kepada Malaysia tetapi turut memberi kesan kepada negara-negara lain.

Antara cabaran tersebut adalah kelembapan ekonomi dunia, kesan daripada ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang masih berterusan, harga komoditi yang tidak menentu, *volatility* dalam pasaran kewangan global, serta ketidaktentuan geopolitik yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi.

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 5 Oktober yang lalu kerajaan telah memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama yang merupakan dasar dan hala tuju baharu pembangunan negara bagi 10 tahun bermula dari tahun 2021 sehingga tahun 2030. Objektif pertama WKB adalah untuk mereformasi struktur ekonomi agar pertumbuhan meningkat secara berterusan dan mampan. Pada masa ini, pertumbuhan ekonomi negara kita masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum.

Antara teras strategik yang akan dibangunkan untuk menjayakan WKB termasuklah menyusun semula ekosistem perniagaan, membangunkan bidang pertumbuhan ekonomi utama di samping mengukuhkan pasaran buruh bagi meningkatkan pampasan pekerja.

Selain daripada itu, objektif kedua WKB, menekankan usaha untuk mengurangkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan etnik, wilayah dan rantaian bekalan bagi membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan. Pelaksanaan WKB ini akan direalisasikan melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas, tahun 2021-2025 yang akan dijajarkan dengan wawasan tersebut.

Selain itu, program dan projek dan pembangunan berimpak tinggi akan terus dilaksanakan dengan cara yang lebih telus dan mampan dari segi kewangan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih bermakna untuk rakyat. Kerajaan yakin bahawa dengan penambahbaikan takbir urus melalui reformasi institusi yang sedang dijalankan keyakinan pelabur akan terus meningkat. Peningkatan keyakinan ini akan menyumbang kepada pengukuhan pemapanan ekonomi negara seterusnya menyediakan taraf hidup yang makmur kepada semua rakyat menjelang tahun 2030. Sekian, terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang panjang lebar. Soalan saya ialah, apabila aset-aset penting ini dijual, apakah perbincangan telah dibuat di dalam Kabinet mendapat restu daripada semua ahli Kabinet? Yang kedua, hasil daripada jualan aset-aset penting tadi, tidak dinampakkan dalam Belanjawan 2020 sejauh mana wang tersebut digunakan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, tidak ada aset langsung milik kerajaan seperti hartanah yang telah dijual sepanjang Kerajaan Pakatan Harapan memerintah ini telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Apa yang adalah aset-aset milik GLC atau GLIC apabila kita bercakap tentang GLIC seperti mana Khazanah, pendapatan daripada penjualan ini tidak datang langsung daripada kerajaan. Pendapatan daripada penjualan aset-aset ini dapat kepada GLIC tersebut dan apa yang akan sampai kepada kerajaan adalah dalam bentuk dividen dan juga cukai kiranya bukan satu penjualan langsung oleh kerajaan tetapi dari GLIC.

Jadi, kita telah menjelaskan dengan lanjut tentang model peniagaan Khazanah di mana penjualan ataupun pelupusan aset merupakan sebahagian daripada model perniagaan yang digunakan oleh GLIC seperti Khazanah untuk terus membina portfolio mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah kerajaan berjanji supaya jangan menjual *PLUS Highway* kepada pihak swasta kerana saya percaya *highway* ini perlu kekal milik negara dan rakyat melalui penguasaan ekuiti oleh Khazanah Nasional dan KWSP. Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Seperti mana yang telah dinyatakan dalam ucapan belanjawan tempoh hari, perkara ini sedang dilihat, dikaji dan dipertimbangkan oleh kerajaan secara mendalam sebelum sebarang keputusan dibuat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada masa lagi untuk mengambil satu lagi soalan. Saya menjemput Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad.

13. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) adakah terdapat unsur sabotaj terhadap gangguan *network* yang telah berlaku di KLIA memandangkan terdapat laporan polis telah dilakukan oleh pihak tertentu; dan

(b) berapakah anggaran kerugian yang ditanggung oleh pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) ekoran daripada masalah tersebut.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat soalan tambahan tadi. Maaf.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Mersing, pada 21 sehingga 30 Ogos 2019 infrastruktur rangkaian lapangan terbang *airport network infrastructure* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah gagal berfungsi dengan baik. Kegagalan ini telah melumpuhkan sistem *Total Airport Management System* (TAMS) di KLIA yang menjejaskan operasi utama lapangan terbang.

TAMS merupakan sistem pengurusan lapangan terbang bersepadu yang diintegrasikan dengan majoriti komponen sistem maklumat berelektrik di lapangan terbang yang dihubungkan menggunakan *cable optic fiber* berkelajuan tinggi. Insiden kegagalan rangkaian TAMS di KLIA telah menyebabkan gangguan kepada beberapa komponen sistem maklumat berelektronik seperti pengendalian bagasi, sistem paparan maklumat penerbangan, sistem imigresen dan sistem pengurusan bangunan. Ini menyebabkan berlakunya pembatalan dan kelewatan penerbangan, kelewatan penerimaan dan penghantaran bagasi serta kesesakan.

Susulan insiden tersebut, Kementerian Pengangkutan pada 28 Ogos 2019, telah menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Kementerian bagi menyiasat isu kegagalan *Total Airport Management System* secara pentadbiran. Tujuan utama penyiasatan dilaksanakan adalah untuk menentukan hal keadaan dan punca sebenar kegagalan rangkaian TAMS di KLIA bagi mengelakkan insiden yang sama berlaku pada masa hadapan.

Penyiasatan yang dijalankan tidak bertujuan untuk membuktikan kesalahan ataupun liabiliti kepada mana-mana pihak. Hasil siasatan yang dijalankan, kegagalan rangkaian TAMS adalah disebabkan oleh kegagalan rangkaian suis teras *core network switches* untuk berfungsi dan ketidakupayaan untuk memisahkan rangkaian suis teras tersebut. Suis teras tersebut telah pun beroperasi semenjak KLIA beroperasi pada tahun 1998 dan tidak diganti. Suis teras adalah merupakan suis yang menghubungkan kesemua rangkaian sistem di KLIA.

Hasil siasatan yang dijalankan juga mendapati bahawa tiada sebarang bukti yang menunjukkan terdapat sebarang serangan siber sama ada dari dalaman ataupun luaran yang boleh mengaitkan kegagalan rangkaian TAMS. Selain itu, Polis Diraja Malaysia juga sedang menjalankan siasatan jenayah bagi mengenal pasti jika terdapat sebarang unsur khianat ataupun sabotaj.

Berkenaan dengan anggaran kerugian yang ditanggung oleh pihak MAHB ekoran daripada masalah tersebut, pihak MAHB masih menjalankan penelitian mengenainya termasuk kerugian yang ditampung oleh syarikat-syarikat penerbangan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Insiden yang berlaku adalah terpencil kali pertama berlaku sejak KLIA wujud tetapi adalah isu-isu yang berkait rapat dengan imej dan isu keselamatan. Tadi Yang Berhormat Menteri kata polis sedang buat kajian sudah dekat dua bulan. Saya hendak tahu laporan daripada PDRM kerana PDRM ada mempunyai kepakaran dalam forensik *network*, satu. Kedua, apakah langkah-langkah kementerian supaya *Total Airport Management System* ini diperkukuh supaya kejadian ini tidak akan berlaku di masa akan datang.

■1200

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Yang Berhormat Mersing. Untuk soalan pertama, dari segi apakah status siasatan pihak polis, saya tidak dapat menjawab bagi pihak polis kerana itu adalah di bawah bidang kuas pihak polis. Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian Pengangkutan ialah untuk mencari punca dan juga memberikan cadangan-cadangan apakah yang sepatutnya dilakukan oleh pihak MAHB. Itu adalah bidang tugas jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pihak kementerian.

Berkaitan dengan status siasatan terhadap unsur sabotaj, soalan itu perlu ditujukan kepada pihak polis. Jadi pihak polis setakat ini belum mengambil apa-apa tindakan atau dari segi pendakwaan, siasatan masih lagi diteruskan tetapi tindakan pendakwaan belum dijalankan lagi. Itu bermaksud belum ada sesiapa yang di-*implicate* dalam kes ini lagi.

Kedua, berkenaan dengan cadangan ataupun langkah-langkah yang perlu diambil. Memang dalam jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kementerian telah menggariskan beberapa langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang supaya MAHB dapat bertindak supaya memastikan perkara seumpama ini tidak berlaku lagi di KLIA ataupun di mana-mana lapangan terbang di seluruh negara kita. Jadi, pihak kementerian akan memantau supaya sebarang cadangan daripada pihak jawatankuasa ini akan diikuti oleh pihak MAHB untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu apa yang disebutkan oleh Menteri tadi jelas, tiada serangan siber, tidak ada perkara-perkara yang boleh orang kata, perkara yang tidak betul berlaku oleh kerana kerosakan suis utama kepada pengagihan sistem. Jadi saya hendak tahu, adakah kebolosan berlaku? Maknanya pelancong-pelancong yang datang ini tanpa melalui sistem yang ada kerana kerosakan yang berlaku? Apakah statistik jumlah yang terbolos daripada sistem tersebut?

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin tidak ada sesiapa yang terbolos, walaupun pada ketika itu sistem imigresen juga terjejas. Akan tetapi, pihak imigresen telah menyatakan bahawa mereka ada langkah-langkah manual yang diambil untuk memastikan setiap pelancong yang masuk itu melalui sistem tapisan imigresen. Jadi saya rasa dan saya yakin bahawa Jabatan Imigresen ada SOP mereka untuk menangani isu tersebut. Akan tetapi secara keseluruhannya, seperti yang kita katakan, ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan, ini di bawah bidang kuasa imigresen. Akan tetapi, Jabatan Imigresen telah pun menyatakan secara yakin bahawa mereka ada sistem ataupun SOP untuk menangani masalah tersebut. Pada ketika itu, saya yakin tidak ada sesiapa yang terbolos daripada sistem imigresen. Terima kasih.

14. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah alasan daripada pihak kementerian dalam melantik 13 orang Pegawai Penyelaras Pembangunan Sukan KBS (Negeri) di setiap negeri dan apakah peranan yang akan dilakukan oleh kesemua pegawai tersebut.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukan prestasi tinggi dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negeri di bawah pentadbiran kerajaan negeri.

Selain peruntukan geran tahunan yang disalurkan melalui Majlis Sukan Negara bagi melaksanakan program-program pembangunan sukan di peringkat negeri. Sebelum ini MSN telah menubuhkan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) pada 1 Mei 2008 dan melantik di antara lima hingga tujuh pegawai serta anggota sokongan di setiap negeri bertujuan untuk menyelaraskan program-program sukan dengan kerjasama Majlis Sukan negeri-negeri. Sebagai langkah penjimatan, USPTN telah ditutup pada akhir tahun 2018 kerana kos pengurusan yang tinggi.

Bagi memastikan program pelapis negeri MSN dilaksanakan mengikut piawaian dan tatacara yang telah ditetapkan, MSN telah melantik Pegawai Penyelaras Pembangunan Sukan Negeri. Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk memberi cadangan penambahbaikan program-program sukan yang dilaksanakan di peringkat negeri. Pegawai-pegawai ni telah ditempatkan di Jabatan Belia dan Sukan Negeri untuk urusan pentadbiran dan bergerak secara aktif bagi pelaksanaan tugasan masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai ini juga bertanggungjawab untuk membantu, merangka dan melaksanakan program pembangunan sukan bersama dengan JBSN dan selainnya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sangat baik alasan. Akan tetapi saya masih hendak lagi mengungkap manifesto Pakatan Harapan yang telah berjanji memastikan tiada pelantikan politik. Ini daripada ARMADA, 13 pegawai lantikan politik ARMADA. Saya hendak rujuk kepada kenyataan Exco Belia dan Sukan Negeri Perak, Yang Berhormat Howard menyatakan bahawa pelantikan pegawai ini adalah untuk mengendalikan Sukan Paralimpik di Tokyo pada tahun 2020. Adakah mereka ini mampu sebenarnya dengan kemahiran mereka atau tidak ada kemahiran?

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Seperti yang saya maklumkan, segala pelantikan mengikut SOP yang sedia ada. Pada masa yang sama, mereka ditempatkan bersama dengan JBSN untuk mengerakkan program-program sukan khususnya Sukan Massa, *sports for all,* dengan izin, supaya akhirnya pembangunan sukan sampai juga peringkat akar umbi dan digerakkan bersama. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, jawapan Yang Berhormat Menteri dua minggu yang lepas menyatakan tidak ada pelantikan pada 2019, tetapi kenapa jawapan hari ini ada pelantikan? Jawapan kepada saya, minta Yang Berhormat Menteri menyemak balik, tidak ada pelantikan pada 2019 yang melibatkan pelantikan Yang Berhormat sebutkan ini. Akan tetapi, hari ini Yang Berhormat Menteri sebut ada pelantikan pula. Jadi, bagaimana dua jawapan yang berbeza? Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Saya rasa sebab ini melibatkan dua kes berbeza, mungkin pelantikan yang dibangkitkan adalah pelantikan Ahli Lembaga Pengarah khususnya *chairman* ataupun pengerusi, sebagai contoh. Kalau saya hendak bangkitkan satu persatu, sebelum ini kalau kita lihat Pengerusi Perbadanan Stadium Malaysia merupakan pengurusan tertinggi UMNO, ISN-UMNO, MSN sama juga dan saya boleh bangkitkan satu persatu. Akan tetapi, perbezaan sekarang dalam penggubalan dasar, kita berikan profesional untuk mengendalikan tetapi pada masa yang sama....

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pemuda-pemuda ARMADA mana ada profesional.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: ...Pembangunan di peringkat akar umbi dapat dilakukan bersama. Mereka merupakan individu yang bekerja keras dan mereka mengikut SOP yang sedia ada untuk memastikan bahawa pembangunan program sukan di peringkat akar umbi dapat dilakukan bersama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu, selesai sudah sesi soal jawab lisan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.07 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan seperti yang tertera di No. 1 hingga No. 5 dalam susunan giliran Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab ke atas Perbahasan Belanjawan 2020 di Peringkat Dasar dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 30 Oktober 2019"

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

> "Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion Ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." ***[24 Oktober 2019]***

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bermula Yang Berhormat Menteri-Menteri menjawab atas perbahasan Belanjawan 2020 di Peringkat Dasar. Empat hari diperuntukkan, daripada hari ini iaitu Selasa 29 Oktober hingga hari Isnin 4 November 2019.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri-Menteri diperuntukkan masa selama 60 minit bagi setiap kementerian untuk dijawab. Ini saya ingat memadailah, sejam bagi setiap Menteri. Sekian, terima kasih.

Sekarang saya menjemput, dalam senarai...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, yang kementerian kurang disebut saya ingat tidak sampailah.

Tuan Yang di-Pertua: Secara puratalah, maksimum satu jam, 60 minit. Jadi, sekarang saya menjemput mengikut susunan yang ada, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang), Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong.

12.09 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Timbalan Menteri, jangan lari.

Datuk Liew Vui Keong: Apa ini Yang Berhormat...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Timbalan Menteri, kalau Menteri berucap, janganlah lari.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri belum lagi berbahas.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Dia mahu ulang kaji.

Datuk Liew Vui Keong: Saya belum bermula lagi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Belajarlah dengan Menteri, hendak jawab.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Timbalan Menteri tidak hormat Menteri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1210

12.10 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah pun mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan 2020 Peringkat Dasar baru-baru ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan beberapa pertanyaan dan juga cadangan, khususnya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri yang mana saya akan sedaya upaya akan untuk menjawab pada sesi penggulungan ini.

Memandangkan Yang Berhormat Pontian ada di sini, saya jual sedikit pantun boleh?... *[Dewan ketawa]*

Pergi melancong ke negeri Kedah;
Singgah membeli sekaki payung;
Bahas sudah, debat pun sudah;
Kini masanya saya menggulung.

Terima kasih.

Pada sesi perbahasan Belanjawan 2020 baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, pihak saya di Jabatan Perdana Menteri telah menerima lebih kurang 40 persoalan yang dikaitkan dengan agensi-agensi di bawah seliaan saya. Boleh disimpulkan persoalan-persoalan dan juga isu-isu yang dibangkitkan adalah yang berkaitan dengan beberapa agensi di bawah seliaan saya seperti Parlimen, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Pejabat Peguam Negara (AGC), Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Jabatan Audit Negara Malaysia, Suruhanjaya Pilihan raya (SPR), Pejabat Perdana Menteri (PMO), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Setiausaha Persekutuan Sabah (SUP).

Tuan Yang di-Pertua, saya juga diamanatkan untuk menjawab beberapa isu bagi pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ahli Yang Berhormat Beluran telah pun mencadangkan supaya program *outreach* yang dijalankan oleh Parlimen diteruskan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan pendekatan untuk merakyatkan Parlimen melalui *public engagement* program-program *outreach* akan terus diadakan oleh Parlimen Malaysia. Sehingga Oktober 2019, sebanyak 30 program telah diadakan sepanjang Parlimen Keempat belas ini.

Ahli Yang Berhormat dari Beluran juga ingin tahu sejauh mana keberkesanan Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah diwujudkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, keenam-enam Jawatankuasa Pilihan Khas telah bermesyuarat lebih daripada 30 kali semenjak penubuhannya pada 16 Ogos 2018 (Khamis).

Keberkesanan Jawatankuasa Pilihan Khas yang ditubuhkan ini dapat dilihat melalui peranannya sebagai entiti bipartisan yang bertindak sebagai mekanisme semak dan juga imbang terhadap eksekutif iaitu *check and balance.*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, sebuah penyata daripada Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet mengenai hutang dan liabiliti kerajaan telah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat pada 17 Julai 2019, Rabu. Penyata ini memberikan gambaran yang jelas khususnya kepada semua Ahli Parlimen dan juga rakyat secara umumnya mengenai jumlah hutang negara yang sering menjadi isu pendebatan di dalam ataupun di luar Parlimen.

Ahli Yang Berhormat dari Beluran juga ingin tahu sejauh mana Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet memberikan sumbangan kepada bajet yang telah dibentangkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet telah mengemukakan input mengenai penyediaan Bajet 2020 kepada Menteri Kewangan pada 28 Ogos 2019. Susulan daripada taklimat-taklimat yang telah diberikan dalam siri-siri mesyuarat daripada agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Bank Negara Malaysia. Pihak-pihak berkepentingan ataupun *stakeholders* dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) seperti *Roundtable on Current Economic Issues* anjuran *Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia*, *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM)...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong:... Dan *Tax Reform Committee***.**

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Liew Vui Keong: Sehingga kini Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet telah mengadakan 10 siri mesyuarat dan telah membentangkan pernyataannya dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 12 Julai 2019.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Beluran, Tuan Yang di-Pertua, Beluran.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Datuk Liew Vui Keong: Silakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Menjawab Beluran.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Beluran dahulu ya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Beluran dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Beluran selepas itu Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Liew Vui Keong: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, terima kasih. Saya hargai jawapan yang diberi dan tentu sekali banyak tindakan yang diambil Jawatankuasa Pilihan umpamanya, tetapi saya melihat bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas ini perlu diberi lebih kuasa supaya lebih banyak dapat dilakukan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Contohnya, Jawatankuasa Pilihan Khas Rang undang-undang, kalau kita tengok sistem Jawatankuasa di Parlimen yang lain, Jawatankuasa Rang Undang-undang merupakan Jawatankuasa yang menapis rang undang-undang sebelum dibawa ke Dewan. Itu merupakan fungsi Jawatankuasa yang dilakukan- yang berlaku dalam Parlimen-parlimen yang lain.

Akan tetapi kalau kita tengok Jawatankuasa dalam Parlimen kita ini, dia tidak ke arah menumpukan satu kuasa yang lebih besar kepada Jawatankuasa Rang undang-undang, Jawatankuasa Bajet dan sebagainya.

Akan tetapi sekadar kepada menamakan Jawatankuasa tetapi kurang dari segi kuasa yang diberikan kepada Jawatankuasa sama ada kerajaan akan menimbang agar diberi lebih kuasa kepada Jawatankuasa ini supaya dapat memainkan peranan yang lebih berkesan untuk meringankan beban Dewan ini untuk membuat perbahasan, mengambil masa yang lebih panjang dan sebagainya seperti Parlimen-parlimen yang lain yang mempunyai sistem Jawatankuasa ini. Apa pendirian kerajaan terhadap Jawatankuasa ini di masa akan datang?

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan dahulu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya pun- tujuan saya hendak bertanya, Parlimen di Indonesia, di *Philippines,* di *Europe*. Jawatankuasa Pilihan Khas ini mempunyai *authority* mempunyai kuasa iaitu mereka boleh menolak bajet mana-mana kementerian yang difikirkan tidak relevan. Jadi, apakah Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen Malaysia ini juga mempunyai *authority* yang sama ataupun tidak ada apa-apa kesan ataupun impak apa-apa jua yang mereka putuskan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, Yang Berhormat Mersing silakan.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Mersing ya. Saya hendak tambah sedikit sahaja apa yang Yang Berhormat Beluran cakap dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak tahu polisi bahawa dia ada eksekutif *power* kerana *the front bench* nanti ada eksekutif sementara kami *backbench* di sebelah sini dan di sebelah sana, dia ada *legislative power*. Garisan ini amat dekat, jadi sama ada jika terlalu banyak *power* diberi kepada *Select Committee* maka, seolah-olah *Select Committee* telah mengambil alih *executive power* yang diberi oleh rakyat dan Perdana Menteri. Jadi, saya hendak tanya hal ini kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bertanya soalan ini. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Ahli Yang Berhormat tiga orang ini merupakan ikon dalam Dewan ini. Mereka telah pun menjadi Ahli Parlimen, saya rasa lebih daripada tiga penggal. Jadi, bolehlah kita lihat daripada prestasi mereka sebelum ini merupakan satu Ahli Parlimen yang amat berkesan.

Jadi, mereka telah tahu bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini boleh diberikan kuasa yang lebih banyak sekiranya permintaan mereka terdahulu telah pun dibangkitkan dan dibawa kepada kerajaan. Akan tetapi mereka faham juga bahawa punca-punca kuasa ini tertakluk kepada *standing order* yang ada dalam Dewan ini dan juga kuasa-kuasa tertentu tetapi saya sememangnya dapat lihat rasional telah pun diberi oleh mereka untuk mengadakan lebih banyak kuasa kepada Jawatankuasa Pilihan Khas.

■1220

Akan tetapi, saya juga setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Mersing ini bahawa sekiranya kita beri terlebih banyak kuasa, jadi nanti kerajaan pula jadi *irrelevant.* Ini kerana nanti semua isu-isu kena dirujukkan kepada pihak Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Datuk Liew Vui Keong: Ya. Jadi saya juga dimaklumkan bahawa JKPK iaitu rang undang-undang sedang dan juga akan diadakan di sesi pendengaran yang telah pun dimulakan pada Sabtu yang lalu. Jadi, ini merupakan satu aktiviti yang akan diadakan berterusan dan tiga aktiviti sesi di Pulau Pinang, Johor Bahru dan juga Kota Kinabalu pada masa 2 November, 8 November...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan?

Datuk Liew Vui Keong: ...Dan 10 November akan terus berkembang untuk mengadakan bagi dihadapi- apa dikatakan beri lebih kuasa kepada JKPK ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Setiawangsa hendak minta laluan boleh?

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setiawangsa sebagai anggota Jawatankuasa Terpilih Bajet melihat bahawa nilai jawatankuasa ini lebih kepada kita boleh membuat *deliberation,* dengan izin, dalam suasana yang lebih konstruktif dan kurangnya istilah yang sering digunakan. Kalau dalam *main chamber* ini, ia bersifat *theatrical* kerana kita cuba untuk menjadi juara parti dan sebagainya. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju bahawa itu antara nilai utama kita ada *Select Committees* ini supaya Ahli Parlimen rentas partai, boleh bekerjasama untuk mencari penyelesaian terbaik?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa. Itulah objektif utamanya antara yang lain-lain untuk memastikan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas ini dapat menjalankan tugas-tugasan mereka menuju kepada objektif yang telah pun disebutkan tadi. Jadi, seperti yang kita sedia maklum bahawa jawatankuasa ini juga dianggotai bukan saja daripada Ahli-ahli Parlimen kerajaan juga daripada Ahli-ahli Parlimen pembangkang.

Jadi, ini merupakan satu reformasi yang baik kepada Parlimen di mana kita telah pun mewujudkan enam *Select Committees* di mana dianggotai oleh semua Ahli Parlimen yang saya sebutkan tadi. Jadi, ini merupakan salah satu hala tuju yang baik bagi Parlimen, Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Merbok.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, saya teruskan...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Sikit saja.

Datuk Liew Vui Keong: ...Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Sikit saja, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Merbok.

Datuk Liew Vui Keong: Daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kawasan Merbok.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Merbok, Merbok.

Datuk Liew Vui Keong: ...Merbok, boleh. Rakan ini.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan, sebab saya rasa sebahagian besar, mungkin ada sebahagiannya tidak faham. Kalau tadi disebutkan Yang Berhormat Mersing bahawa kuasa *Select Committee* tidak akan mengatasi kuasa kerajaan, saya fikir sebenarnya memang kita diberi kuasa untuk memanggil termasuk Yang Berhormat Menteri dan pihak-pihak yang terkait dengan sesuatu isu, termasuk meneliti RUU.

Akan tetapi, sebarang rekomendasi ataupun cadangan oleh *Select Committee* itu tidak semestinya mesti dipakai oleh kerajaan. Betul kah kenyataan tersebut? Maksudnya, kita boleh memberi rekomendasi tetapi tidak semestinya semua rekomendasi itu akan diikut oleh kerajaan. *So,* itu yang saya lihat tiada kuasa yang melebihilah terhadap kerajaan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, Yang Berhormat Merbok. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa dalam sistem pentadbiran kita ini, semua keputusan muktamad kena diluluskan oleh pihak Jemaah Menteri. Jadi, sekiranya ada apa-apa cadangan yang telah pun diberikan ataupun pandangan ataupun apa saja laporan yang telah pun dimuktamadkan daripada pihak Jawatankuasa Pilihan Khas, perkara itu kena juga dirujuk kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan Jemaah Menteri.

Dalam perkara itu, kita juga ada *AG*-lah itu, Peguam Negara yang akan menasihatkan kerajaan. Fasal dalam perlembagaan, Peguam Negara ini merupakan penasihat juga kepada kerajaan dalam semua perkara. Jadi, saya rasa cadangan dan juga pandangan Yang Berhormat Merbok itu saya ambil maklum dan akan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Jadi saya melihat tidak ada apa-apa impak besarlah dengan kewujudan Jawatankuasa Pilihan Khas ini.

Datuk Liew Vui Keong: Ada.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cuma, orang kata, *'Seperti melukut di tepi gantang'.* Adapun tidak membuat apa-apa kesan, tidak adapun, tidak nampak. Jadi, saya rasa Parlimen ini perlu diperkasakan lah. Jangan kita, orang kata, *'Melepaskan batok di tangga',* seolah-olah untuk menggambarkan ada jawatankuasa tetapi tidak ada maknanya. Jadi, buat apa transformasi yang kita ambil dalam perkara sebegini. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Saya rasa Yang Berhormat Kinabatangan telah pun salah pandang dalam perkara ini. Dalam reformasi kerajaan dan juga Parlimen sejak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih, telah pun merujuk satu akta yang begitu bermakna iaitu IPCMC kepada pihak Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meninjau seterusnya.

Daripada situ, kerajaan akan mengambil maklum dan juga akan bertindak atas cadangan-cadangan yang akan diberikan oleh pihak Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Jadi, kita dapat lihat ini merupakan satu *passage* yang pertama yang di mana IPCMC telah pun dirujuk kepada pihak Jawatankuasa Pilihan Khas ini. Jadi, saya rasa pandangan daripada Yang Berhormat Kinabatangan ini tidaklah begitu tepat dalam perkara ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, IPCMC kita bahas di Parlimen...

Datuk Liew Vui Keong: Akan tetapi sebelum itu juga kita...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Kemudian ke jawatankuasa, ini tidak adapun. Jadi rasa saya maklumat yang saya lontar tidaklah...

Datuk Liew Vui Keong: Ini yang langkah utama Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Tidaklah orang kata tidak relevan. Terima kasih *[Ketawa]*

Datuk Liew Vui Keong: ...*We start with the first one.*

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Saya minta, sikit saja.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Minta sedikit...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kubang Kerian minta sedikit.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Silakan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Kinabatangan sebut tadi, Yang Berhormat bagi contoh IPCMC. Contoh itu pun tidak betul. Saya pun dah enam penggal dalam Parlimen ini. Selalunya masuk *Select Committee* dulu, barulah bawa ke Parlimen. Ini terbalik. Sudah bahas kat Parlimen, baru bawa ke *Select Committee*.

Esok bawa balik ke Parlimen. Jadi, contoh Yang Berhormat bagi pun tidak tepat Yang Berhormat *[Ketawa]*

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey, saya hendak sebut- Kubang Kerian ya. Soal usaha sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan tadi, apa yang penting ialah nilai tambah yang perlu dilihat oleh Dewan dan saranan-saranan yang akan dikemukakan. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit.

Selain daripada kita ada *Select Committee*, kita ada *Caucus* Parlimen yang saya tengok kadang-kadang kalau sekiranya kita- selepas ini mungkin ada dua, tiga lagi *Caucus* Parlimen yang akan dibentuk. Bagaimana untuk mekanisme bagi- supaya *Select Committee* ini tidak bertindan, *redundant* dengan peranan yang dimainkan *caucus* dan peranan yang dimainkan oleh jawatankuasa sendiri.

Ini supaya, nanti takut banyak 'pinggan-mangkuk', apa yang dibincangkan benda yang sama. Kemudian, perbahasannya ialah hasilnya nanti akan berkisar pada poin yang sama. Jadi, mungkin ini boleh bagi pandangan sedikit. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan itu. Jadi, saya akan melihat dan juga saya kenalah meneruskan penggulungan saya ini Tuan Yang di-Pertua memandangkan banyak lagi isu-isu yang perlu saya sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, teruskan.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Subang juga telah pun mencadangkan agar Parlimen mempunyai kewangan sendiri dan mempunyai kuasa melantik kakitangannya. Beliau seterusnya menyarankan agar belanjawan untuk Parlimen pada tahun 2021 dinaikkan kepada RM200 juta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Anggaran Belanjawan Mengurus Tahunan bagi Maksud B.01, Parlimen Malaysia disediakan mengikut keperluan dan juga perancangan rapi serta mengikut garis panduan langkah-langkah mengoptimumkan belanjawan kerajaan yang telah disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Ini bagi memastikan kelancaran operasi Parlimen di samping mengamalkan belanjawan berhemah. Parlimen Malaysia juga sentiasa mendapat kerjasama yang baik daripada Kementerian Kewangan untuk menyediakan peruntukan tambahan sekiranya diperlukan. Dalam hubungan ini, Parlimen sedang mengkaji untuk menyediakan rang undang-undang yang bersesuaian agar Parlimen Malaysia mempunyai pentadbiran sendiri sebagai sebuah institusi bebas.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batang Sadong pada sesi perbahasan telah ingin mengetahui apa sebenarnya yang telah dimuktamadkan dalam Jawatankuasa MA63. Sehingga 23 Julai 2019, tujuh isu telah mendapat persetujuan bersama di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Isu-isu tersebut adalah seperti tuntutan duti eksport, balak dan hasil hutan. Pengedaran gas dan kuasa kawal selia elektrik dan gas, pelaksanaan kerja raya Persekutuan dan negeri, tenaga buruh, kuasa negeri ke atas isu kesihatan, pentadbiran Pulau Sipadan dan juga Ligitan dan isu pertanian dan perhutanan.

Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching pada sesi perbahasan juga telah menyarankan dan menggesa agar *Parliamentary Select Committee* memantau MA63 secepat mungkin agar dapat dilaksanakan dengan telus dan rundingan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berkenaan laporan *Malaysia Agreement* 1963 ini dapat dipercepatkan. Seperti Yang Berhormat Bandar Kuching sedia maklum, berhubung dengan perkara tersebut akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, aspek pemantauan merupakan antara elemen yang turut dibincangkan oleh jawatankuasa ini bagi memastikan agar keputusan-keputusan yang dicapai dapat dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkaitan selaras dengan pelan tindakan yang telah dipersetujui bersama.

Selanjutnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, draf laporan akhir Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah diedarkan kepada semua Ahli Jawatankuasa sebelum 31 Ogos 2019 lagi dan akan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Pemandu dalam mesyuarat yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Beluran.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Beluran, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Saya memang akui bahawa ada perkara dalam perjanjian itu yang perlu dibincang lanjut oleh jawatankuasa. Akan tetapi ada perkara yang sudah termaktub dalam Perlembagaan. Perkara 112(d), Schedule 10, Perkara 2(1) seumpamanya yang meletakkan 40 peratus ataupun dua perlima daripada kutipan hasil daripada Sabah dikembalikan ke negeri itu yang tidak sepatutnya terangkum dalam jawatankuasa itu kerana *no further discussion needed on that matter. It is already stipulated in the Federal Constitution.*

Mengapa perlu ataupun mengapa tidak Perkara 112, di Schedule 10 itu dilaksanakan oleh kerajaan tanpa dibawa dalam perbincangan jawatankuasa? Sebelum Yang Berhormat Menteri jawab itu Yang Berhormat, ada perkara berhubung dengan PAC yang saya kemukakan sama ada Yang Berhormat Menteri akan menjawab secara bertulis perkara itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran. Mengenai isu PAC, ini saya akan memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Beluran. Mengenai isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai perundangan terutamanya dalam Perkara 112 ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, ini dalam jawatankuasa teknikal yang telah pun dipengerusikan oleh saya bersama-sama dengan Peguam Negara telah pun bersetuju dengan Peguam Besar Negeri Sabah dan juga Sarawak bahawa isu perundangan ini akan dirujukkan kepada Kluster Perundangan yang telah pun terdiri daripada Peguam Besar Negara dan juga Peguam Negara kita yang saya sebutkan tadi. Jadi ini merupakan satu *tripartite cluster*, mereka akan memberikan pandangan mereka dan juga nasihat mereka kepada Jawatankuasa pemandu.

Jadi ini telah pun lengkap dan saya tidak dapat mengadakan laporan itu di dalam Dewan yang mulia ini sehingga Jawatankuasa Pemandu dapat mengadakan mesyuarat muktamad dalam perkara ini yang seperti saya katakan tadi dalam masa yang terdekat.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Keningau.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Okey. Di dalam Belanjawan 2020, ada disentuh tentang isu Perkara 112(d) dan mengikut pembentangan bajet itu, RM53.4 juta telah dimasukkan di dalam Bajet 2020. Akan tetapi persoalan saya di sini, adakah ini dibincangkan-angka RM53.4 juta itu dibincangkan dan apakah asas? Oleh sebab saya tidak nampak apa-apa asas selain daripada *you double what was decided* 46 *years ago*, dengan izin. Jadi kenapa tidak ikut formula yang telah di persetujui dalam *review* pertama iaitu angka yang dibayar pada tahun 1969 sehingga tahun 1973 berasaskan kepada kenaikan 7.5 peratus setiap tahun.

Mengikut Perlembagaan, kalau tidak ada *review*, pembayaran hendaklah mengikut apa yang telah diputuskan sebelum itu. Jadi, ini bermakna sekiranya formula ini diikut sepatutnya pada tahun 2020 pembayaran haruslah berjumlah kurang lebih RM799 juta, bukan RM53.4 juta. Tunggakannya berjumlah kurang lebih RM9 bilion.

Jadi, ini mempunyai asas dan lebih baik pembayaran itu kalau tidak menunaikan 40 peratus berasaskan kepada keperluan Perlembagaan, kenapa tidak ikut ataupun gunakan asas yang telah diputuskan 46 tahun yang lalu? Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Keningau.

Datuk Liew Vui Keong: ...Keningau dalam soalan ini. Seperti yang saya nyatakan tadi, dalam jawatankuasa teknikal dan juga Jawatankuasa Pemandu kita telah pun bersetuju untuk menubuhkan beberapa kluster. Kluster di mana isu yang telah pun dibangkitkan Yang Berhormat Keningau itu telah pun di bawah Kluster Kewangan di mana pegawai-pegawai daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sarawak bersama-sama dengan Kerajaan Pusat, Kementerian Kewangan ini telah pun duduk dan berbincang dengan isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi mereka telah pun memberikan cadangan dan juga keputusan dalam perkara itu dan telah pun dibentangkan dalam laporan terakhir yang saya sebutkan tadi.

Pada setakat ini, laporan itu seperti yang saya katakan tadi akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Pemandu untuk dimuktamadkan. Apa yang penting sekali dalam jawatankuasa ini kita dapati tiga *wisemen* dalam perkara ini iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Ketua Menteri Sabah dan Ketua Menteri Sarawak yang dapat memutuskan segala-gala isu mengenai apa saja isu dalam *Malaysia Agreement* 1963 ini.

Jadi saya difahamkan bahawa mesyuarat pemandu ini akan diadakan dalam jangka masa yang terdekat. Jadi kita tunggu, kita sabar sedikit Yang Berhormat untuk memberikan ruang kepada pihak Jawatankuasa Pemandu untuk memutuskan perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan. Walaupun ada pandangan daripada Yang Berhormat Keningau yang mengatakan ini tidak perlu lagi di bincang dan diteruskan, tetapi itu satu pandangan. Akan tetapi kita juga ada pandangan daripada pegawai-pegawai yang lain yang memberikan pandangan berlainan daripada Yang Berhormat Keningau ya.

Jadi saya teruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini juga ada pertanyaan daripada Yang Berhormat Batu Kawan yang telah pun bertanya dan ingin tahu adakah wujud peruntukan khas untuk SUHAKAM bagi Pengerusi Suruhanjaya Kanak-kanak dalam usaha kerajaan melindungi kanak-kanak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Pesuruhjaya Kanak-kanak yang telah diumumkan pada 23 Ogos 2019 bersama peruntukan sebanyak RM500 ribu telah pun diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

■1240

Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang juga ingin tahu mengenai sama ada jawatankuasa teknikal mengkaji agar hak-hak negeri Sarawak di bawah MA63 ini terus diberikan perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Sudah semestinya hak-hak negeri Sarawak dan juga negeri Sabah akan terus diberikan perhatian. Setakat ini, terdapat 21 isu yang merupakan tuntutan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang telah disemak dan juga diteliti bersama oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, silakan Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menerima jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa RM500 ribu diperuntukkan untuk SUHAKAM. Namun, suruhanjaya kanak-kanak ini adalah satu penubuhan yang baru. Maka, adakah akan ada pertambahan peruntukan? Ini disebabkan RM500 ribu itu untuk SUHAKAM secara keseluruhannya mengikut struktur mereka sebelum ini tetapi suruhanjaya ini adalah baru.

Jadi, saya berharap pihak kementerian akan bertimbang rasa untuk menambah sedikit lagi peruntukan memandangkan isu kanak-kanak banyak mengetengahkan cadangan polisi-polisi kepada pihak kerajaan dan mereka adalah, dengan izin, *a right arm to the government* untuk membantu dalam memberi perlindungan untuk kanak-kanak. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Saya mengambil maklum bahawa suruhanjaya kanak-kanak ini baru juga ditubuhkan dan saya cuba *fight for the* kenaikan peruntukan yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Labuan, pada sesi perbahasan juga telah menyarankan agar penurunan kuasa diberikan kepada Sabah dan Sarawak mengikut Perlembagaan Persekutuan dan MA1963. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saranan Yang Berhormat diambil maklum. Jawatankuasa Kabinet turut meneliti dan juga menyemak berhubung dengan cadangan penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak terhadap beberapa tuntutan yang telah dikemukakan agar selaras dengan perkara-perkara yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Bagi saranan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Putatan, yang mana beliau menyarankan agar Kerajaan Persekutuan memastikan hak-hak Sabah dan juga Sarawak di bawah MA63 dipelihara. Objektif-objektif yang diutamakan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet haruslah dititikberatkan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, antara objektif Jawatankuasa Khas Kabinet ini adalah untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963. Selain daripada itu, untuk memastikan ahli-ahli yang dilantik terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, negeri Sabah dan juga negeri Sarawak serta memastikan hak-hak Sabah dan Sarawak dipelihara melalui tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh kerajaan Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat Ranau juga pada masa yang sama bertanya kepada kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan akan memperkuatkan dan juga seterusnya memelihara apa yang dipersetujui dalam *Malaysia Agreement 1963* ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan akan memastikan hasil keputusan daripada Jawatankuasa Khas Kabinet ini dipantau dan dilaksanakan sewajarnya oleh agensi-agensi yang berkaitan. Ini kerana perkara tersebut merupakan antara Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan di bawah Janji 40 yang turut dipantau dan dinilai prestasi kemajuan secara berkala oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beredar kepada isu berkaitan dengan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC). Ahli Yang Berhormat Subang dan juga Yang Berhormat Pontian masing-masing pada 16 Oktober dan 23 Oktober dalam sesi perbahasan telah mencadangkan parti politik diberikan sumber peruntukan untuk membolehkan parti bergerak dan berpolitik. Yang Berhormat juga mencadangkan kerajaan membayar RM10 kepada parti politik mengikut jumlah undi yang diterima.

Selanjutnya Yang Berhormat juga ingin mengetahui, bilakah kerajaan akan membentangkan RUU dana politik. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Subang supaya parti politik diberikan sumber peruntukan untuk membolehkan parti bergerak dan juga berpolitik serta membayar RM10 kepada parti politik mengikut jumlah undi yang diterima.

Berdasarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP), kerajaan juga akan memperkenalkan rang undang-undang baharu berkaitan dengan pembiayaan politik yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian. Sehubungan dengan itu, penyediaan rang undang-undang tersebut pada masa ini akan memberi fokus kepada aspek pengawalseliaan sumbangan politik.

Melalui langkah ini, kerajaan yakin bahawa kepimpinan melalui teladan yang berteraskan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan juga integriti dapat menjadi asas dalam usaha untuk menghapuskan rasuah dan membentuk ekosistem bebas rasuah untuk generasi kita yang akan datang...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Cadangan itu tentunya telah dibuat sebelum ini iaitu semasa era BN lagi tetapi ditolak oleh parti politik yang tertentu. Kita ingin tahu, bilakah RUU ini akan dibentangkan dan apakah antara isi kandungan RUU dana politik ini? Pada saat dan ketika ini, dana politik dibenarkan di Malaysia. Adakah dana politik ini juga tertakluk kepada cukai pendapatan, Yang Berhormat Menteri?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam isu RUU ini, setakat ini, telah pun diberikan maklum balas kepada pihak kementerian dan proses itu sedang berjalan.

Jadi setakat ini, kami masih lagi menunggu semua kementerian yang berkenaan untuk memberikan maklum balas dan juga cadangan sebelum perkara itu dapat dirujuk kepada pihak *Parliamentary Select Committee.* Saya telah pun mencadangkan bahawa memandangkan ini melibatkan parti-parti politik, lebih baik bahawa perkara ini dapat juga dibawa kepada pihak *Select Committee* untuk diteruskan perbincangannya. Jadi ini merupakan satu proses yang akan mengambil sedikit masa. Saya menjangkakan pada tahun depan, kita akan dapat membentangkan RUU dana politik ini ke dalam Dewan yang mulia ini.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Sungai Petani pada sesi perbahasan juga meminta agar kerajaan terus mengukuhkan institusi tadbir urus dan juga integriti negara serta mencadangkan agar Pelan Antirasuah Nasional yang diperkenalkan, mesti diperkemas sejak diperkenalkan pada 29 Januari sehingga kini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan memastikan pelaksanaan prinsip dan juga amalan tadbir urus baik terus diperkukuhkan dalam sistem pentadbiran kerajaan, selari dengan pembangunan negara yang mampan. Sejak Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dilancarkan pada 29 Januari 2019, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan ketelusan dan juga akauntabiliti menjadi asas dalam pentadbiran kerajaan. Bagi memastikan kelestarian pelaksanaan NACP, pelaksanaan keseluruhan inisiatif NACP akan sentiasa dipantau dan dikaji secara berkala supaya amalan integriti dan juga prinsip tadbir urus baik akan terus diarusperdanakan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Cameron Highlands juga telah pun mencadangkan agar akta penubuhan IPCMC mestilah berlandaskan Perlembagaan Persekutuan serta *rule of law* dan mestilah mempunyai punca kuasa yang sah. Ingin saya menyatakan di sini bahawa penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, mematuhi prinsip *the rule of law* dan bersumberkan kuasa undang-undang sah.

■1250

Fungsi IPCMC sebagai pihak berkuasa lain yang bertanggungjawab dalam kawalan tatatertib terhadap anggota pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan berdasarkan punca kuasa proviso pada fasal (1) Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan yang secara jelas membenarkan suatu pihak berkuasa lain untuk melaksanakan kawalan tatatertib ke atas semua atau mana-mana anggota pasukan polis melalui suatu Akta Parlimen.

Bagi memastikan pelaksanaan fungsi pihak berkuasa lain itu sebagai pihak berkuasa tatatertib adalah teratur dari sudut undang-undang proviso fasal (1) Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan ini secara jelas memperuntukkan pengecualian pada mana-mana ketidakselarasan fungsi baru pihak berkuasa lain itu dengan mana-mana peruntukan sedia ada di dalam Bahagian X, Perkhidmatan-perkhidmatan Awam Perlembagaan Persekutuan yang dipetik seperti yang berikut iaitu, dengan izin, "*No provision of such law shall be invalid on the ground of inconsistency with any provision of this part which is*", Tuan Yang di-Pertua '*part* 10' atau *part* X.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibu yang membangkitkan mengenai kesediaan untuk melaksanakan pilihan raya yang bersih, adil dan bebas. Memandangkan pilihan raya umum, PRU DUN kemungkinan kah akan mengambil tempat pada tahun depan di negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPR sebagai sebuah badan pengurusan pilihan raya di negara ini sentiasa mendukung prinsip amalan demokrasi dalam menjamin pelaksanaan proses pilihan raya yang bersih, adil dan bebas. Sehubungan dengan itu, setiap proses dan juga prosedur perjalanan pilihan raya adalah berdasarkan kepada undang-undang dan juga peraturan yang sedang berkuat kuasa seperti berikut:

(i) Perlembagaan Persekutuan;

(ii) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

(iii) Akta Pilihan Raya 1958;

(iv) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981;

(v) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan juga

(vi) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Bagi menghadapi PRU DUN Sarawak ke-12 yang akan diadakan kelak, SPR telah melaksanakan pelbagai perancangan dan gerak kerja sebagai persediaan awal untuk melaksanakan pilihan raya tersebut. Persediaan yang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi aspek penyediaan keperluan, bajet pilihan raya, perolehan peralatan, kemudahan logistik, taklimat dan juga latihan kepada petugas-petugas pilihan raya libat urus bersama agensi kerajaan dan juga parti politik serta keperluan-keperluan lain yang berkaitan.

Pada masa ini, SPR sedang menjalankan urusan mengemaskinikan daerah mengundi bagi mewujudkan lebih banyak daerah-daerah di negeri Sarawak. Daerah-daerah mengundi baru bagi memudahkan SPR untuk menyediakan pusat-pusat mengundi yang baharu. Selain itu, SPR turut mengadakan lawatan ke semua pusat mengundi di negeri Sarawak bagi meneliti kesesuaian dan juga menyediakan susun atur proses pengundian di pusat-pusat pengundi bagi memberi keselesaan dan juga kemudahan kepada pengundi pada hari mengundi kelak.

Selain itu, SPR dengan kerjasama Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya Malaysia, *that is the Electoral Reform Committee* (ERC). Jabatan Perdana Menteri juga sedang meneliti dan mengkaji penambahbaikan dan juga pembaharuan untuk dilaksanakan semasa pilihan raya bagi memastikan perjalanan proses pilihan raya dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan efisien.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu turut juga membangkitkan mengenai isu *electoral reform* dan status cadangan yang selanjutnya tentang bagaimana untuk membaik pulih sistem pilihan raya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang mengkaji cadangan-cadangan Reformasi Pilihan Raya yang turut merangkumi kajian terhadap sistem dan Undang-undang Pilihan Raya di Malaysia. SPR turut mengalu-alukan penubuhan Jawatankuasa Khas Pilihan Raya yang telah diuruskan oleh Dewan Rakyat pada 17 Oktober 2019 yang akan berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap cadangan eksekutif negara.

Sehubungan itu, SPR akan memberi kerjasama dan juga komitmen yang sepenuhnya kepada jawatankuasa tersebut untuk memudah cara, menambah baik proses pilihan raya sedia ada dan juga memberi keyakinan kepada rakyat yakni sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya sedikit Yang Berhormat?

Datuk Liew Vui Keong: Boleh Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Terima kasih. Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan kepada SPR ini. Sebab apabila berlaku pilihan raya khususnya pilihan raya kecil, SPR keluarkan *circular* kepada semua yang bertanding. Tidak boleh menyediakan makan minum. Tidak boleh memberi apa-apa. Akan tetapi, sebelum penamaan calon pun parti pemerintah, wakil dia melalui Menteri lah, ejen dia dah bagi barang-barang, dah bagi makan dan minum. Waktu kempen pun dah bagi.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Kinabatangan. Itu kebetulan, itu kebetulan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Oh! Adakah itu kebetulan ataupun SPR. Kita buat laporan tetapi SPR membisu. Jadi, di mana kesaksamaan SPR ini? Saya rasa kalau SPR betul-betul telus, betul-betul terbuka kita boleh lakukan. Akan tetapi, kena ada komitmen yang tinggi. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan Yang Berhormat Menteri. Ini ketika di Cameron Highlands misalnya, pilihan raya kecil. Calon PH pada ketika itu masuk ke dalam bangunan sekolah dengan memakai logo. Walhal, itu tidak dibenarkan dalam peraturan. Kemudian, SPR menyebut bahawa tindakan akan diambil. Punyalah lama, kenapa tindakan tidak diambil sampai sekarang?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Berkaitan juga Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini diumumkan oleh SPR umur 18 tahun boleh menjadi calon. Akan tetapi, pendaftaran automatik umur 18 tahun belum lagi. Bagaimana kedudukan itu? Terima kasih.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Berkaitan Yang Berhormat Menteri. Merujukkan pada PRK di mana Yang Berhormat Cameron Highlands telah dilantik oleh Parlimen. Saya teringat seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyalahgunakan kenderaan kerajaan. Apa jadi pada kes itu? Ini sudah hendak masuk dekat setahun dah ini?

Datuk Liew Vui Keong: Sempat lagi saya tanya sekali lagi kepada Yang Berhormat Cameron Highlands yang telah pun menjadi Ahli Parlimen Cameron Highlands pada PRK terdahulu. Jadi, isu-isu yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Pontian dan juga Yang Berhormat Kinabatangan ini, saya rasa ini akan diambil maklum oleh pihak SPR dan setakat ini, saya belum ada lagi dia punya laporan mengenai isu-isu yang telah pun dibangkitkan. Walau bagaimanapun, kita ada peraturan yang telah pun diberikan melalui akta-akta yang tertentu. Jadi, sekiranya ada apa-apa kesalahan yang telah pun dilakukan oleh mereka-mereka tertentu bukan sahaja daripada kita di sini tetapi daripada sebelah juga.

Mengenai isu yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Gerik mengenai persediaan kepada umur 18 tahun ini, untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang itu telah pun diluluskan di mana Perlembagaan Persekutuan telah pun diubahsuai untuk membenarkan umur 18 tahun untuk menjadi pengundi. Jadi, proses susulan akan diambil untuk memastikan akta-akta susulan iaitu *consequential amendment* diambil kira kan untuk memastikan mereka boleh menjadi calon dan juga menjadi pengundi.

Jadi, mengenai isu sama ada *automatic voter registration* ini kita juga dalam proses untuk mengemas kini sistem. Ini kerana untuk mengadakan *automatic registration* ini, kita perlu mendapatkan data-data daripada pihak Jabatan Pendaftaran yang mendaftarkan kad pengenalan mereka. Jadi di situlah jadi data *source information* untuk memastikan siapa yang akan layak untuk menjadi pengundi.

Selain daripada itu, bukan sahaja umur 18 tahun akan secara automatik akan menjadi pengundi tetapi kepada mereka yang tidak pernah mendaftar menjadi pengundi juga akan secara automatik akan dijadikan pengundi. Jadi, ini mengambil satu proses yang amat panjang dan SPR dalam perkara ini dijangka akan tamat dengan proses itu pada tahun Januari 2021.

Jadi, kurang lebih setahun tiga bulan lagi daripada sekarang sebelum semua ini dapat dilaksanakan. Jadi, kita kena bersabar sedikit kerana ini merupakan satu perubahan yang terbesar sekali dalam negara kita, di mana kita punya *political landscape* telah pun berubah dan memberikan kuasa kepada pihak pemuda yang berusia 18 tahun untuk memilih Ahli Parlimen mereka dan juga untuk memilih kerajaan baharu mereka nanti. Ya, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, jam menunjukkan pukul 1. Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang. Yang Berhormat sambung nanti.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menyambung jawapannya.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan meneruskan isu berkenaan dengan Pejabat Perdana Menteri (PMO).

Yang Berhormat Pontian pada sesi perbahasan ingin mengetahui sama ada Kementerian Pendidikan akan dipecahkan kepada dua kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk membahagikan Kementerian Pendidikan Malaysia kepada dua kementerian yang berbeza. Malah buat masa ini, KPM dapat menguruskan hal ehwal pendidikan dengan baik dan teratur. Walau bagaimanapun, kerajaan amat mengalu-alukan sebarang cadangan bagi menambah baik sistem dan tadbir urus yang sedia ada terutama yang melibatkan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kota Bharu pula pada sesi perbahasan ingin mengetahui bilakah pelantikan Peguam Negara di kalangan Ahli Parlimen dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Bharu, pada masa ini, kerajaan tidak bercadang melantik Peguam Negara di kalangan Ahli Parlimen kerana jawatan berkenaan telah pun diisi buat setakat ini.

Saya akan teruskan kepada isu berkenaan dengan Pejabat Peguam Negara (AGC). Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Santubong telah bertanya mengenai satu cadangan undang-undang diperkenalkan iaitu orang yang membuat laporan polis atau SPRM yang tidak benar terhadap kerajaan merupakan kerugian dan juga kesusahan, dikenakan tindakan undang-undang terhadap mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, kesalahan memberikan maklumat yang tidak benar diperuntukkan di bawah seksyen 182 Kanun Keseksaan seperti yang berikut. Dengan izin, "*False information, with intent to cause a public servant to use his lawful power to the injury of another person- 182. Whoever gives to any public servant any information orally or in writing which he knows or believes to be false, intending thereby to cause, or knowing it to be likely that he will thereby cause, such public servant to use the lawful power of such public servant to the injury or annoyance of any person, or to do or omit anything which such public servant ought not to do or omit if the true state of facts respecting which such information is given were known by him, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to six months or with fine which may extend to two thousand ringgit or with both*". Jadi, maka adalah jelas bahawa peruntukan ini adalah mencukupi untuk menangani laporan tidak benar yang dibuat kepada pihak polis dan juga kepada pihak SPRM.

Selanjutnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang tadi dia bertanya saya mengenai perkara ini di luar Dewan tetapi dia tidak ada. Walau bagaimanapun, dia telah pun membangkitkan...

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Datuk Liew Vui Keong: Boleh, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu status kes wira negara, Muhammad Adib. Kenapa sehingga kini tidak lagi ada pembunuh-pembunuh Allahyarham dibawa ke muka pengadilan? Apa yang menyebabkan begitu lambat proses ini? Mohon jawapan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Inilah salah satu cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tanjong Karang yang telah menimbulkan isu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, jawapan bagi persoalan-persoalan ini yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang juga terlibat dengan kes Adib. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan pihak polis untuk meneruskan siasatan ke atas kes ini setelah menerima keputusan Mahkamah Koroner...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi, kes masih lagi dalam siasatan pihak polis buat setakat ini. Jadi, berilah masa untuk pihak polis untuk menyelesaikan siasatan itu dan selepas itu, kita kena tunggu keputusan daripada pihak AGC terhadap tindakan susulan kepada mereka yang telah didapati bersalah di dalam perkara ini.

Ya, Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya kepada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar. Dalam keadaan sekarang, boleh tidak keluarga Allahyarham menyaman saman sivil terhadap kerajaan disebabkan oleh kecuaian yang berlaku? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Saya rasa untuk mengadakan tindakan undang-undang sivil, ini terpulang kepada pihak keluarga Allahyarham Adib untuk meneruskan tindakan itu dan mendapatkan nasihat daripada pihak peguam mereka. Jadi pada keseluruhannya, sekiranya ada kecuaian, bukan sahaja terhadap kerajaan tetapi terhadap sesiapa sahaja, sekiranya dikenal pasti identiti mereka yang melibatkan dalam perkara ini, maka saya rasa tindakan sivil boleh diambil terhadap mereka.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, *sorry*. Sedikit lagi. Kita tahu Yang Berhormat Menteri, bahawa mana-mana kes, pembuktian itu sangat penting. Kalau kes Adib ini mengambil masa begitu lama untuk menangkap pembunuh-pembunuh Allahyarham, satu perkara yang akan timbul iaitu kita akan kehilangan dan larutan daripada pembuktian yang mungkin tidak selamat. Saya mohon, Yang Berhormat Menteri. *The danger is there,* dengan izin. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, sambung sikit, sambung sikit. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang saman sivil tadi. Kita tahu bahawa keluarga Adib, dia anggota kerajaan, mana mungkin dia mencari peguam untuk tujuan tersebut. Peguam-peguam yang mereka ambil pun semua *pro bono*, semua tolong-tolong begitu sahaja. Jadi, apakah Yang Berhormat Menteri bercadang oleh sebab dia pegawai kerajaan, dia mati tengah bertugas, kerajaan sendiri yang bayar harga guaman melalui bantuan guaman atau sebagainya? Kerajaan kena kenal pasti sebab kalau tidak, dia nampak sebagai orang yang teraniaya, dianiaya dan mereka melihat kerajaan yang menganiaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

■1440

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih pada Yang Berhormat atas soalan ini. Atas kebuktian dalam perkara ini, untuk makluman Yang Berhormat ya, dalam kes sivil ini sememangnya dia dalam *burden of proof* dia ialah *on the balance of probabality.* Dia lain daripada *burden of proof* di kes jenayah, di mana sekiranya untuk mendapatkan kesalahan terhadap seseorang, dalam kes jenayah ini, *the burden of proof* pembuktian itu adalah *beyond reasonable doubt* iaitu pihak pendakwaan kena buktikan bahawa mereka yang terlibat itu *beyond reasonable doubt* dalam kes jenayah. Jadi, itulah saya rasa akan menjadi isu dalam mana-mana saja kes perbicaraan yang melibatkan kes-kes di mahkamah. Makna ialah tahap kebuktikan itu menjadi satu isu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya tanya adakah kerajaan hendak tolong?

Datuk Liew Vui Keong: Ya, saya jawab kepada Yang Berhormat dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kes sivil ini.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Arau, ini belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, bagi dia habiskan dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tapi dia jawab tidak habis tadi. Dia tukar pergi orang lain pula. Saya itu, dia kata saya kata kes sivil itu, apakah kerajaan akan membantu dalam apa cara sekalipun untuk memberi keadilan kepada keluarga Adib? Itu saja Yang Berhormat. Jawab ya cukuplah, selesai masalah.

Datuk Liew Vui Keong: Saya belum lagi sampai menjawab soalan Yang Berhormat Arau ini. Seperti Yang Berhormat Arau sedia maklum bahawa kita ada Jabatan Bantuan Guaman yang memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Jadi, saya rasa keluarga mereka bolehlah datang kepada Jabatan Bantuan Guaman untuk mendapatkan nasihat dan juga seterusnya bantuan sekiranya dapat diberikan kepada mereka. Jadi ada dia punya kriteria-kriteria yang kena diuruskan. Jadi, saya harap keluarga bolehlah datang kepada Jabatan Bantuan Guaman.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri, 20 saat yang tinggal. Soalan Yang Berhormat Arau itu maknanya, boleh tidak kesimpulan kita bahawa Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa kerajaan tidak ada bantahan untuk membantu keluarga arwah Adib untuk mendapat bantuan kerajaan, bantuan peguam sivil, kalau dia hendak wujudkan kes-kes sivil. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Bagi saya penting sekali ialah untuk pihak keluarga datang kepada jabatan bantuan untuk mendapatkan nasihat seterusnya. Saya rasa mereka akan dapat memberi bantuan kepada mereka. Jadi saya masih ada sedikit sebanyak mengenai isu SPRM yang saya ingin bangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, boleh beri saya tambahan masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sedikit masa. Silakan. *Alright.*

Datuk Liew Vui Keong: Sedikit lagi adalah isu mengenai di mana Yang Berhormat Bera pada sesi perbahasan telah bertanya mengenai isu penerimaan wang 1MDB oleh 80 penerima sedang disiasat oleh pihak SPRM. Ahli Yang Berhormat juga ingin tahu kenapa wujud *double standard* di mana Yang Berhormat, termasuk saya sebagai Menteri Undang-undang yang dikatakan turut menerima wang tersebut tidak ada dalam senarai penerima berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, saya tidak ada menerima apa-apa wang daripada pihak 1MDB.

Pihak SPRM telah mengeluarkan notis kompaun terhadap 80 individu dan entiti yang menerima dana daripada 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Senarai penuh pihak yang dikenakan kompaun belum dimuktamadkan. Senarai yang dikemukakan SPRM pada 7 Oktober 2019 yang lalu adalah penerima dana yang menerima RM500 ribu dan ke atas. Tidak wujud *double standard* dalam siasatan ini kerana SPRM memberikan keutamaan kepada jumlah yang lebih besar selain mengambil tindakan secara rapi dan juga teratur.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri dalam hal ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, dalam hal yang dibangkitkan ya...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Kes-kes AMLA ini.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pertama Yang Berhormat Menteri sebut RM500 ribu ke atas. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa Pemuda UMNO Pekan RM50 ribu, IPF Baling RM50, UMNO Bahagian Sepang, Labis, Bakri, Batu Kawan, Jerantut RM100 ribu. Yang Berhormat Menteri kata tadi semua yang RM500 ke atas. Bererti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu tidak betul ya.

Mungkin SPRM tidak memberikan jawapan yang betul kepada Yang Berhormat Menteri dan saya bertanya kenapa RM50 ribu? contoh macam IPF Baling dikenakan 50 kali ganda kompaun sehingga RM2.5 juta. Bagaimana IPF Baling ini hendak bayar? Satu, pada ketika menerima itu, tahun 2012 mana kes 1MDB pada ketika itu. Mana mereka tahu wang itu wang 1MDB? Mana boleh undang-undang ini dibuat secara dikebelakangkan (retrospektif). Apa punya peraturan ini Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, sila.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat soalan saya, sikit saja. Yang Berhormat, selalunya kes AMLA ini adalah selalunya dalam banyak negara untuk kes-kes keganasan, tetapi dalam kes sedemikian disebut oleh Yang Berhormat Pontian, seolah-olah Undang-undang AMLA digunakan untuk pendakwaan politik. Boleh Yang Berhormat Menteri terangkan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Sila Yang Berhormat Menteri respons.

Datuk Liew Vui Keong: Untuk makluman Yang Berhormat, dalam perkara ini siasatan rapi telah pun dibuat oleh pihak SPRM dan juga pihak polis. Saya rasa tidak sesuailah untuk saya untuk memberikan apa-apa komen memandangkan siasatan masih berjalan terhadap mereka dan terpulanglah kepada pihak SPRM untuk meneruskan ataupun tidak terhadap pertuduhan kepada mereka itu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menjawab sedikit isu yang telah pun saya diamanatkan menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, di mana ada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sikit Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah boleh Yang Berhormat berjanji bahawa tindakan yang diambil ini tidak berbaur politik. Cuma bersih sebersih-bersihnya dari segi undang-undang, *rule of law* supaya kita tengok bahawa 1MDB salah, baru orang lain kita caj bersalah.

Akan tetapi kalau 1MDB pun belum bersalah lagi, kita tengoklah apa yang patut. Jadi Yang Berhormat berjanji kah bahawa akan mengikut peraturan yang sokong *rule of law* yang kita janjikan? Keadilan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Menteri, misalnya dalam kes pertama RM500 ribu dipulangkan kembali kepada LDP oleh kerajaan dan diputuskan bahawa duit itu bukan duit bukan 1MDB. Jadi, kalau dalam kes LDP, disebut wang itu bukan wang 1MDB, kenapa dituduh yang RM80 ribu dan RM40 ribu itu dikatakan wang 1MDB sedangkan kes masih lagi berada di mahkamah. Ini bererti apa yang dibuat oleh SPRM itu adalah tidak betul. Pendakwaan politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, seperti yang saya katakan tadi, dalam kes tertentu yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian, dia ada berbeza daripada segi seksyen yang telah pun dihadapkan terhadap mereka. Yang pertamanya ialah di bawah seksyen 90 iaitu di mana seksyen 90 AMLA ini terhadap mereka diberikan kompaun.

Manakala terhadap kes LDP ini adalah di bawah seksyen 56 di mana *forfeiture proceeding*, penyertaan prosiding telah pun diadakan terhadap mereka. Jadi ini ada dua kes yang berbeza. Saya tidak dapat meneruskan lagi daripada jawapan kerana seperti yang saya katakan tadi, pihak polis masih lagi dalam siasatan dalam perkara ini. Lebih baiklah kita biarkan pihak polis untuk menyiasat dan siapa yang salah, siapa yang betul, kita akan tahu nanti.

Jadi saya ingin...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, ada dua tarikh. Yang Berhormat dia orang bukan polis siasat lagi sudah, mereka telah pun dihukum, telah dihukum dengan dikompaun. Jadi bukan siasatan lagi. Maka bila dikompaun, makna kata sudah melakukan kesalahan. Jadi perkataan siasat itu, apa yang Yang Berhormat maksud sebab mereka telah dikompaun. Bila dikompaun, hukum lah itu.

Datuk Liew Vui Keong: Dalam perkara ini, seperti Yang Berhormat sedia maklum, kompaun hanya ditawarkan kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau saya kena *traffic light,* kena kompaun, habislah.

Datuk Liew Vui Keong: Mereka belum lagi bayar kompaun tersebut. Jadi hanya tawaran itu diberikan kepada pihak mereka lah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, disebut dalam notis itu ialah Tawaran Mengkompaun Kesalahan. Ada perkataan kesalahan di situ. Kesalahan apa yang mereka buat?

Datuk Liew Vui Keong: Seperti yang saya katakan tadi, adalah kesalahan di bawah seksyen 90 AMLA. Jadi itulah sebabnya mereka telah pun diberikan kompaun seperti diperuntukkan dalam seksyen tersebut.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat sikit boleh Yang Berhormat. Sikit saja.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kenapa AMLA 'PUAA' dikenakan pada masa tidak ada AMLA 'PUAA?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat, dia dalam isu AMLA ini Yang Berhormat kata tadi, kita minta ini tidak ada pendakwaan politik. Sebagai contohnya Yang Berhormat, ada setengah contoh di Kedah, ada nama yang dikeluarkan. Contoh 1MDB duit masuk dekat Kedah, tapi orang lain dipanggil. Pada waktu itu Pengerusi Perhubungan Kedah itu orang lain. Tadi ada yang tidak, macam itu juga dengan Pengerusi-pengerusi Perhubungan UMNO lain yang disebut UMNO, tetapi tidak dipanggil.

Contohnya ada nama-nama macam di Kedah dan negeri lain itu ada nama tapi *hat* ini tidak termasuk. Nanti masuk orang...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1450

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Pengerusi Perhubungan waktu itu silap-silap anak Perdana Menteri saya rasa kah?... *[Disampuk]* Tidak dipanggil, tidak ada apa. Jadi sebab itu kita nampak sebagai pendakwaan politik. Itu yang kita minta bersih ataupun tidak, itu sahaja Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, rumuskan masa telah pun tamat. Ya?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh?

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Tanjong Karang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini penting ini, Menteri Undang-undang ini. *Rule of law* ini menjamin keselamatan negara kita, cukup penting ini. Rakyat tengah susah hati sekarang ini, *rule of law kah, rule of jungle*? Ini hendak kena bagi masa lebih sedikit kepada Yang Berhormat Menteri ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita telah bagi masa satu jam kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat, yang di depan saya ini ramai juga yang peguam bela dan juga peguam cara. Mereka tahu bahawa *the rule of law* dalam negara kita ini ialah untuk memberikan mereka yang dihadap ke mahkamah bahawa mereka tidak bersalah *until they are proven guilty by the* pendakwaan. Jadi dalam perkara ini...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: ...Saya rasa kita serahkan lah kepada mahkamah untuk menentukan sama ada mereka salah ataupun tidak.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, kalau *rule of law* bermakna keadilan untuk semua. Di dalam kes ini, kes AMLA ini ada *double standard. Sorry*, Yang Berhormat Masjid Tanah dahulu ada dalam senarai, bila sudah lompat keluar daripada senarai. Ini apa *rule of law* yang ada ini? Pendakwaan berpilih ini.

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Jeli.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Jeli pun macam itu juga. Bermakna ada pendakwaan berpilih, *selective prosecution*, *political prosecution*. Mana ada *rule of law* macam ini? Sila jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bera.

Datuk Liew Vui Keong: Seperti Yang Berhormat Bera sedia maklum, pendakwaan itu dilaksanakan oleh pihak Peguam Negara. Dia yang menentukan dalam peruntukan yang telah pun diberikan di bawah Perlembagaan Persekutuan kita. *So*, *under* 145 amat jelas bahawa beliaulah yang menentukan sama ada pendakwaan diteruskan ataupun tidak. *So,* saya tidak dapat campur tangan dengan pihak Peguam Negara untuk dia membuat keputusan, dalam apa sahaja kes-kes...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, Peguam Negara bukan dilantik secara bebas.

Datuk Liew Vui Keong: *But that is the separate issue* lah.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Saya rasa manifesto kerajaan mungkin manifesto parti dahulu katakan...

Datuk Liew Vui Keong: *That is separate issue.*

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: ...Peguam Negara perlu dilantik dalam Jawatankuasa Parlimen, barulah tidak ada persepsi pendakwaan politik, itu sahaja Yang Berhormat Menteri, persepsi. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Saya dapat tahu bahawa banyak daripada negara-negara lain di mana, *you know* Peguam Negara dilantik daripada sebahagian Ahli-ahli Parlimen tetapi dalam negara tersebut Ahli Parlimen yang menjadi Peguam Negara itu dia tidak ada *prosecutor power* kerana dia hanya menjalankan tugas-tugasan sebagai Peguam Negara yang tidak melibatkan *prosecution*.

Prosecution dalam negara itu diletakkan di bawah unit yang lain *which is quite independent.* Jadi di negara tersebut ada juga mereka punya Menteri Undang-undang dijadikan Peguam Negara yang akan mengendalikan kes-kes pentadbiran, kes-kes sivil tetapi tidak terlibat dengan kes-kes jenayah. Jadi itu adalah beberapa perkara yang telah pun di*study*, dikaji dan pihak kerajaan akan membentangkan isu ini apabila kajian telah pun tamat.

So, I think dalam perkara ini kita beri masa untuk kita mengkaji sama ada pihak Peguam Negara hendak dipisahkan daripada menjalankan pendakwaan dan daripada situ, sama ada Ahli-ahli Parlimen dijadikan Peguam Negara. Jadi *these are one of the issues that we are still looking at this moment.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah, Masjid Tanah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi kepada Yang Berhormat Tanjong Karang sekejap. Saya tidak mahu perkara ini berulang-ulang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tadi saya tidak sempat sebab saya berlari masuk ke Dewan ini. Saya dalam ucapan saya, saya timbul empat isu yang menjadi perhatian umum. Tadi kes Adib terima kasihlah Yang Berhormat sudah jawab tetapi kes Adib kita harap mesti jangan terlampau lama sangat. Rakyat tertunggu-tunggu keadilan.

Kedua, adalah sentuh dengan SPRM. Saya bangkit hari itu sebab dalam kenyataan yang dibuat oleh pihak SPRM. Dia kata, "*Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mengesahkan sudah membuka enam kertas siasatan berkaitan Projek Terowong Dasar Laut di Pulau Pinang. Sebanyak lima kertas siasatan sudah selesai dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya*". Jadi kita hendak tanya, apakah ini di bawah *jurisdiction* Yang Berhormat yang menjaga undang-undang untuk memberi jaminan supaya kes SPRM ini terowong ini menjadi isu, itu yang kedua.

Ketiga, saya juga bangkit hari itu mengenai kes semburit, video semburit ini. Rakyat tertunggu-tunggu di bawah ini. Ada kawan-kawan kita sudah pergi ke London, pergi ke Indonesia dapat pengesahan tetapi sampai sekarang ini dia diam. Jadi kena buat pengumuman kalau ada kes katalah ada kes. Kalau tidak ada kes, kena beritahu NFA kah dan sebagainya. Itu yang ketiga.

Keempat, ini kes yang amat penting juga yang mana ini sudah mula hendak menunjukkan derhaka kepada Sultan Selangor. Saya hendak ingatkan lagi iaitu mengenai *fb Nga Kor Ming Super Fans.* Saya juga hendak meminta jaminan kepada Yang Berhormat sebagai Menteri menjaga undang-undang supaya kes ini kalau misal kata NFA pun kena umum kepada rakyat supaya rakyat tahu, apakah tindakan yang telah diambil?

Jadi, ia ada empat isu saya bangkitkan. Harap Menteri dapat memberikan jaminan kerana di luar sana tertunggu-tunggu ini. Apakah keputusan yang diambil oleh pihak Peguam Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akhir sekali, bos...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Oleh sebab saya tanya soalan dia tidak jawab.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Bos, Speaker.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, *sorry* sebab dia makin popular. Orang lain sudah kurang. Bos sedikit, okey. Apa Yang Berhormat Menteri, pertama Yang Berhormat Menteri jawab semua soalan kecuali satu daripada saya. Yang Berhormat Menteri, tidak jawab, daripada bulan Disember 2019 sampai sekarang Yang Berhormat tidak jawab dan saya bercakap, Yang Berhormat tidak jawab.

Kalau Yang Berhormat tidak boleh jawab, Yang Berhormat kata tidak berani jawab iaitu berhubung dengan Jadual Kelapan Perlembagaan Malaysia, di mana mana-mana Perlembagaan negeri yang melebihi Kerajaan Persekutuan, maka Parlimen hendaklah membuat undang-undang untuk menyamakan undang-undang tidak boleh negeri lebih daripada *Federal*, Yang Berhormat tidak jawab.

Akan tetapi tiap-tiap kali saya tengok ada pergaduhan berlaku kes Raja Selangor, Johor, kes sana-sini sebab Yang Berhormat tidak jawab soalan saya. Saya sudah bagi orang kata, sudah bagi bola tanggung itu untuk Yang Berhormat menjawab supaya kita ini berada dalam *rule of law Manifesto PH* itu adalah yang itu, dia hendak betulkan yang itu.

Sekarang ini, masalah sekarang ini yang timbul perbezaan pendapat dengan negeri kerana kita tidak memerhati Jadual Kelapan Perlembagaan Malaysia. Yang Berhormat kena jawab. Kalau tidak, Yang Berhormat yang baik hati ini kami tidak ganggulah tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, habis dia hari ini. Kami tidak ganggu ialah kerana Yang Berhormat berjanji hendak jawab, berjanji hendak jawab cukup, jawab lagi 10 tahun pun tidak apa tetapi berjanji hendak jawab.

Keduanya, kami semua ini sayang Peguam Negara. Sayang tidak sangka-sangka sebab apa...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Sayang betul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Dia dilantik oleh Perdana Menteri...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Sayang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Akan tetapi dia telah melakukan...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia dilantik oleh Agong, kami siapa yang lantik, Agong lantik. Kami akan sayang sebab PH pun sebab Agong *pi* pegang baju bomba terus dapat elaun, hormatkan Agong. Kami juga hormat ke Agong sebab Agong lantik AG.

Akan tetapi sekarang ini AG telah melakukan perkara-perkara yang rakyat sangsi. Contohnya pergi tutup kes terowong, pendakwaan kepada Adib telah dibuat dengan tidak adil. Jadi *contempt of court* dan lain-lain lagi. Kami sayang AG ini. Jadi, hendak cari jalan bagaimana AG ini dibetulkan keadaan ataupun digantilah dengan orang lain yang terbaik. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau, terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Menteri pun lebih baik dari AG.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri rumuskan.

Datuk Liew Vui Keong: Okey, terima kasih. Saya hanya pergi kepada isu yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi. Saya telah pun jawab mengenai kes Adib dan kes terowong ini, saya telah pun dimaklumkan bahawa siasatan kes ini sedang dikendalikan oleh pihak SPRM. Jadi itu sahaja yang saya boleh cakap pada setakat ini dan mengenai kes menghina Sultan Selangor di *facebook* ini, kes masih dalam siasatan pihak polis dan kertas siasatan belum dirujuk kepada pihak Jabatan Peguam Negara.

Bagi kes video semburit ini, kertas siasatan telah pun dirujuk ke Jabatan Peguam Negara dan juga arahan lanjut untuk melengkapkan siasatan telah diberikan kepada pihak polis. Jadi itu sahaja yang saya boleh jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kes semburit ini kira tutuplah, Yang Berhormat. Saya sebagai penyokong Yang Berhormat Gombak, saya minta kes ini ditutup... *[Dewan ketawa]*

Fasal apa *you* menentang Yang Berhormat Gombak, fasal apa?

Datuk Liew Vui Keong: *[Ketawa]* Saya tidak tahu dia terlibat dengan siapa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kes itu sudah tidak *clear*, kenapa kita hendak pejuang... *[Dewan ketawa]*

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak dapat perhatian kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Buat setakat ini kita tidak tahu, siapa- dia?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: *[Bangun]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai kes...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami semua penyokong Yang Berhormat Gombak.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang ...Kes terowong, saya hendak ulang. Ini *statement* daripada SPRM bertarikh pada 4 Mac 2019. Kalau Yang Berhormat kata masih di bawah SPRM itu, saya rasa kurang tepat kerana kenyataan ini mengatakan sebanyak lima kertas siasatan sudah selesai dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.

■1500

Ini *statement* ini bulan Mac 2019. Jadi, saya ingat kalau kata Yang Berhormat masih bawah SPRM, tidak betul. Sudah ada lima *paper* sudah selesai. Jadi bila agak-agaknya AGC hendak buat keputusan. Kalau NFA, NFA lah. Tidak apa, tetapi jangan simpan, *so* kita tertunggu-tunggu lah hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan mendapat pengesahan daripada pihak AGC dalam perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, saya akan memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat nanti mengenai kes ini. Jadi, dengan itu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sedikit lagi ya.

Datuk Liew Vui Keong: Ada lagi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh sebab ada kenyataan daripada Yang Berhormat Port Dickson bahawa dia akan jadi Perdana Menteri dalam bulan lima. Perdana Menteri tidak jawab. Jadi saya hendak minta supaya kami ini supaya *market* naik. Saya tidak bimbang yang lain, saya bimbang *market.* Yang Berhormat cakap sedikit elok ini, *market* akan melambung. Yang Berhormat kata kita akan menyelesaikan dengan cara yang elok, jawab boleh tak?

Oleh sebab dia ini sudah tahu. Manakala yang ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata belum tentu lagi. Mungkin satu penggal dan sebagainya. Jadi kami ini Ahli Parlimen rasa resah dan gelisah sebab kami perlukan seorang pemimpin yang kuat lagi gagah perkasa untuk memimpin negara ini dan bukan dalam keadaan yang terumbang-ambing begini. Siapa-siapa boleh, *tak dak* masalah. Kalau ini Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Port Dickson tak mahu kita boleh timbang belah sini banyak. Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya tidak benarkan perkara-perkara yang berulang-ulang menyebut-nyebutnya. Dalam Peraturan 44, tertib dalam Mesyuarat. Perkara yang diulang-ulang, hujah yang sama saya boleh perintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap. Saya minta.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, saya sudah itu berulang-ulang, saya minta.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Berulang sebab tidak berjawab, kalau jawab tak ulang sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada respons sudah. Ada respons, baik. Terima kasih Yang Berhormat Arau, sila.

Datuk Liew Vui Keong: Sekiranya ada apa isu yang saya tidak sempat menjawab, saya akan kasi jawapan bertulis. Jadi, dengan itu saya ucapkan terima kasih dan hadiahkan satu pantun lagi kepada Yang Berhormat Pontian, boleh?

Kacak sungguh Yang Berhormat Pontian;
Senyuman manis dan ramai kawan;
Walaupun tersinggung sikapmu teman;
Tetapku sayangkan kamu dan sekalian.

Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh jawab pantun?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, mana untuk saya?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Pantun]*

Dari Pontian pergi Penerok;
Singgah Serkat pergi memancing;
Kerajaan PH memang teruk;
Semua rakyat kena kencing.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak bagi lagi satu pantun. Tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak, saya tidak benarkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Ahli Parlimen Kuantan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk memberi jawapan. Satu jam.

3.03 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menggulung perbahasan Peringkat Dasar Belanjawan 2020.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, ini jawapan bajet ini kami tidak mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kami hendak Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Seramai...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Lynas yang bohong fasal Lynas ini, jangan jawab, tidak mahu. Ini *pasai* agama. *You* bohong *pasai* ini Lynas, *you* tuduh Lynas, *you* menangis. Hari ini *you* jawab fasal agama. Itu ciri-ciri ke arah munafik.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau, Lynas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami hendak Yang Berhormat Menteri Agama jawab.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau**,** Lynas kita bincang lain ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, Yang Berhormat tidak boleh, Yang Berhormat keluar.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau kata saya bohong fasal Lynas, tarik balik. Sila, sila tarik balik. Tarik balik.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri dia hendak tanya Yang Berhormat setuju kah tidak dengan isu Lynas ini? Itu saja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tisu, tisu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Itu isu lain.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Air mata sudah kering kah?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Itu isu lain. Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Air mata sudah mengalir.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Arau kata Yang Berhormat Kuantan bohong...

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, permintaan daripada Timbalan Menteri untuk tarik balik. Yang Berhormat Arau, sila tarik balik. Oleh sebab itu- sekarang ini adalah sesi perbahasan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Sila menjelaskan. Dengar.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau tadi kata saya menipu. Tarik balik sebab isu itu *very* subjektif. Yang Berhormat Arau, sila tarik balik. Yang Berhormat Arau, tarik balik. Sebelum saya teruskan, Yang Berhormat Arau sila tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat tidak menipu, tetapi tidak bercakap benar.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, itu perkara yang subjektif. Okey, saya setakat yang saya tahu memang saya tidak pernah *mention*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tengok video Yang Berhormat menangis.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, sila tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tanjong Karang duduk.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya hendak tanya soalan sebelum saya tarik balik. Apakah Yang Berhormat setuju dengan lesen yang diberi kepada Lynas? Itu sahaja.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Setuju atau tidak? Itu sahaja. Kalau Yang Berhormat setuju, okey. Itu sahaja.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak ada kena mengena dengan Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Apa pula, ini Yang Berhormat Menteri Agama lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Orang ini perbahasan, orang yang menjawab ini mesti ada kredibiliti.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Orang agama, dia tidak munafik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan Ahli-ahli Yang Berhormat lain bercakap. Yang Berhormat Arau, sila respons kepada minta tarik balik ayat yang telah dituturkan tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak tarik macam mana? Saya kata Yang Berhormat tidak bercakap benar, saya tengok video itu.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Bukti video.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi kalau...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Arau tarik baliklah, jangan buli wanita.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Diamlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kampar, jangan masuk campur dulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini bukan soal wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Tanjong Karang, saya hanya benarkan Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila. Sila, sebut. Sila Yang Berhormat Arau tarik balik dulu. *On* kan *mike.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya, *sorry, sorry.* Saya terima kasih, saya tarik balik perkataan tersebut kerana Yang Berhormat telah bersetuju bahawa lesen Lynas patut ditarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Timbalan Menteri teruskan memberi jawapan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau sudah lama dalam Dewan. Seharusnya tahu Peraturan Mesyuarat 36(6) ya, jangan bersangka jahat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menggulung perbahasan peringkat dasar Belanjawan 2020 di bawah Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama. Sebanyak 11 isu telah dibangkitkan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan. Pengurusan hal ehwal Islam semasa perbahasan peringkat dasar Belanjawan 2020 sama ada secara umum atau khusus.

Saya amat menghargai segala pandangan dan cadangan yang telah ditimbulkan di dalam perbahasan. Saya telah meneliti semua isu yang dibangkitkan dan akan menggunakan ruang ini untuk memberikan penjelasan ke atas isu-isu tersebut. Ada beberapa agensi yang terlibat di dalam isu-isu yang dibangkitkan iaitu JAKIM, Tabung Haji serta juga Yayasan Wakaf Malaysia. Ini tiga agensi yang terlibat di dalam isu-isu yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu yang pertama yang dibahaskan ialah berkenaan dengan isu KAFA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Rantau Panjang di dalam perbahasan ada menyentuh mengenai guru KAFA. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini guru KAFA dilantik secara sambilan atau sementara oleh agensi bertanggungjawab di negeri-negeri dan mereka perlu mengemukakan permohonan penyambungan sebelum tarikh tamat perkhidmatan.

Dalam hal ini, terdapat guru KAFA yang tidak memohon untuk menyambung perkhidmatan mereka sebagai guru KAFA. Selain itu, terdapat juga kes-kes terpencil yang mana guru KAFA yang dilantik tidak memenuhi syarat kelulusan minimum iaitu Sijil Pelajaran Malaysia yang menyebabkan permohonan mereka untuk menyambung perkhidmatan sebagai guru KAFA tidak dapat dipertimbangkan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan sentiasa prihatin dengan perkembangan pendidikan KAFA termasuklah dalam hal ehwal kebajikan guru-guru KAFA di seluruh negara. Mengambil kira perkembangan dan keperluan semasa Pendidikan Islam amnya dan pendidikan KAFA khasnya, kerajaan pada Oktober 2018 telah menubuhkan *task force* pewujudan jawatan guru dan menaik taraf jawatan Penyelia Kelas Al-Quran dan Fardu Ain iaitu KAFA. Daripada Oktober 2018 sehinggalah berakhir pada April 2019. Tujuan penubuhan *task force* ini untuk mengkaji dan menyemak semula tugas serta tanggungjawab guru dan penyelia KAFA bersama Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta juga Kementerian Pendidikan.

Hasil daripada *task force* tersebut mendapati, KAFA perlu distrukturkan semula. Antaranya ialah hari pembelajaran daripada tiga hari kepada lima hari, aspek kurikulum, aspek keberhasilan pelaksanaan, kemenjadian murid, pembentukan peribadi dan pembentukan nilai dalam diri murid. Ini memerlukan kepada latihan guru yang intensif serta pedagoginya bagi memenuhi aspek keguruan.

■1510

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Laluan. Jerai.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: ...Alat bantu mengajar, premis dan mewujudkan *memorandum of understanding* bersama agensi-agensi berkaitan. Tunggu saya habis, lepas itu boleh tanya soalan ya.

Berdasarkan penemuan-penemuan yang disebutkan tadi, kerajaan berhasrat untuk melihat kebajikan guru KAFA diberi perhatian serius. Namun, oleh kerana kekangan dasar pada hari ini yang melibatkan dasar perkhidmatan awam yang kejat, maka secara langsung guru-guru KAFA juga tertakluk kepada dasar ini.

Akan tetapi, ini tidak bermaksud usaha kita terhenti sehingga setakat ini. Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memperkasakan pendidikan KAFA termasuk daripada aspek kebajikan guru-guru KAFA. Mulai tahun 2020, kerajaan akan menaikkan elaun guru KAFA sebanyak RM100, menjadikan RM1,000 sebulan sebagai pengiktirafan kepada jasa mereka dalam pendidikan KAFA.

Mengenai guru Al-Quran dan fardu ain di kampung-kampung yang mengajar di surau-surau, ia bukanlah berada dalam skop guru KAFA di bawah JAKIM. Ya, silakan.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan KAFA ini, saya ingin dapat penjelasanlah. Adakah satu tarikh yang telah ditetapkan untuk menyerapkan guru-guru KAFA kepada guru tetap?

Kemudiannya yang kedua, sekarang diberi gaji RM1,000 sebulan. Adakah pihak kementerian ataupun JPM mengkaji gaji minimum untuk guru-guru KAFA sebanyak RM1,500?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, KAFA juga. Di negeri Selangor, KAFA ini dia ada bangunannya sendiri dan kebanyakan bangunan-bangunan ini memang daif, agak daif. Jadi saya hendak tanya, adakah JAKIM ada peruntukan khas untuk membaik pulih bangunan-bangunan KAFA dalam negeri Selangor?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Satu lagi tentang isu KAFA. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya berkaitan dengan isu kelayakan cuti berelaun kepada guru KAFA yang bersalin. Pada ketika ini, amalan yang dibuat oleh pihak JAKIM, guru perempuan yang bersalin tidak diberi elaun. Maknanya tidak dibayar gaji ataupun elaun ketika mereka cuti itu. Jadi, nampak macam polisi ini seolah-olah tidak menggalakkan guru-guru wanita KAFA ini untuk bersalin dan melahirkan anak. Jadi, nampak satu kepelikan. Adakah pihak JPM mengkaji balik polisi yang dibuat ini? Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Tanjong Karang dan Yang Berhormat Sik di atas soalan-soalan ini.

Saya ingin maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sejak KAFA ini ditubuhkan lebih kurang hampir 30 tahun, ada 32 ribu guru KAFA yang telah pun menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi. Malangnya, kebajikan mereka tidak dilihat daripada sepanjang 30 tahun tersebut. Maka, perkara ini memang kita iktiraf. Sebab itulah seawal Oktober 2018, *task force* guru KAFA ini ditubuhkan untuk melihat kepada kebajikan guru.

Kita hargai apa yang mereka telah lakukan di dalam mendidik anak-anak kita dan kita juga tahu bahawa jumlah peratus pelajar yang buta Al-Quran tinggi. Sekiranya kita tidak bantu di dalam kelas-kelas KAFA ini, tentu sekali ada ramai keluarga yang tidak mampu untuk memberi pendidikan asas fardu ain dan Al-Quran. Maka, *task force* itu memang khas melihat kepada khususnya kebajikan guru yang tertinggal sepanjang 30 tahun dan juga untuk melihat bagaimanakah skim-skim yang boleh kita serapkan, sekiranya kita serapkan mereka dalam perjawatan.

Kita siap buat kajian berkenaan dengan taburan guru, kelayakan guru sedia ada. Daripada 32 ribu guru itu, kita tahu berapa ramai yang ada sijil, berapa ramai yang ada diploma, berapa ramai yang ada ijazah. Jadi, hasrat kita masa kita mengkaji dulu ialah untuk melihat kepada semua ini. Jadi sekarang ini, syarat guru KAFA ialah mengajar tiga hari.

Akan tetapi, oleh kerana sepanjang 30 tahun itu pihak kerajaan tidak melihat bagaimana hendak penambahbaikan, maka negeri-negeri buat penambahbaikan sendiri. Ada negeri macam Johor mewajibkan kepada semua pelajar dan mewajibkan lima hari pembelajaran kelas KAFA. Ada negeri yang ada inovasi mereka sendiri, ada yang menambah elaun seperti Selangor, tambah RM500 dan sebagainya.

Jadi, saya hendak cerita bahawa KAFA ini, dia punya kedudukannya begini. Siapa *owner* KAFA? Dia ada jawatankuasa yang menubuhkan KAFA. Jawatankuasa inilah *owner*. Premis dicari oleh mereka. Kalau kerajaan negeri seperti Johor dan kerajaan negeri yang lain seperti Selangor dan sebagainya, mereka menyediakan premis. Akan tetapi, ada tempat yang cari sendiri premis. Ada balai raya, ada yang guna masjid, ada yang guna bangunan yang diwakafkan, ada yang guna bangunan tinggal pun. Jadi, ini keadaan yang selepas kita audit, kita lihat ini semua. Jadi, penambahbaikan KAFA ini, *task force* ini melihat macam mana kita hendak tambah baik.

Jadi kalau kita kata perjawatan guru, kita dapati bahawa kelayakan minimum untuk guru-guru KAFA ini kita kata *cut off* ialah diploma. Maksudnya kalau dia ada ijazah- ada lebih kurang 5,000 guru-guru KAFA yang ada ijazah sebenarnya. Akan tetapi, walaupun mereka ada ijazah, kita akan serapkan mereka di tahap diploma. Jadi kita melihat kepada gred S29, sekiranya kita hendak serapkan kepada jawatan penuh. Kita juga faham ada guru-guru KAFA yang ada SPM, yang tidak mampu lagi hendak sambung belajar. Jadi kita juga lihat sama ada kita boleh serapkan mereka dalam S19, skim 19. Jadi ini semua dalam *task force* yang kita buat.

Pasal bangunan ya. Oleh kerana bangunan itu milik kepada individu ataupun jawatankuasa itu, dia pun menimbulkan masalah. Ada bangunan daif dan sebagainya. Ke hadapan, kita libatkan Kementerian Pendidikan dan kita minta Kementerian Pendidikan untuk beri premis sekolah kebangsaan untuk mengadakan kelas KAFA. *Insya-Allah,* tahun hadapan, kita akan mulakan dengan projek rintis di mana sekolah kebangsaan itu akan digunakan sebagai premis untuk sekolah KAFA. Inilah wawasan kita ke hadapan, untuk menggunakan premis-premis sekolah kebangsaan sebagai premis kelas KAFA.

Berkenaan dengan elaun guru KAFA sewaktu bersalin. Saya akui, ini antara kebajikan guru KAFA yang tidak diperhatikan selama ini. Jadi, guru KAFA kalau cuti bersalin, memang tidak ada elaun selama ini. Sebab itu kita mahu mengiktiraf dan menyerapkan dalam perjawatan. Di Johor, mereka dapat elaun daripada kerajaan negeri. Kerajaan negeri bagi RM512. Jadi apabila mereka cuti bersalin, mereka dapat RM512 selama dua bulan. Elaun daripada JAKIM ini tidak ada, setakat ini. Akan tetapi, kalau mereka diserapkan ke dalam jawatan, tentu sekali kebajikan ini akan kita lihat juga.

Jadi, itulah dia berkenaan dengan bangunan, berkenaan dengan cuti bersalin, berkenaan dengan elaun, berkenaan dengan premis. Ini semua saya cerita latar belakang yang kita *study* dalam *task force* itu.

Berkenaan dengan tarikh, saya sebutkan tadi berkenaan dengan dasar penjawat awam yang kejat. Jadi, selagi dasar ini tidak diangkat, *as long as it is not lifted,* kita terikat dengan dasar tersebut. Akan tetapi, itu tidak bermaksud kita tidak buat apa-apa. Kita akan terus penambahbaikan, kita akan buat *pilot project* dan kita akan lihat- sebaik sahaja dasar ini diangkat, besar kemungkinan, *insya-Allah,* kita akan bawa sekali lagi berkenaan dengan kita punya dapatan-dapatan daripada *task force* kita tadi.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ada tambahan soalan? Saya ada banyak lagi isu ini.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Sikit sahaja. Saya hendak tanya tentang penyelia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi guru-guru KAFA ini di seluruh Malaysia hampir kurang lebih daripada 32 ribu guru-guru kita. Memandangkan setiap daerah ataupun di kawasan itu, penyelia KAFA akan menjaga hampir kurang lebih daripada 70 buah sekolah dan sebagainya. Penyelia KAFA ini penting untuk memantau dan juga untuk memberikan pandangan dan sebagainya khususnya kepada guru-guru dan juga di peringkat sekolah.

Daripada 32 ribu guru KAFA ini, berapakah populasi penyelia KAFA yang ada di dalam negara kita? Adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi penyelia-penyelia KAFA ini? Ini kerana merekalah yang akan memantau khususnya di peringkat daerah ataupun di sekolah-sekolah yang ada di dalam kawasan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Sila.

■1520

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Guru KAFA 32,400 di seluruh negara. Daripada 32,400 guru, penyelia seramai 482 orang. Itu jumlah penyelia guru-guru KAFA. Tentu sekali jumlah ini tidak mencukupi dan ia juga termasuk di dalam kajian yang kita buat. Kita juga mengkaji bagaimana peranan penyelia sebab seharusnya mereka menyelia dari segi prestasi guru-guru KAFA.

Akan tetapi, oleh kerana penyelia-penyelia ini di bawah Jabatan Agama Islam Negeri, kadang-kadang Jabatan Agama Islam Negeri mengarah mereka buat perkara yang lain selain daripada menyelia guru KAFA. Ini juga perkara yang kita lihat. Ada negeri saya terima aduan, Yang Berhormat, penyelia KAFA ini disuruh jadi penguat kuasa, disuruh buat kerja pentadbiran bawah Jabatan Agama Islam Negeri.

Jadi ini *along the way*, 30 tahun, ini yang berlaku. Jadi ini juga kita dalam radar kita, yang kita ambil tahu dan kita akan membuat semula panggilan kepada penyelia-penyelia ini supaya mereka betul-betul melaksanakan tugas mereka untuk menyelia guru-guru KAFA.

Kita juga khuatir berkenaan dengan guru KAFA yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Negeri, dibayar elaun oleh JAKIM. Kadang-kadang digunakan untuk tujuan politik. Ini juga kita akan perhatikan. Macam contohnya baru-baru ini, ada surat arahan daripada Yayasan Terengganu mengarahkan guru KAFA untuk hadir kepada Program Himpunan Menteri Besar. Jadi, perkara ini juga kita sedang pantau dan kita tidak mahu perkara ini berlaku. Kita mahu guru-guru KAFA kita fokus kepada mendidik anak-anak dan kita akan buat segala apa yang kita boleh buat untuk menjaga kebajikan mereka, *insya-Allah.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya pergi kepada perkara yang kedua iaitu berkenaan dengan aduan hina agama.

Yang Berhormat Sik menyentuh mengenai perbuatan menghina agama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pemantauan Isu Hina Agama telah diwujudkan di bawah Unit Komunikasi Korporat JAKIM pada 7 Mac 2019 sebagai penambahbaikan kepada fungsi jawatankuasa bersama antara JAKIM dan JAIN dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Bidang tugas Unit Pemantauan Isu Hina Agama ialah:

(i) menerima aduan awam mengenai hina agama melalui talian aduan aplikasi *WhatApps*;

(ii) membuat saringan awal dan mengenal pasti kesahihan aduan yang kebanyakannya tidak lengkap serta berulang; dan

(iii) aduan rasmi dihantar kepada pihak berkuasa seperti SKMM, PDRM dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri berkaitan.

Sehingga Oktober 2019, sebanyak 26,443 mesej telah diterima dan disaring. Daripada jumlah tersebut, 225 dikenal pasti sebagai aduan dan sebanyak 53 pautan berkaitan telah dipanjangkan kepada SKMM untuk tindakan lanjut.

Jadi, tidak kesemua mesej itu termasuk dalam kategori aduan yang memerlukan tindakan lanjut. Akan tetapi, ini salah satu daripada apa yang dilakukan oleh JAKIM untuk membanteras perbuatan menghina agama ini terutamanya dalam media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya.

Terus kepada Yang Berhormat Bagan Datuk dan Yang Berhormat Parit. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Datuk dan Yang Berhormat Parit ada memberi cadangan agar bantuan khas kepada imam, bilal, penjaga...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, sedikit kepada soalan yang saya timbulkan berkaitan dengan penghinaan agama itu. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan fungsi SKMM sendiri untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dalam soal pendidikan menghormati agama dan sebagainya.

Adakah pihak JAKIM sendiri dan SKMM ada suatu usaha bagaimana perlunya kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat ini supaya tidak timbul penghinaan agama dan sebagainya dan perlu dilihat secara konsisten dan tidak boleh mengharapkan masyarakat itu sendiri yang menyedari hal ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sila.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ya, terima kasih Yang Berhormat Sik. Pihak JAKIM ambil berat berkenaan dengan isu hina agama ini dan sentiasa mencari jalan bagaimana SKMM boleh mainkan peranan supaya perkara itu tidak berleluasa ya. Kalau ditanya, di mana kah kita, jawapan saya tentu sekali kita boleh perbaiki dan usaha itu berterusan untuk JAKIM memberi input kepada SKMM dan untuk SKMM menjalankan tugas mereka. Ya, Yang Berhormat Sik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit boleh? Muka masam pasal apa? Senyumlah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta, Yang Berhormat, setiap kali timbul masalah isu agama, orang pertikai Islam ini, Yang Berhormat Menteri akan jawab *rahmatan lil alamin*. Jadi, Yang Berhormat, terangkan dekat kami sedikit apa yang *rahmatan lil alamin* cara Menteri dan cara Islam yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, isu *rahmatan lil alamin,* saya akan jawab. Ia salah satu daripada isu yang dibangkitkan di dalam perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung Yang Berhormat Bagan Datuk dan Yang Berhormat Parit berkenaan dengan bantuan khas kepada imam, bilal, penjaga masjid dinaikkan kepada seperti dahulu iaitu RM1,500 seorang berbanding sekarang iaitu *One-Off* RM500.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pencerahan, kerajaan sentiasa berusaha memberikan yang terbaik dalam menjaga kebajikan para imam, bilal dan sebagainya. Buat masa ini, kerajaan telah pun membelanjakan sebanyak RM143 juta atau RM145.4 juta setiap tahun bagi membiayai 14,254 orang imam-imam di masjid seluruh negara. Jumlahnya RM145,390,800. Maksudnya RM145.39 juta.

Pemberian bantuan khas *One-Off* adalah merupakan inisiatif kerajaan yang diberikan berdasarkan kemampuan kewangan semasa. Pemberian bantuan khas sebanyak RM500 seorang kepada imam bukanlah tidak menghargai mereka, bahkan merupakan penghargaan daripada kerajaan kepada penjawat awam. Ini adalah yang dilakukan setiap tahun. Jadi kalau kita *refer*...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tunggu saya habis dahulu, Yang Berhormat Arau, boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh. Saya orang baik.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Orang baik tidak tuduh orang. Pemberian *one-off*...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini dendam. Orang sudah tarik balik semua dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tak apa. Sudahlah, sudahlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Walaupun dia buat tetapi saya tarik balik. Awak pendendam.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau jangan berniat jahat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sabar, Yang Berhormat Arau, sabar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Seorang wanita tak boleh memahami.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau jangan berniat jahat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lelaki sahaja yang kira berdendam ini.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau jangan gender, jangan *bias gender*. Yang Berhormat Arau duduk. Ini *my floor*. Yang Berhormat Arau duduk. Ini *floor* saya. Yang Berhormat Arau duduk. Ini *floor* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau tidak dapat kebenaran. Ya, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak. Dia tuduh mendendami saya...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, saya tidak beri kebenaran. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa dia banjir, saya sampai dahulu daripada dia. Saya sayang dekat dia tetapi hari ini saya...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Cinta tidak berbalaslah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, ini *floor* saya. Terima kasih. Saya tidak bermaksud saya tidak berterima kasih atas segala bantuan Yang Berhormat Arau sebelum ini ya, tetapi kita bercakap tentang perkara Yang Berhormat Arau sebut tadi dan saya kira ini satu perkara penghinaan kepada saya. Tidak mengapa, Yang Berhormat Arau, saya jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekejap. Saya hendak bagi ayat Al-Quran. Ayat Al-Quran.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tidak mengapa, Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat, *floor* saya. Yang Berhormat Arau, ini *floor* saya

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ayat Al-Quran ini... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Saya hendak bersyukur kepada Allah kerana dapat banyak yang Yang Berhormat telah sebutkan. Kami bersyukur.

Akan tetapi, saya hendak tanya satu soalan. Apakah Yang Berhormat Menteri Kewangan akan sampaikan *mock cheque* kepada Menteri ataupun Perdana Menteri yang akan sampaikan ataupun Menteri yang akan sampaikan kepada orang lain? Apa perlu Yang Berhormat Menteri Kewangan sampaikan *mock cheque* kepada Menteri Agama?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pemberian *one-off* RM1,500 pada tahun 2018 adalah sebenarnya merupakan gabungan bayaran pada tahun 2017 dan 2018. Ia digabungkan. Itu yang total RM1,500 sebenarnya. RM1,000 dibayar pada Januari 2018, RM500 dibayar perbelanjaan sempena Hari Raya Aidilfitri. Itu yang RM1,500. Jadi, tidak pernah *One-Off* RM1,500.

Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua, kepada isu pelajar luar negara dalam jurusan agama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit. Yang Berhormat Parit, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Jabatan Perdana Menteri, kerajaan melalui Jabatan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi, Tuan Yang di-Pertua? Boleh bagi jalan?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: *Sorry,* Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, pasal bayaran tadi itu, bayaran imam.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Imam?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya. Tadi Yang Berhormat Arau tanya itu. Tahun lepas apabila peruntukan untuk sekolah-sekolah tahfiz ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi *mock cheque* kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah itu satu dasar? Adakah tahun ini juga Yang Berhormat Menteri Kewangan akan bagi cek itu juga apabila bagi elaun-elaun kepada imam-imam ini?

■1530

Ini saya hendak tanya sebab bagi saya amat sensitif. Mengapa Yang Berhormat Menteri Kewangan hanya hendak mahu bagi cek apabila peruntukan kepada Islam? Kenapa di sekolah-sekolah lain dia tidak buat? Adakah ini ada matlamat politik dia? Jadi, adakah benda yang sama akan berulang lagi pada tahun ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Timbalan Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil maklum apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya ambil maklum juga berkenaan dengan sensitiviti tersebut.

Berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit, berkenaan dengan pelajar jurusan agama yang ingin melanjutkan pengajian ke luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Jabatan Perdana Menteri, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menaja seramai 277 orang mahasiswa yang melanjutkan pengajian dalam jurusan agama di luar negara sejak tahun 2012 melalui Skim Pembiayaan Hafiz yang kita tawarkan kepada pelajar tahfiz yang menghafaz 30 juzuk al-Quran. Pembiayaan ini meliputi universiti awam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia di tiga negara iaitu Jordan, Mesir dan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM6 juta setahun daripada tahun 2012 telah diberikan secara berterusan setiap tahun, RM6 juta setahun. Total daripada tahun 2012, dia telah menaja seramai 277 orang mahasiswa dan ia berterusan, *insya-Allah.*

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya sikit.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Berkenaan dengan isu apa?

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Yang tadi, Parit.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Berkenaan dengan pelajar?

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Pelajar luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Parit, teruskan.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita sedia maklum bahawa pelajar-pelajar kita ini dia hendak melanjutkan pelajaran di dalam, mahupun juga di luar negara. Kita juga sedia maklum ada negeri-negeri di bawah majlis agama ataupun yayasan juga menaja. Akan tetapi pada masa yang sama, ramai di kalangan pelajar-pelajar ataupun mahasiswa kita yang hendak melanjutkan pelajaran ke luar negara. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut seramai 277 orang. Rasa saya mungkin banyak lagi ataupun lebih lagi mereka yang hendak melanjutkan pelajaran.

Apakah inisiatif yang akan dilakukan oleh kerajaan khususnya bagi menaja pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah ataupun apa sahaja yang menyangkut paut tentang jurusan agama termasuk-lah juga di kalangan pelajar-pelajar kita yang berada di sekolah tahfiz yang cukup ramai. Mereka sebenarnya ada peluang dan potensi untuk melanjutkan ataupun menyambungkan pelajaran mereka ke luar negara dan dia juga memerlukan kepada pembiayaan termasuklah juga derma siswa dan sebagainya. Apa perancangan daripada kerajaan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sedikit tambahan berkaitan. Daripada 277 orang daripada tahun 2012, bermakna purata lebih kurang hanya 39 pelajar setahun yang dihantar oleh JAKIM. Saya fikir angka ini terlalu rendah. Apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan jumlah penghantaran kerana purata 39 orang setahun, saya fikir sangat rendah untuk dihantar khususnya bagi bidang-bidang yang telah disebut oleh Timbalan Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih soalan tadi Yang Berhormat Parit dan Yang Berhormat Kubang Kerian. Pertama, berkenaan dengan pelajar-pelajar tahfiz, memang itu syaratnya.

Untuk menawarkan biasiswa ini, pelajar itu harus merupakan seorang hafiz, sudah hafal 30 juzuk al-Quran daripada sama ada Darul Quran ataupun mempunyai Diploma Tahfiz daripada mana-mana maktab tahfiz yang diiktiraf oleh kerajaan.

Jumlah RM6 juta setahun itu ialah saya ambil maklum apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian sebab daripada tahun 2012 hingga sekarang, jumlahnya ialah RM6 juta setahun dan memang itu-lah angka mungkin yang dapat ditaja. Akan tetapi pada tahun 2020, JAKIM telah pun membuat permohonan tambahan untuk menaja pelajar-pelajar tahfiz ini. Jadi, kita memohon daripada RM6 juta hingga RM8 juta setahun ditambah peruntukan untuk tahun 2020.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sikit boleh? Tentang isu yang sama. Tadi dimaklumkan juga dihantar ke Jordan pelajar tahfiz, ke universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Setakat makluman saya di Jordan, untuk pelajar tahfiz melanjutkan pengajian di peringkat qiraat, yang ada hanya sebuah universiti iaitu WISE dalam bidang Ulum Islamiah yang setakat ini saya dimaklumkan belum mendapat pengiktirafan kerajaan.

Jadi, saya hendak dapat maklumat, ke universiti mana pelajar itu dihantar di Jordan dan adakah kerajaan berhasrat untuk melebarkan lagi ke universiti yang saya sebutkan tadi untuk pelajar tahfiz? Adapun pengajian Islam, itu sudah pun kita maklum, ia banyak universiti tetapi khususnya untuk *qiraat* yang merupakan lanjutan kepada pelajar tahfiz.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon sikit, soalan berkaitan. Nanti jawab sekali. Ia berkaitan skim pembiayaan tahfiz ini, dalam senarai iklan yang dibuat oleh pihak JAKIM, senarai pengajian di luar negeri hanya Pengajian Islam, Qiraat dan Sastera, tiga bidang pengajian. Ada permohonan yang saya sendiri dipohon oleh pelajar untuk membangkitkan, ada pelajar yang hendak melanjutkan ke luar negeri dalam bidang pergigian dan juga bidang perubatan. Jadi, mereka nampak tidak layak untuk memohon skim ini kerana senarai itu tidak terdapat dalam untuk luar negeri. Jadi, mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih. Jadi setakat yang maklumat yang ada pada saya, di Jordan nama universitinya Al al-Bayt; Amman, Jordan; Hashemites, Jordan; *University of Jordan*; dan Yarmouk, Jordan. Ini yang makluman pada saya. Jurusan agama ini...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, maksudnya kalau itu universiti sudah hantar, itu bukan bidang *qiraat*.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ya, betul.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Bidang Pendidikan Islam tadi. Saya mengharapkan...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ya.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat membesarkan lagi saiz untuk ke *qiraat*.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ya, saya dengar apa yang dikatakan itu. Ini kerana setakat ini, jurusan yang kita tawarkan ialah Pengajian Islam dan Perubatan. Mereka kena hafiz baru boleh *apply.* Jadi kita dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus tadi dan kita akan masukkan di dalam perkara-perkara yang kita akan kaji di masa hadapan kalau mereka hendak masuk ke bidang tersebut. Terima kasih.

Saya pergi kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit juga, berkenaan dengan Pertandingan Debat Piala Tun Razak. Yang Berhormat mencadangkan kerajaan mengambil tindakan terhadap gerakan yang cuba dilakukan untuk meliberalisasikan masyarakat Islam di Malaysia dan ingin tahu, apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk menangani isu ini, apakah respons yang diberikan oleh kerajaan, apakah bentuk tindakan yang dilakukan, apakah jaminan kerajaan dalam menangani isu ini agar tidak berulang lagi.

Buat makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JAKIM memang mengambil berat perkara ini sebenarnya dan kita ada berpendirian. Contoh berkenaan dengan liberalisme yang bermaksud suatu aliran pemikiran yang memberikan kebebasan mutlak kepada individu dalam mentafsirkan agama Islam tanpa terikat dengan dasar dan sumber ajaran Islam yang telah disepakati oleh para ulama muta'bar. Manakala pluralisme juga bermaksud fahaman atau keyakinan bahawa agama Islam adalah sama dengan agama lain, tidak ada mana-mana agama yang boleh mengaku agamanya lebih benar daripada agama lain.

Jadi, pihak kerajaan melalui JAKIM memang mengambil berat berkenaan dengan perkara ini. Beberapa muzakarah khas, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam telah pun membuat fatwa dan perundangan berkenaan dengan perkara ini, juga penjelasan-penjelasan dilakukan berkenaan dengan perkara ini.

Jadi, apa yang berlaku dalam isu debat ini tadi ialah satu perkara yang amat-amat kita kesali, tidak seharusnya berlaku. Saya juga menegaskan bahawa JAKIM harus meletakkan pendirian yang tegas dalam hal ini kerana tidak seharusnya ketua juri terlepas, yang kita tahu secara terang menyatakan dalam *Facebook* beliau, berkenaan dengan pendirian beliau.

Jadi, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengeluarkan kenyataan dan saya sendiri secara peribadi mengatakan secara kesal bahawa mereka dilantik sebagai juri. Ia sesuatu yang tidak harus berlaku kerana tajuk yang mereka berikan sungguh menunjukkan bahawa kita tidak sensitif di dalam negara kita yang meletakkan Islam sebagai Agama Persekutuan dan menolak kefahaman liberalisme ini.

■1540

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Menolak pendirian kefahaman liberalisme ini.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kuala Krau. Terima kasih. Dalam pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan terhadap juri yang dan juga penganjur tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit lagi. Isu yang sama. Saya sangat prihatin dengan penegasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi isu kronisme dan *laborisms* ini. Adakah JAKIM akan mengambil tindakan juga terhadap ucapan-ucapan seumpama itu yang disebut oleh- ketika kempen pilihan raya yang lalu oleh seorang Yang Berhormat Menteri yang hari ini menjadi Yang Berhormat Menteri.

Juga kehadiran pemimpin negara ataupun Ahli Parlimen ke Program Deepavali yang menunjukkan seolah-olah menganggap ia dibolehkan sedangkan ada fatwa yang tidak membolehkan orang Islam untuk hadir upacara keagamaan dan ia berlaku sekarang. Ada gambar yang di*viral*kan. Apa pandangan JAKIM dalam isu ini yang melibatkan Ahli Parlimen dan Yang Berhormat Menteri itu sendiri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Di dalam isu pentadbiran hal ehwal Agama Islam, kita akur kepada peranan Jabatan Agama Islam Negeri. Sekiranya satu-satu perkara itu berlaku di dalam negeri mana-mana, maka tanggungjawab untuk mengambil tindakan ialah di bawah Jabatan Agama Islam tersebut.

Jadi, sekiranya ia berlaku di dalam negeri Selangor, maka Jabatan Agama Islam Negeri Selangor lah yang bertanggungjawab, oleh sebab kita menghormati pemisahan ini yang diberikan kuasa kepada negeri-negeri.

Jadi, berkenaan dengan Yang Berhormat Menteri tadi yang disebut yang berkenaan dengan yang hadir dalam Program Deepavali dan melakukan sesuatu. Ia bukan setakat hadir dan melakukan sesuatu ataupun dan sebagainya, JAKIM ada memberikan pandangan secara peribadi berkenaan dengan perkara ini.

Jadi, saya tegaskan bahawa ada pemisahan di antara hadir di dalam majlis keagamaan oleh sebab itu ada pendirian yang berbeza dan ada terlibat dengan acara keagamaan. Ada beza itu. Hadir dan kemudian terlibat dalam acara keagamaan. Kadang-kadang ada juga di kalangan pemimpin mungkin tidak tahu dan tidak sedar bezanya, *where you draw the line.* Jadi, di situlah JAKIM mempunyai berperanan untuk menegur dan memberikan garis panduan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma apabila melibatkan kepimpinan negara, saya rasa JAKIM kena buat kenyataan terbuka menasihatkan, bukan hanya pandangan tertutup. Kalau pada rakyat barangkali mungkin, akan tetapi melibatkan orang besar akan jadi ikutan kepada orang ramai, maka akan menjadi fitnah kepada umat. Itu pandangan saya lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya ambil maklum di atas pandangan tersebut dan akan dibincangkan semula di dalam pendirian-pendirian yang diambil oleh JAKIM dan juga di dalam majlis-majlis muzakarah di masa akan datang.

Saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Sudah keluar kah? Berkenaan dengan tindakan terhadap majikan yang menghalang wanita Islam berpakaian menutup aurat atau yang dipaksa menghidangkan arak. Pagi tadi telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia bahawa garis panduan menunaikan solat dalam waktu kerja telah dilancarkan oleh Kementerian Sumber Manusia pada Januari 2019. Garis panduan Etika Berpakaian di Tempat Kerja bagi Sektor Swasta telah diselesaikan, disemak oleh Panel Pakar Syariah JAKIM.

Kita sudah siapkan dan sudah pun selesai menyemak dan tunggu masa untuk dilancarkan.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini soal pakaian patuh syariah. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri, apakah usaha-usaha lain untuk memastikan perkara ini tidak berulang dan juga supaya macam syarikat-syarikat penerbangan seperti *AirAsia*, kita tidak payah hendak hujahkan sangat perkara ini oleh sebab kita sendiri tahu ketika kita naik ke mana-mana pesawat *AirAsia*, pakaian pramugari *AirAsia* begitu menjolok mata sekali.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri, apakah ketetapan dan juga pendirian Yang Berhormat Menteri berdasarkan perkara ini dan juga saya hendak bertanya penerapan hal-hal Ad-din dan juga syariah di semua kementerian. Kadang-kadang saya lihat ada beberapa kementerian yang tersasar mengenai hal-hal ini. Di manakah letak ketetapan dan juga pendirian kementerian di bawah Jabatan Perdana Menteri, soal-soal agama misalannya dari segi perundangan, penghinaan terhadap Agama Islam yang begitu lambat diambil tindakan?

Kedua, Kementerian Sumber Manusia hal-hal pakaian patuh syariah, dipaksa pekerja-pekerja kalau memakai tudung di kaunter-kaunter tidak boleh dibenarkan. Kementerian Pengangkutan dari segi pakaian-pakaian di pesawat-pesawat dan juga apa sahaja yang berkaitan dengan perkara itu dan soal-soal halal dan haram. Saya berharap kementerian ini diberi tempat utama di semua kementerian supaya penerapan hal-hal Islam itu diletakkan di tempat yang sepatutnya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Kangsar, ini isu baharu ya? Seharusnya dalam penggulungan kita tidak membangkitkan satu isu yang baharu.

Jadi, berkenaan dengan isu etika pakaian tadi saya tegaskan bahawa garis panduan ini sudah pun sampai ke tahap yang akhir dan sudah disemak oleh Jawatankuasa Panel Pakar Syariah JAKIM.

Dia daripada perspektif pakaian wanita Islam, contohnya kalau wanita Islam itu tidak boleh, tidak dibenarkan menutup aurat, maka itu diskriminasi. Dia seharusnya dibenarkan menutup aurat. Jadi, apabila kod etika ini diguna pakai, maka kita akan kaji semula semua dasar-dasar yang berkaitan yang selama ini tidak boleh. Contohnya *front desk* hotel contohnya kan. Jadi kita akan kaji semula.

Berkenaan dengan kod etika bukan Islam. Itu isu lain. Kalau ia menjolok mata, itu isu lain. Oleh sebab, katakanlah dia bukan Islam dan itu *uniform* di tempat kerja. Jadi JAKIM tidak boleh *impose as at now.* Kita belum tengok kepada itu. Yang kita tengok ialah apabila orang Islam tak nak pakai macam itu. Apabila orang Islam tak nak pakai macam itu, ini dia garis panduan etika berpakaian.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, hanya satu lagi mungkin satu usaha dan ketetapan dan peraturan memberi *option* kepada pekerja-pekerja untuk memilih untuk memakai patuh syariah atau tidak. Saya rasa *option* itu harus diberi kepada setiap warga Malaysia akan tetapi kalau boleh memakai pakaian patuh syariah itu terbaik. Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Kuala Kangsar, apabila kita keluarkan garis panduan etika berpakaian di tempat kerja ini dia akan termasuk dalam itu. Maksudnya memang *it is the right,* itu hak bagi seorang wanita Islam untuk memakai pakaian patuh syariah dan *it is discriminatory* sekiranya beliau tidak dibenarkan.

Jadi itu dari segi prinsip dan dari segi dasarnya. *Insya-Allah* garis panduan ini akan melihat kepada perkara tersebut. Jadi kalau timbul keadaan di masa hadapan, seorang wanita Islam itu tidak dibenarkan memakai pakaian yang *compliance* dari segi syariah dan dia diskriminasikan oleh kerana dia tidak patuh, tidak mahu akur kerana dia hendak pakai pakaian patuh syariah maka itu merupakan *discriminatory* kalau ikut definisi dalam Perlembagaan, *there should be no discrimination* daripada *race, religion or gender*.

Insya-Allah perkara yang kedua tadi *for the non-Muslim,* etika pakaian itu isu lain ya. *Insya-Allah*. Jadi, saya hendak terus kepada Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar ada dalam ini? Yang Berhormat Kapar saya hendak bagi fasal masjid mesra OKU saya bagi jawapan bertulis ya oleh sebab saya kejar masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada 14 minit lagi.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Saya teruskan kepada isu Tabung Haji yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa ada dalam Dewan. Yang Berhormat Setiawangsa dalam sesi perbahasan pada 15 Oktober 2019 yang lalu ada memberikan cadangan berkaitan Tabung Haji agar kembali kepada tujuan asal penubuhannya agar matlamatnya tidak tersasar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi-fungsi Lembaga Tabung Haji seperti mana yang termaktub dalam Akta Tabung Haji 1995 iaitu Akta 535, Perkara 41, mentadbirkan kumpulan wang, mentadbirkan segala perkara yang berkenaan dengan kebajikan jemaah haji dan untuk merumuskan dasar yang berkaitan dengannya serta melakukan apa-apa urusan lain yang dikehendaki atau dibenarkan dilakukan di bawah akta ini, di dalam perkara 41.

■1550

Kemudian, pengurusan haji kendalian Tabung Haji adalah berlandaskan garis panduan yang ditetapkan mengikut sistem pengurusan ISO 9001/2015. Kita ada ISO berkenaan dengan sistem pengurusan kualiti operasi haji. Perkhidmatan yang diberikan Tabung Haji kepada para jemaah haji negara berada pada tahap yang terbaik sehingga diiktiraf oleh Kerajaan Arab Saudi. Itu peruntukan Perkara 41. Manakala, peruntukan di bawah seksyen 16(2)(b), Akta Tabung Haji 1995 pula membenarkan Tabung Haji untuk menggunakan simpanan pendeposit untuk tujuan pelaburan.

Maka dengan itu, aktiviti pelaburan yang dilaksanakan oleh Tabung Haji juga adalah selari dengan matlamat penubuhan Tabung Haji. Tabung Haji merupakan institusi yang diamanahkan untuk mentadbir dana pendepositnya dan dalam masa yang sama memastikan kepentingan mereka terus terpelihara. Pengurusan dana yang mampan untuk menjana pendapatan yang stabil mampu memberikan keupayaan kewangan Tabung Haji dalam menanggung kos operasi hajinya termasuklah tanggungan subsidi haji.

Sejak dari penubuhan Tabung Haji pada tahun 1963, kos-kos operasi haji yang terlibat ditanggung oleh Tabung Haji hasil daripada pendapatan perniagaannya. Ini juga selari dengan matlamat penubuhan Tabung Haji dalam mentadbir hal ehwal haji dan pengurusan dana pendeposit. Walaupun mungkin sebelum ini ada perkara-perkara yang kita tidak ingini di dalam Tabung haji yang membawa kepada penstrukturan semula Tabung Haji, pada hari ini Tabung Haji mengambil langkah inisiatif untuk menumpukan di dalam pelaburan yang lebih mampan dan stabil seperti pelaburan dalam pendapatan tetap dan pasaran wang.

Tabung Haji juga akan terus mengekalkan operasinya seperti mana yang diperuntukkan dalam akta Tabung Haji supaya kedua-dua aktiviti haji dan pelaburan diuruskan oleh satu organisasi. Sebab kita perlukan pelaburan itu untuk menampung subsidi tadi.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: *[Bangun]*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Saya habiskan dulu Yang Berhormat Setiawangsa. Sekiranya dua organisasi ditubuhkan secara berasingan dalam menguruskan haji dan dana pendeposit, maka akan wujud pertindihan fungsi dalam mentadbir organisasi tersebut termasuk akan meningkatkan kos keseluruhan bagi menampung kos pentadbiran dan pengurusan yang berbeza. Natijahnya, Tabung Haji akan terus meneroka peluang pelaburan secara berhemah, akan terus mengekalkan tahap tadbir urus yang tinggi dalam mentadbir dana serta pengurusan haji yang dipertanggungjawabkan kepadanya selari dengan Akta Tabung Haji 1995. Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua atas jawapan tersebut dan Setiawangsa mengalu-alukannya. Cuma, Setiawangsa ingin bertanya adakah pihak Tabung Haji mampu untuk mengurangkan lagi kos haji yang sedia ada dengan melihat daripada corak pengurusan dan sekiranya mungkin ada pembaziran atau ketirisan sedia ada yang boleh dikurangkan supaya akhirnya jemaah haji boleh membelanjakan wang yang lebih rendah daripada hari ini untuk mengerjakan ibadah haji.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin. Rompin.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sedikit. Saya hendak kaitkan dengan soalan yang dibangkitkan ialah soal subsidi haji yang disebut tadi. Kita akui bahawa kerajaan hanya bagi subsidi kepada mereka yang pergi haji dengan Tabung Haji kali pertama tetapi tidak mendapat subsidi mereka yang pergi bersendirian dengan syarikat swasta. Sedangkan keuntungan yang diperoleh untuk subsidi itu daripada wang yang disimpan oleh pencarum.

Saya fikir kerajaan perlu pertimbangkan supaya mereka yang pergi kali pertama sama ada dengan syarikat swasta ataupun dengan Tabung Haji layak mendapat subsidi kerana subsidi kerana subsidi itu daripada simpanan dia. Dari segi syaraknya pun dia berhak mendapat subsidi walaupun dia pergi dengan syarikat swasta kerana faktor-faktor kesihatan, faktor-faktor lain yang memerlukan dia pergi dengan syarikat swasta. Mohon jawapan sekalilah dalam soalan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sila.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin sedikit, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Rompin sila.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, jelas bahawa semenjak Tabung Haji ditubuhkan, kerajaan tidak pernah mengeluarkan wang untuk menampung subsidi kepada mereka-mereka yang pergi ke Makkah.

Ternyata bahawa itu kejayaan yang sangat membanggakan Tabung Haji sejak ia ditubuhkan dan dia telah berjaya menguruskan orang pergi haji, subsidi dan mengembangkan perniagaan serta mempertingkatkan harta umat Islam dalam negara kita ini.

Kebimbangan kita ialah ada kecenderungan pihak Tabung Haji untuk tidak mengembangkan perniagaan, hanya menguruskan tabung sahaja dan ini sudah pasti lari daripada matlamat yang saya selalu tegaskan dari segi fardu ain dan fardu kifayah. Saya berharap pengurusan Tabung Haji tidak lari daripada tujuan asas dan Akta Tabung Haji dipinda untuk memenuhi kehendak semasa hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik terima kasih. Sila Timbalan Menteri menjawabnya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiawangsa tadi, kita sentiasa mencari jalan bagaimana untuk menurunkan kos operasi haji. Contoh pada tahun 2019, kos operasi ialah RM22,900 sedangkan yang dibayar oleh jemaah ialah RM9,980 ya. Jadi subsidinya 55 peratus, RM12,900 kita subsidi. Jadi, apa yang sedang dikaji oleh pihak Tabung Haji ialah untuk menurunkan kos dan ada satu Jawatankuasa Exco Urusan Haji ditubuhkan khas di bawah Jabatan Perdana Menteri. Satu Jawatankuasa Exco Urusan Haji ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk melihat perkara-perkara ini, antaranya berkenaan dengan kos.

Contohnya selama ini kita ambil kos yang paling tinggi ialah penerbangan dan tempat tinggal. Jadi, selama ini kita guna seratus peratus *charted*. Kita sedang *explore* ada kemungkinan sebahagian *charted*, sebahagian komersial. Itu contohlah antara perkara-perkara yang kita sedang kaji. Kita yakin bahawa *cost cutting* ini boleh kita turunkan- kos itu boleh diturunkan dan akhirnya subsidi itu tidak begitu tinggi. Oleh kerana jumlah yang dibayar oleh jemaah itu RM9,980 juga sedang dikaji 10 tahun tidak berubah dari segi jumlah tersebut, juga sedang dikaji.

Berkenaan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi, sebenarnya apabila 30,200 jemaah haji itu kuota yang diberikan kepada Kerajaan Malaysia, apabila Tabung Haji menawarkan kepada satu-satu jemaah itu bahawa dia boleh pergi haji, dia termasuk dalam 30,200, jemaah haji itu boleh memilih untuk pergi melalui muassasah ataupun melalui pakej. Sebanyak 870 peratus jemaah haji mengikut muassasah dan mereka yang mengikut muassasah ini layak menerima subsidi.

Siapa yang memilih untuk melalui pakej, kita andaikan mereka mampu. Jadi, apabila kita andaikan mereka mampu, sebab konsep tunaikan haji ini juga mampu, jadi kita andaikan bahawa mereka tidak perlukan subsidi tersebut. Jadi, kita juga di masa hadapan sedang mengkaji bagaimana kita boleh bagi subsidi bersasar. Oleh sebab subsidi bersasar ini orang yang betul-betul perlukan, merekalah yang harus diberikan subsidi yang paling banyak berbanding dengan orang yang mampu. Jadi, itu sedang dalam kajian oleh Jawatankuasa Exco Urusan Haji yang ditubuhkan khas ini dan *cost cutting*, integriti, ketirisan, itu semua kita tengah tengok. *Layers* yang berlaku, kita kena tengok kepada *detail* dia dan lihat bagaimana kita boleh turunkan kos operasi haji.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sedikit sahaja. Saya hendak dapatkan penjelasan soal subsidi ini, apakah diambil daripada keuntungan Tabung Haji ataupun daripada sumbangan luar. Kalau daripada keuntungan Tabung Haji, semua pencarum dari segi syarienya, dia layak mendapat sebab itu hak dia sama ada dia hendak pergi dengan swasta, pakej ataupun dengan muassasah. Sebab itu hak dia. Jadi, saya perlu dapatkan penjelasan. Kalau sekiranya subsidi itu diambil daripada simpanan pencarum, maka saya fikir kerajaan perlu pertimbangkan sebab itu hak syarie yang dia sepatutnya miliki. Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sebabnya, subsidi dia ada hibah ya. Hibah itu daripada keuntungan. Akan tetapi, subsidi ini dia ada banyak, ada daripada CSR dia dan sebagainya. Dia bukan semuanya daripada pelaburan.

Jadi, memang kita akui lah bahawa yang seharusnya menerima subsidi ini memang orang yang hendak pergi haji tetapi tidak mampu pergi haji, simpan duit tiap-tiap bulan, bertahun-tahun tetapi sampai umur 70 tahun dan sebagainya tidak cukup lagi duit, mereka inilah yang seharusnya kita bantu untuk dapat pergi haji.

■1600

Jadi, Yang Berhormat Rompin, saya sebut tadi kepada Yang Berhormat Rompin berkenaan dengan seksyen 16(2)(b) berkenaan menggunakan simpanan pendeposit untuk tujuan pelaburan. Memang ini dilakukan dan harus dicari jalan bagaimana hendak mengembangkan perniagaan. Cuma, ia tidak boleh berisiko tinggi, sebab ini adalah tabung rakyat. Kalau risiko tinggi itu terlalu tinggi, jadi mungkin akan menimbulkan masalah dalam pelaburan. Akan tetapi, ia tidak menyekat mengembangkan perniagaan.

Saya ingin teruskan...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, Hulu Terengganu.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sikit. Saya hendak bertanya soal adakah Tabung Haji ini tidak menggalakkan lagi pendeposit setelah mereka ini telah menunaikan haji kali pertama? Ini kerana apa yang kita lihat bahawa pembayaran hibah ini makin merosot. Adakah Tabung Haji sebenarnya tidak lagi memerlukan pendeposit-pendeposit yang telah menunaikan haji? Contohnya, dia hendak simpan sebagai pelaburan, dengan duit pelaburan itu dia boleh pergi pakej *Tabung Haji Travel,* contohnya. Dia sudah banyak duit, dia boleh pergi yang lebih tinggi daripada itu. Akhir-akhir ini dilihat bahawa pengurangan hibah ini dilihat bahawa Tabung Haji tidak lagi menggalak untuk terus lagi melabur ke Tabung Haji. Apa komen Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Terengganu ingin mencelah. Silakan.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Isu di Terengganu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ialah pada musim haji baru-baru ini, rungutan yang kita terima daripada rakyat yang menunaikan haji adalah penerbangan ke Mekah bertolak pada waktu tengah malam ataupun awal pagi. Ini menyusahkan penduduk. Jadi, apakah pandangan ataupun perancangan Tabung Haji untuk hendak mengelakkan daripada hal tersebut berlaku?

Kedua, beberapa tahun yang dulu, orang Terengganu ke Mekah, penerbangan *direct* daripada Kuala Terengganu terus ke Mekah. Apakah Tabung Haji tidak bercadang untuk meneruskan rancangan tersebut untuk masa-masa yang akan datang? Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Jempol. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jempol tadi bertanya berkenaan dengan hibah. Hibah ini ia ada syarat dalam Akta Tabung Haji. Syaratnya yang pertama, liabiliti tidak boleh melebihi aset. Syarat yang kedua, Tabung Haji mesti buat keuntungan yang mencukupi untuk hibah dikeluarkan.

Kenapa peratus hibah yang dikeluarkan pada tahun ini dilihat rendah berbanding dengan tahun sebelumnya? Ini kerana tahun sebelumnya, syarat itu tidak ditepati sebenarnya. Akan tetapi, pengurusan Tabung Haji pada ketika itu memberikan juga jumlah hibah yang tinggi dalam keadaan dua syarat tersebut tidak dipenuhi, dua syarat dalam akta. Jadi apabila selepas *restructuring* dan kita *stabilize*-kan balik *balance sheet* Tabung Haji itu dan aset melebihi liabiliti, barulah kita boleh beri hibah mengikut akta. Tidak menyalahi akta.

Jadi sekarang ini, kita lihat bahawa keuntungan telah meningkat. Kalau kita *project* ke tahun hadapan, kita jangkakan hibah itu akan meningkat berpandukan kepada keuntungan yang telah dibuat sepanjang setengah tahun yang pertama pada tahun ini.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Saya belum habis lagi.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya tanya fasal aset dengan *liabilities*? Saya tertarik dengan jawapan ini.

Oleh sebab saya ditanya oleh rakan-rakan orang Islam juga. Kenapa baru-baru ini Tabung Haji sendiri menjualkan ekuiti dalam Tenaga Nasional Berhad (TNB), sedangkan ia adalah satu perniagaan yang memang menguntungkan? Kalau itulah yang menyebabkan terhakisnya keuntungan dan akhirnya menjejaskan hibah yang diberi kepada pendeposit Tabung Haji, saya rasa susah. Kita patut memikirkan cara terbaik supaya dapat memaksimumkan hibah. Kalau tidak, orang kampung berasa hiba, bukan hibah. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Minta Menteri jawab tadi tidak habis. Jempol, jempol. Tidak habis tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Hulu Terengganu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia janji hendak jawab saya tadi.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Saya belum habis lagi. Jadi, bagi saya peluang. Boleh Yang Berhormat Arau duduk dulu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak jawab lagi itu *Rahmatan lil 'alamin...*

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Belum. Yang Berhormat Arau boleh duduk dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi peluang kepada Menteri untuk menjawab satu persatu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ya, bagi saya jawab satu-persatu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi saya tanya siap-siap, bagi pegawai tolong jawab di belakang. Yang Berhormat, nombor satu, *Rahmatan lil 'alamin*. Nombor dua...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, *this is my floor.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Sila duduk Yang Berhormat Arau. Lagi pun masa pun sudah habis sebenarnya, Yang Berhormat. Yang Berhormat memerlukan berapa banyak masa lagi?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan habiskan Tabung Haji, saya ada isu wakaf dan saya ada isu *Rahmatan lil 'alamin.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini hendak tanya soalan, Yang Berhormat, sikit sahaja.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Duduklah kalau tidak mahu jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit sahaja, Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat janji. Kalau Yang Berhormat tidak hendak jawab, Yang Berhormat jawab secara bertulis, okey.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Boleh saya teruskan jawapan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang pertama...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab dahulu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan dulu apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol. Sebenarnya, kalau ikut etika perbahasan ini, penggulungan, Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka tidak bahas, mereka tidak seharusnya bangun, Tuan Yang di-Pertua. Jadi seharusnya tidak mencelah. Jadi, masa bahas patutnya bangkitkan, bukan masa dalam penggulungan ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa Barisan Nasional, semua boleh bahas sebab bagi masa setengah jam. Sini bagi masa 10 minit, hendak bahas macam mana?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Di sini Ahli-ahli Parlimen sudah lama. Seharusnya lagi faham berkenaan dengan...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, itu adab perbahasan. Kalau tidak dibangkitkan pada peringkat dasar, tidak boleh dibangkit sekarang. Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab apa yang dibangkitkan awal dalam peringkat perbahasan. Ya, silakan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Saya hendak habiskan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jempol tadi. Yang Berhormat Jempol, jawatankuasa ini jawatankuasa yang saya kata tadi sedang mengkaji berkenaan dengan profil pendeposit. Sebab, ada pendeposit simpan duit memang duit sepanjang hayat dia, sepanjang hidup dia untuk pergi haji. Ada pendeposit untuk mahukan pelaburan. Jadi, profil ini sedang dikaji dan pihak pengurusan Tabung Haji sedang melihat kepada mungkin memberikan hibah yang berbeza. Sebab, kalau yang dapat hibah sikit tetapi subsidi, yang sudah pergi haji tetapi hendak pelaburan, mungkin hibahnya berbeza. Jadi, sedang dikaji berkenaan dengan profil pendeposit ini. Jadi, bukan kita ambil *lump sum* macam dulu. *Insya-Allah,* ini ke hadapan.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Kuala Terengganu. Yang Berhormat Kuala Terengganu berkata berkenaan dengan *flight* tengah malam. Sebenarnya...

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Hulu Terengganu, maaf. Yang Berhormat Hulu Terengganu berkenaan dengan *flight* tengah malam. Sebenarnya apabila *flight* tengah malam, kita sampai itu waktu sedang elok tengah hari dekat sana. Jadi kalau kita penerbangan itu siang dekat sini, kita sampai waktu tidak sesuai di sana. Jadi, supaya bila mereka sampai itu sesuai dengan waktu di Mekah ataupun di Madinah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak sebut. Yang lain itu saya jawab bertulis. Berkenaan dengan Tabung Haji jual saham TNB, ini tidak benar. Tabung Haji masih memegang ekuiti TNB. Ini tidak benar dan itu memang Tabung Haji sangkal. Memang Tabung Haji tidak menjual saham-saham TNB. Berkenaan dengan- saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira saya perlukan masa 15 minit lagi. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Berkenaan dengan Yang Berhormat Tampin, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tampin berkenaan dengan pengurusan dana Islam berkenaan dengan Yayasan Wakaf...

Seorang Ahli: Tiada.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Tampin tidak ada? Jadi, saya jawab secara ringkas sebab saya kira ini perkara yang amat penting...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Tampin tidak ada.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: ...Untuk direkodkan dalam *Hansard* berkenaan dengan Yayasan Wakaf yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tampin.

Pada hari ini, kita akui bahawa wakaf ini bagi umat Islam adalah satu legasi. Satu legasi yang lama agak tidur, harus kita bangkitkan dan kita harus perkasakan. Harus kita gunakan dana wakaf, dana zakat dan semua institusi dana, sumbangan, infak dan sebagainya untuk membangunkan sektor ekonomi umat Islam. Jadi, kita di Jabatan Perdana Menteri sedang merangka satu *blueprint* sosioekonomi umat Islam menggunakan dana bukan daripada *taxpayer,* bukan daripada pembayar cukai, tetapi terdiri daripada wakaf, daripada zakat, infak dan sebagainya untuk membangunkan sosioekonomi umat Islam dalam membanteras kemiskinan dan sebagainya.

Dasar-dasar sedang dirangka dan satu *masterplan* untuk memacu pelan ini sedang kita rangka dan siapkan juga. *Insya-Allah,* doakan kita supaya kita boleh buktikan kita boleh membasmi kemiskinan, kita boleh memperkasakan sosioekonomi umat Islam menggunakan dana wakaf dan dana zakat ini dan mewujudkan institusi seperti hospital wakaf, universiti wakaf dan sebagainya. Itulah yang dalam perancangan secara ringkasnya, ya, *Insya-Allah.* Terima kasih.

■1610

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, saya ada bangkitkan isu yang sama tentang wakaf itu dan saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus berkenaan dengan itu. Tadi itu memang satu perkara yang amat mencabar, Yang Berhormat Kuala Nerus, amat mencabar kerana kita lihat kita ada 38,000 ekar tanah wakaf yang tidak dibangunkan. Negeri-negeri melihat wakaf sebagai *cost center*, mereka tidak ada peluang untuk bangunkan. Di sini kita mahu memperkasakan dan menggunakan semua instrumen kewangan Islam yang— kita terkenal di seluruh dunia berkenaan dengan instrumen kewangan Islam kita. Jadi, haruslah kita gunakan untuk kita memperkasakan institusi wakaf ini.

Seterusnya, bukan sahaja wakaf tetapi kena *combined* dengan zakat sebab ada yang wakaf tidak boleh guna sebab wakaf ini kena ada manfaat yang berterusan. Jadi, kalau hendak buat bangunan boleh tetapi kalau misalannya kita hendak bagi takaful, kita kena guna duit zakat. Jadi kalau dalam konsep hospital wakaf contohnya, kita hendak guna takaful insurans *inpatient, outpatient,* kita kena guna zakat. Kemudian untuk *operating theatre* dan sebagainya, kita boleh guna wakaf. Jadi, kita kena gabungkan kedua-duanya untuk mewujudkan institusi-institusi yang saya sebutkan tadi yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan sosioekonomi umat Islam, *insya-Allah.* Jadi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus di atas sokongan.

Saya teruskan dengan yang terakhir iaitu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Sik. Jadi, Yang Berhormat Arau tidak bangkitkan isu ini. Yang Berhormat Arau saya tidak benarkan bangun. Berkenaan dengan konsep *Rahmatan lil' alamin.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Check* balik *Hansard*, saya cakap atau tidak cakap. *Check* balik *Hansard.*

Puan Fuziah binti Salleh: Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tidak boleh sebut macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak boleh sebut macam itu.

Puan Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya cakap *Rahmatan lil' alamin* tidak berhenti...

Puan Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau hendak bergaduh dengan saya? *This is your sister.* Yang Berhormat Arau duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya tidak bergaduh.

Puan Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, *this is your sister.* Yang Berhormat Arau duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, okey, okey.

Puan Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau duduk, Yang Berhormat Arau duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, okey, okey.

Puan Fuziah binti Salleh: Saya tidak hendak gaduh dengan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya kalah, saya kalah.

Puan Fuziah binti Salleh: Ha, okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tetapi tolong jawab saya semua.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sila, Yang Berhormat Menteri.

Puan Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Port Dickson dalam perbahasannya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana— Yang Berhormat, sikit sahaja, Yang Berhormat.

Puan Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat gangguan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan, bukan.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri akan menggulung sekarang.
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak. Dia tidak jawab soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sedang menjawab *Rahmatan lil' alamin* ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dia. Yang Berhormat, boleh atau tidak saya hendak tanya? Ini benda penting. Yang Berhormat jawab bertulis. Tidak payah jawab sekarang. Sebab saya sudah timbulkan benda ini.

Pertama, Yang Berhormat, ialah *Rahmatan lil' alamin.* Tidak apa, Yang Berhormat, jawab sekarang. Kedua, Yang Berhormat, saham jatuh. Tabung Haji jatuh kerana saham sebab dia pemegang saham. Saham jatuh bukan sebab Tabung Haji, bukan sebab Yang Berhormat. Ini sebab Lim Guan Eng...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah, tidak payahlah. Tidak masuk topik. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ketiga, dari segi bantuan. Kita lihat penduduk di Malaysia ini ialah sebanyak 70 peratus bumiputera- sudah saya sebutkan pada hari itu- dan 30 peratus bukan bumiputera. Akan tetapi, dari segi Islam, Islam sebanyak 62 peratus, sebanyak 19 peratus ialah Buddha, Kristian sebanyak sembilan peratus. Akan tetapi apabila kita bagi bantuan, sekolah mubaligh sebanyak RM50 juta. Okey, *fine,* bagi. Saya tidak melawan apa. Akan tetapi, sekolah tahfiz pun sebanyak RM50 juta.

Yang Berhormat, yang saya hendak ini supaya berapa banyak sekolah tahfiz yang ada, berapa banyak sekolah mubaligh? Jadi kalau kita bagi sebanyak RM50 juta macam ini, bererti sekolah tahfiz mungkin akan dapat sebuah dapat RM20 ribu hingga RM30 ribu. Ini dapat RM200 ribu. Jadi saya minta supaya kerajaan timbangkan balik berdasarkan agama orang-orang yang menganut di dalam negara ini.

Demikian juga bantuan-bantuan yang lain, dia bagi pakai pukul rata macam itu sahaja.Macam sekolah menengah sebanyak RM50 juta, sekolah jenis kebangsaan sebanyak RM50 juta, sekolah Tamil sebanyak RM50 juta. Tidak menggambarkan kedudukan kaum dan agama di negara ini. Jawab secara bertulis sebab Yang Berhormat Menteri tidak mampu jawab, saya tahu, okey *[Ketawa]*

Puan Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Arau, kalau saya suruh Yang Berhormat tarik balik, macam mana Yang Berhormat Arau? *Because* Yang Berhormat Arau kata, *"Tidak mampu jawab".*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Soalan itu, sebab ia melibatkan angka. Yang Berhormat Menteri tidak ada angka. Wahai adik saya, kamu dengarlah cakap saya...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah jawablah, Yang Berhormat Menteri. Silakan.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua tidak boleh menghina saya macam itu. Saya tanya elok-elok. Tuan Yang di-Pertua tak suka, saya duduk dekat luar.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu keluar. Sebab, Yang Berhormat tidak membangkitkan perkara ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ada bangkitkan, Yang Berhormat. Saya ada bangkit dalam ucapan. Tengok *Hansard... [Dewan riuh]*

Puan Fuziah binti Salleh: Saya yakin apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau akan dijawab oleh Menteri Kewangan, bukan dijawab oleh Menteri Agama.

Yang Berhormat Port Dickson di dalam perbahasannya meminta JAKIM menerangkan dengan lebih jelas maksud *Rahmatan lil' alamin*. Ia juga disentuh oleh Yang Berhormat Sik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Gagasan *Rahmatan Lil Alamin* adalah bersandarkan kepada ayat al-Quran di dalam Surah Al-Anbiya, ayat 107 yang bermaksud, *"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".* Rahmah di sini membawa maksud kebaikan, kesejahteraan dan ihsan yang dibawa oleh ajaran Islam untuk kehidupan seluruh makhluk ciptaan Ilahi, seluruh manusia sama ada Islam atau bukan Islam, haiwan, tumbuh-tumbuhan termasuk kesemua kehidupan di lautan atau di darat.

Pelaksanaan Gagasan *Rahmatan Lil Alamin, maqasid syariah* dan Model Malaysia dalam tadbir urus negara adalah merupakan usaha untuk melahirkan masyarakat madani yang selalu dipelopori oleh Yang Berhormat Port Dickson yang akhirnya membentuk satu negara 'rahmah'. Negara 'rahmah' di sini bermaksud sebuah negara yang bermaruah, tadbir urus yang baik, mengamalkan prinsip hukum, masyarakatnya berpandukan kepada ajaran al-Quran dan sunah bagi mewujudkan kesejahteraan dan kedamaian. *Rahmatan lil' alamin* ialah pendekatan yang digunakan dan ia harus diterjemahkan di dalam dasar-dasar yang dibawa oleh kerajaan pada hari ini.

Bagaimana pula berkenaan dengan *maqasid syariah*? Apa yang kita semua faham bahawa *maqasid syariah* ini ialah sesuatu yang diangkat oleh setiap umat Islam. Akan tetapi, aspek pentadbiran ataupun aspek *governance,* inilah sesuatu yang kita tekankan bahawa segala dasar, segala polisi yang dibuat itu harus membawa kerangka pemikiran *maqasid syariah*. Inilah yang kita ingin terapkan di semua peringkat, berkenaan dengan *governance*.

Model Malaysia pula ialah untuk mewujudkan satu negara Malaysia yang berbilang bangsa tanpa meninggalkan asas-asas Islam. Jadi inilah- kerana kita iktiraf bahawa Malaysia ini berbeza daripada negara-negara Islam yang lain sebab kita berbilang bangsa. Kita tidak sama dengan negara Brunei, contohnya, di mana Brunei itu majoriti ialah orang Islam.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, Sik mohon sedikit penjelasan.

Puan Fuziah binti Salleh: Jadi, inilah kita harus mencari satu Model Malaysia yang tidak meninggalkan asas-asas Islam.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya, sedikit Sik, soalan yang dibangkitkan. Kita pun semua bersetuju bahawa konsep *Rahmatan lil' alamin* ini sangat baik untuk diletakkan sebagai satu dasar dalam pentadbiran negara. Persoalan saya ialah, ketika mana konsep ini telah diperkenalkan, ada satu sudut pandang di peringkat masyarakat bahawa Islam itu sangat terbuka, termasuklah dalam soal memberi pandangan dan sebagainya sehingga menyebabkan ada unsur bahawa siapa sahaja boleh bercakap soal agama dan sebagainya. Jadi, itu satu penyebaran fikiran yang agak salah. Saya ambil contoh. Ketika mana konsep ini diperkenalkan, kita ada ribuan kes yang tadi disebut oleh Yang Berhormat Menteri soal penghinaan kepada agama ini, kepada Islam, sampai ada lebih 26,000 mesej yang dihantar kepada JAKIM.

Kedua, saya ingin mendapat penjelasan mengenai bajet yang disebut sebanyak RM20 juta untuk program *Rahmatan lil' alamin* ini. Bagaimanakah pengagihan bajet ini? Sama ada akan diberi kepada jabatan-jabatan agama dan sebagainya? Kita tidak mahu melihat dana yang besar ini sebagai satu dana untuk mesej politik pihak PH untuk memberi gambaran bagaimana perlu dikekalkan kerajaan yang ada. Jadi, tidak mahu dana ini disalahgunakan untuk tujuan politik. Terima kasih.

■1620

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Dana yang diluluskan ialah RM10 juta bukan RM20 juta. Untuk mengembangkan kefahaman berkenaan dengan *Rahmatan lil alamin*, saya di sini dalam memorandum Jemaah Menteri telah diluluskan pada hari Jumaat baru-baru ini iaitu 25 hari bulan berkenaan dengan pelan perancangan tiga tahun berkenaan dengan pelaksanaan negara *rahmah* melalui pendekatan *Rahmatan lil alamin*.

Jadi, tentu sekali kita akan memastikan bahawa ia tidak di politikkan dan di sini di dalam pelan perancangan tiga tahun ini termasuk *engagement* di semua peringkat dengan kementerian, dengan jabatan, dengan universiti, dengan cendekiawan, dengan NGO dan sebagainya dan dia membangunkan *frame work* model takbir urus berteraskan *maqasid syariah* harus kita membawa kerangka pemikiran *maqasid syariah* ini di dalam semua agensi-agensi kerajaan. Sebab sekarang ini apabila kita bercakap tentang *maqasid* kita tengok bahawa *the Sustainable Development Goals* itu dia terangkum di bawah *maqasid syariah* ini sebab *maqasid syariah* ini memayungi *the Sustainable Development Goals.* Harus difahami oleh semua pegawai-pegawai kita di kementerian, di agensi-agensi bahawa *frame work maqasid syariah* ini lagi besar, lagi besar daripada *Sustainable Development Goals.*

Apa yang dalam SDGs itu ialah menjurus kepada *very specific* contohnya *poverty eradication* salah satu daripada matlamat SDGs. Akan tetapi, dalam *maqasid* memelihara nyawa. Jadi ini semua kefahaman ini harus kita sampaikan kepada semua peringkat bahawa supaya umat Islam dan bukan Islam menghargai dan memahami apa dia *maqasid syariah* dan mendapatkan kerangka pemikiran *frame work maqasid syariah* itu dalam penggubalan dasar dan sebagainya.

Sebab kita tahu bahawa segala apa yang baik itu sebenarnya *is very Islamic* cuma *appreciation* dan dia harus datang daripada Islam itu sendiri, ia harus datang daripada pemikiran *maqasid* supaya apabila ada pemikiran minda *maqasid* itu maka barulah segala dasar itu akan dapat pergi kembali kepada lima teras *maqasid syariah* itu. Jadi RM10 juta, *insya-Allah* dan...

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan sedikit.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tasek Gelugor.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Sini, sini, Tasek Gelugor.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Tasek Gelugor, okey silakan.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan ini pun sebenarnya pertanyaan-pertanyaan daripada rakyat di bawah sana. Apakah hubungan di antara dasar *Rahmatan lil alamin* dengan dasar-dasar yang diperkenalkan sebelum ini seperti *wasatiyyah* dan juga Islam *hadhari.* Jadi kesemua dasar-dasar ini adalah merupakan dasar-dasar yang dipetik daripada Al-Quran dan sebagainya dan menjuruskan kepada pembangunan yang komprehensif.

Namun begitu, yang menjadi persoalan di kalangan rakyat ialah kenapa sekarang kerajaan hanya menyebut tentang *Rahmatan lil alamin* dan tidak lagi menyebut dasar-dasar yang sebelumnya? Jadi, apakah pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit lagi boleh, sedikit lagi?

Rahmatan lil alamin- kita sangat mengalu-alukan konsep apa sahaja konsep Islam kita jadikan dasar negara termasuk *Rahmatan lil alamin*. Saya ucapkan tahniah. Cuma, kita minta agar konsep itu dilaksanakan secara cermat dan juga bijak. Jangan sampai ia bersifat prejudis terhadap Islam dan bukan Islam sendiri. Contohnya, kita telah menyantuni golongan LGBT lebih daripada apa yang patut pada masa yang sama para pendakwah tidak kesantunan seumpama itu. Itu sahaja yang kita mahukan sebagai peringatan bersama kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menggulung.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Ya saya- terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas masa yang diberikan. Apabila kita bercakap tentang *Rahmatan lil alamin* itu tidak bermaksud kita menolak yang lain-lain sebab semua konsep itu dalam Islam dan konsep itu dalam Al-Quran. Sebab Islam tetap syumul, Islam itu tetap ad-din*,* dan Islam itu tetap *moderate*. Jadi, Islam tidak menghukum jadi ini semua memang terangkum di dalam ajaran Al-Quran tetapi *Rahmatan lil alamin* ini apa yang kita harapkan ia boleh terjemahkan kepada dasar. Contohnya, apabila kita melihat kepada penagih dadah, pada hari ini program kita di dalam menangani penagih dadah kalau dalam bahasa undang-undangnya kita menggunakan pendekatan *rehabilitative* bukan *punitive.*

Punitive ialah menghukum, menghukum masukkan dia ke dalam penjara. Masuk ke dalam pusat tahanan dan kita tidak *rehab* dia. Apabila dia masuk balik di dalam masyarakat maka kadang-kadang itu dia balik semula ke dalam tahanan. Jadi, pendekatan *Rahmatan lil alamin* akan membuka peluang untuk kita bersifat kasih sayang dan rahmah kita itu untuk kita beri mereka peluang kedua. Ini maksudnya *rehabilitative* dan bukan *punitive translation* ataupun penterjemahan *Rahmatan lil alamin* itu kepada dasar-dasar dan pendekatan yang kita bawa.

Begitu juga dengan LGBT. Islam mengajar kita membenci perbuatan, Islam tidak mengajar kita membenci manusia. Jadi, apabila LGBT ini haruslah kita bimbing mereka keluar kerana 83 peratus daripada golongan-golongan ini bekerja di lorong sebagai *sex workers* kita tidak harus menyisih mereka dan mereka lagi jauh daripada kita. Harus kita bantu bawa mereka keluar. Kita hanya boleh lakukan itu sekiranya kita ada perasaan *rahmah* terhadap mereka. Kalau kita benci mereka, kita sisihkan mereka lagi jauh dan mereka akan terjebak lagi dengan kesalahan-kesalahan yang kita tidak mahu mereka terjebak.

Jadi, inilah bezanya *approach Rahmatan lil alamin* ini. Semoga dengan ini kita dapat melaksanakan dakwah dengan lebih hikmah, lebih kasih sayang bukan kita iktiraf, bukan kita terima saya nyatakan tadi berkenaan dengan liberalisme kita tolak, akan tetapi pendekatan kita itu untuk menarik mereka keluar.

Jadi, itulah dia berkenaan dengan *Rahmatan lil alamin*, berkenaan dengan *maqasid syariah* kerangka pemikiran *maqasid syariah* dan harapnya apa yang kita inginkan ialah kita mewujudkan satu negara *rahmah* yang di mana ciri-ciri negara rahmah ini kalau kita lihat kepada kerajaannya macam mana, kita lihat kepada masyarakat kerajaannya berintegriti, kita lihat kepada ekonominya ada perkongsian, kesaksamaan, kita lihat kepada undang-undangnya ada *rules of law,* kita lihat kepada keluarganya wujud keadaan di mana tidak ada masyarakatnya tidak ada masalah sosial dan sebagainya.

Jadi, ciri-ciri negara *rahmah* itu ada dan inilah yang kita ingin wujudkan kita bercakap dalam aspek yang berbeza-beza tetapi akhirnya itulah negara *rahmah* yang kita hendak wujudkan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta Tumpat...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya menggulung sebab saya kira...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat sedikit sahaja, *Rahmatan lil alamin*- sedikit sahaja.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Yang Berhormat Tumpat tidak bahas. Saya minta maaf. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bahas.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Berkenaan dengan *Rahmatan lil alamin*?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Rahmatan lil alamin* lah. Ada saya bahas *Rahmatan lil alamin*.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Saya minta maaf. Kalau Yang Berhormat Tumpat boleh sebut sedikit saya akan jawab bertulis. Boleh Yang Berhormat Tumpat?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Okey boleh. Dalam konteks *Rahmatan lil alamin* tadi saya ucapkan syabaslah kepada kerajaan. Cuma saya hendak tahu apakah tidak boleh dipanjangkan *Rahmatan lil alamin* itu kepada rakyat Kelantan yang mana saya sebut dalam ucapan saya baru-baru ini dinafikan hak royalti tadi di dalam konsep *Rahmatan lil alamin* bolehkan dipanjangkan kepada rakyat Kelantan dengan kasih sayang itu kerajaan bayar apa yang berhak kepada rakyat negeri Kelantan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Seperti yang saya janjikan tadi Tuan Yang di-Pertua akan di jawab jawapan bertulis dan bukan oleh Yang Berhormat Menteri Agama sebab di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi bukan menteri agama sebab ia di luar skop menteri agama. Akan tetapi *insya-Allah* akan dijawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang saya untuk menggulung perkara-perkara 11 isu yang dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat yang berbahas dan saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Sekian *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Sepang.

4.29 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada - hai belum cakap lagi sudah- terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang berbahas. Saya diminta untuk menggulung bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kita tahu sudah meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas peruntukkan yang telah diluluskan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Perpaduan bagi tahun kewangan 2020 sebanyak RM241,526,300 berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2019 pada zaman Barisan Nasional hanya setakat RM208,316,300 sahaja.

■1630

Ini ada peningkatan sebanyak 15.9 peratus. Peruntukan daripada bajet ini pasti akan melonjakkan lagi usaha-usaha Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk memupuk perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab isu-isu yang dibangkitkan, saya hanya akan menjawab pada Ahli Parlimen yang hadir saja untuk menjimatkan masa. Saya pergi kepada Yang Berhormat Hulu Langat yang saya percaya ada di Dewan, telah membangkitkan perkara mengenai pelantikan para guru yang berkhidmat di Tabika Perpaduan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan pada masa ini adalah disandarkan kepada Skim Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat yang mana syarat kemasukan lantikan mereka adalah sekurang-kurang pada peringkat STPM atau Diploma.

Mulai tahun 2017, semua guru Tabika Perpaduan diwajibkan mempunyai minimum Diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Pihak jabatan juga sedang berusaha melatih guru-guru Tabika Perpaduan untuk mendapatkan kelayakan ikhtisas melalui program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Bagi mendepani cabaran dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, jabatan bersedia menerima baik cadangan Yang Berhormat Hulu Langat dalam menetapkan Gred 41 kepada guru Tabika Perpaduan. Namun, untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini memerlukan penelitian terperinci dan kajian mendalam bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan agensi yang terlibat untuk menentukan skim yang perlu disandarkan memandangkan akan melibatkan implikasi kewangan tambahan kepada kerajaan. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana tidak ada soalan tambahan.

Yang Berhormat Kota Marudu ada, Yang Berhormat Kota Marudu?...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Marudu? Ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ada? Kalau ada, saya bangkit soalan. Yang Berhormat Kota Marudu membangkitkan tentang mencadangkan wujud *multicultural policy* sebagai langkah ke hadapan untuk membentuk perpaduan nasional. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, sememangnya Malaysia telah memilih model integrasi sebagai asas membina negara bangsa sejak negara kita merdeka lagi atas fakta bahawa masyarakat Malaysia adalah majmuk, pelbagai serta kekal mengamalkan warisan identiti, etnik dan agama mereka sendiri.

Pemilihan model integrasi ini membawa kepada penekanan terhadap meraikan perbezaan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, bahasa dan budaya. Penggunaan frasa, *'Perpaduan Dalam Kepelbagaian (Unity in Diversity)'* dan '*Malaysia, Truly Asia'* juga merupakan asas kepada kepelbagaian yang diamalkan di Malaysia yang sememangnya menjadi keunikan negara ini sehingga Malaysia dilihat sebagai negara model untuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gelugor dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya ada membangkitkan tentang supaya kerajaan menggubal satu akta spesifik iaitu Akta Kebencian Agama dan Kaum dan Akta Keharmonian dan Rekonsiliasi sebagaimana yang pernah dicadangkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) pada tahun 2014 bagi menangani sentimen-sentimen yang berbaur perkauman sejak kebelakangan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu satu suruhanjaya bebas melalui Rang Undang-undang Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional *(National Harmony and Reconciliation Commission Bill)* dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada yang telah disediakan oleh MKPN pada tahun 2018 dengan mengambil kira kewujudan lain-lain model suruhanjaya serta skop bidang kuasa sendiri daripada beberapa negara luar.

Sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh anggota-anggota kementerian dan agensi kerajaan berkaitan ditubuhkan untuk meneliti dan memperhalus cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional sama ada cadangan tersebut mempunyai pertindihan dengan peruntukan undang-undang sedia ada seperti...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan. Ini Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap Yang Berhormat Arau.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sedikit saja, saya habiskan dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau tidak bangkitkan- ada bangkitkan tadi?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tengok.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Dalam *charter* tidak ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini, saya cakap...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kejap, kejap. Saya habiskan dulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, okey. Akan tetapi saya cakap tahu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, kalau ada nanti saya berikan. Sekejap Yang Berhormat Arau. Sabar Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau kacau. Ini sama ada cadangan tersebut mempunyai pertindihan dengan peruntukan undang-undang sedia ada seperti Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1969 atau sebaliknya sebelum mengemukakan sebarang syor kepada kerajaan untuk mempertimbangkan berhubung penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional. Yang Berhormat Arau, dipersilakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, okey penjelasan. Saya hendak bercakap tentang jumlah penduduk dari segi bumiputera dan bukan Bumiputera, dari segi agama dan sebagainya. Sepatutnya belanjawan menjurus kepada perkara tersebut, okey. Oleh sebab belanjawan tidak dijuruskan kepada perkara tersebut dan beberapa rentetan benda-benda yang berlaku, kita lihat tahap perkauman sekarang tinggi. Tahap rasis. Ahli-ahli Parlimen pun bercakap ke arah tersebut.

Jadi, apakah kita hendak tunggu suruhanjaya untuk hendak menyelesaikan masalah ini? Kerajaan kena buat serta-merta dan apakah tindakan jangka pendek untuk menyelesaikan masalah perkauman yang sudah melanda negara sekarang? Yang Berhormat kena ingat, benda ini bukan main-main ya. Jadi, oleh sebab Yang Berhormat Menteri tidak hadir, Yang Berhormat hadir, tentu-lah Yang Berhormat tidak berapa pandai jawab tentang itu. Saya hendak jawab bertulis boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak apa. Saya hendak jawab. Saya boleh jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Soalan itu senang sangat hendak jawab pun. Yang Berhormat Arau, seperti mana kata Yang Berhormat Port Dickson tadi, kerajaan boleh apa-apa tetapi kalau perangai ahli politik tidak berubah dan suka main isu perkauman, tidak akan selesai... *[Tepuk]* Oleh sebab itu, saya minta Yang Berhormat Arau kalau kita hendak nasihatkan kerajaan, nasihatkan diri kita sendiri supaya kita jangan lagi bermain politik perkauman untuk memenangi apa-apalah, politik... *[Tepuk]* Sebenarnya, ahli politik terlibat dalam memainkan isu perkauman dan agama yang menyebabkan berlakunya keadaan tidak stabil. *So,* saya harap Yang Berhormat Arau kena fahamlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, sedikit lagi hendak tambah Yang Berhormat.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Dah, dah. Saya tidak bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya terima kasih...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Dah, cukuplah Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih sebab Yang Berhormat telah mengeluarkan kenyataan yang cukup hebat, tetapi Yang Berhormat tengok...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak apa Yang Berhormat. Kalau sudah hebat, duduklah. Janganlah kacau. Saya ada banyak lagi ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hebat dan tidak cerdik. Bodoh...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, macam mana ini? Cakap orang bodohlah, tidak cerdik. Boleh tarik balik. Berpuluh kali saya sudah mendengar, taktik yang sama. Mungkin tarik balik...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tarik balik Yang Berhormat Arau, tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, kami tarik pun...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta yang Tuan Yang di-Pertua menggunakan Aturan Mesyuarat 37(2)...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak bimbang Tuan Yang di-Pertua...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah Yang Berhormat Arau. Duduklah, duduk. Bagi Yang Berhormat Menteri habiskan jawapan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit, sedikit hendak tambah.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tambah sedikit Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya digunakan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya hendak beritahu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Perkara 37(2) di mana...

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju itu. Mengganggu kelancaran prosiding. Sepatutnya tidak timbul ya.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Boleh sikit Yang Berhormat Sepang? Yang Berhormat Sepang, boleh sikit?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tengok dalam mahkamah-mahkamah di luar negara, semua orang boleh berinteraksi. Hakim duduk diam saja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagilah *chance* saya hendak berinteraksi dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, jangan-lah sampai pada tahap mengganggu. Yang Berhormat Menteri hendak jawab. Ramai lagi yang sedang menunggu untuk melihat ataupun mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri. Bagilah peluang kepada Yang Berhormat Menteri. Silakan, ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, sebab dia jawab tadi, dia kata ahli-ahli politik-lah yang menyebabkan perkauman.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ingin beritahu Tuan Yang di-Pertua...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Pembangkang? *[Ketawa]* Baiklah teruskan, teruskan... *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Dak,* ahli politik pembangkang, sekarang jadi kerajaan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih, saya setuju *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Yang paling bawa banyak isu perkauman.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya kesian dengan Yang Berhormat ini. Nampak macam mengingau, masih ingat dari kerajaan lagi. Minta maaf-lah Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Tuan Yang di-Pertua, cara jawab macam ini macam mana kami boleh terima? Yang Berhormat jawab...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Dia kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun berapa kali tersasul sebut, *'Orang-orang UMNO'.* Dia tersasul. Kalau hendak kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengigau...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau, jangan-lah mengganggu. Tahap untuk menyoal, menyoal tetapi jangan mengganggu secara berterusan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...*No problem* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Janganlah merajuk Yang Berhormat Arau. Saya hanya menegur. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Buatlah yang terbaik. Tuan Yang di-Pertua, saya berdoa, kalau Tuan Yang di-Pertua tidak adil dekat saya, saya jumpa dekat akhirat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *Astaghfirullah al'azim... [Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua tidak patut buat macam itu. Fasal saya tanya- ini patut tidak payah cakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, saya pindah kepada Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Yang Berhormat Menteri ini tidak payah jawab...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Batu Gajah ada?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia jawab wakil, dia bukan...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Kali terakhir... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Tidak paya buang dia, keluar dengan diam. Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, soalan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oleh sebab Yang Berhormat Batu Gajah tidak ada di dalam Dewan, saya tidak akan menjawab soalan beliau. Saya akan jawab bertulis.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: *[Bangun]*

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Yang Berhormat Sepang, boleh sikit mencelah? Yang Berhormat Sepang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Marudu.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri.

■1640

Tadi selesai jawapan berkaitan dengan penubuhan Suruhanjaya Harmoni tadi. Ini bukan perkara baharu seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah sentuh. Bolehkah kerajaan menentukan satu tarikh muktamad kerana ini sejak 2014 lagi dipinda-pinda. Banyak sudah input, ada *public hearing* lagi oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional pada waktu itu. Ada masalah yang disebut tadi seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan, suasana begitu sukar sekali *because* tak ada undang-undang. Ada dasar untuk mengutamakan kepelbagaian tapi itu cakap sebagai dasar. Kalau orang yang melanggar itu, *there is nothing to be taken action* kepada mereka ini. *So*, perlu suatu badan yang mempunyai kuasa undang-undang.

Saya ceritakan dalam saya punya perbahasan Tuan Yang di-Pertua, kes *multicultural policy* di Kanada di mana ada undang-undang *multicultural law* dan ada *Multicultural Equal Opportunity Board*. *So*, sesiapa yang melanggar, you *take them to court and you charge them accordingly. So I think time* sudah sampai Tuan Yang di-Pertua*, with great serious about this. Otherwise the* situasi dari segi perpaduan kaum is *going down and down and we should not be hearing* Malaysia untuk orang Melayu. *I mean how can you say that. That should be under the Sedition Act*- hasutan. Jawatankuasa Khas Perpaduan Parlimen dahulu Yang Berhormat Menteri Pertanian di sana itu anggota Jawatankuasa Khas saya — kita punya jawatankuasa dahulu. Banyak yang terus boleh dilaksanakan. Terima kasih, kalau ada satu ketetapan bila ini boleh dilaksanakan dan kalau kita tubuh...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, terima kasih Yang Berhormat Kota Marudu. Terima kasih Yang Berhormat Kota Marudu bagi saya satu soalan dan cadangan yang baik. Nampak Yang Berhormat Kota Marudu ini jauh berbeza daripada yang lain.

Yang Berhormat Kota Marudu, sebenarnya apa yang Yang Berhormat kata, saya amat bersetuju. Saya katakan- saya percaya kerajaan akan ambil berat akan cadangan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat tentang akta itu, saya difahamkan memang sekarang ini telah ada satunya rundingan dengan pihak-pihak kementerian atau pemegang taruh dalam hendak mengemukakan akta, sebenarnya telah pun selesai.

Sekarang ini mereka sedang mengadakan rundingan ataupun *engagement* dengan beberapa badan NGO . Kita mahu supaya segala undang-undang yang dibuat ini betul-betul kita buat dengan ini- dan saya yakin pihak pembangkang juga akan dikonsultasikan. Jadi Yang Berhormat, saya mengambil cadangan Yang Berhormat sebagai satu cadangan yang amat baik dan saya akan minta supaya pihak Yang Berhormat Menteri khususnya, mengambil berat soal itu. Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju Yang Berhormat sebenarnya *statement-statement* contoh yang mengatakan bahawa Malaysia untuk Melayu sahaja bagi saya memang tidak wajarlah. Oleh sebab kita Malaysia *is for all*. Ya, silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak betulkan sedikitlah. Kita bukan kata Malaysia untuk Melayu, kita hanya menekankan hak-hak Melayu yang dijamin di dalam Perlembagaan. Itu yang kita pertahankan. Kedudukan agama Islam di dalam Perlembagaan. Sebagai contoh Yang Berhormat, saya orang Selangor. Kalau saya bercakap, saya berceramah saya kata agama-agama bukan Islam tidak boleh sama sekali disebarkan di kalangan orang-orang Islam. Adakah saya rasis? Kalau saya bercakap bahawa MARA hanya untuk orang Melayu dan Bumiputera sahaja, adakah saya rasis? Sila jawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, apa Yang Berhormat kata itu memang tidak rasis di dalam Parlimen ini lah. Akan tetapi Yang Berhormat, apa yang berlaku di luar kadangkala berbeza. Jadi saya percaya Yang Berhormat, sebarang kenyataan-kenyataan sama ada membela Melayukah, bukan Melayukah semua ini, selagi kita buat dalam lingkungan undang-undang, tiada masalah Perlembagaan. Sebenarnya Yang Berhormat, kerajaan yang ada sekarang ini memang kerajaan yang langsung tidak meminggirkan Melayu. Ia tidak meminggirkan bangsa-bangsa lain atau bangsa Melayu.

Sebenarnya kerajaan ini kerajaan yang bertanggungjawab Yang Berhormat. Kerajaan yang- kalau kerajaan yang betul jaga Melayu, dia tak rosakkan ekonomi orang Melayu. Tak rompak duit orang Melayu, contohlah. Jadi sebab itu kerajaan ini saya percaya kerajaan yang memang ambil berat tentang orang Melayu.

Banyak program kita memang program yang memartabatkan orang Melayu. Apa yang ada dalam Perlembagaan tak pernah kacau pun. Kita semua setuju. Itu sebab dipanggil dalam istilah undang-undang, *indigenous elements* yang kita tidak pernah kacau. Contohnya kedudukan Bahasa Melayu, agama Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan Raja-Raja. Yang Berhormat, ini Yang Berhormat pun tahu sebagai seorang peguam, ini *indigenous elements* yang tidak akan dikacau oleh mana-mana pihak.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kejap Yang Berhormat. Jadi saya percaya Yang Berhormat...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Sebenarnya- sekejaplah bagi saya ruang ya. Sebenarnya Yang Berhormat, yang menjadi masalah ialah sesetengah pihak dia putar belit dan juga *spin* apa yang kerajaan buat dengan keadaan yang tak betul. Itu yang menyebabkan orang tak percaya dan orang tak faham dan keliru. Jadi apabila keliru, pembangkang akan dapat eksploitasi dari segi politik. Terima kasih. Ada lagi soalan? Tak apa, dipersilakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi siapa dulu?

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dengan jelas apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya, kalau hendak diambil kira dalam- kita sedar bahawa negara ini adalah negara yang *multiracial*, majmuk dan pelbagai agama. Kita setuju bab-bab yang berkaitan dengan sensitiviti kaum. Akan tetapi kalau ada benda yang ada dalam Perlembagaan dan ada benda yang sudah jelas dalam Perlembagaan dan ada pihak yang hendak menceroboh Perlembagaan, itu pada pandangan Yang Berhormat yang hari ini menjawab bagi pihak perpaduan, macam mana keadaannya. Yang pertama.

Yang keduanya mengenai dengan bahasa. Ditulis dalam Perlembagaan, bahasa Melayu itu adalah Bahasa Malaysia, bahasa kebangsaan. Akan tetapi kalau kita ada usaha-usaha hendak jauhkan Bahasa Melayu itu daripada apa yang ada dalam tuntutan dalam negara kita- jadi macam mana pandangan kalau media elektronik, media surat khabar, dan ada juga kenyataan ditulis daripada agensi kerajaan bukan dalam Bahasa Melayu. Itu apa pandangannya Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey terima kasih Yang Berhormat...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, beri saya sambung benda yang sama.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebagai contoh yang lebih mudah. Contoh Bahasa Melayu. Yang Berhormat Ahli Parlimen Sepang daripada Selangor. Bila Sultan Selangor beritahu bahawa di Selangor boleh gunakan Bahasa Kebangsaan, tulisan di papan- tulisan Cina dia tidak benarkan. Apa reaksi daripada Nga Kor Ming *Fans Club*? Satu perarakan kepada Sultan. Siapa yang mulakan benda-benda yang boleh rasis ini. Itu satu.

Contoh lagi, pelajar Universiti Malaya. Ini bertentangan dengan Rukun Negara; Kesopanan dan Kesusilaan. Pelajar UiTM dulu hanya *selfie* sahaja. Dia pun kelulusan daripada fotografi. Di atas pentas waktu ambil konvokesyen, pun digantung. Tak dapat sijil dia. Sampai di Universiti Malaya, seorang pelajar bukan Melayu boleh kata VC dia rasis dan suruh letak jawatan di depan orang ramai tetapi akhirnya desakan-desakan tertentu pelajar ini dibebaskan. Bagaimana perasaan seorang Yang Berhormat rasa? Adakah ini suatu keadilan- bila pelajar Melayu buat di UiTM dikenakan tindakan. Bila pelajar bukan Melayu buat di UM, tuduh pula VC dia rasis tidak ada apa-apa tindakan diambil. Adil kah ini?

Benda-benda macam ini yang menyebabkan orang bawah tidak puas hati. Ini Yang Berhormat kena faham. Kita tak ada pernah- kalau kami ini rasis, takkan 60 tahun kita boleh memerintah dekat Malaysia ini, kalau kata UMNO ini rasis. Kalau kata PAS ini rasis, takkan lama mereka boleh memerintah dekat Kelantan. Yang Berhormat orang Selangor, apa yang kita ini rasis dekat Selangor? Kita pertahankan hak kita sahaja, kebebasan beragama.

Di Selangor ini banyak, buatlah kita tak ada halang. Akan tetapi janganlah cuba hendak sebarkan kitab Injil dalam Bahasa Melayu di dalam negeri Selangor, memang tak boleh. Itu maksud saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebenarnya ini isu-isu yang agak baharu tapi tak apalah saya dah jawab. Akan tetapi saya sebenarnya Yang Berhormat, rasa bersalah juga. Bila saya jawab ini takut panjang nanti saya tidak dapat *cover* yang lain, tapi tak apalah Yang Berhormat. Sebenarnya saya percaya Yang Berhormat daripada- kedua-dua Yang Berhormat, yang *senior* ini tentu faham bahawa dalam Perlembagaan ini, dalam kerajaan sekarang ini tidak ada apa-apa pun yang- jaminan Perlembagaan yang kita kacau. Saya rasa tak nampak pun apa yang kita kacau.

Saya katakan, dalam Perlembagaan ini Yang Berhormat, memang ada perkara-perkara yang boleh kata- kalau dalam isitlah yang- *its a forbidden territory*- lah. Makna satu wilayah yang dilarang untuk mana-mana pihak untuk campur tangan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kejap, kejap. Tadi Yang Berhormat...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat kata kerajaan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Sabar dahulu, beri saya jawab dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Tadi isu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri kesempatan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bagi saya menjawab dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Satu isu yang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bagi saya menjawab dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat tak jawab yang Yang Berhormat Padang Terap...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat macam tak- Yang Berhormat tanya panjang. Bagi saya jawab dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Satu contoh sahaja. Yang Berhormat kata tak ada. Tadi ada bangkit surat rasmi daripada kementerian...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kejaplah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak gunakan Bahasa Melayu. Adakah benda itu tidak berlaku? Betul tak Yang Berhormat, berlaku ataupun tidak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, saya cakap tadi pendirian...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu Yang Berhormat kata. Jangan kata tidak berlaku, itu yang saya...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab dahulu. Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, kalau ada apa-apa perkara yang dirasakan melanggar Perlembagaan, kita di Malaysia ini ada agensi-agensi penguatkuasaan. Boleh ambil tindakan. Tidak ada masalah. Kita kerajaan yang terbuka, kalau kita salah Yang Berhormat boleh bangkit dalam Parlimen ini.

Yang Berhormat patut berterima kasih- kalau Yang Berhormat jadi pembangkang zaman kami, Yang Berhormat tidak merasa macam ini. Yang Berhormat kena berterima kasih sangat. Oleh sebab itu saya hendak kata Yang Berhormat...

■1650

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih apa ini? Yang buat surat itu Yang Berhormat Menteri lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kita akan jaga.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Takkan Yang Berhormat Menteri tidak tahu Perlembagaan? Takkan Yang Berhormat Menteri tidak menghormati Perlembagaan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya baca Perlembagaan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu lah Yang Berhormat. Jangan lah kata kami pula.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...Saya tidak nampak kerajaan ini. Saya tidak nampak kerajaan ini adalah kerajaan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat kena tegur rakan-rakan Yang Berhormat. Tegur Yang Berhormat Menteri-menteri itu. Di sebelah sana. Utamakan bahasa Melayu. Itu maksud saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey-lah. Okey. Yang Berhormat bagi saya jawab dahulu. Okey, bagi saya jawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau kami tegur, dia kata *racist*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat Tanjong Karang bersabarlah ya. Bagi saya jawab dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, apa Yang Berhormat bangkitkan contohnya tadi kelab- apa saya tidak pastilah kelab itu. Yang Berhormat, segala-galanya kalau sekiranya berlaku kesalahan Yang Berhormat saya kata kita ada agensi penguatkuasaan. Kita ada polis, kita ada SPRM dan kita ada bermacam-macam-macam.

Kita boleh ambil tindakan yang sesuai dengan apa kesalahan yang dilakukan. Yang Berhormat tidak perlu takut. Kita di-*side* kerajaan tidak akan campur tangan. Kalau pihak-pihak yang bertanggungjawab tak pun pihak kerajaan atau pihak pembangkang, sesiapa sahaja melakukan kesalahan, kerajaan yang bertanggungjawab ini akan memastikan benda itu akan diambil tindakan. Jadi, Yang Berhormat jangan takut lah. Yang Berhormat sekarang adalah satu kerajaan yang baik tahu? Yang Berhormat kena bersyukur... *[Tepuk]*

Bagi yang lain rasanya tidak perlu saya jawablah. Seterusnya, izinkan saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jeli.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jeli, tiada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oh, tiada ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bertulis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Faham. Saya akan jawab bertulis. Agak panjang juga isu yang dibangkitkan. Yang Berhormat Cameron Highlands ada? Pun tiada.

Tuan Yang di-Pertua: Juga tiada. Bertulis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Cameron Highlands ini banyak isu tetapi tidak bangkit, jadi saya akan bertulislah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Arau ada? Tiada juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau pun keluar. Bertulis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Yang Berhormat Arau pun bertulis ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Arau keluar sebelum dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Yang Berhormat Arau keluar sebelum dikeluarkan. Betul, yang itu saya setuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Kota Tinggi pun tiada juga. Bertulis juga.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada juga. Bertulis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Batu Kawan ada ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat daripada PH bagus. Mereka ini, bila mereka berbahas mereka tunggu. Inilah contoh Ahli-ahli Parlimen yang baik... *[Tepuk]*

Ahli Yang Berhormat dari Batu Kawan membangkitkan isu tindakan pembayaran gaji guru-guru tadika Tamil dan peruntukan MITRA dan mencadangkan perkara ini tidak berlaku lagi. Berhubung perkara yang sama Yang Berhormat Sungai Siput juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung isu pembayaran gaji kepada guru tadika Tamil yang mengalami tunggakan selama lima bulan. Beliau memohon Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam mengurus MITRA memberi perhatian perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu pembayaran gaji guru-guru tadika Tamil bagi Program Bimbingan Kanak-kanak telah diselesaikan pada 21 Oktober 2019 dengan sejumlah RM2,649,473.03 disalurkan pada semua pihak yang berkenaan. Kesemua guru yang terlibat telah menerima gaji tertunggak masing-masing. MITRA amat memandang serius perkara ini dan langkah penambahbaikan seperti penjenamaan semula daripada program pra sekolah kepada Program Bimbingan Kanak-kanak telah dilaksanakan bagi memastikan perkara seumpama ini tidak berulang lagi.

Untuk makluman, kelewatan pembayaran gaji bukan disengajakan oleh pihak MITRA malah ia berpunya daripada kelewatan lima NGO dalam mengenal pasti dan mengemukakan struktur kos terbaik iaitu *costing structure* bagi Program Bimbangan Kanak-kanak yang diterajui oleh NGO masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, supaya mudah. Begini Yang Berhormat, selepas MITRA ini diambil alih dahulu kita tahu SEDIC kan? Dah tukar MITRA ini, dari segi proses untuk *disburse money* semua ini kali ini kita lebih berdisiplinlah. Kita pastikan segala proses dibuat dan dilakukan lebih telus dan sebagainya. Yakni yang lepas-lepas, saya difahamkan memang agak bukanlah kita kata terus terang, terus melanggar. Akan tetapi, kadang-kadang agak terlalu mudah. Jadi, kita sekarang perketat lagi untuk seupaya disiplin kewangan ini dijaga untuk memastikan duit ini sampai kepada sasaran dan duit ini tidak dibelanjakan pada benda-benda yang tidak sepatutnya. Sila Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya ucapkan terima kasih di atas pembayaran bagi guru-guru tadika sekolah Tamil ini dipercepatkan sebelum Deepavali. Akan tetapi, kami juga dapat sedikit berita bahawa EPF dan SOCSO belum dibayar. Saya harap ia satu khabar angin. Sekiranya, tidak, saya mohon pihak kementerian untuk mengeluarkan satu kenyataan untuk menangkis tuduhan ini dan sekiranya belum dibayar, maka saya harap kementerian akan membayar EPF dan SOCSO secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Tinggi baru masuk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Tinggi dah masuk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Oh, ya. Kejap-kejap Yang Berhormat Kota Tinggi ya. Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kawan, mengenai tentang maklumat tentang Yang Berhormat kata EPF dan SOCSO itu tidak dibayar, minta maaf Yang Berhormat setakat ini saya tidak ada apa-apa maklumat. Akan tetapi Yang Berhormat, saya akan pastikan jawapan itu akan diberikan ya Yang Berhormat. Akan tetapi, sekiranya betul apa dakwaan itu kita akan pastikan pertama perkara itu dapat diselesaikan dengan segeralah Yang Berhormat ya.

Yang Berhormat Kota Tinggi saya, saya terpaksa pusing baliklah. Buat *U-turn* sedikit *[Ketawa]* Sebab tadi dah pindah jauh dah. Yang Berhormat Kota Tinggi sekejap lagi lah. Saya pergi pada benda lainlah. Yang Berhormat Arau tidak ada tetapi saya- Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya perlu jawab oleh sebab apa yang dibangkitkan ini nampaknya kena betulkanlah Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Arau ingin tahu kenapa peruntukan Bajet 2020 untuk kaum India adalah kurang iaitu RM20 juta, walhal, golongan ini amat memerlukan bantuan. Untuk makluman Dewan, Yang Berhormat Arau mungkin terkeliru dan juga mungkin tersilap dari segi membaca kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika membentangkan bajet. Izinkan saya baca. Di perenggan 131. Di muka surat 60.

"Kerajaan peka dan prihatin terhadap kesukaran dan cabaran khusus yang dihadapi oleh masyarakat India. Oleh itu, kerajaan sekali lagi akan memperuntukkan geran sebanyak RM100 juta". Bukan RM20 juta seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau. *"Kepada Unit Transformasi India Malaysia (MITRA). Di mana 80 peratus dikhususkan kepada program yang dilaksanakan dan bukannya kepada golongan organisasi tertentu. Ia bertujuan menambah baik keadaan sosioekonomi, kesihatan, pendidikan dan pemerkasaan wanita serta pembangunan kemahiran masyarakat India"*.

Yang Berhormat bangkitkan RM20 juta itu seperti daripada TEKUN. Jadi, Yang Berhormat nampaknya tersilap. Jadi, saya rasa saya perlu betulkan kesilapan tersebut.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu. Ada- Yang Berhormat Batu?

Tuan Yang di-Pertua: Tiada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tiada juga. Tiada, bertulis ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bertulis.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat. Saya dah ada dalam Dewan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Siapa?

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Cameron Highlands dah ada dalam Dewan. Tadi ada tegur.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, memang ada tetapi, masalahnya saya banyak kena kembali semula. Sebab saya kena jawab, saya kena *cover* juga daripada...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Saya ke bilik air dan mengambil barang saya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, tidak apa lah. Untuk Yang Berhormat Cameron Highlands saya bagi...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Kalau- lagi satu perkara ya. Yang Berhormat ada menyebut Ahli Parlimen yang baik. Betul tidak? Berada dalam Dewan. Sila lihat sebelah itu, berapa ramai? Tiada dalam Dewan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Maksud saya tadi ketika berbahaslah ya Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat Menteri-Menteri mereka pun tidak ada dalam Dewan tetapi mereka buat kerja *[Ketawa]* Tidak apa, tidak apa.

Yang Berhormat Port Dickson jangan takut Yang Berhormat. Saya semua jawapan Yang Berhormat saya ada ini. Saya akan bagi jawapan bertulis. Jangan takut Yang Berhormat. Saya memang ada catatan ini.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Perbetul- bukan Yang Berhormat Port Dickson. Cameron Highlands.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Cameron Highlands. *Sorry [Ketawa] [Disampuk]* Yang Berhormat Kota Tinggi pun saya rasa kena jawab bertulis juga lah Yang Berhormat Kota Tinggi. Boleh ya? Yang Berhormat Kota Tinggi okey lah kawan ini. Tidak boleh? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Bukan. Tadi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Masalahnya Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Nama Yang Berhormat Kota Tinggi telah disebut. Hendak dijawab. Akan tetapi, saya kata Yang Berhormat Kota Tinggi tidak ada dalam Dewan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Makna Tuan Yang di-Pertua suruh dia jawab. Saya dah masuk ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, bukan. Kadang kita kena kembali semula dahulu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak boleh. Yang Berhormat kena ingat kadang orang keluar itu bukannya dia melanguk dekat luar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, tengok ini tebal macam ini. *[Menunjukkan senaskhah dokumen]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ada yang pergi solat. Ini kita dah masuk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya Yang Berhormat, bukan saya tidak mahu jawab tetapi jawab bertulislah.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: *No, no, no*, bertulis. Bak kata cucu saya; *no, no, no*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Okey. Saya dah jumpa. Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Dah jumpa muka suratnya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, Yang Berhormat Kota Tinggi, saya dah jumpa. Yang Berhormat Kota Tinggi bertanyakan berkaitan bantuan program yang telah ditamatkan seperti bantuan persekolahan. Betul? Orang-orang Asli. Apakah perancangan masa depan untuk Orang Asli? Betul, isu itu ya?

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM34.1 juta...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya sebut itu contoh apa yang kerajaan BN buat. Dah tentu Pakatan tidak buat. Apa yang saya sebut ini Yang Berhormat, yang fasal RM57 juta. Fasal RM83 juta yang untuk ekonomi dan pembangunan. Juga, yang saya sebut fasal permohonan untuk baik pulih rumah PPRT bina baru tidak ada. Saya sebut fasal Kampung Orang Asli, ada yang dah tiga tahun tidak bayar duit api dan duit air. Itu yang saya sebut. Apa yang saya sebut tadi yang Yang Berhormat sebut tadi, contoh, yang memang kerajaan Pakatan tidak buat pun. Jadi, saya bagilah contoh apa Kerajaan BN dah buat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, yang Yang Berhormat bangkitkan ini yang baru ini yang Yang Berhormat bangkit ini- minta maaf.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Baru bangkit, ini ada dalam ucapan saya ini... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey. Akan tetapi, saya tidak ada jawapan dalam dekat sini. Saya akan bagi jawapan bertulis.

■1700

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ha, itu maknanya Yang Berhormat tidak ambil berat apa yang saya cakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bukan tidak ambil berat. Yang Berhormat, saya ambil berat sebab itu saya datang Parlimen untuk menjawab.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Oleh sebab yang membangkitkan isu Orang Asli Tuan Yang di-Pertua, tidak ramai, saya, Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Cameron Highlands sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat kerana kami bertanggungjawablah kami hendak jawapan bertulis sebab jawapan kami tepat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak ada, tidak ada. Saya membangkitkan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Bukan isu banyak. Ini isu umum kepada semua...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, saya boleh jawab....

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Masyarakat Orang Asli.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, kalau jawab politik boleh tetapi saya hendak...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya tidak hendak jawapan politik, saya hendak jawab betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tahu pun.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya minta Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *Exactly.*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: ...Yang Berhormat jawab nanti.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *Exactly, my point.* Kalau tidak hendak jawapan politik, hendak jawapan yang betul, saya hendak bagi jawapan bertulis.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak, memang hendak saya baca lagi kah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bukan, saya hendak bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ah, jawapan bertulis ini biasanya Kerajaan Pakatan Harapan ini jawab lepaskan batuk di tangga, satu baris atau dua baris. Saya tidak hendak. Saya hendak di *commit* dalam...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, untuk Yang Berhormat kami bagi 10 barislah tidak apa. Yang Berhormat punya fasal bagi 10 baris. Ini kawan lama ini. Boleh Yang Berhormat ya? Ala, Yang Berhormat relaks Yang Berhormat Kota Tinggi. Yang Berhormat jangan marah nanti manis, Yang Berhormat cantik jadi pertahankan kecantikan itu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Inilah dia. Rasuah ini Tuan Yang di-Pertua, nampak ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak ada, saya cakap betul. Yang Berhormat ini kacaulah. Kawan-kawan ini susah betullah. Yang Berhormat Batu Gajah ini banyak isunya Tuan Yang di-Pertua tetapi saya rasa saya tidak perlu jawablah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sebab dia tidak ada, saya akan jawab secara bertulis. Sekarang saya menjawab yang melibatkan portfolio Almarhum Datuk Wira Dr. Md Farid. Saya pergi dahulu kepada PNB. Yang Berhormat Setiawangsa ada tidak? Tidak ada. Jawapan bertulis sedikitlah. Daripada SPA, pihak SPA ini melibatkan isu yang dibangkitkan oleh- Yang Berhormat Kepong ada?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong tidak ada.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak ada juga. Kerja saya semakin mudahlah. Yang Berhormat Lubok Antu ada?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat, tengok Jelebu punya Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Jelebu ada, sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelebu ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Lubok Antu ada? Ada ya. Okey Yang Berhormat Lubok Antu. Pertanyaan beliau adalah berkaitan dengan perkara-perkara berkaitan dengan isu ketidakseimbangan kaum yang ketara dalam perkhidmatan awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, dasar pengambilan dan pelantikan ke perkhidmatan awam am Persekutuan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah berasaskan merit dan kompetensi seseorang calon. Dasar pelantikan itu bertujuan untuk memastikan calon yang berkualiti dan menepati kriteria yang ditetapkan sahaja dilantik ke perkhidmatan awam. Tiada penempatan sebarang kuota untuk sesuatu agama, kaum, etnik atau negeri tertentu dalam pelantikan anggota perkhidmatan awam. Semua warganegara Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka dan adil iaitu *open and fair competition.*

Oleh itu, istilah keseimbangan kaum tidak digunakan dalam urusan pengambilan dan pelantikan perkhidmatan awam. Untuk mengetahui bahawa permohonan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam pastinya bergantung kepada kehendak, minat dan kecenderungan seseorang individu itu sendiri. Setiap orang tanpa mengira kaum atau etnik berhak dan bebas memilih profesion atau kerjaya masing-masing sama ada untuk bekerja dalam sektor awam, swasta, bekerja sendiri, berniaga dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, statistik SPA bagi tahun 2014 hingga tahun 2018 mendapati kaum Melayu paling ramai berminat dan mendaftar dengan SPA untuk bekerja dalam perkhidmatan awam iaitu sebanyak 79.45 peratus. Diikuti bumiputera Sabah sebanyak 7.79 peratus, bumiputera Sarawak sebanyak 5.59 peratus, India sebanyak 3.35 peratus, kaum Cina sebanyak 1.75 peratus dan Orang Asli sebanyak 0.24 peratus serta lain-lain kaum adalah sebanyak 1.86 peratus.

SPA juga berpandangan bahawa kaedah pengambilan berdasarkan merit yang diamalkan pada masa ini memang mampu memberi peluang yang adil kepada semua calon tanpa mengira agama, kaum, etnik atau negeri tertentu di samping ia juga dapat memastikan hanya calon yang berkualiti sahaja yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam. Justeru, SPA tidak bercadang untuk mengubah kaedah pengambilan berdasarkan merit dan kompetensi calon yang diamalkan pada masa kini.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sila-sila.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat, saya rasa Perkara 8(5)(c) dalam Perlembagaan Persekutuan, sila baca. Di dalam itu ada menyebut sebahagian daripada perkhidmatan awam wajib diberi, diperuntukkan kepada masyarakat Orang Asli. Adakah apa Yang Berhormat cakap mengetepikan Perkara 8(5)(c) tersebut?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat setakat yang saya mendapat maklumat daripada pihak SPA mereka memastikan segala undang-undang dan juga peraturan yang sedia ada khususnya Perlembagaan memang dipatuhi. Jadi apa Yang Berhormat kata kalau benarlah benda itu berlaku, Yang Berhormat boleh buat laporan dan aduan. Oleh sebab bagi kita memang apa yang kita yakin tidak ada pelanggaran undang-undang ataupun Perlembagaan.

Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, yang menyebabkan kadang-kadang mereka tidak mahu kerja dengan kerajaan ini ataupun pihak SPA dan sebagainya sebab faktor-faktor yang mungkin di luar yang dipanggil *extra-legal,* benda yang di luar undang-undang sebab antaranya mereka mungkin rasa tidak selesa dan sebagainya.

Akan tetapi sebenarnya peruntukan-peruntukan dari segi Perlembagaan memang kita mempraktikkan dan kita pastikan mereka ini diberikan ruang yang secukupnya untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam. Jadi Yang Berhormat, saya rasa tentang apa Yang Berhormat risaukan itu kalau betul berlaku Yang Berhormat boleh buat aduan bila-bila masa.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada Yang Berhormat Bandar Kuching ada?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bandar Kuching tidak ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak ada ya.

Tuan Yang di-Pertua: Bertulis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bertulis ya. Yang Berhormat Lubok Antu pun ada membangkitkan juga. *Actually,* Yang Berhormat Bandar Kuching dan Yang Berhormat Lubok Antu membangkitkan isu yang hampir sama, jadi kedua-duanya saya jawab bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Seterusnya Yang Berhormat daripada Bagan Datuk tidak ada juga? Yang Berhormat Batu Kawan, ada lagi. Yang Berhormat Batu Kawan pada 21 Oktober 2019 telah membangkitkan agar elaun kritikal diberikan kepada pegawai bomba atas tugas yang sering kali terdedah kepada bahaya. Untuk makluman Yang Berhormat, saraan bagi perkhidmatan awam termasuk bomba sentiasa dikaji dan penambahbaikan yang terkini mulai 1 Julai 2019 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

Penambahbaikan-penambahbaikan yang dilaksanakan adalah berasaskan prinsip kadar upah untuk kerja, kelayakan masuk dan latihan dan dalam masa yang sama mengekalkan *relativity* dan *parity* antara gred dan skim perkhidmatan. Pengumuman pemberian elaun khas Skim Perkhidmatan Bomba sebanyak RM200 sebulan dalam ucapan Belanjawan 2020 merupakan pengiktirafan kerajaan terhadap kepentingan perkhidmatan bomba dalam melindungi nyawa dan harta semasa berlakunya bencana. Dalam hal ini, perkhidmatan bomba juga secara umumnya menikmati 10 jenis elaun yang dibayar di atas *complexity* tugas, kemahiran dan risiko yang dihadapi.

Saya ulang ya Yang Berhormat. Perkhidmatan bomba juga ada mendapat 10 insentif atau jenis elaun berbeza-beza mengikut pangkat dan sebagainya. Buat masa ini, insentif yang diberikan telah dipertimbangkan berdasarkan kriteria-kriteria seperti tahap risiko yang dihadapi, pengiktirafan, kemahiran, kos sara hidup, penempatan, perkhidmatan, tugasan dan serta kompetensi tambahan pegawai dan anggota bagi memastikan kebajikan pegawai ataupun anggota sentiasa terjamin. Pemberian insentif ini adalah sebagai tambahan kepada gaji yang diterima. Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang, ada ya?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada membangkitkan fasal bomba ini macam mana?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ada, ada.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ada kan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya belum habis baca lagi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ala sebutlah nama saya dahulu. Tadi sudah tentu tinggal.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Kota Tinggi telah mencadangkan kepada kerajaan selain menaikkan elaun dan bayaran intensif kepada anggota bomba, elaun bagi anggota penjawat awam, daripada skim perkhidmatan lain seperti anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang turut dilihat penting dan kritikal juga perlu diberikan. Ini apa yang dibangkitkan.

Untuk makluman, memang segala apa yang dicadangkan itu memang kita ambil berat. Saya Yang Berhormat hendak beritahu memang isu Yang Berhormat bangkitkan ini sebenarnya ramai juga pihak-pihak lain, saya juga menerima surat dan sebagainya. Memang perkara ini kita ambil berat. Akan tetapi Yang Berhormat segala apa yang kita hendak buat itu, kita memastikan pertamanya sumber kewangan kita mencukupi Yang Berhormat.

Seterusnya izinkan saya- Yang Berhormat Batang Sadong ada? Yang Berhormat Batang Sadong?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batang Sadong tidak ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Kapit tidak ada juga?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ada? Kalau tidak ada saya jawab bertulislah.

Yang Berhormat Tangga Batu, ada?

■1710

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga Batu? Tidak ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak ada. Yang Berhormat Ledang? Tidak ada. *Alhamdulillah*, terima kasihlah. Yang Berhormat Arau pun tidak ada lagi. Yang Berhormat Beluran?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beluran? Ada, ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ada ya. Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Hulu Terengganu pada 21 Oktober 2019 telah membangkitkan supaya peruntukan Ahli Parlimen diberikan sama rata termasuk Ahli Parlimen pembangkang.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada dasarnya, penyediaan dan penyaluran peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah atas budi bicara dan hak prerogatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pertimbangan berkenaan penyediaan peruntukan bagi kawasan Parlimen akan mengambil kira kedua-dua faktor yang menyatakan tersebut dan berdasarkan kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan. Penyediaan peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun. Sekiranya terdapat keperluan bagi pelaksanaan projek program, peruntukan bolehlah dipohon kepada kementerian yang berkenaan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Menteri, saya minta agar Beluran itu dikeluarkan daripada senarai sebab perbahasan saya tidak merujuk kepada itu, tetapi memohon agar peruntukan pembangunan itu disamaratakan supaya tidak ada jurang perbezaan antara daerah, wilayah dan negeri, bukan hendak sama ratakan peruntukan Ahli Parlimen. Jadi keluarkan Beluran daripada senarai tiga itu. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Boleh, tidak ada masalah Yang Berhormat. Saya akan keluarkan selepas ini.

Untuk makluman tentang peruntukan Ahli Parlimen ini, saya hendak tambah sedikitlah. Sebenarnya untuk makluman semua, kerajaan sekarang ini buat kali pertama, kita bagi peruntukan kepada pembangkang. Zaman kami pembangkang, tidak dapat.

Jadi Yang Berhormat kena bersyukurlah. Walaupun dapat mungkin tidak sama dengan Yang Berhormat kerajaan dari segi jumlahnya, tetapi dapat. RM100 ribu bagi saya besar tahu. Kalau kami RM100 ribu dulu, kami rasa memang sudah bersyukur sangat, hendak sujud syukur. Sekarang ini, saya harap pembangkang berterima kasih kepada kerajaan sekarang kerana baik hati bagi RM100 ribu. Gunakan dengan sewajarnya untuk bantu rakyat. *Insya-Allah* kalau kita tengok peruntukan dibelanjakan dengan baik, kita akan bagi lagi tambah pada masa akan datang, *insya-Allah.*

Yang Berhormat Subang ada? Tidak ada. Yang Berhormat Merbok, ada ya. Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Merbok dan Yang Berhormat Kepong telah mencadangkan supaya peruntukan bagi Pusat Khidmat Parlimen dinaikkan dan diberi kepada semua Ahli Parlimen. Untuk makluman, pertimbangan bagi penyediaan-penyediaan ini adalah tertakluk kepada keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kedudukan kewangan semasa. Buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan kadar peruntukan sedia ada. Akan tetapi Yang Berhormat seperti saya cakap tadi, benda ini benda yang bukan satu yang kita tidak boleh ubah pada masa akan datang.

Seterusnya...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Boleh atau tidak hendak...?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya, silakan.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Saya pun hendak betulkan sikit. Apa yang saya bangkitkan adalah tinggikan. Maksudnya naikkan bajet itu, satu perkara lain. Apa yang saya sebut adalah memberikan bajet pengurusan yang sama, pengurusan pejabat kepada pembangkang dan juga kerajaan. Saya mencadangkan, itu saja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Nampak, semua baik nampak. Daripada pihak kerajaan minta samakan dengan pembangkang... *[Tepuk]* Inilah contoh Ahli Parlimen kerajaan yang baik. Akan tetapi buat sementara ini untuk makluman Yang Berhormat Merbok, buat masa ini memang kita hendak melaksanakan tetapi kemampuan kita terhad.

Seorang Ahli: 1MDB rugi banyak duit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, saya percaya kalau kerajaan ini sudah dapat memulihkan semua ekonomi yang lama-lama itu ada masalah, *insya-Allah*, akan datang, Yang Berhormat mungkin akan dapat seperti mana yang lebih baik daripada sekarang, *insya-Allah*. Saya boleh cakap begitu sajalah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, minta laluan sedikit Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ya, silakan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Merbok dan Yang Berhormat Subang iaitu supaya peruntukan pengurusan terutama dari segi pengurusan pejabat diberi sama rata, bukan hanya kepada MP kerajaan. Saya ingin minta penjelasan, dalam manifesto masa Pakatan Harapan dulu untuk menyamaratakan, begitu juga dalam bajet menyebutkan supaya mengimbangkan pembangunan antara negeri-negeri, pendapatan supaya tidak jauh jurang ekonomi, jurang pendapatan dan sebagainya.

Jadi dalam isu ini, adakah dengan perbezaan- contohnya pihak MP kerajaan mendapat lebih daripada RM3 juta ataupun mungkin RM5 juta. Kami pun tidak dapat makluman. Kita hanya dapat RM100 ribu. Kalau kawasan saya, RM100 ribu ini memang amat terhad. Kalau isu banjir, tidak sempat separuh tahun pun sudah tidak cukup duit itu. Jadi dalam keadaan ini, apakah strategi kerajaan akan meneruskan dasar ini? Walaupun kita tahu sebelum ini kita tidak diberi apa-apa tetapi kita dipilih oleh rakyat, duit ini kepada rakyat, bukan kepada peribadi kocek kita, tidak.

Jadi seharusnya, untuk menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk mengimbangkan pembangunan antara wilayah, antara penduduk dan sebagainya, seharusnya pihak kerajaan dan pembangkang diberi hak yang sama rata supaya rakyat yang memilih melalui sistem demokrasi ini dapat menikmati kekayaan khazanah negara. Minta penjelasan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Yang Berhormat Rantau Panjang, saya memang bersimpatilah. Kami pun pernah jadi pembangkang. Kami dapat rasakan macam mana penderitaan pembangkang.

Cuma saya hendak beritahu Yang Berhormat, kalau dibandingkan Yang Berhormat jadi pembangkang, hanya pembangkang saja. Macam kita daripada pembangkang jadi kerajaan, kita dapat rasakan perbezaan itu. Kalau Yang Berhormat, Yang Berhormat rasa sebab apa? Dulu pembangkang, sekarang pembangkang, Yang Berhormat rasa memang sukarlah. Akan tetapi kami dulu pembangkang, kami rasa susah, sekarang ini kami rasa kerajaan yang ada sekarang ini baik betul dengan pembangkang. Kami dapat rasakan bahawa sepatutnya Yang Berhormat pembangkang ini patut kena berterima kasih kepada kerajaan. Itu yang pertama... *[Tepuk]*

Keduanya Yang Berhormat, tentang Yang Berhormat kata peruntukan RM5 juta, RM3 juta, saya tidak tahu Yang Berhormat dapat angka dari mana. *I wish* kami dapat sebanyak itu tetapi tidak dapat Yang Berhormat. RM5 juta, RM3 juta itu sebenarnya satu *fake news*. Zaman BN saya tidak pasti tetapi zaman kami, tidak dapat sampai RM5 juta atau RM3 juta. Baik Menteri pun tidak dapat RM5 juta, RM3 juta.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat, maklum. Saya tanya saja, kami tidak tahu. Beritahulah supaya tidak ada *fake news* lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya hendak beritahu kalau maklumat Yang Berhormat dapat itu, maklumat itu maklumat yang salah, maklumat yang palsu. Akan tetapi Yang Berhormat tidak apalah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Berapa? Berapa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat kena bersabar dan berdoa supaya kerajaan ini kekal, *insya-Allah* Yang Berhormat akan dapat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Soalan kami tanya, jawab berapa supaya tidak ada kekeliruan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya hendak jawab Yang Berhormat Jelebu lah sebagai penutup ini. Kasihan Yang Berhormat Jelebu tunggu ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelebu ini- saya kembali semula kepada Orang Asli lah sebab Yang Berhormat Jelebu ada. Yang Berhormat Jelebu membangkitkan masalah yang dihadapi oleh Orang Asli di Parlimen Jelebu iaitu bantuan pakaian masa sekolah tiada, tenaga pengajar dalam kalangan Orang Asli yang berkurangan, kemudahan bas pengangkutan yang menghantar pelajar Orang Asli dikurangkan, bantuan duit poket RM2 dihentikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA Negeri Sembilan telah diperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi tahun 2019 untuk tujuan pendidikan di bawah Skim Bantuan Galakan Pendidikan mewakili 1,760 orang pelajar iaitu 1,302 orang pelajar sekolah rendah dan 458 orang pelajar sekolah menengah. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM2.3 juta untuk tujuan tambang pengangkutan, RM150 ribu wang saku dan RM50 ribu adalah digunakan bagi tuntutan yuran pelbagai, yuran tuisyen, peralatan alat tulis dan bayaran aktiviti kokurikulum sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sejak tahun 2017 lagi, oleh kerana peruntukan bagi tujuan pendidikan pelajar Orang Asli adalah amat terhad secara keseluruhan, maka pembelian pakaian seragam sekolah kepada pelajar Orang Asli di Negeri Sembilan tidak dibekalkan kecuali untuk pelajar Orang Asli di kawasan pedalaman Pahang, Cameron Highlands dan Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan perangkaan daripada KPM, sehingga 30 September 2019, jumlah masyarakat Orang Asli yang berkhidmat sebagai guru di KPM adalah seramai 290 orang. Usaha untuk meningkatkan jumlah pengambilan masyarakat Orang Asli sebagai guru telah bermula sejak tahun 2012 di bawah Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli lima tahun oleh KPM.

Kesemua pelatih guru diletakkan di kampus Institut Pendidikan Guru Tengku Ampuan Afzan di Kuala Lipis, Pahang. Sejak tahun 2012 sehingga 2019, seramai 218 orang pelatih guru dari kalangan masyarakat Orang Asli telah dipilih bagi mengikuti kursus perguruan ini.

Kemudahan pengangkutan bas sekolah bagi murid Orang Asli Negeri Sembilan adalah bertambah setiap tahun. Peningkatan ini dapat dilihat melalui perbandingan peruntukan bagi 2019 dengan 2018. Pada tahun 2019, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2,347,892 bagi membiayai kos perkhidmatan kontrak pengangkutan murid Orang Asli ke sekolah berbanding RM1,371,824 pada tahun 2018. Peningkatan sebanyak 71 peratus telah memanfaatkan kepada 2,015 orang murid Orang Asli pada tahun 2019 berbanding 1,812 orang murid pada tahun 2018. Peningkatan ini juga sekali gus telah meningkatkan bilangan akses pilihan murid Orang Asli untuk ke sekolah daripada 73 buah sekolah kepada 113 buah sekolah pada tahun 2019 iaitu melibatkan sebanyak 71 laluan berbanding 53 laluan pada tahun sebelumnya.

■ 1720

Insentif bantuan wang saku murid daripada JAKOA adalah melibatkan murid Orang Asli sekolah menengah sahaja dengan mengambil kira bilangan kehadiran sekolah mengikut kadar RM2 sehari. Peruntukan wang saku ini pada tahun 2018 ialah sejumlah RM1,327, 558 melibatkan seramai 12,559 orang murid di sekolah menengah. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan duit poket wang saku telah pun diberikan pada pelajar Orang Asli sejak tahun 2012 sehingga kini. Maknanya apa yang Kerajaan BN buat dulu kita pun teruskan. Mana yang baik kita teruskan.

Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk mengurangkan kadar keciciran pelajar Orang Asli di peringkat transisi iaitu mereka yang menyambung pelajaran ke Tingkatan 1 setelah tamat Darjah 6. Bantuan ini diberikan kepada semua pelajar Orang Asli yang bersekolah di sekolah menengah dengan mengambil kira bilangan kehadiran ke sekolah mengikut kadar RM2 sehari. Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian wang poket ataupun wang saku pelajar Orang Asli Negeri Sembilan bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM197,472 akan disalurkan yang melibatkan seramai 458 orang pelajar. Yang Berhormat Jelebu ada hendak tanya. Silakan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri, banyak masalah selesai, tetapi saya khuatir jabatan *report* kepada Yang Berhormat Menteri salah kerana apa yang saya suarakan Yang Berhormat tentang duit saku pelaku, tentang bas sekolah, tentang segala kemudahan masyarakat Orang Asli sebenarnya ini berlaku di dalam kawasan masyarakat Orang Asli khususnya Parlimen Jelebu.

Yang Berhormat tahu tidak, bantuan wang saku ini Yang Berhormat, RM2 sebulan ini sejak Januari tidak dapat, sampai sekarang sudah bulan Oktober, tetapi berdasarkan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri, peruntukan itu sudah ada dan sudah keluar, macam mana dia tidak sampai kepada sasaran. Ini persoalan dia Yang Berhormat. Saya khuatir dasar yang dilakukan oleh kerajaan, Yang Berhormat Menteri sudah jawab tadi bagus tetapi implementasi di peringkat *grass root* ini Yang Berhormat. Itu saya hendak minta penjelasan pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Kemungkinan, tak tahu, kemungkinan benda itu berlaku begitu, tetapi Yang Berhormat, saya bagi *you* jaminan Yang Berhormat, saya akan bercakap dengan Yang Berhormat Menteri, saya minta Yang Berhormat Menteri melawat Jelebu untuk selesaikan masalah ini. Saya minta, Yang Berhormat akan dipanggil sekali untuk menyertai itu. Terima kasih.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Sedikit Yang Berhormat, boleh saya mencelah sedikit.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih. Boleh saya..

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, habis Kota Tinggi macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya ini memang tidak puas hati, sakit hatiku.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Kota Tinggi, lepas ini kita jumpa dekat kantin.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya bangkitkan tentang berapa banyak peruntukan yang akan dibelanjakan untuk naik taraf rumah PPRT dan pembinaan rumah PPRT. Tidak jawab pun.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, saya cakap tadi saya akan jawab bertulis. Yang Berhormat sabarlah. Lepas ini kita jumpa dekat kantin ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tidak, Yang Berhormat sekarang sebutlah, suruh Yang Berhormat Menteri turun kawasan saya sekali. Baru hati saya sedap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, okey. Yang Berhormat punya pasal, saya akan cakap juga. Jangan takut.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Okey, barulah betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat buat suratlah, buat jemputanlah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ajak saya sekali.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Mana dalam Parlimen, kita bangkitkan. Tidak akan hendak jemput Yang Berhormat Menteri pun hendak buat surat. *Come on* lah, kita dulu kerajaan tidak ada buat surat-surat pun lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat bukan hendak jumpa, Yang Berhormat hendak jumpa Yang Berhormat Menteri kena buat suratlah, bukan hendak jumpa...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat sekarang jawab dalam Parlimen, suruh Yang Berhormat Menteri turun. Buat apa saya hendak buat surat. Itu Yang Berhormat Menteri Pelancongan dulu saya bangkit dalam Parlimen, dia datang. Ini baru Yang Berhormat Menteri buat kerja. Apa lah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung. Yang Berhormat Menteri, saya ucap terima kasih ya. Ini siaran ini didengar melalui Youtube oleh pemimpin masyarakat Orang Asli di kawasan Parlimen saya. Maknanya saya tunggu tarikh lawatan Yang Berhormat Menteri dan jemput saya sebagai Ahli Parlimen untuk bersama.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *Insya-Allah, insya-Allah*. Jangan takut.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *Insya-Allah,* saya akan cakap dengan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, ada sikit lagi. Yang saya sebut lagi hari itu satu lagi Yang Berhormat Menteri antara masalah utama masyarakat Orang Asli ialah perbezaan ya, beza Kerajaan Barisan Nasional dengan kerajaan sekarang. Tadi kata Yang Berhormat mana yang Barisan Nasional buat elok, diteruskan. Ini beza penerimaan bantuan BMT, Bantuan Musim Tengkujuh, Bantuan Basah dan bantuan yang lain yang ikut senarai eKasih, senarai LGM dulu Yang Berhormat, tetapi sekarang ini, dulu dia terima, sekarang sudah tidak terima berdasarkan kepada *enforcement document* yang melampau. Makna yang tidak boleh dipenuhi oleh golongan masyarakat Orang Asli ini.

Saya hendak minta pihak kerajaan Yang Berhormat supaya buat satu sama ada *standing order,* SOP dan sebagainya supaya perkara itu dapat dilonggarkan, supaya masyarakat ini dapat dibantu seperti sebelum ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat, tentang apa yang Yang Berhormat kata dulu dapat, sekarang tidak dapat...

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Sikit Yang Berhormat, boleh jawab sekali.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sekejap, sekejap. Yang Berhormat Cameron Highlands sekejap ya. Yang Berhormat Jelebu, apa yang Yang Berhormat bangkitkan dulu dapat, tidak dapat, kemungkinan benda itu wujud sebab kadangkala Yang Berhormat ini berlaku pada banyak kementerian lain juga sebab kadangkala berlakunya pemutihan. Saya hendak bagi contoh Yang Berhormat, kadangkala lah, saya tidak tuduh ya, kadangkala yang dahulu-dahulu yang tidak layak pun dapat. Jadi bila buat pemutihan, mereka tidak dapat, yang itu yang bising tetapi kalau sekiranya benar Yang Berhormat...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ada mereka-mereka yang layak dapat tapi tidak dapat zaman sekarang, Yang Berhormat, kita akan ambil perhatian.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat, masyarakat Orang Asli mana ada yang tidak layak Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak, saya cakap contohlah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Semua mereka layak.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya tidak tuduh, saya akan cari satu-satu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Topik kita khusus kepada masyarakat Orang Asli. Yang tidak terima, yang tidak dapat itu bukan pasal kita Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak apa Yang Berhormat, kalau itu kita akan ambil tindakan. Tidak apa, kita ambil tindakan *insya-Allah*. Jangan takut Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Itu baru jawapan yang betul.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Yang Berhormat tadi Yang Berhormat ada menyebut Cameron Highlands, rakyat, masyarakat Orang Asli ada terima uniform dan sebagainya. Saya bagi tahu itu satu pembohongan. Yang Berhormat sudah kena kencing sudah ini. Tidak tahu siapa yang kencing ini. Sama ada pegawai Yang Berhormat kah, siapa yang menyampaikan itu, elok Yang Berhormat semak. Saya wakil rakyat sana dan saya hari-hari dengan dia orang, Yang Berhormat kata ada terima uniform dan sebagainya, *yillek*, tidak ada. Dengan izin.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya menjawab ini apa yang diberikan. Mereka orang turun ke padang dan mereka lebih tahu. Yang Berhormat, bagaimanapun Yang Berhormat, kalau sekiranya apa yang Yang Berhormat kata itu betul, memang tidak ada bantuan, Yang Berhormat, kita ini sebagai kerajaan bertanggungjawab, kita akan *rectify* dengan izin masalah-masalah yang berlaku itu. Kami bukan kerajaan yang keras kepala, kalau salah pun kami tidak mengaku. Kami kerajaan yang kalau berlaku kesalahan, kalau betul, ada bukti dan sebagainya, kami akan buat pembetulan. Tidak ada masalah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Kami kerajaan yang terbuka Yang Berhormat jangan takut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Saya pun hari ini pada asalnya tidak mahu mengganggu Yang Berhormat Menteri kerana letih lah lepas balik daripada majlis mahkamah di Kuala Kangsar tapi bila kita dengar kepada perbahasan Yang Berhormat daripada Cameron Highlands, untuk makluman yang sebenarnya melakukan perkara ini rakyat di Cameron Highlands kena kencing dengan MIC. Pemimpin-pemimpin MIC yang memimpin, yang menjadi Ahli Parlimen tidak pernah memberi perhatian.

Saya pernah pergi berkempen semasa Pilihan Raya Cameron Highlands. Saya difahamkan bahawa tidak ada pemimpin MIC yang turun ke padang memberi perhatian... *[Tepuk]* Ini untuk makluman Yang Berhormat Cameron Highlands. Yang kencing, yang kena kencing adalah pihak MIC yang kencing, untuk makluman Yang Berhormat Cameron Highlands. Tolong perbetulkan fakta.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Satu fakta yang saya ingat, Yang Berhormat Jelutong ada menyatakan di Senderok itu sekolah pun tidak ada, jalan pun tidak ada. Saya hendak betulkan lah, ada ruang ini. Benda itu semua ada, ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ini bukan antara Yang Berhormat Jelutong dengan, saya yang jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya hendak gulunglah. Sebenarnya saya hendak betulkan sikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Jelebu tadi tentang Bantuan Musim Tengkujuh. Untuk makluman Yang Berhormat, saya dapat maklumat ini, Bantuan Musim Tengkujuh sebenarnya adalah di bawah bantuan di bawah RISDA, bukan di bawah JAKOA, bawah RISDA. Jadi kalau Yang Berhormat merasakan bahawa bantuan ini tidak lagi dikemukakan ataupun tidak lagi diberikan, Yang Berhormat boleh berhubung terus dengan pihak RISDA. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua itu saja jawapan saya. Yang mana-mana yang saya tidak jawab, saya akan jawab bertulis. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri... *[Tepuk]* Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Silakan. Sejam, 60 minit.

5.28 ptg.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Salahuddin bin Ayub]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang merupakan benteng makanan negara. Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada 43 Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan belanjawan bagi tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama yang menjadi topik yang paling menarik adalah isu kelewatan benih padi sah yang diedarkan kepada pesawah, isu monopoli dalam industri beras dan juga cadangan mengembalikan Lembaga Padi dan Beras Negara serta cadangan memperkenalkan penanaman padi organik serta menjenamakan beras keluaran negara.

■1730

Saya mendapati ada beberapa Ahli Yang Berhormat daripada Bera, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat daripada Pontian, Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Alor Setar, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Tanjong Karang yang telah mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, kelewatan pengedaran padi benih sah kepada pesawah-pesawah terutamanya di kawasan utara tanah air bukan disebabkan oleh kekurangan penghasilan benih padi sah. Ia adalah kerana penghasilan benih pada tahun ini adalah sebanyak 73,907 tan metrik berbanding keperluan negara sebanyak 72 ribu tan metrik. Apa yang berlaku sebenarnya adalah kegagalan enam daripada sembilan syarikat pengeluar yang tidak dapat memenuhi kuota pengeluaran benih padi bersubsidi yang telah diluluskan.

Walau bagaimanapun, kekurangan benih padi dapat ditampung melalui tiga lagi syarikat yang telah menghasilkan benih padi melebihi kuota yang diluluskan kepada pengeluar. Bagi membolehkan lebihan benih padi pada tiga syarikat tersebut diedarkan kepada pesawah, pengagihan semula kuota benih padi mengikut syarikat pengeluar perlu dilakukan.

MOA telah memperoleh kelulusan pengagihan semula kuota pertama pada 3 Oktober 2019 melibatkan 2,500 metrik tan dan kelulusan pengagihan semula kuota kedua pada 17 Oktober 2019 yang melibatkan 5,900 metrik tan. Manakala pengagihan semula kuota ketiga dalam jumlah agihan sebanyak 10,194 metrik tan masih dalam proses pertimbangan kelulusan Kementerian Kewangan. Masalah kelewatan penghantaran benih padi sah kepada pesawah dijangka akan selesai sebaik sahaja pengagihan semula kuota ketiga memperoleh persetujuan daripada pihak Kementerian Kewangan.

Kementerian juga menyedari bahawa terdapat trend peningkatan terhadap kegagalan pihak pengeluar benih mematuhi piawaian benih padi sah disebabkan oleh peningkatan infestasi padi angin di ladang benih sehingga berlaku peningkatan kegagalan kelulusan di peringkat makmal sebanyak 30 peratus bagi tahun 2019 berbanding 20 peratus pada tahun 2014. Bagi mengatasi masalah tersebut, kaedah pensampelan benih padi mentah di ladang bagi menggantikan 'i-SKOR' dengan izin, dicadangkan menggunakan kaedah mencedung, mekanikal ataupun *transplanter* dan mematuhi kaedah kawalan padi angin semasa penyediaan tanah.

Menyentuh mengenai rancangan penanaman padi secara organik pula, beras organik termasuk dalam kategori beras *specialty*...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, boleh saya tanya benih padi?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Nanti saya habiskan. Tidak apa. Saya habiskan, nanti saya beri izin kepada Yang Berhormat Bera. Beras organik termasuk dalam kategori beras *specialty*. Pasaran beras organik tertumpu kepada pasaran khusus sahaja. Prosedur pengeluaran padi organik adalah tertakluk kepada *Malaysian Standards MS 1529:2015.*

Jabatan Pertanian telah diperuntukkan sebanyak RM3.48 juta insentif bagi tahun 2019 di bawah Program Pengukuhan myGap dan myOrganik untuk menggalakkan pengusaha mengamalkan amalan pertanian baik dan amalan pertanian organik melalui persijilan myGap dan myOrganik.

Sehingga 30 September 2019, sebanyak 4,540 ladang telah dipersijilkan dengan myGap dan 233 ladang dipersijilkan dengan myOrganik. Bagi komoditi padi, sebanyak 2,118 ladang dengan keluasan 3,831.47 hektar telah dipersijilkan dengan myGap dan tiga ladang berkeluasan 118.46 hektar telah dipersijilkan dengan myOrganik dengan pengeluaran sebanyak 355 metrik tan, produktiviti 3 metrik tan:1 hektar.

Mengenai isu monopoli industri beras dan cadangan mengembalikan Lembaga Padi dan Beras Negara pula, kementerian masih mencari model terbaik dan sedang kita memperhatikan dan membuat satu penelitian yang lebih holistik melalui *Request for Proposal* (RFP) yang akan memberikan kemakmuran bersama sebelum konsesi BERNAS tamat pada 2021. Sila, Yang Berhormat daripada Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, tentang kelewatan membekalkan benih padi sah bersubsidi. Seperti kita tahu yang pihak kementerian telah pun menetapkan jadual penanaman padi, *rice check* untuk pesawah-pesawah. Padi yang diterima sepatutnya adalah pertengahan ataupun akhir bulan September ataupun paling lewatnya awal Oktober, tetapi benih padi yang diterima lewat daripada yang sepatutnya. Bermakna, jadual dari segi penanaman padi itu telah lari daripada jadual ataupun *rice check* yang ditetapkan oleh kementerian.

Jadi dari segi kesannya, apakah kesan kepada pesawah ini dari segi penanaman padi yang lewat jadual ini? Apakah tindakan selain daripada memberikan benih tetapi sudah pun terlewat, jadi apakah caranya untuk memastikan dari segi hasil mereka tidak terkesan daripada kelewatan ini?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri sedikit, isu yang sama benih padi. Pendek sahaja soalan saya. Adakah kementerian telah pun mengkaji apakah puncanya, sebabnya benih padi ini lambat dan menjadi masalah? Sebabnya itu apa? Okey.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit? Bagan Serai, benih padi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sekali lagi-lah berkenaan dengan benih padi yang dikeluarkan ini. Kalau kita lihat di daerah Kerian umpamanya, keperluannya adalah 6,000 metrik tan bermusim, tetapi saya difahamkan kilang benih padi dan loji benih padi FELCRA hanya mampu bagi 1,000 metrik tan. Jadi sebab itu antara masalah saya fikirkan yang juga permintaan yang lebih tinggi yang mana yang sebutkan pagi tadi, adakah mewujudkan satu lagi loji benih padi di negeri Perak boleh menjadi satu jalan penyelesaian kepada kelewatan benih padi ini. Terima kasih.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Minta laluan sedikit.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon sekejap. Isu yang sama. Isu benih padi tadi, saya nampak kelewatan untuk membekalkan benih padi sah ini ada sedikit percanggahan kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bahawa ia berpunca daripada benih ataupun benih padi yang ada penyakit. Akan tetapi dijawab oleh pihak Exco, pihak Kerajaan Negeri Kedah dalam perbahasan Dewan Undangan Negeri mengatakan kelewatan berpunca sembilan syarikat pembekal benih padi ini telah memberi ataupun menjual benih padi ini ke pihak petani di Selangor dahulu. Jadi, itu menyebabkan kelewatan untuk sampai ke negeri Kedah. Jadi, mohon penjelasan pihak Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Alor Setar, selepas itu Yang Berhormat Padang Terap. Yang Berhormat Alor Setar, sila.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bagi benih sah yang ini, isu ini, sembilan syarikat tersebut sebenarnya habis konsesi dalam tahun ini dan saya dimaklumkan bahawa tahun depan kita sudah mula ada penyusunan semula. Cuma saya hendak tanya pihak kementerian, adakah syarikat-syarikat yang telah bukti gagal untuk menghasilkan biji benih sah dalam musim ini atau dalam sekarang ini akan diambil kira apabila syarikat yang sama cuba hendak mohon kuota pada tahun depan ataupun pada konsesi yang baru ataupun kita anggap kegagalan tersebut tidak diambil kira apabila membuat pelantikan baharu. Maksudnya, adakah mereka akan disenaraihitamkan supaya dalam permohonan baharu ini tidak diambil kira?

Kedua, adakah dari segi kuota yang diberi kepada syarikat ini mengambil kira dari segi kemampuan penghasilan tersebut ataupun ada letak satu limit kepada setiap syarikat ataupun tidak? Ini kerana kita nampak ada syarikat yang dapat kuota cukup lebih walaupun mereka mampu. Adakah cadangan pihak kementerian untuk memperbanyakkan lebih banyak *supply* supaya kita tidak bergantung kepada beberapa syarikat walaupun ada kemampuan ataupun kita ambil pendekatan bahawa mana-mana syarikat yang ada kemampuan tinggi, kita memberikan kuota yang lebih supaya dia boleh hasilkan dalam masa yang diperlukan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Silakan Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ini fasal benih padi ini *especially* di negeri Kedahlah.

Padi benih yang disebut ini apa pun sekarang yang berlaku adalah padi benih sudah lewat, sudah lewat dari yang dijadualkan. Jadi kalau macam Yang Berhormat Bera sebut tadi, bila padi benih ini lewat, dia punya masa itu, dia punya *time frame* untuk hendak tanam itu 250 ribu ekar dalam kawasan MADA dan ada lagi luar MADA, lebih kurang 50 ribu ekar.

■1740

Jadi ada lebih kurang 300 ribu ekar. Jadi, sekarang ini di Perlis dan juga di Kedah lewat. Jadi saya tidak tahu macam mana *adjustment* ini dibuat terhadap sistem pengairan daripada empangan. Oleh sebab *irrigation system* di mana air telah dimasukkan dalam kawasan sawah padi dan *time* untuk tanam itu sudah sampai.

Akan tetapi, untuk tahun ini memang lewat sangat. Yang Berhormat Menteri sebut tadi fasal peruntukan kewangan, fasal masalah padi angin dan sebagainya. Akan tetapi, pada kita lah, dia kena ada satu SOP yang sepatutnya dibuat bila sampai masanya, benih padi mesti ada. Fasal kalau *tak dak* benih padi untuk petanilah, dia ada satu benda yang sangat menyeksa mereka. Satu keresahan secara keseluruhan sebab benih padi ini mereka adalah ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan setiap PPK itu sedang menjerit minta tolong. Kita katakan bahawa perkara ini ialah perkara yang malanglah untuk para petani.

Jadi macam mana kita hendak *settle* benda itu. Yang Berhormat Alor Setar sebut tadi mengenai dengan prestasi pengilang, kemudian Yang Berhormat Menteri sebut padi angin dan juga peruntukan. Jadi, ini juga satu benda yang pada saya kena ambil secara serius sebab kalau tidak Yang Berhormat Menteri kepada petani yang terlibat dengan padi, mereka sangat malanglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya daripada Bera, daripada Tanjong Karang, Alor Setar, Sik dan juga yang paling akhir daripada Padang Terap. Apabila kita membuat beberapa tinjauan terhadap isu ini. Saya telah melihat bukan secara satu-satu- *piecemeal.* Oleh sebab pada saya, satu-satu ini nanti macam *seesaw.* Dia naik sini, nanti turun sini. Angkat sini, turun sini.

Saya telah melihat kepada keseluruhan masalah dalam bentuk rantaian nilai. Dia ada banyak faktor Yang Berhormat dan sudah pasti Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Bera yang pernah- Yang Berhormat Pasir Salak yang pernah duduk dalam kementerian besar ini boleh berkongsi dengan saya dan faham tentang apa yang kita hadapi pada masa dan ketika ini. Ini juga pernah berlaku pada zaman-zaman yang dulu.

Apabila saya melihat tentang keseluruhan rantaian nilai ini, kita telah menyaksikan bahawa fenomena baru adalah fenomena padi angin. Itu tidak boleh saya nafikan. Kita ada sepuluh jari, ada jari-jari yang boleh kita tunjuk pada orang lain dan saya tidak keberatan untuk beberapa jari itu juga saya tuding kepada MOA dan diri saya sendiri yang perlu kepada penambahbaikan dan iltizam pentadbiran dan politik yang kukuh untuk kita perbetulkan perkara ini. Baik, tentang padi angin, kita harus lebih telus. Ini sebab, apabila pegawai kita pergi *check* dan kita juga terima makluman ada yang secara tengok teropong saja daripada kereta, daripada *Jeep*. Ada pegawai yang bagus yang pergi turun padang tengok berapa peratus ladang padi benih itu yang berkualiti.

Bila sampai di kilang, kita terpaksa jujur dan sebahagian daripadanya adalah padi angin yang tidak boleh kita serahkan kepada petani. Itu di antara faktor kenapa pada kali ini tidak cukup bekalan benih padi sah ini. Itu yang pertama.

Keduanya Yang Berhormat, saya juga mengkaji dan akan meneliti lebih teliti, syarikat-syarikat yang kita berikan konsesi ini seperti contoh PPK Puteri Saadong, PPK Lahar Bubu. Kemudian, syarikat-syarikat Seri Merbok, Jelapang Selatan, Syarikat Felcra Plantation, Syarikat Haji Mohd Nor. Kita akan *check* kuota yang kita berikan itu sesuai tak dengan ladang padi yang dia ada, *match* tak. Kalau dia tidak *match,* maknanya *something wrong* dan ini perlu diperbetulkan.

Saya mengakui, kadang-kadang terdapat isu-isu seperti ini yang kita perlu perbetulkan. *We have to be very sincere about this.* Ini adalah satu penyelesaian tuntas yang kita mesti berusaha untuk kita tamatkan isu ini. Ini sebab yang menjadi mangsanya adalah pesawah-pesawah. Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya secara jujur ingin menyatakan bahawa kita akan mengambil satu pendekatan yang holistik. Saya habis dulu, saya bagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya tidak habis lagi. Oleh sebab itu kita perlukan pendekatan yang holistik, makna *the whole* ekosistem itu akan perlu kita perbetulkan. Kemudian juga mungkin berlaku Yang Berhormat adalah- baik, kita bagi dia satu kuota, tiba-tiba habis. Katalah tiba-tiba habis, dia sudah pakai kuota itu. *So,* menjadi masalah bagi kita sebab bila kita hendak pohon balik pada pihak MOF. Ini semua kita alami, bukan sahaja Kementerian Pertanian, keseluruhan kementerian lah makna hendak patah balik pergi MOF, tunggu surat. Kadang-kadang kita *call,* Menteri *call,* ini petani hendak tanam sudah sampai masa.

Akan tetapi, oleh sebab berlakunya juga birokrasi itu yang akan juga kita perbetulkan maka berlakulah masalah itu. Kedua juga kita hendak tengok kenapa kuota itu habis. Adakah dia *kautim* dengan ejen? Saya secara jujurnya berlaku yang akan kita siasat, sebab itu menyusahkan petani. Oleh sebab itu, kuota itu kenapa habis lebih awal.

Jadi saya memberikan jaminan Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang kita dapati tidak mematuhi ataupun cuba mencari keuntungan daripada cara yang seperti ini. Ini sebab kita bagi dia subsidi. Kerajaan bagi subsidi dan jangan kita tidak mahu, makna kita berlaku di belakang kita perkara-perkara seperti ini. Oleh itu, pegawai-pegawai saya *insya-Allah,* akan memeriksa perkara ini dan kita juga boleh melantik beberapa *third party* untuk kita memberikan maklumat kepada saya supaya ia tidak berlaku lagi pada masa akan datang. Sila Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada Menteri kerana nampak ada keprihatinan kepada nasib petani. Akan tetapi, saya dapati mungkin Yang Berhormat tidak begitu menyedari seriusnya masalah ini. Saya hendak bagi tahu kelewatan dari segi penghantaran benih padi sah ini menyebabkan tanaman empat kali setahun terjejas. Empat kali setahun terjejas. Kita sepatutnya dua kali setahun, jadi maknanya dua tahun empat kali. Akan tetapi, sekarang ini jadi tiga kali.

When satu musim *gone*. Jadi apa implikasinya ialah pendapatan petani sudah satu per empat, sudah terjejas. Ini mungkin tidak disedari oleh pihak kementerian dan saya hendak bagi tahu situ saya ingin bertanya kepada Menteri. Bolehkah memberikan pertimbangan untuk memberikan ganti rugi kepada petani-petani ini kerana kehilangan satu musim ini? Satu musim ini besar maknanya kepada kehidupan mereka. Saya minta lah Menteri memberikan keprihatinan untuk memberikan ganti rugi kepada mereka kerana ini bukan salah mereka. Salah daripada kita yang lewat menghantar benih padi sah ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sambungan Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Siapa, Yang Berhormat Tanjong Karang, selepas itu Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Bera. Akan tetapi, kena singkat ya sebab ada lima sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adil.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dalam ucapan saya, saya ada sebut punca dia. Akan tetapi, saya tidak tahu kalau pegawai ambil ataupun tidak. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah benar maklumat yang saya dapat. Punca dia. Dahulu satu beg, kementerian benarkan mengandungi 80 biji benih padi angin. Sebanyak 80 biji padi angin, 80 biji.

Akan tetapi, tiga bulan sebelum ini, kementerian tukar rasa hanya benarkan satu beg benih padi ini hanya 40 biji sahaja benih padi angin yang dibenarkan, separuh. Akibat dikurangkan daripada 80 biji benih padi angin kepada 40 biji padi angin, maka kalau tidak silap saya 11 syarikat yang dilantik, maka yang mampu mengikut dasar baru kementerian ini hanya dua syarikat sahaja, Seri Merbok dan satu lagi saya lupa. Sembilan lagi yang tidak mampu mengikut dasar yang baru. Jadi sebab itu saya hendak tanya, betul atau tidak betul ini puncanya.

■1750

Kalau betullah ini puncanya, amat malang sekali. Mengapa kementerian tergesa-gesa memperkenalkan dasar yang baharu tanpa memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang dilantik ini untuk membaiki kilang-kilang mereka? Ini yang pertama.

Kedua, tadi Yang Berhormat Menteri kata bila lantik syarikat, kena *match* ladang daripada kilang itu ada di mana. Apakah kena *match* kilang ini dengan kawasan yang dia nak bekal ataupun kita kena *match*-kan kapasiti kilang itu? Kemampuan kilang itu mengeluarkan benih padi ini? Jadi, itu yang saya hendak tanya. Apakah benar maklumat yang saya dapat ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana kita dapat berbincang dengan baik dan aman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, adil. Sebab saya ini orang yang baik, janganlah dihukum. Tak elok ya.

Jadi Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tahu bahawa padi Perlis yang tidak berkapur itu ialah padi yang terbaik di negara ini dan ladang-ladang yang mendapat kuota ini banyak membuat ladang benih di Perlis. Akan tetapi Perlis sendiri tidak ada loji benih padi. Jadi saya mencadangkan supaya Perlis diadakan loji benih padi dan benih padi diambil daripada Perlis.

Sekarang ini orang Perlis terpaksa tanam padi daripada luar yang tidak berkualiti, akhirnya padi Perlis pun tak berkualiti. Orang lain hendak ambil padi Perlis untuk buat benih, kita benarkan. Akan tetapi untuk Perlis, padi Perlis tidak boleh dikeluarkan kerana dia terlampau cantik dan murni yang harus dipertahankan iaitu sediakan loji benih di Perlis dan orang luar boleh menjadikan ladang benih di Perlis untuk kilang mereka tetapi jangan keluarkan padi lain datang ke Perlis sebab padi Perlis biarlah bertahan di Perlis...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, macam buah mangga harumanis ya? Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ya termasuk harumanis.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, kesan daripada kelewatan benih padi sah yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang dilantik oleh kerajaan atau kementerian, petani dan pesawah-pesawah yang takut lewat menanam padi, mereka membeli daripada syarikat-syarikat swasta dengan harga yang jauh lebih tinggi. Jadi sebab itu saya soal tadi, apakah yang kementerian hendak lakukan bagi bantu mereka? Adakah dari segi pembelian harga yang mahal ini pihak kementerian akan *reimburse* balik kepada mereka daripada segi *difference* itu dengan harga padi subsidi? Kualiti pun mungkin berbeza.

Satu lagi saya dah kata tadi, oleh kerana kelewatan memulakan penanaman padi, dah lari daripada *rice check* yang dikeluarkan oleh pihak kementerian, apakah bantuan kepada mereka yang terjejas ini dari segi pendapatan dan sebagainya? Saya takut nanti kalau berlaku banjir besar di Kedah dan sebagainya, padi belum boleh dituai dan sebagainya, sekali lagi pesawah yang miskin ini akan menjadi mangsa akibat daripada pengeluar benih yang gagal melaksanakan tugas mereka. Saya setuju dengan Yang Berhormat Alor Setar tadi. Kalau boleh, senarai hitamkan lah mereka ini kerana mereka yang menyebabkan kesusahan pesawah-pesawah di Kedah, Perlis dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat...

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Sedikit, Alor Setar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada lagi? Okey, silakan.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Sikit sahaja. Saya nak cadangkan, memandangkan Yang Berhormat Menteri sudah bagi tahu masalah ataupun kekangan yang dihadapi adalah kita perlu seimbangkan antara hasilan dan juga kualiti. Maka saya hendak cadangkan dalam tahun depan kita mula konsesi baharu, mungkin kita boleh perbanyakan sembilan syarikat ini kepada contohnya 15 syarikat. Lepas itu kita bahagikan dalam tiga *level*. Maksudnya untuk kekalkan sumbangan ataupun *supply* itu, maka kita tengok syarikat yang mampu, kita bagi kuota.

Contohnya 10 ribu, tiga syarikat. Maka sekurang-kurangnya separuh kita *secure.* Lepas itu kita bagi beberapa syarikat untuk 2,000- 2,000 kuota. Kalau *track record*-nya elok, maka kita kekalkan bagi kuota lebih. *Track record* yang tak okey, kita gugurkan. Maka dalam dua tahun ke tiga tahun, kita akan ada satu sistem yang lebih mantap. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang daripada Yang Berhormat Tanjong Karang, daripada Yang Berhormat Pasir Salak, daripada Yang Berhormat Bera dan juga sekali lagi daripada Yang Berhormat Alor Setar dan Yang Berhormat Arau. Tak sebut nanti dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kecil hati.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: ...Kecil hati tetapi tak apa. Orang utara ini dia tak mudah kecil hati.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, dia lapang dada.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, yang kritikal tadi- saya jawab Yang Berhormat Pasir Salak dulu dan Yang Berhormat Bera.

Apakah bentuk-bentuk bantuan yang boleh kita berikan kepada kelewatan itu? Kalau bencana seperti ribut dan juga banjir, kita ada tabung bencana dan kalau yang betul-betul serius yang saya perlu juga perhitungkan dan pegawai akan pergi melihat berapa ekar atau berapa relung ke jumlah mereka yang rugi ini, *insya-Allah* saya perhitungkan untuk mereka mendapat bantuan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. Sebab sebagai Yang Berhormat Menteri, kalau tak cukup kita boleh pergi ke Pejabat YAB Perdana Menteri untuk kita mendapatkan bantuan-bantuan yang sewajarnya untuk kita berikan kepada mereka. Saya akan teliti tentang isu itu.

Yang Berhormat Tanjong Karang, saya rasa tidak. Standard yang kita telah putuskan dalam MOA adalah 40 biji satu beg, tak tahu mana datang 80 biji itu. Saya dapat jaminan bahawa standard kita 40 biji, bukan 80 biji...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Itu standard sejak bila itu?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Kita tak pernah ubah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebab itu dalam ucapan saya, saya dah sebut. Patutnya itu yang nak kena betulkan. Jadi jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa standard daripada mula-mula? Daripada zaman saya ke zaman Yang Berhormat Bera kah?

Saya nak tahu sebab zaman kita dahulu, saya lima tahun jaga, tak pernah berlaku benda macam ini. Masa zaman Yang Berhormat Bera pun tak pernah berlaku benda macam ini. Saya dimaklumkan tiga bulan lepas baharu dasar ini diperkenalkan. Betul tak betul? Itu saya nak tanya.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Bila saya masuk pejabat pada 21 Mei 2018, ini tidak berubah. Akan tetapi Yang Berhormat, saya dah sebut tadi bahawa kelewatan ini bukan hanya satu faktor, dia ada banyak faktor. Jadi, *insya-Allah* yang itu saya akan terus perhatikan dan akan saya betulkan.

Apa yang saya hendak sebut kembali adalah tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Setar. Ya, saya telah menubuhkan satu jawatankuasa khas di bawah Timbalan KSU Kementerian untuk kita menyiasat semua syarikat yang telah kita berikan tender itu. Sekiranya mereka melakukan penyelewengan *so-called* atau melakukan penipuan, saya tidak teragak-agak untuk senarai hitamkan mereka dan kita perlu tegas untuk kita pastikan tidak berlaku lagi pada musim akan datang perkara ini kepada pihak pesawah. Terima kasih di atas semua nasihat abang-abang di hadapan ini yang dahulu ada pengalaman dan saya berkongsi pengalaman itu, *insya-Allah* demi kebaikan pada masa akan datang. Terima kasih.

Saya beralih kepada isu yang kedua. Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, saya cakap Arau tadi, tak jawab kah? Yang Berhormat Menteri *skip* saya.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat Arau, tentang loji. Ya, pagi tadi pun Yang Berhormat Bagan Serai telah bercakap.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang beli benih daripada swasta tadi, yang harga lebih mahal. Boleh *reimburse?*

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya. Itu pun saya masukkan dalam nanti kerugian-kerugian yang telah pun dialami oleh pesawah kita.

Tentang loji tadi, pagi tadi pun Yang Berhormat Bagan Serai minta satu loji di Perak, Yang Berhormat Arau juga walaupun negeri *besaq kelemboi* pun minta juga satu loji. Jadi kita akan perlu melakukan satu *feasibility study.* Tak boleh dengar-dengar pada hari ini, saya terus buat keputusan. *Insya-Allah,* Bahagian Industri Padi dan Beras kementerian akan membuat satu kajian yang menyeluruh tentang keperluan itu, *insya-Allah.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tentang ganti rugi ini, saya nak minta supaya diberi juga pertimbangan di kawasan Tanjong Karang, sawah sempadan. Baru-baru ini saya pergi tengok, kalau dahulu mereka dapat 10 tan, lapan tan. Baru-baru ini, dia ada yang dapat satu tan, dua tan. Nak bayar sewa tanah pun mereka tak mampu. Jadi kalau nak kira nanti, tolong juga timbangkan kepada petani yang mendapat hasil yang cukup rendah sekali. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, jangan cakap Perlis *besaq kelemboi.* Boleh kata Perlis ini 90 peratus ialah padi. Jadi dia walaupun negeri kecil tapi kawasan padinya besar.

Keduanya Yang Berhormat Menteri, memang loji padi diperlukan kerana padi Perlis itu Yang Berhormat Menteri, padi yang paling berkualiti di negara ini. Semua orang berebut nak ambil padi Perlis. Jadi kami tak hendak benih yang dari negeri lain bawa ke Perlis, benih Perlis bawa ke tempat lain. Itu menyebabkan- dahulu kita boleh dapat enam tan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tanjong Karang lagi berkualiti.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Enam tan ke tujuh tan, Yang Berhormat Menteri. Sekarang nak dapat dua tan pun tak boleh sebab kita ambil benih kita daripada luar.

Kedua untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, saya mendapat maklumat bahawa terdapat orang yang mendapat kuota ini telah pun menjual kuota mereka dua tahun ke hadapan. Itu sebabnya berlaku kekurangan sekarang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, antara Arau dan Tanjong Karang, mana satu lebih hebat, benih itu mana satu?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Perlis mesti lagi hebat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Paling hebat Tanjong Karanglah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau, Arau sebab Tanjong Karang ambil benih daripada Perlis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bagaimanapun, sudah 30 minit tetapi Yang Berhormat Menteri hanya jawab satu isu sahaja. Saya nasihatkan jawab isu-isu yang lain ya.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya. Saya ucap terima kasih. Nak tanya hebat tentang benih itu, dua-dua hebatlah. Saya akan ambil kira semua yang telah dijawab sebentar tadi.

■1800

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Benih sahaja hebat, mereka tidak hebat *[Ketawa]*

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Isu pengurangan peruntukan MOA dan agensi yang disebut oleh Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Ayer Hitam. Kementerian ini telah menerima peruntukan sebanyak RM4.9 bilion dalam Belanjawan 2020 iaitu tambahan RM0.5 bilion atau peningkatan 10.9 peratus berbanding tahun sebelumnya RM4.4 bilion.

Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya daripada pihak pembangkang, golongan petani, pesawah, penternak dan nelayan akan terabai dalam belanjawan ini berikutan pengurangan peruntukan mengurus antara RM1.5 juta ke RM11.9 juta kepada agensi MOA seperti LKIM, LPNM dan FAMA.

Belanjawan ini juga adalah tidak tepat kerana MOA dan agensinya telah menyusun semula program-program yang telah dirancang dengan pendekatan *do more with less.* Ini dapat dicapai dengan mengamalkan perbelanjaan yang berhemah, menjalin sinergi dengan entiti korporat dan mengoptimumkan matlamat penganjuran majlis. Melalui penyusunan semula program-program ini, sasaran yang ditetapkan masih dapat dicapai walaupun peruntukan yang diterima sedikit berkurangan. Majlis-majlis yang saya rasa tidak perlu dibuat besar-besaran kita kecilkan. Perbelanjaan seperti contohnya perjalanan yang tidak sepatutnya kita pergi beramai-ramai kita kecilkan. Itu maksud pengecilan yang tidak langsung menjejaskan tentang kapasiti kerja dan integriti kita...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, saya hendak menyokong Yang Berhormat sebenarnya.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tidak habis lagi ini?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Kasihan kepada Kementerian Pertanian ini kerana kementerian ini amat penting melibatkan kepentingan rakyat di luar bandar tetapi Kementerian Pertanian yang paling banyak dipotong dari segi bajet. FAMA sangat penting kerana kelemahan petani kita adalah untuk memasarkan produk. FAMA yang patut bertanggungjawab memasarkan produk bagi pihak petani. Akan tetapi bajet dipotong sebanyak RM11 juta.

MARDI yang perlu membuat *research* untuk meningkatkan pendapatan petani dan sebagainya supaya hasil tani dapat ditingkatkan juga dipotong di dalam bajet ini. LPP, industri makanan dipotong RM262 juta kepada RM244 juta. Industri padi dan beras, saya takut nanti kesan kepada industri beras di masa akan datang, tahun depan dipotong sebanyak RM3.1 juta.

Jadi, perkara-perkara ini boleh menjejaskan pendapatan petani-petani yang sememangnya miskin dan mengharapkan bantuan daripada kerajaan. Jadi, saya minta kepada Yang Berhormat selain daripada mengecilkan dari segi program-program dan sebagainya minta kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. *Insya-Allah* saya percaya kita semua akan menyokong Kementerian Pertanian untuk minta tambahan bajet daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan... *[Tepuk]*

Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak tahu pun keadaan luar bandar, keadaan petani dan sebagainya, kerana dia duduk di bandar dan sebagainya, tetapi kita akan sokong kalau Yang Berhormat minta bajet.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Yang Berhormat Menteri Pertanian kena berani. Kami tolong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau jangan jadi batu api. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tahun ini kita dapat lebihan lebih kurang RM0.5 bilion tambahan lagi. Saya rasa itu tidak tepatlah kalau mengatakan bahawa kita tidak diberikan keutamaan. Cuma izinkan saya baca dahulu Yang Berhormat.

Manakala mengenai pengurangan peruntukan pembangunan contohnya pengurangan RM70 juta kepada DOA dalam belanjawan ini adalah disebabkan kebanyakan projek yang dirancang dalam RMK-11 telah pun siap dibina atau telah sampai ke peringkat akhir pembinaan. Pengurangan ini akan ditampung dengan peruntukan tambahan yang diperoleh oleh kementerian melalui program integrasi seperti tanaman cili, nanas, kelapa dan tembikai serta pengurusan sawah kita.

Akan tetapi secara keseluruhannya DOA telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM1.364 bilion pada tahun 2020 untuk pelaksanaan 374 projek dan program berkaitan pertanian di seluruh negara. Meskipun tahun 2020 merupakan tahun akhir RMK-11, jumlah yang diluluskan ini lebih tinggi berbanding tahun 2019 dengan peningkatan sebanyak RM3.87 juta.

Ini menunjukkan bahawa kita sentiasa prihatin dan memajukan sektor pertanian dan komited untuk meneruskan projek dan program pembangunan yang telah dirancang. Jadi kalau kita ada usaha sama untuk berjuang lebih banyak untuk MOA, saya sangat mengalu-alukan kerana itulah juga perjuangan kita bersama untuk kita melancarkan lagi semua program dan projek kita di bawah MOA.

Malahan bantuan kepada petani sebagai contoh, pesawah dan nelayan tetap diteruskan seperti berikut di mana RM796 juta bagi SBPKB dan SIPP, subsidi padi baka umur juga akan diteruskan. Elaun sara hidup kita dapat naikkan RM50. *Insya-Allah* kalau ekonomi kita bagus, akan dinaikkan lagi dan RM150 juta untuk diperuntukkan sebagai galakan program integrasi tanaman seperti cili, nanas, kelapa dan tembikai.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ayer Hitam yang membangkitkan mengapa penanaman bunga dan buah-buahan tidak diberikan subsidi, kita telah menyatakan di bawah kementerian, jabatan-jabatan Projek Pembangunan Kluster Buah-buahan Program Peningkatan Hasil Sayur-sayuran dan Projek Pembangunan Kluster Bunga dan Taman Hiasan. Saya rasa ini semua telah kita berikan peruntukan yang secukupnya untuk dilaksanakan.

Isu yang ketiga Yang Berhormat Kepala Batas, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Masjid Tanah dan Yang Berhormat Bera tentang isu pemutihan senarai nelayan, elaun sara hidup dan pencerobohan nelayan asing. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita telah membuat pemutihan di atas nelayan ini dan sekarang jumlah sebenar yang telah kita putihkan adalah 34,617.

Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini walaupun kita buat pemutihan, saya juga sangat prihatin terhadap mana-mana pengaduan yang datang ke pejabat ataupun melalui pegawai dan kita tetap membuka pintu untuk mereka merayu dan memohon. Sebagai contoh Yang Berhormat ada juga yang datang kepada saya dia tidak dapat ke laut jadi nelayan. Memanglah dia tidak boleh *update* dari segi minyak yang diambil ataupun ikan yang dijual kerana isteri dia menghidapi kanser sebagai contoh. Dia tidak dapat ke laut kerana dia menjaga isteri dia.

Akan tetapi mengikut buku, mengikut SOP mereka tidak ada dalam sistem. Jadi yang ini yang benar-benar nelayan tetapi menghadapi masalah, MOA sentiasa buka pintu untuk mereka dipertimbangkan kembali untuk mereka mendapat segala kemudahan subsidi, elaun sara hidup nelayan, *insya-Allah.* Kemudian*...*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri ...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya habiskan dahulu topik ini.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pasal elaun nelayan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya habiskan dulu. Nanti saya beri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey. Pontian dan Tanjong Karang.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Pengaktifan pemberian tentang isu pencerobohan nelayan asing, saya habiskan dahulu topik ini dan penggunaan pukat yang merosakkan ekosistem, saya...

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, saya rasa Kuala Terengganu pun ada sebut juga pasal itu.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ya, ada masuk Yang Berhormat Kuala Terengganu. Kita telah mengadakan ataupun melancarkan Operasi Naga dan mengikut statistik tahun 2006 sehingga tahun 2018, 706 buah *vessel* dari Vietnam, dan 100 *vessel* dari Thailand telah ditahan oleh pihak penguasa APMM.

Melalui Operasi Naga di kawasan *hotspot* yang kita telah kolaborasikan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar Negeri, kita telah menahan sebanyak 146 kes di mana 137 *vessel* asing dan sembilan *vessel* tempatan telah ditahan melalui operasi ini.

Jadi, saya dengan ini menyatakan bahawa operasi ini tidak akan dihentikan dan kita merasakan inilah cara yang paling berkesan kita memelihara sumber laut kita dan tindakan yang lebih tegas yang akan kita jalankan nanti *insya-Allah.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu, pohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri hendak bagi siapa? Yang Berhormat Arau bangun lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bagi Yang Berhormat Kuala Terengganu. Yang Berhormat Arau sabar.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Isu nelayan Vietnam ini adalah satu yang sangat serius. Bukan sahaja ia membawa masalah di laut tetapi juga masalah di darat. Minggu lepas, di Pelabuhan Perikanan Chendering kerana terlalu ramai nelayan Vietnam ini, sampai mereka berasa ini macam tempat dia. Main mercun tepi pam diesel sehingga berlaku letupan yang menyebabkan kerosakan- musnahnya pam diesel milik Persatuan Nelayan Marang di Pelabuhan Perikanan Chendering.

Saya dapat memerhatikan di sana pukat-pukat yang kita duduk timbulkan isu berkait dengan pukat tunda ganding. Pukat tunda ini dia panjang, dia sampai setengah kilometer panjangnya.

■1810

Selama ini saya *dok* tertanya-tanya di mana dijahit pukat ini. Saya tanya nelayan di sana, dia kata sinilah dia *dok* jahit dan ditunjuk depan mata saya. Ini dalam kawasan milik kita, atas darat di depan pegawai-pegawai kita. Makna, pukat-pukat tunda tadi dijahit di depan mata kita.

Saya ingin bawa juga di dalam Parlimen ini tentang masalah sosial yang disebabkan oleh nelayan ini. Berlaku kejadian di Terengganu yang mana nelayan Vietnam ini masuk dalam kampung dan berlaku kes dan dilaporkan masuk atas *flat* orang dan hampir merogol. Jadi saya hendak bangkitkan isu nelayan Vietnam ini sangat serius sekarang ini dan saya minta diberikan perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya menyokong Yang Berhormat Kuala Terengganu dan saya bekas Menteri APMM. Cabaran yang besar kita masa itu ialah- sekarang Yang Berhormat Menteri pegang, sudah pasti mungkin tidak ada cabaran. Kita naik helikopter, kita nampak bot ganding tetapi bila kita hendak gerakkan bot kita untuk datang ke bot ganding mengambil masa dua jam, tiga jam, tidak mungkin kita boleh selesai masalah bot ganding kecuali kita kena ada kapal induk di laut sana yang boleh dijadikan pangkalan untuk kita mengerakkan operasi sebagaimana yang kita buat di kawasan ESSCOM. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah kita akan berbuat demikian di kawasan sini?

Kemudian yang kedua Yang Berhormat, dulu bot yang kita tawan itu kita bom, kita bakar supaya menjadi amaran kepada mereka. Akan tetapi sekarang ini sudah tidak ada.

Akhir sekali Yang Berhormat, dulu kita bayar RM300 kepada nelayan? Kenapa sekarang RM250? Dalam keadaan kerajaan mempunyai duit yang cukup banyak, dengan menjual aset, ambil duit Petronas dan sebagainya, jadi kenapa diturunkan RM250?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, selepas itu Yang Berhormat Pontian.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Di Pontian ini ramai nelayan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selepas itu Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mereka mengadu kepada saya bahawa dalam senarai pemutihan ini mereka dikeluarkan daripada senarai. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut 34,617 nelayan dalam proses pemutihan ini bererti terkeluar daripada menerima bantuan. Itu jika pemahaman saya itu betul. Apa sebab mereka dikeluarkan daripada senarai? Bukankah mereka orang yang susah yang patut kita bantu?

Seterusnya, dulu ada insentif pendaratan ikan 10 sen, 20 sen sekilo. Kenapa insentif itu ditiadakan sekarang? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Yang Berhormat Sandakan, selepas itu Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Bera. Singkat ya, takut tidak cukup masa. Sila Yang Berhormat Sandakan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya punya soalan kepada Yang Berhormat Menteri sebenarnya adalah mengenai dengan izin, *Automatic Identification System* (AIS). Saya punya *question* adalah, adakah kementerian merancang untuk membahagikan subsidi bagi kami punya nelayan-nelayan terutama dalam kategori B40 untuk memasang AIS sebab mereka tidak mampu untuk memasang AIS kerana tidak cukup peruntukan dari mereka? Jadi, adakah kementerian *planning* untuk menyokong dalam segi ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tuan Yang di-Pertua, dulu dalam sidang bulan Julai yang lepas, kita dihebohkan dengan adanya *vesel* klon yang dipaparkan secara meluas dalam akhbar dalam bulan Julai yang lepas. Jadi saya hendak tahu perkembangan siasatan oleh kementerian berkait dengan *vessel* klon tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bera, sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, isu yang dibangkitkan ialah pukat tunda, pukat daripada luar, pencerobohan daripada luar, pukat tunda ganding dan sebagainya. Isunya adalah pukat tunda. Di negara-negara jiran telah pun mengharamkan, *total banned* untuk pukat tunda dan nelayan tempatan pun menceroboh ke Zon A daripada Zon B juga menggunakan pukat tunda, nelayan-nelayan pantai ini.

Jadi, dulu kita pernah mencadangkan supaya mengharamkan pukat tunda ini terutamanya di Zon B. Mereka boleh berada di laut lepas dan sebagainya untuk peringkat awal dan akhirnya saya harap, kita haramkan terus pukat tunda seperti negara lain. Jadi adakah pihak kementerian bercadang untuk mengharamkan pukat tunda?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sikit saja, sikit saja, fasal elaun nelayan. Saya sokong supaya pemutihan ini dibuat. Itu dulu pun kita cuba buat. Akan tetapi saya hendak tanya, dalam pemutihan nelayan ini, adakah had umur bahawa sekian umur nelayan ini dipencenkan walaupun dia ini memang masih lagi pergi ke laut?

Kedua, selain dari pukat tunda, sekarang ini ada isu baharu lagi pukat naga. Adakah kementerian akan mengambil tindakan fasal pukat naga ini pula ia buat di Zon A?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Lenggong sekejap. Perkara yang sama.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya jawab dulu. Sudah ramai sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Menteri jawab dulu.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa begini ya tentang pukat. Kadang-kadang kita ini *inherit.* Bukan saya hendak tuding jari, *inherit* dengan keadaan semasa. Pukat kenka, suatu *special approvement* di kawasan itu dulu bukan. Pukat ini menjahanamkan tetapi bila kita hendak buat, kita mesti ada satu *politicial will.*

Nanti, janganlah pula bila kita ambil satu tindakan, "Ini Melayulah, ini lah orang Melayu" begini-begini tetapi itu pukat yang menjahanamkan, bubu naga sebahagiannya. Kita harus tegas dan kita memang sedang dalam merangka untuk kita kuatkuasakan. Saya sangat tertarik dengan rakan saya dari Indonesia, Ibu Susi walaupun beliau tidak lagi- jadi saya rasa kita perlu untuk bertegas supaya hasil dan semua laut kita akan kembali. Jadi pukat-pukat yang tidak munasabah ini memang sedang kita senaraikan. *Insya-Allah,* saya berjanji kalau mereka didapati bersalah dan seumpamanya sama ada vesel asing ataupun vesel tempatan, itu akan kita perhitungkan.

Saya hendak menjawab tadi, Yang Berhormat Arau sebenarnya kita sudah tenggelamkan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Kita sudah tenggelamkan. Hendak letup tidak bolehlah sebab kita kena *savvy* dengan alam sekitar dan seumpamanya *international standard*. Baru-baru ini kita sudah selesai kes kita tenggelamkan. Jadi kita akan terus memberikan perhatian supaya sesiapa yang melanggar perairan negara secara haram ini tidak ada *no compromise* yang kita akan telah ambil tindakan.

Tentang daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi, kalau di laut itu okey, Ops Naga akan mengambil perhatian dan kita sudah buat yang terbaik, setakat ini. Akan tetapi Yang Berhormat, doakan ekonomi negara pulih dengan cepat sebab di sini pun ada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Kita memang ada keperluan di Laut China Selatan- perlu ada dua kalau boleh *motherboard- mothership,* dan satu mungkin diperlukan di Selat Melaka untuk kita mengawal secara kompeten tentang isu pencerobohan nelayan ini. Akan tetapi kita masih belum ada *mothership* kita yang ada dua, yang terbaik pada hari ini, itu pun sudah agak uzur iaitu ialah KP Pekan dan KP Arau yang masih beroperasi. Itu pun dengan ihsan diberikan oleh Kerajaan Jepun kepada kita.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Jadi tentang yang di darat Yang Berhormat Kuala Terengganu, itu adalah bidang penguatkuasaan yang lain.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, bukan KP. KM Arau, KM Pekan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, sikit.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Okey.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kita menghadapi masalah. Nelayan Vietnam kita hendak bezakan yang ada permit dengan yang tidak ada permit ini macam mana? Jadi tidak tahu sebab sebahagian ada permit, sebahagian tidak ada permit. Jumlah dia terlalu ramai. Jadi ini menjadi rungutan di kalangan penduduk-penduduk tempatan. Jadi kita tidak tahu sampai habis ini katanya kucing orang pun dimakannya, biawaklah apa *[Ketawa]* Betul ini Yang Berhormat, bukan cerita dongeng ini.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Betul.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ayam, itik orang kampung. Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Jadi kalau di darat itu, itu memerlukan badan penguatkuasaan yang lain yang melibatkan kementerian yang lain, yang saya *insya-Allah* faham. Kalau di laut, kita telah buat yang terbaik yang saya sudah sebutkan tadi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Sekejap.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sedikit.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Mana ada nelayan ini. Darat?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Nelayan, sedikit.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tidak ada bahas pun.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu belum jawab lagi Menteri.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, berkaitan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian tadi, sudah berlaku penurunan dari segi jumlah yang akan menerima bantuan insentif nelayan kepada RM34,617. Penurunan yang cukup banyak. Adakah penurunan ini bermaksud juga nelayan darat yang selama ini mendapat bantuan? Adakah mereka sudah tidak diberi bantuan lagi? Nelayan darat, dia ada beza sedikit. Terima kasih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, tentang pemutihan itu, memang Yang Berhormat Pontian kita ada kriteria kita. Kalau umur 70 tahun, ini ghalibnya, adatnya mereka kemungkinan tidak ada kemampuan.

Akan tetapi saya juga memberikan perhatian kepada pegawai-pegawai, kita bila turun padang, kita lihat ada umur 70 tahun masih kuat. Dia bersalam dengan kita itu, sakit tangan kita. Dia masih kuat.

■1820

Jadi maknanya yang ini kita kena berikan *exceptional*. Mereka masih boleh ke laut dan mereka sangat *passion* untuk ke laut. Jadi, ini tiada masalah untuk kita berikan pengecualian. Akan tetapi Yang Berhormat perlu ingat Yang Berhormat pun duduk dalam Kabinet, duduk dalam kerajaan sebagai Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kriteria kena dipatuhi. Tempoh masa yang dikatakan definisi nelayan itu perlulah dipatuhi. Kalau tidak layak, tidak layaklah jadi pemutihan itu kita lakukan bukan kerana dengki tidak, kerana kita mahu hak nelayan itu mesti diberikan kepada nelayan. Itu pemutihan yang mesti kita lakukan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sedikit Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Umur 70 di banding dengan umur 94 oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu tadi.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Sekejap, sekarang saya hendak masuk kepada Yang Berhormat Sandakan tadi ya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sandakan.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat Sandakan kalau ada isu yang benar-benar mereka ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Kita tak boleh bagi subsidi kepada...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak dengar sini.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Sistem itu ya. Kalau ada yang spesifik, mereka yang benar-benar memerlukan Yang Berhormat boleh tulis surat kepada saya dan saya akan pertimbangkan untuk mereka diberikan bantuan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, umur 94 masih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tak akan umur 70 nelayan yang sihat tidak dianggap sebagai nelayan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Akan tetapi dekat Benut Yang Berhormat kalau pergi ke Pangkalan Benut itu ramai yang umur 70 pun tidak boleh, ramai yang boleh.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat Menteri kita ini *one in the billion*. Itu Allah beri satu keistimewaan kepada dia. Semua orang tidak sama ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, nelayan darat tadi dekat Mersing.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang darat itu sama, sama.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Makna masih lagi macam itu.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang dapat subsidi akan terus dapat subsidi yang tidak layak, yang tidak masuk dalam kriteria itu memang kita buat pemutihan akan tetapi...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Maksudnya nelayan darat ini tidak lagi diterima?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tidak nelayan darat mereka pun boleh dapat subsidi kalau mereka layak untuk dapat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Akan tetapi tidak dapat elaun kan? Elaun bulanan RM200 itu tidak dapat lagi?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Dapat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak ada dalam bajet, ada?

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Nelayan laut dan darat dapat.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Setiu belum jawab lagi tadi.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Berdasarkan kepada *vessel* klon yang keluar dalam akhbar.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Kita telah ambil tindakan Yang Berhormat tentang isu itu dan kita sedang menunggu penyiasatan dan kalau mereka bersalah mereka akan dikenakan akan dijalankan pendakwaan kepada mereka tentang bilangan-bilangan itu saya akan beri angka itu kemudian.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat tentang...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri saya hendak bertanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tadi sebelum Yang Berhormat saya nampak jawapan Yang Berhormat Menteri panjang lagi akan tetapi masa tinggal enam minit sahaja.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Saya hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini saya pulang kepada budi bicara Yang Berhormat Menteri hendak jawab isu ke tidak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong la sekejap.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey bagi Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulung dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kementerian Pertanian berilah lebih sedikit masa.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Mana satu? Yang Berhormat Parit Sulong sila.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan mengenai pemutihan jadinya boleh tidak Yang Berhormat Menteri menyatakan kriteria pemutihan itu macam mana selain daripada umur apa lagi yang dilihat bagaimana mereka ini masih lagi boleh dikategorikan sebagai nelayan untuk menerima bantuan-bantuan daripada pihak kerajaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat Parit Sulong kalau kita pergi *detail* ya saya tidak mahu menuding jari. Ada di kalangan mereka sama ada pesawah yang menerima subsidi dan nelayan yang menerima subsidi ini ada lagi yang IC orang yang sudah mati pun dapat lagi.

Jadi, itu kita kena putihkan jangan terkejutlah maknanya itu berlaku. Ada yang mereka dahulu mereka yang tidak layak pun dapat. Ini yang kita kena putihkan *insya-Allah*. Jadi, kriteria itu ada sebagai spesifik mereka ini mesti ke laut dalam tempoh 120 hari setahun ya dan mereka kena mendaftarkan jumlah minyak yang mereka dapat, mereka mesti melaporkan jumlah tangkapan yang mereka telah tangkap.

Itu ada kriteria dan pegawai bekerja mengikut SOP yang telah ditetapkan. Kalau lebih daripada itu kita tidak akan masukkan kecuali yang disebut tadi ada rayuan-rayuan yang tertentu atas nama kemanusiaan, timbang tara Yang Berhormat Menteri itu *insya-Allah* akan kita senaraikan balik sekiranya dia mematuhi kriteria dia sebagai seorang nelayan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh Yang Berhormat.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Nombor dua saya rasa saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Kena adil pada yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya betul.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat Puncak Borneo…

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat saya hendak tanya fasal buah ini.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Dan Yang Berhormat Jerai saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain sabar duduk, Yang Berhormat Menteri jawab isu lain.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ingin menyatakan bahawa isu pelantikan AJP NAFAS yang dikatakan didominasi oleh suatu parti sahaja daripada Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Jerai saya ingin menyatakan pelantikan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang dibuat dengan teliti dan mengambil kira pelbagai faktor dan kumpulan tertentu.

Calon tersebut mestilah di kalangan usahawan peladang-peladang yang berjaya. Calon tersebut adalah golongan profesional dalam konteks para peladang mereka boleh berdiri terdiri daripada golongan-golongan daripada pegawai-pegawai di bawah agensi MOA atau pegawai yang atau kakitangan pihak swasta. Dalam berhubungan ini mereka tidak semestinya Ahli Pertubuhan Peladang.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Kita kena adil.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Sebab saya bangkitkan perkara itu.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Kita kena adil dari segi kita mahu meremajakan dan menjadikan Pertubuhan Peladang sebagai satu pertubuhan yang masa depannya *insya-Allah* akan kita berdayakan, kita perkasakan. Saya...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat saya celah sedikit.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya rasa dalam hal ini mungkin ada sedikit *dispute* contohnya kenapa kita melantik orang-orang profesional. Saya rasa kena ada *synergy* yang peladang sejati tetap ada tempat yang merupakan usahawan peladang, petani ada tempat akan tetapi dalam konteks kita ingin memajukan badan ini mesti ada pemikiran korporat. Mesti mereka ada yang mesti mampu untuk mengemukakan *business plan,* yang mampu untuk mengkaji rantaian nilai ekosistem.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat itu kita semua setuju itu.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya rasa kita akan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita setuju itu.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya pun setuju syarat itu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita setuju itu akan tetapi yang menjadi pertikaian ini kenapa bilangan yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri lebih ramai daripada yang di pilih oleh ahli-ahli peladang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat**.**

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini penguasaan ke atas oleh kerajaan ke atas Lembaga Peladang. Apa tujuan itu? *You want to control.*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri tak demokratik membunuh amalan demokrasi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini soal profesional kamu kena setuju semua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami setuju.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, saya ada bawa ini. Saya ada bawa Warta Kerajaan Persekutuan. Ini saya hendak baca Peraturan Pertubuhan Peladang. Ini ingat Yang Berhormat Menteri KDN pun faham oleh sebab pernah menjadi Yang Berhormat Menteri Pertanian.

Ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri KDN. Sekarang ini empat orang ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Agong. Ini PPN ya negeri, kemudian lima orang ahli yang dilantik ertinya...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ini bunuh demokrasi namanya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang dilantik lebih ramai daripada yang dipilih oleh demokrasi oleh ahli-ahli persatuan. Ini NAFAS pula ini mungkin Yang Berhormat juga tahu. Lima orang ahli yang dipilih dalam mesyuarat, enam orang yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Sudahlah Yang Berhormat Menteri lantik enam orang lebih ramai kemudian keputusan hendak pilih pengerusi dia tulis dekat sini dia kata Pengerusi Jemaah Pengarah bagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan Negeri-negeri tadi hendaklah dinamakan oleh Ahli Jawatankuasa Pengarah daripada kalangan mereka dan diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri.

Faham tidak maksud saya? Yang Berhormat hendak melantik lebih ramai mestilah dia akan menangkan undi. Kalau sudah undi sudah menang hendak kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lagi. Kan ini merupakan *red tape-red tape* yang akan melemahkan Pertubuhan Peladang. Itu yang pertama.

Kedua, mengapa hendak ambil alih Pertubuhan Peladang ini? Profesional betul. Saya anak petani saya tahulah. Tidak sama dengan teori yang dengan orang yang pergi tanam padilah. Tidak sama. Mengapa melanggar dasar-dasar demokrasi kita ini yang dipilih lebih sedikit daripada yang dilantik?

Selepas itu tidak percaya pula pada yang dilantik. Yang Berhormat Menteri pula meluluskan lagi. Katalah daripada empat macam Tanjong Karang lah Selangor kita tengok kita sudah menang. Saya bimbang tengok yang menang ini orang UMNO. Yang Berhormat Menteri akan *overall*. Mana ada kuasa macam ini. Jadi tolonglah hormati prinsip-prinsip demokrasi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri membunuh amalan demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey sila duduk saya rasa.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri sikit-sikit, saya hendak bangkitkan perkara ini. Kriteria-kriteria yang hendak dilantik oleh Yang Berhormat Menteri itu kita setuju, profesional kena ada dan sebagainya akan tetapi yang jelasnya di sini Yang Berhormat Menteri nampaknya membunuh amalan demokrasi dalam pertubuhan ini. Oleh sebab itu ia tidak tepat, tidak betul kerana itu kita tidak bersetuju...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Amalan komunis.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya harap Yang Berhormat Menteri membuat perubahan ini. Kalau ia diteruskan ia menampakkan bahawa apa disebut oleh kementerian kerajaan hendak demokratik, suara rakyat ia tidak berlaku. Jelas Yang Berhormat Menteri membunuh amalan demokrasi yang mana mengetepikan hak ahli menentukan siapa pemimpin yang dia hendak. Itu sebenarnya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri PPK Benut orang Baloi datang ke Benut. Yang Berhormat Menteri tahu Benut, Air Baloi ini orang Air Baloi lah kenapa orang Air Baloi dilantik untuk pergi ke Benut?

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Orang Lenggong di Lenggong, orang Gerik orang Pangkalan Hulu datang. Tak ada kena mengena Yang Berhormat, baik ambil orang Thailand. Apa Yang Berhormat.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Itulah demokrasi... *[Tepuk]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Orang bandar mana faham masalah orang padi ini.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Ahli Parlimen saya pernah tanya dia pasal durian tiada masalah pun.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Demokrasi Malaysia baharu.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat saya pun dahulu pernah lantikan Menteri Yang Berhormat akan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak lantik macam mana Yang Berhormat lantik.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Izin saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain sila berikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri jawab.

■1830

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Okey. Di peringkat PPK, kita tidak mengubah, maknanya demokrasi berjalan dengan baik. Saya tidak ubah. Cuma saya membuat sedikit perubahan di peringkat PPN. Itu pun yang menjadi enam itu adalah seorang itu adalah daripada pegawai kerajaan yang dilantik oleh pihak Menteri untuk kita lakukan *check and balance*. Demikian juga di peringkat NAFAS, saya tidak melantik melampau. Saya melantik seorang juga daripada anggota kerajaan untuk menjadi cukup bilangan. Jadi, tidak timbul masalah saya terlalu diktator ataupun saya ingin...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: *Kantoi* Yang Berhormat. Lima berbeza dengan empat Yang Berhormat. Tidak akan itu tidak faham?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, ini jelas.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Lima itu, satu itu pegawai kerajaan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya-lah, Yang Berhormat hendak lantik lebih tidak apa...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Ya lah, satu pun boleh mengundi...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persoalan yang sama. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya masa amat cemburu. Satu jam yang diperuntukkan telah pun lama tamat. Jika boleh, sila menggulung.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, kena hormat dengan kami. Kami ini ramai luar bandar, yang menang Barisan Nasional ini ramai luar bandar, yang belah sana ramai di dalam bandar. Bagi-lah peluang kami perjuangkan hak kami.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, saya hormat kepada seluruh anggota Dewan. Akan tetapi, kita kena adil kepada seluruh anggota Dewan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi lebih masa-lah. Tidak apa, esok kementerian-kementerian yang tidak berapa penting itu, kurangkan-lah masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Setiap kementerian diperuntukkan 60 minit. Oleh sebab itu saya kena-lah pastikan semua Menteri patuh kepada masa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Akan tetapi, ada kementerian yang kita tidak sentuh pun. Dia tidak penting pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Semua kementerian penting Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ada yang tidak penting. Ada yang tidak penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada kementerian yang tidak penting.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan hina Menteri-menteri yang lain.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya patuh dengan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Isu lain. Yang Berhormat Menteri, isu lain daripada isu ini. Bolehkah sedikit? Isu lain sedikit.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya telah habis masa satu jam...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Adakah Yang Berhormat akan kekalkan Pekeliling ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang Menteri sedang jawab, yang lain sila mengambil tempat duduk. Sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tulis warta pun tidak berapa tepat. Selalu warta ini Menteri seorang sahaja yang *sign*. Ini pengerusi, pengerusi peladang pun sign sekali. Ini warta apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang Menteri hendak jawab. Yang Berhormat Tanjong Karang tidak payah bertanya lagi.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya ingin menyatakan bahawa...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Warta berita.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan pun tidak berapa betul.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Warta berita *[Ketawa]*

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Saya bertanggungjawab terhadap kementerian ini dan apa yang berlaku. Saya telah katakan tadi bahawa pelantikan itu tidak-lah menunjukkan bahawa saya seorang diktator...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Diktator!

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: ...Kerana apa yang menjadi majoriti itulah termasuk seorang pegawai kerajaan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pegawai pun pegawai. *It's your man*. *Your man*! *Your man*!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh. Yang Berhormat lantik-lah empat orang termasuk pegawai ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, ini Menteri punya orang.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Dan sebagai Menteri Tuan Yang di-Pertua, saya adalah berhak untuk menentukan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Pegawai kerajaan pun boleh mengundi...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Menteri sedang menjawab, yang lain sila dengar.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan-lah cakap macam itu, macam kita orang ini bodoh sangat. Tidak faham. Eleh!

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Sengaja tidak faham.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat lantik pegawai kerajaan pun, pegawai kerajaan itu boleh mengundi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bukan bodoh, sengaja tidak faham.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Come on man!*

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Sebagai seorang Menteri, saya ada *distinction,* saya ada *privilege* untuk saya membuat peraturan-peraturan kerana saya perlu membetulkan NAFAS yang telah memberikan banyak masalah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak, yang banyak masalah tidak bermakna Yang Berhormat...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Biar-lah ahli. Kalau itu ada masalah, biar ahli yang pilih.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Beri-lah saya peluang dan peluang untuk memperbetulkan keadaan. Sekiranya keadaan telah kembali pulih, saya bersedia kembali untuk memperbetulkan dan mengubah kembali peraturan itu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, tidak ada Yang Berhormat. Saya ada lokal standard. Saya ahli PPK. Saya ahli PPK Yang Berhormat. Tidak pernah pula kena macam ini.

Dato' Haji Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, yang lain saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, itu jelas menunjukkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani membunuh amalan demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kerana atas kerjasama yang diberikan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini Yang Berhormat tidak betul ini. Ini hendak ambil alih PPK?...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Orang tuduh *you are power crazy.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kementerian Dalam Negeri untuk menjawab. Masa yang diperuntukkan 60 minit. Sila Yang Berhormat Menteri, yang lain semua sabar mendengar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bagi perhatian pasal harumanis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Menteri sudah janji akan berikan jawapan bertulis. Okey? Sila.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tolong bagi jawapan bertulis ya. Saya hendak edarkan kepada peladang Tanjong Karang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang sila duduk.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tidak demokratik, bunuh amalan demokrasi dalam Lembaga Pertubuhan Peladang Kebangsaan dan pertubuhan lain... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat yang lain, sila hormat kepada Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat hendak menjawab. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita akan hormat sebab dia bakal Timbalan Perdana Menteri. Ini saya minta harum manis jawab bertulis ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, sila duduk.

6.34 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah memperuntukkan sejumlah RM16.928 bilion kepada Kementerian Dalam Negeri dalam Belanjawan 2020.

Jumlah ini merangkumi RM13.839 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM3.088 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai isu-isu yang berkaitan dengan fungsi dan peranan Kementerian Dalam Negeri sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2020. Sehubungan itu, suka cita saya ingin memberikan maklum balas mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Bukit Bendera bertanya mengenai status terkini kelulusan permohonan program *Malaysia My Second Home* (MM2H) yang dikatakan tertunggak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini tiada tunggakan keputusan kelulusan permohonan program *Malaysia My Second Home* di Kementerian Dalam Negeri. Sehingga 8 Oktober 2019, kementerian ini telah meluluskan sebanyak 5,128 permohonan.

Berhubung perincian pemberian Pas Sementara Sabah (PSS) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Marudu, saya ingin menjelaskan bahawa berdasarkan rekod proses banci dan semak silang yang dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Negara bersama-sama Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah mulai 26 November 2015 sehingga 15 Jun 2016, pengeluaran PSS akan dilaksanakan kepada 136,055 individu.

Daripada jumlah ini, 51,645 orang adalah pemegang IMM13, 36,892 orang pemegang Kad Burung-burung dan 47,518 orang pemegang Sijil Banci. Jumlah ini berkemungkinan akan berubah setelah pengemaskinian data selanjutnya dilaksanakan yang turut melibatkan pendaftaran tanggungan pada pemegang dokumen IMM13, Kad Burung-burung dan Sijil Banci. Pengemaskinian data akan dilaksanakan secara teliti dan berhati-hati melalui mekanisme yang akan diperincikan oleh pasukan petugas khas PSS yang diketuai oleh Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah.

Yang Berhormat Batu Kawan bertanya mengenai kebenaran untuk pelarian UNHCR bekerja dalam sektor-sektor yang ditetapkan oleh kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia bukan merupakan negara anggota kepada konvensyen mengenai status pelarian 1991 dan protokolnya 1967.

Justeru, Malaysia tidak tertakluk kepada apa-apa kewajipan di bawah konvensyen dan protokol mengenai pelarian termasuk menyediakan pekerjaan pada pelarian. Walau bagaimanapun, atas dasar perikemanusiaan, kerajaan menerusi Majlis Keselamatan Negara sedang menimbang untuk memberikan peluang kepada pemegang kad UNHCR untuk bekerja dan menjalankan aktiviti ekonomi bagi tujuan menyara diri sebelum mereka dihantar ke Negara Ketiga.

Mengenai SOP kemasukan paderi pastor dan sami bagi kuil hindu dan *granthi* dan *gurdwara* yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan. Jabatan Imigresen Malaysia mengeluarkan Pas Lawatan (Ikhtisas) bagi kategori mubaligh kepada warganegara asing bertaraf mubaligh keagamaan. Tempoh maksimum pas berkenaan ialah 12 bulan bagi setiap pengeluaran dan boleh dilanjutkan sehingga tempoh maksimum 36 bulan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagus Tuan Yang di-Pertua, bagus. Terima kasih. Aman kita ya. Yang Berhormat Menteri, pasal UNHCR tadi, siapakah yang mengeluarkan kad UNHCR? Ini sebab dalam peraturan yang saya tengok yang lepas-lepas ialah UNHCR ini hanya mengeluarkan kad melalui daripada depot pertahanan Imigresen.

Akan tetapi sekarang ini kad dikeluarkan di Pejabat UNHCR dekat Istana Negara sana, sampai ada orang tunggu sampai 3,000 orang sehari dan sebagainya. Padahal kalau dia keluar daripada depot imigresen, jadi orang ini dok ada di sana, dia keluarkan kad di situ. Akan tetapi kalau saya datang ke pejabat dia, orang itu melalui tanah bumi Malaysia ini tanpa apa-apa dokumen. Apakah Yang Berhormat ingin memberi penekanan bahawa kad UNHCR mesti dikeluarkan daripada depot pertahanan dan mesti mendapat kebenaran polis? Sekarang ini polis tidak dapat bagi pandangan pengeluaran kad ini yang dikeluarkan oleh UNHCR secara berleluasa.

■ 1840

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang sebenarnya sedang meneliti balik prosedur dan proses pengeluaran UNHCR yang telah pun dikeluarkan sejak sekian lama, sejak awal dahulu dan disebabkan itu sebagaimana yang disebutkan tadi, sepatutnya walaupun UNHCR mengeluarkan kad itu tadi, dia hanya boleh dikeluarkan selepas sesiapa sahaja dianggap sebagai pelarian ataupun pendatang tanpa izin dalam kategori yang ada kad UNHCR ini mendapat kelulusan dan kebenaran kepada pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

Jadi, sebab itu dalam situasi yang sudah berlaku, ini kita hendak perbetulkan balik. Bila berlaku masa-masa ke hadapan umpama ada lagi kumpulan-kumpulan datang daripada Myanmar, Rohingya yang dikatakan lari daripada negara asal, maka proses peraturan mengikut Akta Imigresen itu mesti dipatuhi dahulu sebelum kad UNHCR itu dikeluarkan. Jadi, ada sedikit *discrepancy* saya boleh akui di situ kerana ini telah berlaku sejak zaman Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Jadi Kerajaan Pakatan Harapan perlu memperbetulkan balik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dan *insya-Allah* kita akan perbaiki keadaan yang telah disebutkan tadi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya hendak tanya dari segi pendakwa agama lain yang datang daripada luar ini. Bagaimana pemantauan dibuat kepada mereka ini terutamanya dari segi ucapan-ucapan ataupun dakwah yang mereka buat. Baru-baru ini KDN, pihak polis menyatakan bahawa ucapan pendakwah Zakir Naik, misalnya akan disemak oleh pihak polis dan sebagainya. Bagaimana dengan pendakwah agama lain yang datang ke Malaysia, berceramah di gereja, Sami daripada India misalnya yang datang di kuil-kuil dan sebagainya? Siapa yang memantau mereka, ucapan mereka, khutbah mereka, siapa yang pantau dan sebagainya? Jadi, adakah pihak KDN atau siapa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sedikit lagi, sedikit sahaja mengenai UNCR tadi. Kenapakah Malaysia menerima Kad UNCHR yang telah dikeluarkan di Indonesia, Filipina, *Combodia* semua negara ini keluar Kad UNCHR tetapi bila mereka datang Malaysia kad itu dianggap sebagai kad yang diterima di negara ini, padahal kita tidak patut bertanggungjawab kepada kad yang dikeluarkan di negara lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri ada soalan berkaitan.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Biar saya jawab ini dahulu. Memang kita tidak iktiraf kad-kad lain yang datang daripada negara mana sekali pun. Sebenarnya, mereka yang datang di sini ini, kalau disebutkan kumpulan Rohingya, mereka tidak ada dokumen langsung, boleh dianggap dalam istilah antarabangsa sebagai *stateless person.* Akan tetapi bila sudah masuk di sini dianggap sebagai pelarian oleh UNHCR maka dikeluarkan kad itu tetapi saya kata tadi ini perlu kita perbaiki cara pengurusannya mengikut undang-undang negara kita. Yang Berhormat...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri ada sedikit soalan yang berkaitan.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Yang Berhormat ada bertanya soal kedua tadi tentang siapa memantau pendakwah? Kitalah pantau, sama ada pendakwah itu adalah daripada kalangan orang Islam ataupun bukan Islam, lebih-lebih lagi kalau di peringkat Islam itu ada majlis agama negeri-negeri yang boleh berkuasa. Kalau mereka tidak ada tauliah, maka tidak boleh dibenarkan. Cuma, kalau yang datang pendakwah yang bukan Islam, Sami daripada India kah ataupun pihak *Christian Evangelical* penceramah datang ke sini, kita juga pantau.

Pertama, sebelum mereka dibenarkan masuk kita kena semak dahulu latar belakang mereka dan kita juga *check* dengan beberapa badan-badan yang ada berkaitan. Kalau *Buddhist* dengan *Buddhist Association Malaysia*, kalau yang Sikh itu ada *gurdwara* nya untuk pakar rujuk hendak mengatakan ini bukan kumpulan songsang, oleh sebab mereka ada juga mazhab-mazhab yang saya pun tidak berapa faham. Jadi untuk itu kita teliti.

Cuma yang baru-baru ini pun saya pun terbaca dalam media sosial ditularkan, dia kata ada sami itu, sebenarnya bukan berlaku di sini. Dia tular di seluruh dunia di tempat-tempat lain dan dimasukkan di media sosial Malaysia. Telah disemak oleh pihak polis, dia kata tidak berlaku di Malaysia kerana- dituduh sami ini telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang memburuk dan menghinakan Nabi dan sebagainya. Itu tidak berlaku di sini. Jadi, maksud saya tadi selagi sesiapa sahaja yang datang di sini

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Memberikan apa bentuk ceramah sekali pun kita pantau. Kalau Yang Berhormat tahu dan kita terlepas pandang tolong maklum dan kita akan ambil tindakan yang sesuai. Sila.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan sedikit tentang Pas Sementara Sabah ini. Pertama, adakah ini diteruskan? Adakah PSS ini akan dikeluarkan oleh KDN atau oleh Kerajaan Sabah? Adakah ini bermaksud IMM13 dan pemegang-pemegang burung-burung dan kad banci ini akan menjadi sah kehadiran mereka di Malaysia? Apakah rasionalnya KDN mengeluarkan ini untuk tiga tahun dan tiga tahun boleh diperbaharui sedangkan rakyat Malaysia di Semenanjung dan Sarawak hanya tiga bulan.

Jadi, bolehkah kerajaan mempertimbangkan supaya sekiranya PSS ini hendak dikeluarkan juga, bukan untuk tiga tahun tetapi tiga bulan ataupun paling-paling 12 bulan? Oleh sebab dia bersifat sementara, sementara mereka mengurus apa yang perlu diuruskan sebagai warga asing. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: PSS ini ialah keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Bersama yang saya dan Ketua Menteri Sabah mempengerusikan baru-baru ini.

Keputusan ini dibuat berdasarkan keperluan untuk kita betul-betul mendaftarkan kumpulan yang dikategorikan burung-burung, IMM13 dan Sijil Banci. Ada tiga kategori. Akan tetapi, matlamat dan kumpulan sasar itu serupa sahaja, sama. Yang Berhormat kalau dari Sabah pasti lebih faham daripada saya.

Jadi ini telah berlaku bukan baharu, sejak zaman berzaman, saya fikir *legacy* zaman lampau, sudah 30 ke 40 tahun. Akan tetapi mereka sudah bermastautin di negeri Sabah, bekerja di Sabah, tetapi mereka tidak ada dokumen. Kalau hendak dihantar pulang ke negara asal Filipina, mereka pun tidak ada dokumen, pihak Filipina pun tidak akan menerima mereka. *So what do you do with them?*

Jadi sebab itu untuk kita melihat jangka masa ke hadapan, kita kena selesaikan dahulu pendaftaran ini. *Is not about giving any document* tetapi hendak menyelaraskan. Ini kerana tiga dokumen untuk kumpulan yang sama termasuk IMM13. Dia satu dokumen tetapi mak bapa, datuk, nenek, anak semua masuk dalam itu. Jadi ia boleh jadi tiga orang, lima orang atau 10 orang, jadi tidak ada bukti jelas. Bila mereka pergi berjalan ke mana-mana di Sabah mungkin satu dokumen dipegang oleh ibunya, anak berjalan tidak ada dokumen.

Jadi masalah itulah kita hendak kena *address* dan sebab itu kita putuskan supaya kita ambil balik yang lama dan kita keluarkan nama sahajalah, Pas Sabah Sementara, *what ever the name.* Saya fikir itu tidak menjadi masalah supaya kita dapat benar-benar pastikan siapa mereka itu, kedudukan mereka, sama ada mereka usia berapa dan sebagainya supaya kita akan masukkan ke dalam satu sistem.

Akan tetapi, kita tidak ada buat keputusan lain daripada itu. Ada andaian mengatakan adakah selepas ini kita akan mengeluarkan dokumen-dokumen lain? Tidak ada. Untuk tujuan rekod sahaja. Akan tetapi pastinya ini dari segi keadaan apa sekali pun tidak menyelesaikan masalah. *We just actually avoiding to actually look at the problems seriously,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sebab itu bagi saya sebagai Menteri untuk bertanggungjawab, kita kena melihat ini untuk jangka masa panjang. Saya menghadiri persidangan UNHCR baru-baru ini di Geneva. Isu yang disebutkan ialah isu *statelessness.* Jadi, di situ juga macam kita lihat di Malaysia, di Sabah itu ada hampir 600 ribu *statelessness.* Akan tetapi walaupun *statelessness,* sudah ada di *State of Sabah for so long.* Jadi apa kita mahu buat? Jadi langkah pertama ini kita hendak perbetulkan dahulu dan selepas itu kita akan bincang baliklah. Akan tetapi urusan-urusan ini bukan dibuat oleh Jabatan Imigresen Malaysia, tetapi semuanya diuruskan oleh Pejabat Ketua Menteri Sabah. Ini sebab kuasa Imigresen di bawah Sabah ini akan diuruskan oleh mereka. Terima kasih.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Mohon Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon sedikit penjelasan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua saya cuma hendak ingatkan saya baru bermula. Kalau tidak, satu jam akan habis. Semua Yang Berhormat bangkitkan ada di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kita berikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Untuk adil kerana banyak isu yang dibangkitkan semasa perbahasan. Yang lain semua bersabar.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, nanti. Kita bagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Geng Pakatan Harapan tidak perlu tanyalah, bagi kami.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Saya akan jawab semua tetapi kalau tidak saya punya...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Berkenaan dengan soalan yang tadi Yang Berhormat Menteri jawab sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Singkat ya, singkat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan untuk mempertimbangkan kebenaran untuk pemegang Kad UNHCR untuk pekerja.

■1850

Maka saya ingin tahu adakah *timeline* yang telah ditetapkan untuk penyiasatan ataupun pengkajian dibuat untuk memberikan mereka kebenaran ini oleh Majlis Keselamatan Negara dan KDN.

Juga berkenaan dengan kebenaran masuk paderi daripada gereja pastor, sami dan geran. Sama ada boleh saya mohon kementerian membuat pertimbangan atau membenarkan mereka lebih daripada setahun dalam tempoh masa pertama mereka pohon. Setakat ini Menteri kata setahun, selepas itu boleh mohon lagi sampai tiga tahun. Untuk menyelenggarakan ataupun untuk melicinkan tugas-tugas mereka di sini, di rumah-rumah ibadat di Malaysia, saya ingin cadangkan pertimbangan daripada kementerian supaya dipanjangkan sedikit sekurang-kurangnya dua tahun sebelum diperbaharui. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Soalan berkaitan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Soalan yang pertama tadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang lain semua duduk.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Boleh saya jawab dahulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Saya rasa bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri menjawab, silakan.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Majlis Keselamatan Negara sudah mengadakan mesyuarat untuk *review* balik dia punya pekeliling yang telah diputuskan dahulu iaitu mengehadkan mereka pelarian tadi ataupun PATI yang disebutkan tadi bekerja. Akan tetapi saya sedar bahawa walaupun kita kata tidak bekerja, mereka bekerja. Kalau tidak, mereka tidak boleh menyara keluarga mereka yang berada di sini dan mereka mungkin tidak ada pendapatan dan sebagainya. Jadi, itu sudah ada. Cuma belum lagi dapat diperincikan lagi.

Jadi, *insya-Allah* akan diperincikan lagi untuk membolehkan mereka yang ada di sini untuk bekerja dan peraturan-peraturan tertentu mesti ada seperti pelesenan, tempat yang sesuai, tempoh masa. Macam juga rakyat Malaysia kalau hendak berniaga atau apa, ikut peraturan-peraturan pihak berkuasa tempatan. Orang asing datang sini tidak boleh buat sesuka hati. Kalau tidak ada peraturan, esok susah bagi kita untuk mengawal.

Kedua, soal mubaligh tadi masuk sini. Kita kena lihat *on case-to-case basis*. Ini bermakna mereka patut dibenarkan selepas kita semak, tidak ada masalah keselamatan, mereka boleh datang sini untuk tempoh setahun. Selepas itu *review*-lah balik. Kalau agak sesuai, tidak ada masalah apa-apa dan tidak berbangkit isu-isu tertentu, kita boleh lanjutkan. Akan tetapi kalau hendak *extend* sepanjang itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, mungkin akan jadi masalah. Jadi dasar itu kita akan- sementara ini teruskan dahululah, *insya-Allah... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua sedikit, soalan berkaitan.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ini berkenaan dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar yang membangkitkan isu penambahbaikan pengendalian urusan keluar dan masuk pelancong asing di lapangan terbang untuk mengelakkan kesesakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha untuk menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan khususnya melibatkan perkhidmatan barisan hadapan seperti Jabatan Imigresen Malaysia di lapangan antarabangsa negara ini. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan ialah:

(i) memasang lampu isyarat di kaunter-kaunter manual imigresen bagi menunjukkan kaunter Imigresen yang kosong;

(ii) melaksanakan kaedah *snake que* di kaunter imigresen;

(iii) menambah bilangan *auto gate* iaitu sebanyak 26 unit di KLIA dan sebanyak 28 unit di KLIA2;

(iv) menyediakan kemudahan *e-Gate* untuk warga asing yang memegang pas jangka panjang;

(v) menempatkan pegawai imigresen dan MAHB sebagai penunjuk arah di kawasan kaunter imigresen; dan

(vi) membincangkan pelan penambahbaikan isu kesesakan di KLIA yang melibatkan pihak MAHB, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Berhubung dengan cadangan penghapusan bayaran *Visa on Arrival* kepada pelancong asing yang memasuki negara ini menerusi negara ketiga, seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat Bukit Bintang. Kementerian pada ketika ini tidak berhasrat untuk melaksanakan cadangan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kemudahan VOA hanya disediakan kepada warganegara asing daripada Republik Rakyat China dan India sahaja. Kerajaan juga telah memperkenalkan kemudahan pengecualian fi Visa kepada warganegara RRC dan India melalui sistem *Electronic Travel Registration & Information* (eNTRI) dengan ringkasnya.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Kluang mengenai penambahan kaunter...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Minta...

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: ...M-Bike.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tanya soalan Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Petaling Jaya.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Menteri bagi. Sila Yang Berhormat Petaling Jaya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih. Saya hendak tanya, adakah kementerian akan menyemak semula SOP berkaitan penahanan warga asing dan mengendalikan kursus supaya melatih para pegawai imigresen untuk mengelak berlakunya kes-kes seperti kematian pelajar Nigeria. Itu adalah soalan yang pertama.

Kedua, dalam perkara yang berkaitan, adakah kementerian akan turut mengendalikan kursus untuk anggota-anggota penguat kuasa yang lain di bawah Kementerian Dalam Negeri supaya mereka lebih mengenali cara-cara bertindak dalam kes-kes istimewa seperti OKU. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama ialah tentang SOP penahanan. Sebenarnya memang kita sudah kaji secara apa yang telah pun dilaksanakan sekarang supaya tidaklah berbangkit sebagaimana yang disebutkan tadi beberapa kes tertentu yang menyebabkan pihak pendatang ataupun pelawat itu ditahan lebih daripada tempoh sewajarnya. Ataupun lebih teruk lagi kalau ada kes-kes yang dikatakan dipukul ataupun ditahan di dalam tempat-tempat pejabat dan sebagainya.

Sebenarnya, apabila timbul hal-hal sebegitu, kami di peringkat kementerian memandang berat. Jabatan Imigresen Malaysia, Ketua Pengarah pun tidak membiarkan begitu. Siasatan diadakan untuk memastikan sama ada kes itu benar-benar berlaku ataupun tidak. Ada juga kadang-kadang dibesarkan sebenarnya tidak begitu yang telah pun berlaku dan kita ambil perhatian akan perkara itu.

Soal kedua, kursus kepada pegawai-pegawai itu sepanjang masa, terutama mereka yang ada di pintu hadapan, di *front-line* penguatkuasaan supaya mereka faham. Bukan setakat mengikut SOP yang telah pun ditetapkan tetapi cara dia, hemah dia, budi bahasa dan sebagainya itu dianggap penting supaya kita hendak mengurangkan salah faham terutamanya dari segi cara penguatkuasaan dijalankan dan tahanan dilakukan dan sebagainya sebelum kes-kes tertentu itu dibawa ke muka pengadilan.

Jadi inilah adalah sebahagian daripada perkara yang kita buat untuk penambahbaikan perkhidmatan pegawai-pegawai kita yang terlibat dalam bidang penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Kota Melaka.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai dengan- memandangkan tahun hadapan merupakan Tahun Melawat Malaysia, sudah pasti kita ingin menarik lebih ramai pelancong terutamanya dari negara China dan juga negara India. Kita lihat pada hari ini, jumlah pelancong yang pergi ke Thailand ialah lebih kurang 10 juta orang. Berbanding dengan mereka yang datang ke Malaysia hanya sekadar tiga juta orang.

Salah satu daripada sebabnya ialah kerana visa, di mana apabila pelancong daripada China, mereka pergi ke Thailand, mereka tidak perlu memohon visa di negara mereka. Sedangkan apabila mereka hendak datang ke Malaysia untuk melawat ke Malaysia, mereka perlu memohon visa di negara mereka. Jadi, ini merupakan salah satu sebabnya mereka memilih untuk pergi ke Thailand daripada mereka datang ke Malaysia.

Bolehkah kementerian ataupun Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan semua. Memandangkan tahun hadapan adalah Tahun Melawat Malaysia, kita beri kelonggaran untuk satu tahun dan untuk memastikan kita dapat mencapai sasaran Tahun Melawat Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Itu pandangan yang baik, kita akan kaji perkara itu. Akan tetapi apa pun peraturan imigresen bukan baharu. Sejak dahulu pun telah pun kita amalkan di mana kita mengenakan visa. Ada sesetengah kes, kalau mereka masuk dalam talian untuk eNTRI itu tidak perlu bayar fi apa-apa pun. Akan tetapi kalau mereka teringat apabila berada di Bangkok pun hendak datang ke Kuala Lumpur, tidak ada visa ke Malaysia, maka kita kenakan VOA. Maknanya dia boleh masuk dan di situ pintu masuk, maka kita akan keluarkan visa. Akan tetapi pastinya saya setuju proses untuk dipermudahkan itu memang wajar.

Ini kerana kita tahu di negara jiran disebutkan tadi ramai yang masuk di Malaysia kononnya ada sedikit kesulitan tetapi sebenarnya kita pertanggungjawabkan juga kepada ejen-ejen atau *travel agent* yang membawa mereka untuk memberitahu. Ini proses dan prosedur yang ada di Malaysia. Kalau mereka hendak datang, kita di sini diawalkan rencana dan mereka dapatkan visa betul. Saya tidak fikir menjadi masalah tentang soal itu. Saya fikir mereka pergi ke Thailand itu bukan masalah visa. Ia adalah hal-hal yang lain, mungkin yang menarik mereka pergi ke Thailand. Yang Berhormat Arau mungkin lebih faham daripada saya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau selalu pergi Thailand.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya selalu, selalu, *every week.*

■1900

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, saya fikir- fasal saya hendak tanya tentang *figure,* boleh jawab secara bertulislah, kalau tidak ada *figure* itu. Berapa jumlah pelancong daripada negara China dan juga negara lain yang datang ke Malaysia, akhirnya hilang tidak dapat dikesan, tidak balik ke negara masing-masing?

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Kita akan semak. Memang ada kes begitu, maknanya mereka masuk, lepas itu mereka tidak keluar. Ini di bawah Jabatan Imigresen, kita ada kita punya data-data dan maklumat itu dan selepas itu tidak dibiarkan begitu Yang Berhormat. Kita juga akan susul kalau dia datang itu bila masa dan tarikh itu kita tahu dan bila masa patut sudah luput ia punya tempoh dan kena keluar, kita boleh tahu. Cuma di mana mereka berada. Kecuali mereka hendak keluar esok barulah kita tahu, ini sudah lewat daripada tempoh masa sebulan, dua bulan atau tiga bulan maka di situlah di pintu masuk keluar kita akan tahan mereka dan ambil tindakan yang sewajarnya dan mungkin juga di-*blacklist,* dia tidak akan dibenarkan masuk ke negara kita selepas daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sikit hendak maklum kepada Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tidak jawab lagi ini. Banyak lagi ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit sahaja, sikit sahaja. Yang Berhormat, di Thailand- orang PH jangan tanya soalan biar kami sahaja. Di Thailand, mudah masuk dan mudah keluar tetapi di Malaysia susah masuk dan susah hendak keluar. Jadi menunjukkan bahawa rekod orang hilang di Malaysia lebih ramai, di antara paling ramai dalam dunia. Jadi saya meminta supaya Yang Berhormat kalau boleh bagi sikit perangkaan untuk kita membincangkan dengan hebat. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tidak kata rekod Malaysia ini agak paling ramai sekali, saya tidak fikir begitu. Akan tetapi saya akui memang ada. Ini fasal bukan sahaja di Malaysia, di negara lain pun ada orang seronok duduk, sampai di Mekah pun ada yang tidak balik-balik, tidak keluar. Saya pergi US baru-baru ini pun dia kata mereka masuk dulu pun takut keluar, esok tidak boleh masuk balik pun ada. Jadi isu-isu tentang imigresen ini pelbagai tetapi memang ada berlaku seperti itu sebab itu tindakan penguatkuasaan dari sudut undang-undang itu perlu kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan Yang Berhormat Kluang, ini mengenai penambahan kaunter M-Bike di Tambak, Johor dan Link Kedua. Saya ingin maklumkan, kerajaan telah bersetuju untuk menambah kaunter pemeriksaan imigresen di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB). Sehubungan itu, peruntukan sejumlah RM18.22 juta telah diluluskan untuk penambahan 50 lorong M-Bike di KSAB. Ini saya harap akan mengurangkan kesesakan *motorbike* yang ada di Tambak, Johor.

Berhubung dengan pekerja asing, Yang Berhormat Kapar bertanya mengenai statistik pegawai dagang yang masih aktif mengikut sektor. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 30 Jun 2019 terdapat seramai 122,869 orang pemegang pas penggajian pegawai dagang dalam pelbagai sektor di negara ini. Sektor yang terbesar ialah perkhidmatan iaitu seramai 65,116 orang; diikuti oleh sektor teknologi maklumat seramai 38,006 orang; dan sektor pembuatan seramai 7,381 orang.

Mengenai polisi-polisi baru pengambilan pekerja asing yang telah pun dibincangkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa Bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Tenaga Manusia seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan. Antara keputusan dasar yang dibuat oleh Jawatankuasa ini ialah pentafsiran dan penjenamaan semula jawatan tukang masak dan pembantu dapur dengan skop tugasan yang lebih jelas.

Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya hanya tukang masak dan krew restoran sahaja diwujudkan sebagai penggajian pekerja asing di bawah subsektor restoran dengan tarikh kuat kuasanya pada 1 Julai 2019. Selain itu, beberapa kajian juga sedang dilaksanakan secara komprehensif dan menyeluruh khususnya dari segi penglibatan tenaga kerja tempatan dalam industri ini dan juga aspek keselamatan negara.

Yang Berhormat Sibu bertanya mengenai SOP permohonan akuan penerimaan pekerja asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan ke atas permohonan penggajian pekerja asing oleh majikan di buat secara objektif mengikut keperluan dan kelayakan sebenar majikan. Sebelum permohonan penggajian pekerja asing dapat dipertimbangkan oleh *one-stop center* di KDN, majikan perlu mendapatkan sijil perakuan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia yang mempunyai tempoh sah laku selama tiga bulan.

Dalam tempoh tersebut, majikan perlu hadir di OSC di KDN untuk ditemu duga oleh agensi kawal selia bagi sektor masing-masing untuk dipertimbangkan kelulusan kuota penggajian pekerja asing berdasarkan keperluan sebenar majikan serta syarat dan nisbah kelayakan yang ditetapkan oleh AKS masing-masing. Setelah menjalani proses temu duga mengikut sektor, keputusan permohonan pengambilan pekerja asing akan dimaklumkan pada majikan pada hari yang sama melalui penyerahan akuan penerimaan (AP).

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri minta pencelahan, Kapar. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Meneliti daripada jawapan Menteri tadi daripada pegawai dagang aktif sehingga tahun 2019, 123,077 orang. Setelah melihat daripada *description* kerja-kerja itu menampakkan pekerja tempatan ini boleh melakukan. Jadi, apakah peranan Yang Berhormat Menteri KDN untuk memastikan bahawa sektor-sektor ini, perkhidmatan 64,709 orang yang melonggokkan keseluruhannya sampai 123,077 orang, sedangkan kita ada pengangguran berjumlah 500,011 orang? Apakah langkah kementerian untuk memastikan bahawa pekerja dagang aktif ini, mengutamakan dulu pekerja tempatan untuk diraikan. Apa pandangan Menteri? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Saya setuju 100 peratus kalau tidak ada pekerja dagang, maknanya orang tempatan ambil tempat itu. Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat pun tahu, yang masalahnya banyak majikan kita kata mereka tidak ada orang. Di pihak jawatankuasa kita tidak mudah ikut kehendak mereka sahaja kecuali ada asas dan bukti yang kukuh- fasal dia *expatriate post* ini adalah jawatan-jawatan yang agak tinggi yang dikatakan sesetengahnya mungkin tidak boleh diisi oleh orang Malaysia, barulah kita benarkan mereka masuk.

Sekarang pun saya hendak katakan kita ada tiga kategori. Saya sudah beritahu pegawai, kenapa ada tiga, satu pun cukuplah. Ini kerana dasar BN dulu ia buat tiga. Jadi saya hendak teliti balik, satu kategori iaitu hanya mereka betul-betul dikatakan ekspatriat dan memegang jawatan yang dianggap tidak boleh diisi oleh orang Malaysia, jawatan itu mungkin bergaji USD10 ribu hingga USD20 ribu, maka itulah sahaja yang boleh kita timbangkan. Kalau kita boleh buat begitu, maknanya kategori yang lain itu sebaik mungkin majikan tempatan mencari pekerja tempatan yang berkelayakan untuk mengisi jawatan itu. Jadi ini dasar baru dan pandangan ini akan kita laksanakan untuk masa-masa ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu kuarters PDRM, ini soal pembangunan di KDN yang dikatakan uzur seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kalabakan. Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil berat akan keperluan untuk membaiki dan menaik taraf premis-premis berkenaan melalui kelulusan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi kerja-kerja pembaikan kuarters PDRM di seluruh negara pada tahun ini. Lebih 12 ribu unit kuarters telah dan akan diperbaiki secara berperingkat. Untuk Kuarters PGA Tawau, sebanyak RM500 ribu telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembaikan dan kini dalam peringkat pelaksanaan kerja.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Jelutong, mengenai cadangan kementerian untuk membina kuarters PDRM, menambah kereta peronda, menambah baik peralatan khususnya bagi Balai Polis Jelutong dan IPD Timur Laut. Sukacita, saya maklumkan bahawa peruntukan sejumlah RM10.3 juta telah pun diluluskan untuk penyelenggaraan 1,228 unit kuarters PDRM di daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Ini merangkumi 212 unit kuarters pegawai kanan di Sungai Dua yang melibatkan kos sebanyak RM3 juta, 980 unit kuarters di Farlim Fasa Satu dan Farlim Fasa Dua melibatkan kos sebanyak RM58 juta dan 36 unit kuarters di Lebuh Pantai melibatkan kos sebanyak RM1.5 juta.

Bagi tujuan pembangunan infrastruktur dan menaik taraf bangunan. PDRM telah menyenaraikan cadangan pembinaan Balai Polis Jelutong yang baru dalam Pelan Strategik Polis Diraja Malaysia Lima Tahun. Namun, pembangunan semula di tapak sedia ada tidak dapat dilaksanakan kerana kawasannya yang terlalu kecil.

Menurut Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos Unit Perancangan Ekonomi keluasan tapak bagi pembinaan sebuah balai polis baru ialah antara lima ekar hingga 10 ekar. PDRM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang mengenal pasti lokasi tapak yang sesuai untuk pembinaan balai yang baru.

■1910

Mengenai penambahan kereta peronda, perolehan kenderaan baru yang telah diluluskan oleh kerajaan dalam RMKe-11 akan digunakan untuk menggantikan kenderaan sedia ada secara berperingkat mengikut keperluan dan keutamaan penugasan membabitkan semua komponen PDRM termasuk balai polis di seluruh negara.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat, Papar minta laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat Papar, Papar, Papar dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, saya ingat bagi yang sana dulu. Sana dulu angkat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Ya, ya. Papar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Papar. Ya, saya nampak.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya yakin dengan bajet sebanyak RM3.88 bilion, dapatlah negeri Sabah mendapat perhatian yang terbaik dalam perkhidmatan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE). Soalan saya, adakah kerajaan berhajat menggunakan peruntukan ini untuk menaiktarafkan peralatan keselamatan dan pertahanan yang sedia ada, baik pulih pos kawalan, pembinaan kem-kem baru di timur Sabah?

Ini bertujuan untuk memelihara kesejahteraan rakyat yang selalu ditakutkan oleh kehadiran *foreign terrorist fighter,* penculikan dan pembunuhan melibatkan nelayan tempatan masih berlaku. Penyeludupan barang-barang asas dan lain-lain akan dapat dipantau jika sekiranya peruntukan diberi untuk keselamatan dan pertahanan. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sambung?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, berkenaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi Yang Berhormat Jelutong dulu sebab dia di peringkat awal tadi lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekejap saja Yang Berhormat Jelutong. Ringkas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan ribuan terima kasih. Memang ini merupakan satu berita baik yang akan saya bawa kepada anggota-anggota PDRM khususnya di Balai Polis Jelutong dan IPD Timur Laut. Ini adalah sesuatu yang mereka sedang tunggu untuk sekian lama.

Saya ingin juga maklumkan bahawa di antara balai polis di Pulau Pinang, Balai Polis Jelutong dan IPD Timur Laut adalah yang paling sibuk sekali kerana dua-dua balai polis ini terletak di tengah-tengah Georgetown. *So,* saya juga mengalu-alukan berita bahawa pihak kerajaan akan menyediakan kuarters. Ini adalah perkara yang saya minta Yang Berhormat supaya segerakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di IPD Timur Laut, masalah kritikal yang dihadapi adalah semua lif di situ rosak. *So,* ada pegawai-pegawai di sini yang saya yakin akan memberi perhatian kepada perkara ini. Ini adalah berita yang begitu baik yang akan meyakinkan anggota PDRM bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan menjaga kebajikan mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Bagi Yang Berhormat Arau, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Arau. Yang Berhormat, jawapan tadi hanya untung Yang Berhormat Jelutong saja. Orang yang gembira pun polis di sana saja. Akan tetapi, masalah polis ini seluruh negara Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat boleh menyebut sikit dalam perkataan itu bahawa perkara yang sama akan dilakukan kepada semua sekali balai polis dan juga kuarters polis di seluruh negara?

Jadi dengan itu, kami semua ini timbulkan benda ini. Dengan itu, keseronokan akan timbul di pihak polis yang sekarang ini saya rasa mereka agak tertekan sedikit dengan kerenah beberapa orang terhadap mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Silakan Yang Berhormat Menteri. Silakan.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Papar tadi yang bangkitkan soal minta perhatian khususnya diberikan kepada ESSZONE. Sebenarnya saya ada hendak jawab, tetapi belum sampai ke situ Yang Berhormat sudah bangkit balik semula.

Akan tetapi, memanglah antara kawasan-kawasan yang kita akan berikan perhatian ialah di Sabah ini. Ini kerana kita tahu soal-soal yang berkaitan dengan keselamatan itu perlu kita perkukuhkan. Akan tetapi, sebagaimana yang disedari, kita tidak mempunyai cukup aset, peruntukan kita yang ini perlu kita perbaiki daripada semasa ke semasa.

Tadi disebutkan tadi, isu-isu dan masalah itu memang kita tahu. Cuma bagaimana kita hendak mengatasinya, ini memerlukan sokongan. Saya ucapkan terima kasih kerana semua Yang Berhormat sokong termasuk Yang Berhormat Arau sokong supaya bagi peruntukan lebih banyak, semua isu masalah pembangunan polis dapat kita selesaikan.

Akan tetapi, sebagaimana biasa, kita tidak dapat peruntukan sebanyak mana yang kita kehendaki, jadi, kita agihkan. Akan tetapi, saya bagi jaminan, Perlis tidak terkecuali, ada juga peruntukan.

Jadi, kita akan pastikan mana-mana yang perlu diutamakan yang saya tahu sendiri, saya semak daripada senarai inventori yang disediakan oleh pihak polis. Ini balai-balai polis yang lama, yang 50 tahun, zaman sebelum merdeka pun ada lagi di situ. Duduk dulu cuma dua, tiga orang. Sekarang ini, tujuh, lapan orang, sepuluh orang. Sudah tidak muat lagi. Ini kalau hendak digantikan pun, kos satu hampir RM1 juta. Jadi, kalau kiranya ratus bilangannya, maka melibatkan kos yang terlalu banyak. Kita akan laksanakan, saya kira ikut berperingkat-peringkat.

Yang Berhormat Jelutong sebut itu kebetulan. Ini perancangan bukan baru, bukan zaman saya *[Ketawa]* Jadi, sudah dapat peruntukan... *[Dewan riuh] Insya-Allah*, kita akan laksanakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri kena perbetulkan kerana dulu masa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, satu sen pun tidak dapat.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya, betul.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Langsung tidak diberikan. Tidak ada apa-apa peruntukan langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi, Kerajaan Barisan Nasional tidak berikan peruntukan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kebetulanlah itu Yang Berhormat Jelutong. Kebetulan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu adalah fakta yang kita tidak boleh nafikan. Permintaan ini dibuat sejak pemerintahan Barisan Nasional. Apa pun tidak dapat. Apa pun tidak dapat!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kebetulan itu Yang Berhormat Jelutong...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, baik. Yang Berhormat Jelutong, sila duduk.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri, Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya nampak Yang Berhormat Lembah Pantai lagi hendak bertanya. Yang Berhormat Lembah Pantai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Orang jahat bercakap di sana. Bagi Yang Berhormat Menteri jawab dengan baik.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri KDN bagus.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Berkenaan dengan isu penyelenggaraan peralatan ataupun kenderaan polis. Saya ingin pohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan, kadangkala bila kenderaan-kenderaan polis, MPV dan sebagainya dihantar untuk penyelenggaraan termasuklah kenderaan-kenderaan *outrider* bagi Menteri-menteri pun ada, apabila berlaku, ia punya *turnaround*-nya tidak terlalu pantas, dengan izin. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk mungkin ada satu badan ataupun syarikat yang khusus *specifically* hanya untuk penyelenggaraan kenderaan-kenderaan ini?

Kedua, saya juga difahamkan, contohnya di IPD Brickfields kalau tidak silap saya, terdapat lebih kurang 20 kenderaan yang sudah usang. Kenderaan polis yang tidak boleh lagi digunakan. Tidak boleh di selenggara, sudah terlalu lama. Adakah ada perancangan selain daripada untuk menyelenggarakan, untuk menggantikan ataupun lupuskan? Ini kerana sekarang ini ia duduk di dalam IPD saja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Memang masalah isu yang disebutkan itu ada berlaku di dalam PDRM sebenarnya selain daripada agensi-agensi lain. Di mana kenderaan yang ada dalam depoh kegunaan itu adalah agak sudah lama, 20 tahun, 30 tahun. Saya ada senarai-senarai Tuan Yang di-Pertua tetapi benarlah yang disebutkan tadi.

Keduanya, perlu ada penyelenggaraan. Memang ada selain daripada depot itu sendiri, ia ada ia punya pasukan- tim untuk membaiki, *workshop* dan sebagainya. Akan tetapi, ada juga syarikat yang telah dilantik oleh kerajaan dulu untuk menguruskan, untuk memperbaiki, menguruskan dan menyelenggarakan aset-aset yang ada di bawah KDN, di bawah PDRM dan sebagainya. Akan tetapi, sebagaimana yang disebutkan tadi, kita masih memerlukan lebih banyak peruntukan, ya.

Kalau dapat diganti- kalau aset yang sudah lama, saya pun ada *outrider* yang dikatakan disediakan oleh Menteri Dalam Negeri. Kadang-kadang ada hadir ikut *time,* kadang-kadang tidak ikut *time*. Kenapa? Dia kata kena tunggu lagi. Sudah selesai dibaiki barulah dia boleh hantar. Jadi, ini masalah yang saya sedari tetapi apa pun yang penting ialah pertama, kita menyediakan satu jumlah peruntukan yang lebih besar. Terima kasih kalau Yang Berhormat menyokong. Itu satu usaha yang baik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Kedua ialah untuk kita memastikan cara pengurusan aset-aset kita dibuat secara yang betul. Bukannya ada tidak betul tetapi fasal sudah agak lama sangat, maka ia menyebabkan kos yang terlalu tinggi. Jadi, itu sebab bagi saya, kalau peruntukan itu disediakan lebih cukup, maka kita boleh menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi oleh pihak Polis Diraja Malaysia.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sikit saja Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi, Yang Berhormat Jelutong menyebut tidak ada peruntukan diberi oleh Kerajaan BN dulu. Saya kira Yang Berhormat Menteri kena mengajar Yang Berhormat Jelutong ini. Apabila Yang Berhormat Menteri sebut fasal peruntukan, peruntukan. Peruntukan ini ada dua. Satu peruntukan pengurusan, mengurus, belanja mengurus. Satu lagi ialah belanja pembangunan. Kalaupun tidak ada belanja pembangunan, belanja mengurus mesti ada untuk polis di kawasan Jelutong. Itu pun Yang Berhormat Jelutong tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: *Hello?*

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah hendak mengajar Yang Berhormat. Semua yang ada di dalam Dewan ini pandai-pandai belaka. Jadi, yang itu saya fikir Yang Berhormat Jelutong pun maklum.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, minta izin untuk saya teruskan kerana ada banyak lagi yang perlu saya jawab pada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam sesi perbahasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: DAP ini tidak suka BERSATU.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Mungkin kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya dalam dua jam lagi, saya boleh habis, selesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingat- minta maaf tidak dapat kebenaran laluan untuk, Yang Berhormat Menteri terus. Minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri teruskan.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, okey.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Cameron Highlands dan Yang Berhormat Kota Bharu bertanya mengenai cadangan kementerian untuk membaik pulih kuarters yang telah uzur. Ini tadi juga disebutkan beberapa Ahli Yang Berhormat lain.

■1920

Menaik taraf pusat latihan dan lokap polis dan menyediakan kelengkapan keselamatan berteknologi tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam cadangan projek pembangunan fizikal PDRM di bawah pakej *Rolling Plan* Keempat, RMKe-11 tahun 2019, PDRM secara keseluruhan telah diluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM200 juta. Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut, PDRM telah menyenaraikan 12,400 unit kuarters di 158 lokasi dan lain-lain keperluan infrastruktur guna sama yang perlu di selenggara dan juga di naik taraf.

Selain itu, sejumlah 201 unit lif di 41 lokasi turut dikenal pasti untuk penggantian dan pembaikan. Manakala cadangan pembaikan lain yang bukan melibatkan pembaikan kuarters telah pun di senarai di bawah unjuran perbelanjaan mengurus PDRM tahun 2019 dengan mengambil kira keperluan terkini daripada kontinjen dan formasi untuk memastikan peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan bagi kerja-kerja pembaikan yang lebih mendesak dan mengikut keutamaan.

Dari segi logistik, kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan keselesaan anggota PDRM melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan fizikal seperti pembinaan kuarters dan balai polis baharu serta pembaikan kuarters dan balai polis sedia ada. Ini termasuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan bangunan pejabat, ibu pejabat polis kontinjen, daerah dan balai polis serta lain-lain formasi di seluruh negara berjumlah RM40 juta dan baik pulih pondok polis, balai polis yang melibatkan 858 premis di seluruh negara berjumlah RM16.6 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Bharu, IPD Kota Bharu telah diperuntukkan sejumlah RM5.213,500 juta untuk pembaikan kuarters dan RM6.592 juta untuk penggantian lif. Yang Berhormat Ipoh Timur bertanya mengenai peruntukan untuk membaik pulih kuarters pasukan simpanan-simpanan keselamatan di Ipoh, Perak.

Untuk makluman Yang Berhormat, keseluruhan peruntukan perbelanjaan yang telah dilaksanakan dan pelaksanaan untuk tujuan tersebut berjumlah RM574,874. Peruntukan ini melibatkan pembaikan dan penyelenggaraan pejabat dan kuarters di bawah perbelanjaan mengurus dan peruntukan pembangunan tahun 2019. Di bawah langkah strategik...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Pemantapan pengurusan prasarana dengan menyediakan tempat bekerja dan kuarters yang kondusif serta meningkatkan kesejahteraan warga PDRM. Sejumlah RM1.002 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2020 untuk melaksanakan kerja-kerja membaik pulih prasarana yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu gejala dadah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti. KDN menerusi Agensi Antidadah Kebangsaan giat melaksanakan aktiviti pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah serta penguatkuasaan antidadah di seluruh negara, antaranya ialah:

(i) melaksanakan program pendidikan pencegahan yang melibatkan komuniti, jabatan kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO);

(ii) memberi rawatan perubatan dan pemulihan kepada penagih dadah melalui 30 buah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di seluruh negara;

(iii) memperkenalkan projek rintis bagi membasmi penyalahgunaan dadah secara bersepadu di kawasan-kawasan berisiko tinggi di seluruh negara; dan

(iv) menjalankan operasi terhadap aduan-aduan berkaitan penyalahgunaan dadah yang dikemukakan oleh orang awam dan menubuhkan Pusat Gerakan Hotline AADK yang beroperasi 24 jam.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri. Boleh? Rantau Panjang.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa yang di sebut oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan penambahbaikan terutama balai-balai polis yang berada dalam keadaan uzur.

Saya ingin tahu ialah tentang berkaitan balai polis yang terdedah dengan bahaya banjir terutama di kawasan sempadan, kawasan saya sendiri. Sejauh mana tindakan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan. Maknanya di seluruh Kelantan ini, setakat ini berapa buah dicadangkan untuk penambahbaikan terutama yang melibatkan kawasan banjir.

Sebab bukan sahaja balai polis tidak selamat, segala peralatan operasi akan tergendala kerana akibat banjir. Yang kedua adalah berkaitan dengan penyeludupan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dadah dan sebagainya. Ini sangat bahaya terutama di musim banjir. Penyeludup menggunakan perahu ataupun bot terus daripada Thailand terus ke sempadan Malaysia, dengan terutama di musim banjir sangat mudah bagi mereka.

Jadi sejauh mana penguatkuasaan terutama dalam keadaan berisiko begini dan begitu juga tentang kuarters-kuarters sama ada Kuarters Polis, Kuarters Imigresen yang tidak digunakan, terbengkalai. Malah saya dapati ada yang menjadi sarang pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi sejauh mana pemantauan terhadap kuarters-kuarters yang tidak digunakan ini di bawah kementerian untuk memastikan ia dapat dimanfaatkan kepada kerajaan dan rakyat dan tidak menjadi sarang kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Minta penjelasan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Minta sedikit Yang Berhormat Menteri, dari Sibuti...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa tidak...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sebab Yang Berhormat Menteri...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Soalan berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Panjang, tapi saya bagi...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri menjawab soalan Sibuti sebentar tadi, hendak tambah sedikit tentang dadah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita beri peluang kepada Yang Berhormat Sibuti satu. Sila Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyokong dasar kerajaan berkenaan tentang pembasmian dadah. Apa yang saya hendak minta Yang Berhormat Menteri adalah bagaimana untuk menyediakan aset yang mencukupi kepada pihak AADK dan juga pihak polis terutamanya. Dadah sekarang masuk ke kawasan luar bandar dan juga pihak AADK tidak mempunyai pengangkutan ataupun van untuk menangkap penagih-penagih.

Begitu juga dengan pihak polis agar aset-aset yang dibekalkan untuk di kawasan pedalaman dan luar bandar haruslah menepati. Contohnya membekalkan *four-wheel drive,* jangan membekalkan kereta kecil kepada pihak polis.

Seterusnya saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tangkapan yang besar sejak kebelakangan ini saya sangat bimbang, negara kita dijadikan tempat dapur ataupun tempat memasak dadah di dalam negara. Adakah pihak kerajaan mengawal kemasukan tukang masak-tukang masak dadah ini ke dalam negara dan juga bagaimanakah tangkapan dadah yang besar ini dihapuskan. Adakah dadah ini benar-benar hilang ataupun dihapuskan oleh pihak penguat kuasa.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, bagi Tanah Merah...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Satu lagi soalan berkaitan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Beri Tanah Merah, sudah bangun dua kali.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik mohon.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh pasal tentang pintu masuklah. Memang kita bimbang pintu masuk ini kemasukan ada penyeludupan. Akan tetapi yang saya hendak tentang pintu masuk terutamanya saya hendak sentuh pasal imigresenlah saya ada sentuh dan ada bangkitkan tentang bebanan yang tugas anggota keselamatan khususnya Jabatan Imigresen Malaysia. Contohnya dari segi macam di Tambak Johor, tadi dibangkitkan Tambak Johor. Beratus kereta keluar masuk. Jadi saya rasa kita hendak beri *motivate* pegawai-pegawai imigresen ini, bukan sahaja dari segi kesihatan saya rasa kita perlu beri elaun khas.

Saya ada bangkitkan ini. Yang kedua saya juga hendak bangkitkan tentang kesihatan yang kalau Yang Berhormat Menteri pergi ke tingkat 2, Bahagian Imigresen, Yang Berhormat Menteri boleh tengok dekat lantai-lantai, orang tidur sahaja. *Very bad,* nampak teruk sangat.

Saya harap sangat kalau Yang Berhormat Menteri selaku Menteri dapat buat lawatan di mana saya kesian kepada pegawai-pegawai imigresen ini. Apabila mereka hendak buat proses ini dengan masalah kita tak tahu penyakit apa, mereka terdedah. Maka perlu saya rasa mereka perlu diberi satu elaun khas. Bukan apa, bagi risiko yang mereka hadapi.

Ketiga saya ada minta kepada imigresen diberi pertimbangan untuk beri mereka elaun kepada semua Gred KP19 hingga KP26. Tiga perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja. Soalan berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri. Masa hanya tinggal enam minit sahaja lagi. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk meneruskan jawapan. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang ini saya ambil perhatian. Saya tidak dapat pastikan berapa balai-balai polis yang kita hendak naikkan taraf termasuk kawasan-kawasan dikatakan menghadapi banjir tapi senarai itu nanti kalau diizinkan saya boleh hantar secara bertulis kepada Yang Berhormat. Soal penambahbaikan kuarters-kuarters tadi pun saya telah jelaskan di banyak kawasan, kita ada langkah dan Kelantan tidaklah terkecuali daripada projek-projek pembangunan itu.

Soal kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti adalah bagaimana kita hendak menentukan supaya aset-aset yang boleh digunakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) itu dapat dipertingkatkan macam sediakan banyak lagi kenderaan-kenderaan. Itu memang matlamat kita tapi sebagaimana Yang Berhormat tahu, memang sentiasa terbatas dan terhad. Ada diubah tiap-tiap tahun tapi tidaklah mengikut sejumlah mana yang dikehendaki kerana kita ada sediakan juga peruntukan-peruntukan pengurusan dan juga operasi dan juga pembangunan. Apa pun kita akan cuba usahakan lebih lagi untuk masa hadapan.

Yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah itu, itu saya ambil perhatian. Kalau benar apa yang disebutkan tadi, mungkin soal-soal kebajikan yang perlu kita ambil perhatian supaya pegawai kita dapat bekerja dengan cara yang sebaik mungkin.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Soalan berkaitan dadah tadi. AADK.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk kerja-kerja yang dilaksanakan oleh AADK nampak sangat mencabar dan mereka menjadi barisan hadapan untuk membasmi musuh nombor satu negara.

■1930

Cuma satu kekangan yang dilaporkan khususnya di sebelah utara, mereka menghadapi masalah ketika membuat tangkapan penagih dadah ini. Mereka kekurangan soal makmal patologi untuk membuat *urine test* kepada penagih-penagih dadah ini. Ketika ini di sebelah utara hanya sebuah makmal iaitu di Hospital Kepala Batas. Jadi saya bertanya, adakah pihak kementerian ada membuat kerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk menambah lagi makmal patologi ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Yang Berhormat Sik, kita mengambil perhatian perkara itu. Memang kita perlu menyediakan tempat-tempat kemudahan untuk ujian-ujian air kencing dan sebagainya yang mencukupi. Setakat hari ini, tidak menjadi satu masalah besar kerana selain daripada kita mempunyai unit yang sedia ada, kita bekerjasama dengan pihak-pihak yang lain seperti hospital dan sebagainya. Apa yang penting, ia mesti disahkan benar dan selepas itu digunakan sebagai asas ataupun bukti sama ada penagihan itu berlaku ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, tinggal lagi tiga minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Saya hendak akhirkan dengan kenaikan taraf aset pengangkutan AADK di Sarawak. Menerusi belanjawan ini, kita menyediakan peruntukan sejumlah RM10 juta kepada AADK untuk menambahbaikkan aset-aset pengangkutan sedia ada khususnya di kawasan yang mempunyai kes-kes penagihan dadah yang tinggi termasuk di Sarawak.

Ada berkenaan dengan *dekriminalisasi* penagihan dadah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai. Ini dasar *dekriminalisasi* penyalahgunaan dadah ini kita sedang kaji dengan teliti dan terperinci sebelum ia boleh kita laksanakan di seluruh negara. Perkara ini melibatkan perubahan yang besar dari segi dasar dan undang-undang sedia ada. Selain itu, sebarang perubahan dasar yang dibuat perlu mematuhi Konvensyen Dadah Antarabangsa yang berkuat kuasa agar ia tidak bercanggah dengan komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Sik bertanya sama ada kementerian bercadang untuk mengkaji semula program-program pemuliharaan terutamanya yang melibatkan penagihan tegar. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian semula sentiasa dilaksanakan bagi memastikan program pemulihan yang diamalkan adalah berkesan dan sesuai dengan perubahan semasa. Ini termasuk melaksanakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dalam komuniti projek rintis untuk menilai keberkesanan pemulihan penagihan tegar di kawasan berisiko tinggi.

Kerjasama strategik dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan mengamalkan pendekatan *dual policy* di mana penagih dianggap sebagai pesakit yang memerlukan pertolongan dari aspek kepulihan, manakala penjenayah dadah pula dihukum.

Mengenai cadangan kajian semula elaun khas, gred dan perjawatan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) agar ia setaraf dengan PDRM seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi, saya ingin memaklumkan bahawa penempatan insentif perkhidmatan, gred dan bilangan perjawatan RELA telah ditentukan berdasarkan skop, fungsi dan peranan tugas yang ditetapkan. Kali terakhir RELA diluluskan penstrukturan semula perjawatan adalah pada tahun 2012. Berdasarkan penstrukturan semula ini, RELA diperuntukkan 1,111 perjawatan dan jumlah ini kekal hingga sekarang.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan anggota RELA, kerajaan dalam Belanjawan 2020 telah bersetuju untuk menaikkan kadar elaun bertugas RELA sebanyak RM2 iaitu daripada RM6 kepada RM8 sejam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang saya tidak dapat jawab. Kalau diizinkan, saya akan...

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat, boleh sentuh tidak fasal komik...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini fasal komik Yang Berhormat. Adakah KDN akan mengambil tindakan kepada mereka yang menerbitkan dan juga yang mengedar serta terlibat dengan komik komunis itu Yang Berhormat?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit fasal RELA ini kalau boleh.

Seorang Ahli: Telah dibangkitkan-lah.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Fasal komik sudah tidak ada apa cerita lagi, kita sudah ambil tindakan. Kita sudah keluarkan perintah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah- sebab saya ini Yang Berhormat...

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: ...Itu tidak lagi harus dibincangkan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Hendak tanya sama ada elaun...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, saya ini kawan baik DAP. Saya sayang dengan DAP, tetapi DAP sekarang ini dikaitkan dengan memberi perlindungan kepada LTTE dan juga lain-lain perbuatan biadab. Apakah Yang Berhormat hendak *clear*-kan benda ini supaya DAP tidak terlibat dan sebagainya?

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: DAP tidak terlibat sebagai parti, yang kita ambil tindakan terhadap orang-orang tertentu. Itu undang-undang, bukan soal organisasi politiknya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat, sedikit fasal elaun tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, Setiausaha Agung telah memberikan kenyataan-kenyataan yang seolah-olah memberi perlindungan kepada LTTE dan juga komik serta...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau, kena minta Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Perbuatan biadab di Universiti Malaya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta izin Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak bertanya tentang elaun tadi sama ada ia juga nanti boleh diperluaskan kepada misalnya Angkatan Pertahanan Awam, yang kalau di sebelah utara ini banyak terlibat dalam bantuan bencana terutama di musim-musim ribut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Mungkin perlu dibawa oleh pihak agensi dan jabatan berkenaan. Saya ini bawa kes RELA sahaja dan terserah kepada pihak Kementerian Kewangan, kalau mereka ada peruntukan hendak diagihkan kepada pihak-pihak yang lain, saya tidak menjadi masalah. Saya menyokong penuh, tetapi itu terletak di bawah bidang kuasa Menteri Kewangan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak mengucapkan tahniah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin teruskan sesi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Hendak mengucapkan tahniah sebab Tuan Yang di-Pertua bagus, jawapan Yang Berhormat Menteri pun bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: ...Menteri menjawab.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pertahanan, 60 minit.

7.35 mlm.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]* Sila-sila. Terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pertahanan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Yang Berhormat Sembrong, Yang Berhormat Kudat, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Tanjong Malim dan Yang Berhormat Puncak Borneo.

Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan kepada kerajaan kerana menambah sedikit peruntukan kepada Kementerian Pertahanan sebanyak 12 peratus berbanding dengan RM13.9 bilion yang diterima pada tahun 2019, kali ini ditambah kepada peruntukannya RM15.6 bilion iaitu penambahan RM1.67 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sembrong yang merupakan Menteri Pertahanan yang lama yang banyak bertanya. Di antara isu yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dahulu ialah hala tuju MinDef, Kertas Putih Pertahanan, rumah keluarga angkatan tentera, dividen LTAT, diplomasi pertahanan dan juga Yang Berhormat yang lain bertanya soal spesifik. Hala tuju MinDef dapat diringkaskan iaitu memastikan kesiapsiagaan ATM berada pada paras *full mission capable.*

Kedua, meneruskan kesejahteraan dan kebajikan anggota tentera termasuk veteran ATM.

Ketiga, memperkukuhkan jaringan strategik dan hubungan diplomasi terutamanya dalam kalangan negara-negara ASEAN dan di peringkat antarabangsa...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Minta laluan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Keempat...

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Setiawangsa Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baru hendak mula.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Baru? Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Booking* Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Keempat, meningkatkan integriti dan tatacara pengurusan kewangan dan perolehan selaras dengan janji Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan kerajaan mempunyai perancangan yang mampan dalam mentadbir negara. Kementerian Pertahanan juga sedang di peringkat akhir menyediakan Kertas Putih Pertahanan yang pertama kali, julung-julung kali diadakan dan akan dibentangkan pada bulan Disember nanti. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Setiawangsa.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Setiawangsa cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sebab tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang pertanyaan Yang Berhormat Sembrong mengenai isu hala tuju. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa sebahagian daripada perkara yang kita perlu selesaikan ialah kerana masalah yang diwarisi daripada pentadbiran Yang Berhormat Sembrong dahulu dan mungkin hala tuju Yang Berhormat Sembrong sendiri adalah untuk pergi ke penjara selepas ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya akan menjawab beberapa perkara yang ditimbulkan oleh setiap Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Sembrong juga membangkitkan isu perlindungan keselamatan ke atas negeri Sabah dan Sarawak. Semuanya itu, kita akan menjawab tentang hal keselamatan negara kita.

Keselamatan Pantai Barat Sabah, Briged Kelima Infantri yang berada di Lok Kawi telah dipindahkan ke Kota Belud untuk mengawal keseluruhan keselamatan Pantai Barat Sabah. Pembinaan kem baharu sedang dilaksanakan.

■1940

Keselamatan Pantai Timur Sabah- Briged Ke-13 ESSCOM yang telah ditukar nama menjadi Briged Ke-13 Infantri berpangkalan di Cenderawasih, Lahad Datu untuk mengawal keseluruhan keselamatan Pantai Timur Sabah. Pembinaan kem baharu sedang dilaksanakan. Keselamatan sempadan daratan Sabah-Indonesia Briged Ke-32 Infantri dirancang baru ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 di sekitar Pensiangan, Kalabakan dan Tawau untuk mengawal keseluruhan keselamatan sempadan daratan antara Sabah dan Indonesia.

Pasukan 8RS telah dipindahkan dari kem Sungai Rait, Miri ke kem San Shui, Tawau. Pengawasan keselamatan di pantai timur Sabah juga diperkukuh dengan aset-aset tentera darat seperti pasukan udara tentera darat, mekanis dan armor yang telah ditempatkan secara kekal di Tawau dan di Sandakan. Kawalan keselamatan di Gugusan Semarang Peninjau, Terumbu Layang-Layang, serta kawasan Gugusan Semarang Peninjau berada dalam keadaan aman dan terkawal. TLDM ada menempatkan anggota di kelima-lima terumbu yang dituntut oleh negara kita.

Selain itu, TLDM juga melaksanakan operasi bagi menentukan keselamatan kawasan perairan GSP sentiasa terkawal. Ia melibatkan penugasan sebuah kapal dari markas pemerintahan Armada Timur secara 24 jam dan tujuh hari seminggu. Operasi ini bukan sahaja melibatkan TLDM, bahkan menugaskan kapal terbang daripada markas wilayah udara di Labuan juga menjalankan tugas sepenuh masa.

Cabaran pada ketika ini adalah lebih kepada cabaran menentukan kapal sentiasa bersedia untuk dioperasikan. Kapal-kapal yang sedia ada masih tidak mencukupi. Inilah yang kita tuntut lagi supaya peruntukan tambahan nanti terutama dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dapat dibuat peruntukan tambahan. Ini kerana kita memerlukan kapal-kapal untuk meronda di kawasan lautan kita terutama di kawasan pulau yang kita mengatakan dan isytiharkan itu adalah hak Malaysia.

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kudat sana. Kanan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Oh.

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Mohon sedikit penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang saya lihat daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri memang pihak Kementerian Pertahanan dan kerajaan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan bahawa perairan kita adalah terkawal.

Akan tetapi, realitinya ada beberapa perkara yang harus kita ambil perhatian khususnya untuk mempertahankan kedaulatan negara kita khususnya di Sabah dan Sarawak, iaitu pertama sekali ialah berkaitan dengan pangkalan tentera udara. Memang kita ada menempatkan beberapa aset-aset di Labuan tetapi ini bukanlah- kebanyakan daripada pesawat-pesawat pejuang ini adalah *detachment* daripada pangkalan tentera udara di Kuantan. Ia bukan *permanent based*.

Jadi, sebenarnya apa yang perlu ialah satu *permanent based*. Malah saya ingin mencadangkan sekiranya *permanent based* ini sepatutnya dibuat di kawasan Pantai Timur khususnya di kawasan ESSZONE. Ini kerana kawasan itulah yang sentiasa bergolak dengan bermacam-macam *cross border crime,* penculikan dan juga isu kedaulatan di situ yang mungkin kita semua sedia maklum kerana tuntutan adalah berkait dengan kawasan pantai timur Sabah.

Kedua sekali ialah berkaitan dengan penempatan kem-kem tentera. Memang Cenderawasih sudah di-*commission*-kan tetapi mungkin terdapat satu keperluan lagi iaitu di Kudat. Ini kerana memang dahulu pun terdapat perancangan untuk menutup *gap* khususnya di kawasan ESSZONE ini di mana kawasan Kudat adalah bersempadan dengan selatan Filipina iaitu Palawan dan beberapa pulau-pulau yang berdekatan yang sudah tentu juga membuka ruang bagi isu keselamatan dan kedaulatan di tempat itu.

Jadi, saya berharap juga pihak kerajaan dapat mengambil langkah-langkah yang lebih konkrit...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta kemukakan soalan ya. Rumuskan.

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah langkah-langkah lagi atau langkah-langkah tambahan yang perlu diambil? Di mana yang saya difahamkan juga, misalnya *base* yang kita ada yakni *sea base* yang kita ada itu dia tidak dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang mencukupi untuk memastikan bahawa ianya benar-benar satu aset yang berkesan khususnya memintas kegiatan-kegiatan *terrorism* dan juga kegiatan *cross border crime* di kawasan itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Ketika ini TUDM mempunyai dua buah pangkalan udara tetap di Kuching dan Labuan serta pusat bantuan operasi udara di Tawau yang dilengkapi dengan aset-aset yang berkenaan bagi memastikan kepentingan negara di Sabah dan Sarawak sentiasa terjamin.

TUDM juga telah menempatkan satu skuadron pesawat pejuang *Hawk* di Pangkalan Udara Labuan bagi tugas-tugas rondaan udara dan bantuan *close air support*. Pesawat Rondaan Maritim B200T dan Helikopter EC725 juga ditempatkan di Pangkalan Udara Labuan untuk tugas-tugas pemantauan Zon Maritim Malaysia di Laut China Selatan dan Laut Sulu serta membantu operasi *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM)

Kita juga sekarang ini sedang membuka tender untuk membeli kapal-kapal FIC iaitu bot pintas laju yang cepat, yang sebahagiannya akan digunakan di perairan antara Sabah dengan Filipina. Ertinya, Kementerian Pertahanan amat mengambil perhatian soal keselamatan terutama di sebelah pantai Sabah, terutama di Sabah serta Sarawak. Alat-alat ini - yang aset-aset yang akan ditambah ini kebanyakannya akan dihantar di sebelah ESSZONE ini. Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu. Ya. Saya mengalu-alukan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan bercadang untuk membeli lebih banyak kapal bagi tujuan memperkukuhkan pertahanan negara kita.

Dalam masa yang sama, memanglah setiap kali pembelian yang dimaksudkan bagi tujuan pertahanan memang melibatkan jumlah peruntukan yang besar. Saya ingin bertanya tentang kontrak yang telah diberikan kepada *Boustead Naval* di Lumut, pembinaan kapal *Littoral Combat Ship* (LCS) atau *frigate* kelas Maharajalela yang saya ikuti perkembangannya pada tahun 2017 sangat optimis dari segi pembinaan yang mana diyakini akan dapat diserahkan lebih awal.

Walau bagaimanapun, saya mendapat maklumat yang berterusan bahawa projek yang bernilai RM9.1 bilion ini sekarang ini semakin perlahan dan malah pada LIMA yang lalu saya difahamkan telah dianjak lagi dari segi jadual penghantaran, kemungkinan sehingga tahun 2021. Sampai sekarang tiga buah belum dilancarkan lagi. Baru satu dilancarkan-*launching.* Jadi, apa sebenarnya yang berlaku yang menyebabkan tiba-tiba nampak ketara sangat dari segi *speed* dia ini yang kehilangan tempo. Saya difahamkan ia berkait dengan, disebabkan oleh kerajaan lewat di dalam memutuskan beberapa isu-isu yang penting berkaitan dengan pembelian sistem-sistem yang tertentu. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Kuala Terengganu.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tambah sedikit Yang Berhormat Menteri? Dari Sibuti.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tentang- terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama kali saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas perpindahan Rejimen Kelapan Sempadan ke Tawau.

Walaupun demikian saya menjangkakan bahawa mereka dipindahkan ke kem yang baharu di dalam Sarawak. Adakah dengan perpindahan rejimen sempadan ini ke Sabah adakah bilangan anggota sebanyak 200 lebih ini akan diganti untuk mengawal sempadan Sarawak yang agak panjang? Adakah pihak Kementerian Pertahanan telah membuat satu kajian *forecast* ataupun masa depan berkenaan tentang perpindahan ibu kota Indonesia dan adakah keperluan rejimen sempadan ini perlu ditambah bagi Sabah dan Sarawak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri menjawab.

■1950

Tuan Mohamad bin Sabu: Soalan yang baik daripada Yang Berhormat. Memang di antaranya fokus kita tentang rejimen sempadan ini kerana pada masa akan datang apabila ibu negara Indonesia berpindah sebelah Borneo itu, saya tak pasti lagi di bandar mana tetapi ianya memerlukan pengawalan sempadan darat itu lebih diperkukuhkan. Pihak angkatan tentera sentiasa berbincang strategi mengikut kemampuan angkatan tentera dan strategi tentera. Mereka lebih mengetahui di mana perlu ditempatkan supaya keselamatan khasnya Sabah dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Tentang soalan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu, ada jawapannya kemudian. Sabar *insya-Allah* ada penjelasan itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Menteri.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri, pencelahan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tentang kem di Kudat itu kita akan ambil perhatian kerana ianya satu soalan khusus dan kita akan memberi jawapan secara khusus melalui bila saya bertanya kepada pihak angkatan tentera tentang kedudukan kem Kudat itu.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri, saya minta penjelasan. Sementara meneliti jawapan Menteri, menilai daripada aset yang begitu mahal yang dibicarakan, saya agak tersentuh dengan beberapa aset yang kita beli tetapi tak ada. Sebagai contohnya helikopter, nilainya RM300 juta tetapi helikopter itu tak muncul-muncul.

Jadi saya hendak tahu langkah Kementerian Pertahanan kali ini nak memastikan bila kita bayar aset yang kita beli itu, mesti ada barangnya. Jangan barang itu tak ada tapi duit itu hilang. Jadi apakah langkah kementerian untuk memastikan kali ini siapa yang mengkhianati negara mesti dihukum. Jadi saya mohon penjelasan daripada Menteri. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Menteri, Menteri...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Menteri, semasa Yang Berhormat Sembrong iaitu mantan Menteri Pertahanan membahaskan isu bajet, beliau telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mempersoalkan kebolehan Kementerian Pertahanan mempertahankan keselamatan negara. Pada masa itu, saya telah bertanyakan kepada beliau dan beliau mengakui bahawa ini adalah perkara yang diwarisi. Persoalan pertama saya adalah apakah status, kita dengar tadi kenyataan Yang Berhormat Kapar berkenaan dengan helikopter ini. Semestinya kita memerlukan aset-aset seperti helikopter untuk memantapkan lagi pertahanan negara. Itu persoalan pertama saya.

Kedua tentang kapal selam. Apakah status kapal selam yang dibeli oleh kerajaan dahulu, kebolehgunaannya, adakah ia boleh selam? Ini adalah perkara yang saya ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Menteri, ringkas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Lembah Pantai, ringkas.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Soalan ringkas, kerana isu mantan Menteri Pertahanan telah menjadi satu isu polemik. Adakah Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan, adakah Yang Berhormat Menteri setuju sekiranya isu yang melibatkan termasuklah isu helikopter, termasuklah isu OPS Yaman 2 dan sebagainya, isu-isu ini dibawa kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri agar boleh diteliti dan dibawa kembali kepada Dewan ini untuk tindakan seterusnya. Maksudnya, satu penyiasatan yang mendalam tanpa atau penyiasatan *bipartisan* dengan kedua-dua belah pihak agar Dewan yang mulia ini mendapat satu penjelasan tentang isu dan peranan yang dimainkan oleh mantan Menteri Pertahanan. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Okey, semua soalan itu ada jawapannya kemudian, tapi memanglah semangat berkobar-kobar nak pertahankan kedaulatan negara. Itu yang ada pada semua Ahli Parlimen. Jadi saya akan jawab kemudian.

Kertas Putih ini ialah saya jawab secara ringkas, memantapkan pertahanan negara yang seimbang bagi mempertahankan kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara maritim dengan susur galur kebenuaan yang terletak di antara Lautan Pasifik dan Lautan Hindi. Kertas Putih akan membantu Malaysia mencapai aspirasi sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan dan bersedia untuk bekerjasama dengan negara-negara lain untuk mencapai keselamatan dan kestabilan serantau.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Jawapan dah sampai. Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kalau boleh minta Menteri teruskan jawapan dulu Menteri.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya teruskan dulu. Memacu transformasi industri pertahanan negara dan bagi mencorakkan, merangka dan memantau kemajuan sains, teknologi dan industri pertahanan. Industri pertahanan yang dipertingkatkan keupayaan ini bukan sahaja dapat membantu mengekalkan tahap kesiapsiagaan ATM, bahkan berpotensi menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi negara. Memastikan kesejahteraan warganegara pertahanan dan dalam peluang kerjaya, bantuan kesihatan dan sokongan sosial serta isu kebajikan veteran ATM.

Selain itu, Kertas Putih Pertahanan juga menjelaskan tanggungjawab semua lapisan masyarakat dari peringkat organisasi hingga ke peringkat individu dalam mempertahankan negara Malaysia menerusi pelaksanaan pertahanan komprehensif.

Yang Berhormat Sembrong mengatakan kenapa lambat dikemukakan, Kertas Putih Pertahanan bukanlah senang. Ia yang pertama kali nak dikemukakan. Kita perlu juga berbincang dengan negara yang berpengalaman menyediakan Kertas Putih seperti Australia, New Zealand, Jepun, Brunei dan beberapa negara yang lain. Maka perbincangan juga di peringkat rakyat, profesor, mereka yang terlibat dalam pertahanan, semuanya diambil kira.

Maka itulah yang kita ambil masa dan semua pakar dirujuk, maka bulan Disember ini *insya-Allah* Kertas Putih Pertahanan akan dikemukakan. Kertas Putih ini bukan soal politik, parti dan sebagainya, bukan soal perkauman, ia adalah pertahanan negara. Oleh itu, semua Ahli Parlimen kita harap dapat menyokong Kertas Putih tersebut.

Yang Berhormat Kuala Terengganu...

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya*, insya-Allah* saya percaya dengan masa yang diambil untuk menyediakan Kertas Putih ini, ia akan jadi betul-betul putih melepak.

Okey, tadi disebut tentang isu ancaman yang disebut di sebelah Malaysia Timur. Adakah kita berpuas hati dengan tahap keselamatan di perairan kita di Semenanjung khususnya di pantai timur? Kita telah memperkatakan banyak tentang pencerobohan nelayan dan subversif dan sebagainya. Jawapan oleh Menteri Pertanian menyebut tentang kerugian setahun sehingga RM5 bilion sumber perikanan. Di dalam perbahasan yang lalu, saya dapati ada yang membangkitkan tentang kemungkinan kebocoran pencurian hasil petroleum yang nilainya lebih besar daripada itu, minyak mentah.

Jadi adakah kita merasa sangat selamat sehingga tidak menjangkakan bahawa kemungkinan unsur subversif ancaman terhadap pelantar-pelantar cari gali minyak kita. Saya difahamkan oleh mereka yang berada di pelantar minyak, dari segi frekuensi, rondaan kapal tentera laut kita kadang-kadang mereka kata seminggu sekali baru nampak lalu. Jadi saya mohon pencerahan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Seminggu sekali baru nampak lalu, itu menandakan aset kita perlu ditambah. Kementerian Pertahanan kalau banding dengan negara lain di ASEAN ini, kita agak rendah dibandingkan dengan peratus KDNK. Jadi sebab itulah di antaranya dalam Kertas Putih itu kita kalau boleh nak ikat dengan pendapatan negara atau KDNK untuk Kementerian Pertahanan sebab aset-aset ini perlu dan Kementerian Pertahanan mana-mana negara pun belanjanya tinggi kerana ia untuk menjaga keamanan negara dan asetnya memang mahal.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tadi Menteri ada sebut bahawa antara lain tujuan perbelanjaan dalam bentuk yang besar ini adalah juga untuk merangsang pembangunan industri pertahanan secara tempatan. Saya pernah memerhatikan bagaimana ketika dahulu di bawah pembinaan projek OPV dulu, bagaimana kegagalan PSCND pada masa bawah PSC dulu sehingga tukar jadi Boustead sekarang ini. Pada waktu itu, harapan semoga projek ini menghasilkan lebih banyak usahawan tempatan gagal. Saya dapati perkara yang sama sedang berlangsung dengan projek LCS ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kita tak boleh *give up* di tengah jalan sebegini rupa. Ada perkara-perkara yang amat perlu diteruskan dengan alasan-alasan yang tertentu. Saya akan memberi penjelasannya sama ada di sini atau di luar.

Penyediaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sembrong. Laporan Ketua Audit Negara 2018, sebanyak 9,744 unit RKAT tidak dapat diduduki kerana mengalami kerosakan dan usang. Maka 2019, kerajaan peruntukkan RM50 juta untuk baiki rumah keluarga angkatan tentera ini.

Untuk 2020, setelah saya sendiri pergi melawat rumah-rumah angkatan tentera, didapati memang berada dalam keadaan cukup daif. Maka kerajaan bersetuju untuk memberi bantuan pada tahun depan projek RKAT ini kepada RM150 juta.

■2000

Ini satu peningkatan yang cukup baik dan kita harap lebih kurang kita *target* akan capai sasarnya sehingga 6,000 buah rumah keluarga akan dapat dibaiki ataupun rumah daripada dua bilik menjadi tiga bilik akan diusahakan pada tahun 2020 nanti. Yang Berhormat Kangar juga membangkitkan projek sakit RKAT di Kem Oran.

Memang projek itu sakit dan kontraknya telah ditamatkan dan tender baru dikeluarkan dan belanja meningkat. Oleh itu, projek ini perlu ditender semula dan *insya-Allah* dapat dilantik kontraktor baru pada bulan Januari 2020. Kem ini saya sudah melawat, memang ianya adalah projek sakit dan akan dipulihkan kesakitannya pada tahun 2020.

Isu pemberian dividen Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Ini juga Yang Berhormat Sembrong timbul. Kalau boleh, dia jangan timbullah perkara ini. Banyak sebab yang menjadikan dividen tahun 2018 rendah. Secara amnya, pengurusan pelaburan yang lemah pada tahun-tahun sebelum ini memberi kesan pada tahun 2018. Penurunan dividen yang ketara disebabkan oleh yang pertama, pendapatan bersih LTAT tahun 2016 dan tahun 2017 kena tolak sebanyak RM441 juta. Sebabnya, LTAT ambil kira pendapatan hasil jualan tanah yang belum selesai. Tanah tidak jual lagi, sudah dikira jual. Duit belum masuk, untung sudah dikira. Ini telah ditegur oleh Jabatan Audit Negara bagi di dalam Laporan Kewangan 2017 LTAT. Ernst & Young, juruaudit profesional juga telah menegurnya tetapi pada waktu itu tidak dipedulikan teguran audit ini.

Selepas ditolak RM441 juta, pendapatan bersih sebenar LTAT pada tahun 2016 dan tahun 2017 hanyalah RM815 juta sahaja. Akan tetapi jumlah dividen yang telah dibayar, RM1.37 bilion untuk tahun 2016 dan tahun 2017. Dividen sudah lebih bayar sebanyak RM556.6 juta. Ini penemuan juruaudit dan sebagainya. Oleh sebab dividen yang dibayar lebih daripada pendapatan bersih RM556.6 juta telah diambil daripada keuntungan tertahan LTAT. Jadi, hujung tahun 2017, keuntungan LTAT daripada positif RM384 juta jadi negatif RM170 juta. Dividen memang nampak tinggi tapi kesan pendapatan tertahan LTAT telah negatif. Terdapat juga impak dari pelaksanaan pematuhan MFRS piawaian laporan kewangan iaitu susut nilai yang perlu diambil kira.

Bayaran dividen yang belum diterima dari anak syarikat pun ada juga. Disebabkan faktor-faktor di atas, pendapatan bersih LTAT bagi tahun 2018 hanyalah RM221 juta. Apa yang dilapor ini yang berlaku pada tahun dulu. Laporan LTAT akan datang, zaman saya Menteri Pertahanan tunggulah tahun depan. Ini laporan yang Menteri Pertahanan dulu. Oleh sebab itulah dividen hanya dua persen atau bersamaan RM161.2 juta pembayaran kepada pencarum. Sebelum ini dividen begitu tinggi diisytiharkan tetapi sebenarnya LTAT itu sendiri tidak mampu memberi dividen tersebut kepada ahli. Akhirnya terpaksa menyentuh duit keuntungan tertahan LTAT. Duit itu sepatutnya tidak boleh diusik. Ia untuk memastikan LTAT terus maju bagi meningkatkan perkhidmatan kepada para perajurit ini yang tidak patut berlaku. Duit dividen sepatutnya dibayar oleh LTAT tanpa menyebabkan kerugian kepada LTAT. Kami tidak mahu perkara ini berulang.

Dividen yang rendah ini diisytiharkan berdasarkan kemampuan LTAT dan demi menjaga simpanan ahli untuk jangka masa panjang. Ya, duit simpanan ahli selamat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Aset LTAT bernilai RM9.4 bilion dan ahli-ahli tidak perlu risau. Di kalangan angkatan tentera tidak risau dan mereka faham kenapa diisytiharkan dua persen pada tahun ini. Dividen tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun para pencarum. LTAT sedang bekerja keras untuk memperbaiki keadaan ini. LTAT akan melakukan sebaik boleh untuk memberi dividen yang lebih baik pada masa akan datang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya ingin tanya. Terima kasih di atas penjelasan yang sungguh padat tadi. Maka kita tahu terdapat unsur-unsur salah guna kuasa, mungkin juga rasuah dan sebagainya oleh mantan Menteri Pertahanan. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk membuat apa-apa laporan kepada pihak MACC untuk perkara ini juga disiasat?

Oleh sebab ini melibatkan kebajikan anggota-anggota pertahanan. Sesuatu yang mereka sepatutnya terima, imbuhan yang mereka sepatutnya terima yang telah dirompak oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kita lihat ini adalah perkara yang begitu serius. Saya ingin tanya, sama ada kementerian akan mengambil langkah-langkah untuk memperbetulkan perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan. Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Yang Berhormat Menteri. Indeks KLCI sebelum PRU 14, 1,895.18. Susut 300 mata sekitar bulan ini. Akibat daripada susut itu, maka syarikat seperti Boustead turunlah segala pendapatannya. Begitu juga, apa juga yang di– harta yang melibatkan saham ini turun. Jadi, perkara itu tidak ada kaitan dengan kerajaan terdahulu Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat mengakui bahawa perkara ini juga melibatkan kenapa sembilan tahun, 14 persen purata dividen LTAT ketika Yang Berhormat Pekan jadi Menteri dan sekarang cuma dua peratus. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat sikit, sikit ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya, Yang Berhormat Menteri jawab, saya cukup seronok. Dia kawan saya kan, cukup seronok. Kelmarin dia *pi* dekat Perlis pun dia *mai* dekat sebelah rumah saya, cuma tidak sempat singgah rumah saya. Akan tetapi, saya hendak beritahu Yang Berhormat jawapan sudah cantik sudah. Bila masuk Yang Berhormat Jelutong, rosak binasa kita. Dia *pi* tanya ini dirompak. Padahal Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*, perkataan rompak tidak boleh pakai. PAC pun guna perkataan rompak tidak boleh pakai. Rompak, hei! *Lawyer* dengar sini. Kalau rompak kau beritahu, siapa yang rompak? Main tuduh kata bekas Menteri Pertahanan rasuah dan sebagainya. Tidak adil.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, sila tujukan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Sekarang...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, tolong tarik perkataan rompak. Rompak tidak boleh pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nombor satu Mat. Nombor dua, kita tahu bahawa LTAT rugi bukan kerana dia meniaga tidak pandai, tetapi saham jatuh. Bila saham jatuh, keuntungan dia jatuh. Memang itu terjadi. Salah bukan kerana Menteri Pertahanan. Yang salah ialah Menteri Kewangan sebab cakap sehingga jatuh saham. Itu saya tanya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tadi saya sebut tadi laporan audit yang Audit Negara tegur iaitu ketua yang diisytihar tidak betul. Begitu juga dua syarikat gergasi akaun tadi, Ernst & Young juga memberi pandangan yang sama. Soal disebut oleh Yang Berhormat Jelutong itu, saya akan bincang dengan LTAT sama ada, ada kes jenayah atau tidak. Kalau ada kes jenayah, kita tidak bertolak ansur dan ini yang akan ditekankan oleh kita.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat Sembrong turut membangkitkan soal diplomasi pertahanan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Berkaitan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Memang...

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Depan sana.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Berkaitan juga tentang yang dividen tadi. LCS, projek yang saya sebut tadi mengalami kelewatan penghantaran yang pertama yang sepatutnya Disember 2018. Kemudian lewat jadi April 2019. Dilaporkan kontraktor utama Boustead, anak syarikat Boustead Heavy Industry yang dimiliki oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera kerana itu terpaksa membayar penalti di dalam jumlah yang besar kepada kerajaan pada tahun yang berkenaan. Adakah ini antara faktor yang menyumbang kepada ini? Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Banyak faktor, di antaranya salah satu hal saham. Kedua adalah kita menunggu wang daripada *Minister of Transport* yang dilabur RM500 juta kepada AES. Bila AES tidak kutip hasil, maka wang LTAT yang dilabur itu kita minta kerajaan, di atas ihsan dikembalikan kepada LTAT, kepada Kementerian Pertahanan dan LTAT. Akhirnya Kabinet bersetuju untuk dipulangkan. Maka itulah kita menunggu siasatan dan laporan itu menyebabkan dividen diisytiharkan lewat. Bukan kerana takut hendak diisytihar dua *percent* itu.

■2010

Bagi saya, bawah kalau rugi pun kita akan isytihar rugi. Kita tidak mahu *manipulate account* dan kita bergerak daripada keuntungan dua persen untuk kita menuju kejayaan lebih baik pada masa yang akan datang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, berhubung dengan tuduhan Yang Berhormat Jelutong itu, saya ingin menarik perhatian kepada kenyataan Pengerusi LTAT pada 30 September 2019. Beliau menyebut bahawa, *"Tiada unsur atau elemen jenayah ditemui dalam kepincangan kedudukan kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera."* Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Pengerusi LTAT sebut tiada unsur jenayah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, kita akan bincang lagi kalau ada penemuan-penemuan baru. Maka kalau tidak ada, begitulah keadaannya. Kalau ada penemuan-penemuan baru, ada unsur jenayah, kita akan buat tindakan.

Yang Berhormat Sembrong turut membangkitkan isu diplomasi pertahanan. Ini sentiasa kita jalankan kerana Malaysia negara berkecuali. Kita berbincang- saya sendiri telah melawat semua negara kuasa veto, jumpa Menteri Pertahanan dan berdialog dan berbincang soal diplomasi pertahanan dengan Perancis, dengan UK, dengan Rusia, China dan *United States*. Di sebelah sini, kita juga berbincang dengan Australia, New Zealand yang berada dalam FPDA dan negara-negara ASEAN. Kita bincang sentiasa hal diplomasi pertahanan ini supaya Malaysia kekal negara berkecuali dan terus aman.

Seterusnya, saya ingin sentuh hal kebajikan kepada veteran ATM.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sedikit sahaja fasal kes bekas Menteri Pertahanan sebut itu. Semasa kita berbincang pada masa tersebut, terdapat anggota daripada PH. Saya ingat kalau tidak silap Yang Berhormat Jelutong. Dia kata Yang Berhormat memerlukan masa dua tahun lagi untuk membolehkan Yang Berhormat *steady* sebagai Menteri Pertahanan. Akan tetapi saya tidak nampak benda itu. Saya nampak Yang Berhormat memang layak jadi Menteri Pertahanan yang hebat di negara ini... *[Tepuk]*

Apakah Yang Berhormat hendak pertikaikan Yang Berhormat Jelutong dan juga geng PH yang menuduh Yang Berhormat perlu dua tahun lagi? Padahal kita sudah ada tentera yang pakar dalam bidang ketenteraan dan Yang Berhormat cuma bagi panduan. Yang Berhormat adalah Menteri Pertahanan yang terbaik tetapi mereka mempertikaikan Yang Berhormat dengan mengatakan Yang Berhormat perlu dua tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Arau. Saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Itu adalah satu tuduhan yang tidak berasas.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, jangan laga-lagakan ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ketika itu mempertahankan Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Ini Yang Berhormat Arau cuba melaga-lagakan kita. Ini perangai UMNO.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan. Saya minta supaya dia tidak berkait mengenainya. Baik, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, sila duduk Yang Berhormat Arau. Sila duduk, Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kita bincang hal pertahanan, bukan mempertahankan diri... *[Dewan ketawa]*

Jadi kita akan terus berusaha supaya kebaikan kepada veteran ATM ini. Oleh sebab itu kerja yang kedua selepas mereka tamat ataupun berhenti daripada angkatan tentera. PERHEBAT sedang disusun semula sekarang kerana didapati barangkali keberkesanannya perlu dinilai semula. Maka PERHEBAT yang melatih tentera sebelum bersara ini, sedang disusun semula dan maklumat terkini selepas disusun semula akan menyusul kemudian dalam sidang-sidang yang akan datang.

Seterusnya, cadangan pemberian elaun secara bulanan kepada penerima Pingat Jasa Malaysia. Memang saya sendiri telah berulang-alik ke Kementerian Kewangan, meminta supaya mereka yang mendapat Pingat Jasa Malaysia ini diberi elaun bulanan. Akan tetapi, oleh kerana keadaan kewangan, maka Kementerian Kewangan bersetuju untuk memberi Elaun Kenangan secara *one-off* sebanyak RM500 kepada penerima Pingat Jasa Malaysia dan pemberian Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM250 kepada pesara awam persekutuan yang mana turut dipanjangkan kepada veteran ATM. Inilah pertama kali mereka yang dapat Pingat Jasa Malaysia diberi sagu hati, elaun khas. Ini yang kita usahakan dan akhirnya, dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya hendak puji Yang Berhormat ini. Kiranya Yang Berhormat terbaiklah buat benda ini. Akan tetapi sebenarnya, orang *dok* bohong kepada Menteri-menteri ini kata keadaan kewangan teruk. Bagaimana teruk, hutang RM130 bilion, duit Petronas RM82 bilion, jual harta RM30 bilion.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, harta yang dijual dengan juga duit Petronas, sudah cukup untuk membantu kementerian. Jadi Yang Berhormat tidak boleh jawab kata keadaan kewangan. Tidak ada masalah kewangan sebab terlampau banyak harta yang telah dijual. Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang untuk terus meminta, hendak pastikan supaya bantuan kepada *one-off* ini diteruskan dengan hebatnya dan dengan banyaknya?

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, kita akan terus berusaha dan hal-hal kewangan nanti berbincanglah dengan Menteri Kewangan. Kita, Kementerian Pertahanan sentiasa akan minta tambahan peruntukan. Ini yang sedang dan akan terus diusahakan oleh pihak kementerian.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, saya tidak jelas tadi. Apa yang dibincangkan dengan Kementerian Kewangan, adakah penerusan *one-off* itu ataupun kemungkinan dapat diberikan bantuan bulanan?

Tuan Mohamad bin Sabu: Untuk tahun ini, *one-off.* Kalau tahun-tahun akan datang, kita akan cuba lagi memohon untuk bulanan sebab mereka ini kalau kita beri imbuhan pun, tidaklah merugikan negara kerana umur mereka kebanyakannya sudah 60 tahun ke atas yang dapat pingat PJM ini. Tahun ini, RM500 tanda penghargaan kepada mereka dan mereka di antaranya merasakan ada sedikit lega walaupun pemberian itu tidaklah sebanyak mana.

Seterusnya adalah cadangan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya minta cadang kalau bolehlah kan, Yang Berhormat bagi sebulan RM100. Jadi bagi RM1,200 *one-off*. Kalau tidak- bukan ramai pun. Ini penghargaan kepada nyawa mereka mempertahankan kita, RM1,200.00 sahaja.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, ya. Itu rayuan daripada veteran itu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya minta lebih daripada RM100.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Lagi *alhamdulillah*. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Bukan banyak itu sahaja tetapi diberi tahun ini banyak ini dahulu dan kita akan terus berusaha. Jangan bimbang.

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebelah kanan.

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya fikir memang selain daripada pemberian *one-off* terhadap pemegang Pingat Jasa Malaysia, tetapi yang penting lagi ialah dari segi bantuan perkhidmatan kesihatan kepada anggota tentera veteran ini. Ini kerana, ramai daripada mereka yang sudah pun berumur dan memerlukan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

Ironinya di sini, di Sabah, khususnya di Hospital TUDM Sepanggar, memang ada satu *state-of-the-art hospital* yang telah dibina bersama-sama dengan pembinaan TUDM Sepanggar. Akan tetapi malangnya, saya tidak tahu sekarang, Hospital TUDM Sepanggar itu tidaklah berfungsi sepenuhnya. Pada suatu ketika dahulu saya juga pernah menegur supaya kenapa tidak di *optimize* penggunaan hospital ini dengan kerjasama Kementerian Kesihatan supaya ia dapat memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik bukan sahaja kepada veteran tetapi juga mungkin kepada penjawat-penjawat awam yang terpaksa berebut untuk mendapatkan perkhidmatan di hospital-hospital kerajaan.

Setelah membelanjakan ratusan juta, saya tidak nampak apa sebabnya kenapa Kementerian Pertahanan dan juga kerajaan, tidak mengambil langkah-langkah untuk menambah baik hospital tersebut kerana hospital itu sudah pun wujud tetapi perlu diberikan peralatan yang mencukupi dan juga doktor-doktor dan kakitangan yang mencukupi. Jadi pertanyaan saya ialah, adakah Yang Berhormat Menteri menyedari tentang masalah ini dan adakah tindakan yang diambil untuk memperbaiki keadaan ini? Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kudat. Sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Soalan ini soalan khusus, Hospital Sepanggar dan *insya-Allah,* saya sendiri akan meneliti jadual dan akan melawat hospital tersebut supaya dapat kita lihat dengan sendiri. Kalau ada perkara-perkara yang perlu peruntukan segera, kita akan cuba memperbaiki keadaan di hospital itu. Ini soalan khusus, maka jawab saya secara umum sebegitu rupa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: 16 minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang Berhormat Kuala Terengganu, agar kerajaan memberikan bantuan dalam pemilikan rumah atau baik pulih rumah kepada veteran ATM dalam kategori daif.

Ini memang diusahakan dan sekarang sedang di bincang bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sebagainya yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga sedang berbincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, di mana membaiki rumah untuk sejahtera yang dipanggil BAHTERA telah diperkenalkan, yang bertujuan untuk membaiki rumah yang rosak serta rumah yang memerlukan penyelenggaraan segera.

■2020

Program Bahtera ini telah mula dilaksanakan julung kalinya di negeri Melaka pada 19 Oktober 2019 yang kita akan kembangkan ke seluruh negara yang lain termasuk memperbaiki rumah-rumah veteran. Industri senjata memang kita sekarang ini sedang bekerjasama terutama untuk meningkatkan *stripe* dalam membuat *research* kajian terhadap senjata-senjata yang boleh dibuat di Malaysia ataupun *part* yang boleh dibuat di Malaysia dan eksport ke negara lain. Kita sedang berbincang dengan serius dengan negara Turki supaya negara yang *advance* dalam NATO itu mempunyai kepakaran dalam segala bidang dan kita akan mempertingkatkan kerjasama untuk kita terlibat dalam industri pertahanan dan industri persenjataan pada masa yang akan datang.

Ini kita sedang berbincang dengan serius dengan negara Turki dan beberapa negara yang lain. Isu seterusnya ialah berkaitan perolehan aset ATM yang telah dibangkitkan oleh dua Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Johor Bahru. Ini *hat* jawab ini. Tentang kapal TLDM jenis *Littoral Combat Ship* dan Yang Berhormat Tanjong Malim berkaitan dengan helikopter tentera darat jenis *McDonnell Douglas.* Yang Berhormat Johor Bahru kapal pertama *Littoral Combat Ship* TLDM telah mengalami kelewatan selama 34 bulan dan lama sangat ini. Perolehan ini dianugerahkan secara rundingan terus kepada syarikat BNSSB iaitu *Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.* untuk tempoh 10 tahun.

Berkuat kuasa 3 Oktober 2013 sehingga Oktober 2023 dengan had belanjanya RM9.1286 bilion. Sehingga 30 September 2019, kemajuan sebenar keseluruhan perolehan hanya 55.7 peratus berbanding perancangan sepatutnya 78 peratus iaitu lewat lebih 25 peratus. BNSSB memaklumkan kelewatan akan berlaku pada tarikh penyerahan fizikal keenam-enam LCS dengan kos tambahan diperlukan sebanyak RM1.4 bilion. Ini masalah projek kalau kita hentikan, kita sudah bayar RM6 bilion. Kalau hendak diteruskan, perlu tambahan belanja. Maka di sini Kementerian Pertahanan, kita bila kita ambil sebuah kementerian, kalau kita kahwin dengan janda, kita kena pelihara dengan anak-anaknya sekali.

Bila kita ambil kementerian, Menteri baru naik dia kena ambil segala permasalahan. Kita tidak boleh berhenti di tengah jalan pembinaan kapal ini sedangkan wang kerajaan telah dibayar RM6 bilion. Kelemahan-kelemahannya banyak yang perlu didedahkan kalau didedahkan secara terperinci, ia melibatkan berlaku pula ketidakpercayaan kepada syarikat-syarikat di Malaysia dan sebagainya. Oleh itu, kami sedang mempertimbangkan sama ada hendak meluluskan satu program RM4 juta dengan kita berbincang dengan Kementerian Kewangan dan Kabinet untuk meneruskan pembinaan kapal ini kerana besi-besinya telah dipotong dan enam buah kapal ini dijangka siap yang pertama pada tahun 2023.

Ini yang cuba kita laksanakan dan kelemahan-kelemahan ini saya sendiri pergi ke tempat pameran kapal itu dan saya akan terus berusaha supaya ianya mengikut siap jadual baru yang diberi oleh pihak kontrak ini. Ini yang cuba kita ketengahkan. Sepatutnya yang pertama datang pada bulan April tahun ini telah siap, tetapi yang pertama akan siap hanya pada tiga tahun yang akan datang. Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Malim berkenaan dengan perolehan helikopter. Pembayaran sejumlah RM112,665,000 iaitu 35 peratus bernilai kontrak bagi perolehan ini telah dibuat selaras dengan klausa-klausa kontrak perolehan berkenaan.

Jumlah keseluruhan kontrak pesawat RM321.9 juta. Kontrak perolehan *Light Attack Helicopter* telah diteliti oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus. Saya sebut sekali lagi pada soalan Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi, di antara kelewatan beberapa projek di bawah Kementerian Pertahanan di antaranya kerana menunggu laporan yang diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang soal tadbir urus ini. Helikopter ini juga termasuk dalam siasatan daripada jawatankuasa yang diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang.

Kapal pesawat helikopter ini sepatutnya tiba pada 24 November 2017 yang pertama, bulan November 2017. Akan tetapi, sekarang sebiji pun tak datang lagi.

Oleh itu, pihak Kementerian Pertahanan sekarang sedang berbincang. Kalau datang pula, pihak Tentera Darat enggan menggunakan helikopter ini. Kemudian kita sedang berbincang dengan kementerian lain. Apakah helikopter ini boleh digunakan oleh kementerian lain. Kalau tidak boleh diguna oleh kementerian lain, barangkali kita terpaksa pergi ke mahkamah dan sekarang di bawah pemerhatian *AG Attorney General* soal helikopter ini. Ini lah yang kita hadapi masalah dan bila kita tanya pihak syarikat berkenaan. Katanya sudah 98 peratus siap. Akan tetapi sampai sekarang sebiji pun tidak datang lagi. Jadi inilah yang sedang kita hadapi. Walau bagaimanapun... *[Disampuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kita akan berusaha supaya kerajaan tidak menanggung kerugian sebanyak RM112 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas pencerahan yang telah diberikan kerana pada hari itu bila Yang Berhormat Sembrong, Mantan Menteri Pertahanan membahaskan bajet, beliau memperlekehkan Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian dan menunjukkan seolah-olah kerajaan sekarang tidak memberi keutamaan kepada keselamatan dan pertahanan negara. Saya berterima kasih di atas pencerahan yang diberikan. Sesungguhnya rakyat akan melihat bahawa semua masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pertahanan adalah disebabkan oleh pentadbiran oleh Yang Berhormat Mantan Yang Berhormat Sembrong, Yang Berhormat Menteri.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya juga ingin tanya di sini berkenaan dengan kapal selam. Apakah status kapal selam ini, adakah ia boleh selam ataupun ia merupakan satu warisan kerajaan dahulu di mana kita lihat banyak sangat isu rasuah yang melibatkan kapal selam ini dan kita tidak pernah mendengar kebolehgunaan kapal selam ini Yang Berhormat. Bolehkah memberi komen di atas perkara itu? Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kapal selam itu boleh selam dan saya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dengar itu Yang Berhormat Jelutong, kapal selam itu boleh selam.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya dua minggu lagi akan pergi... *[Disampuk]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Bagan pun melawat kapal selam itu. Yang Berhormat Jelutong ini memang...

Tuan Mohamad bin Sabu: Dua minggu lagi saya akan pergi dan menyelam bersama dengan kapal selam itu. Memang hendak menjaga dua kapal selam itu yang paling penting ialah perbelanjaan MRO nya terlalu tinggi, *maintenance, repair and overhaul* amat tinggi dan kita sudah beli dan kita akan selenggarakan. Dalam LIMA baru-baru ini, kapal selam yang berada di Sepanggar itu turut bersama di LIMA baru-baru ini. Akan tetapi, hendak selenggarakan kapal selam itu memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, dulu masa Yang Berhormat Menteri duduk belah sini, saya duduk belah sana. Saya ingat Yang Berhormat Menteri berkata kapal selam itu tidak boleh selam. Jadi tidak betullah tuduhan Yang Berhormat Menteri itu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh selam setelah dibaiki, ditambah pembaikan dan sebagainya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, maksudnya masa Yang Berhormat Menteri jadi Menteri, Yang Berhormat Menteri akan mengaku dalam Dewan ini. Bila Yang Berhormat Menteri jadi Menteri Pertahanan, pada masa itu kapal itu memang tidak boleh selam kah? Boleh selam kah, tidak boleh selam masa itu?

Tuan Mohamad bin Sabu: Kita tidak ada maklumat, tetapi diberitahu tidak boleh selam.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, soalan saya pada Yang Berhormat Menteri. Waktu Yang Berhormat Menteri ambil alih sebagai Menteri Pertahanan yang pakai cukup *smart* ini, masa itu Yang Berhormat Menteri tahu tak kapal itu boleh selam kah, tidak boleh selam? Itu saja saya hendak tahu. Ini sebab Yang Berhormat Menteri cakap dulu, kapal yang dibeli tidak boleh selam.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh selam setelah diubahsuai sekarang. Setelah diubahsuai...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuduhan Yang Berhormat Menteri tidak betullah dulu. Ceramah satu negara, kapal selam tidak boleh menyelam!

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berapa kos ubah suai Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri cakap, saya masih ingat lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berapakah kos ubah suai yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri sekarang? Berapa kosnya?

Tuan Mohamad bin Sabu: Kos ubah suai dan... *[Disampuk]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Jelutong dengar itu Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong, jangan jadi macam Yang Berhormat Menteri ini, cakap tiada fakta. Yang Berhormat Menteri dulu macam itu dia cakap, saya ingat lagi. Kata tak boleh selam, tak boleh selam...

■2030

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudah lah, sudah lah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sekarang kata boleh selam pula, tak kira lah *repair* tak *repair*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Beri kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya dok bayang dahulu Yang Berhormat Menteri cakap kapal itu memang tak boleh menyelam. Saya percaya Yang Berhormat Menteri dahulu itu, apa Yang Berhormat Menteri cakap. Malu lah!

Tuan Mohamad bin Sabu: Tolong keluarkan *Hansard* kalau saya bercakap begitu dalam Parlimen.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nak bukti? Video ada tak? Nak tengok video? Dalam Parlimen Yang Berhormat Menteri tak berani lah nak bercakap kot tetapi saya tengok video Yang Berhormat ceramah. Tipu rakyat dekat luar! Rakyat pun percaya, "*Eh! betul kah kapal selam tak boleh menyelam*?" Yang Berhormat Menteri betul tak? Yang Berhormat Menteri mengaku? Ada tak Yang Berhormat beri ceramah? Tak! Betul atau tak betul? Yang Berhormat Menteri ada beri ceramah atau tidak?

Tuan Mohamad bin Sabu: Soal kos perbaiki, kos pembaikan sebagainya, saya akan bagi secara terperinci, secara bertulis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jangan nak membohong lah Yang Berhormat Menteri, mengaku sahaja lah Yang Berhormat Menteri beri ceramah macam itu. Dalam Parlimen mungkin Yang Berhormat Menteri tak bercakap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya berkenaan dengan cerita helikopter ini.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kapal selam lah!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Cerita helikopter ini, adakah Yang Berhormat dan kementerian bercadang meneruskan dengan apa-apa tindakan guaman terhadap syarikat tersebut disebabkan oleh kelewatan membekalkan helikopter-helikopter itu? Penyiasatan MACC telah dimulakan terhadap Yang Berhormat Sembrong, tetapi bagaimana dengan tuntutan sivil di mahkamah untuk memastikan bahawa mereka membekalkan helikopter itu? Ini kerana kita lihat kelewatan itu menyebabkan ancaman negara kita terbuka kepada ancaman udara, tidak ada pembekal helikopter. Ini adalah perkara serius. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, sekarang ini MACC telah pun sedang menjalankan siasatan dan serah kepada MACC sama ada ada kes atau tidak. Soal kelewatan bagaimana nak selesaikan perkara itu, kita bincang sekarang ini sama ada di peringkat Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan dan juga AG. Nasihat daripada *Attorney General* juga diperlukan, hal penyelesaian tentang helikopter yang telah dibayar RM112 juta tetapi tak sampai lagi sampai ke hari ini.

Daripada Yang Berhormat Pontian, dekat kawasan pilihan raya ya. Yang Berhormat Pontian bertanya tentang berapa kos untuk baik pulih dan sebagainya, *insya-Allah* itu soalan spesifik, saya akan cuba berikan kemudian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Menteri kata 98 peratus helikopter itu dah siap. Dua peratus lagi tu agaknya berapa lama lagi?

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Ketawa]* Ini yang jadi masalah. Kita tanya, pihak syarikat itu kata 98 peratus dah siap, tetapi tak datang sampai hari ini. Jadi, kita akan- AG lah akan beri nasihat apa seterusnya untuk dibuat terhadap helikopter enam biji ini.

Yang Berhormat Tanjong Malim turut membangkitkan isu status siasatan ke atas projek *land swap* 16 keping tanah kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan telah mengemukakan laporan siasatan bagi dua daripada 16 projek *swap* kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah pada 21 Februari 2019, manakala laporan siasatan bagi 14 projek *land swap* pula telah dikemukakan pada 16 Mei 2019 untuk siasatan lanjut pihak SPRM. Sehingga kini, Kementerian Pertahanan tidak dimaklumkan hasil siasatan itu. Tentang *land swap* ini, di antaranya:

(i) perancangan projek *land swap* lemah;

(ii) kepentingan politik melebihi kepentingan pertahanan. Ini yang dijumpai oleh Jawatankuasa Siasatan Khas Isu-isu Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh Tan Sri Ambrin Buang;

(iii) proses perolehan tidak menjamin *value for money*;

(iv) *due diligence* tidak dilaksanakan;

(v) syarat bagi tujuan nilai tanah balasan oleh GPPH tidak konsisten;

(vi) kaedah penetapan nilai tanah balasan tidak konsisten;

(vii) hasil projek pembangunan tidak memenuhi keperluan Kementerian Pertahanan;

(viii) syarat kontrak yang tidak menjaga kepentingan kerajaan;

(ix) tadbir urus kontrak yang lemah;

(x) pelaksanaan *land swap* tidak mematuhi peraturan dan SOP;

(xi) pandangan agensi pusat tidak diambil kira; dan

(xii) Jemaah Menteri membuat keputusan dengan muktamad, terhad dan tidak tepat yang akhirnya membawa kerugian kepada kerajaan.

Terakhir ialah kehilangan dua anggota tentera semasa operasi di Pulau Perak. Sebagai maklumat Yang Berhormat, operasi cari lamat atau cari selamat bagi pencarian dua anggota Tentera Darat telah diaktifkan oleh *Maritime Rescue Sub-Centre* pada 20 Julai 2019 yang lalu. Mereka telah mencari dan akhirnya 21 Julai 2019 jam 7.30 malam, MRSC Langkawi telah menamatkan operasi cari lamat bagi aset APMM berikutan tiada sebarang petunjuk dijumpai.

Walau bagaimanapun, pada jam 4.45 petang setelah seminggu pencarian dilakukan, operasi cari lamat melibatkan aset TLDM telah dihentikan berikutan tiada petunjuk baharu. Aset ATM sentiasa melaksanakan pemantauan di kawasan tersebut bagi mendapatkan sebarang petunjuk baharu.

Kedua-dua mendiang yang telah hilang itu akan diberi segala bentuk pampasan dan juga mengikut peraturan-peraturan Angkatan Tentera Malaysia terhadap ganjaran-ganjaran yang perlu diperoleh, didapati apabila seseorang itu hilang dan mengikut faedah-faedah, kaedah-kaedah yang ada dalam Angkatan Tentera Malaysia. Itulah sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Menteri, Puncak Borneo.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Yang Berhormat Arau, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Yang Berhormat Menteri, dalam jawapan keseluruhan itu, Yang Berhormat Menteri menyebut penambahan aset terutamanya peristiwa di Beting Patinggi Ali di mana kapal *coast guard* China itu lebih besar daripada kapal kita. Saya tanya hari itu, apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mendapatkan kapal yang boleh kita segerakan untuk membolehkan kedudukan diseimbangkan.

Dalam keadaan sekarang ini, kita tahu bahawa *coast guard* China itu mula-mula datang, keluar, datang, keluar. Akan tetapi sekarang dia tak nak bergerak lagi dah. Jadi mungkin dia tengok kita kurang bagi perhatian ataupun kita kurang mendesak dia keluar sebab ini kawasan kita Yang Berhormat Menteri, 80 batu nautika daripada Sarawak. Jadi, apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk meningkatkan aset daripada yang ada sekarang supaya *coast guard* China mesti keluar daripada kawasan kita sebagaimana yang dibuat oleh pihak Indonesia.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dia biasa menjadi Menteri yang jaga APMM, memang mengetahui hal ini. Kalau kita nak buat pertandingan aset dengan China, memang agak tidak *balance* lah kita kata. Akan tetapi kita akan mempertingkatkan daripada sudut diplomasi pertahanan dengan China. China perlu menghormati kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai kepunyaan Malaysia dan ini dipertingkatkan daripada semasa ke semasa.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyebut beberapa kali, kita berada dalam keadaan yang tidak mahu berperang, tetapi kita mahu kedaulatan wilayah kita dihormati. Oleh itu, peningkatan aset ini perlu tetapi kalau kita tingkat macam mana pun nak bersaing dengan Republik China daripada sudut aset itu, barangkali tidak akan sampai. Akan tetapi, diplomasi pertahanan akan diteruskan secara giat supaya mereka menghormati kedaulatan Malaysia termasuk di Beting Patinggi Ali itu yang selalu disebut oleh Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puncak Borneo ada soalan tadi. Betul? Silakan.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Menteri, saya rasa amat terkilan kerana *reactivation of the rescue is being held,* dengan izin.

Jadi pada sesi bahas yang lepas, saya ada mencadangkan supaya pihak Kementerian Pertahanan *activate* semula kerja-kerja pencarian sebab saya hayati sepanjang perkembangan sejarah kehilangan askar ini bukan lah sejarah yang baharu. Pada tahun 2016 juga ada dua orang askar iaitu Koperal Johbartlee Kanil dan juga Koperal Mohd Faizol Rosli juga hilang di lebih kurang pada tempat yang sama.

Beberapa dekad yang lalu, arwah bapa saudara saya juga, ketika itu beliau berkhidmat di dalam askar, sampai sekarang mereka tidak tahu apa yang berlaku kepada beliau. Ini bukan-lah perkara baharu. Kebetulan askar-askar yang hilang yang tidak ditemui ini adalah berasal dari Sabah dan Sarawak. Saya ingin penjelasan yang lebih detil dan menyeluruh kerana suara-suara akar umbi ada memberi *suspicious, they feel suspicious. What is really happening in this army*? *So,* saya ingin pihak kementerian dan pihak Yang Berhormat Menteri sendiri membuat penjelasan supaya akar umbi boleh mendengar jawapan.

■2040

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Pihak tentera, mereka ada SOP tersendiri. Jadi, apabila mereka membuat usaha pencarian, mereka menggunakan semua sumber yang ada, sama ada di TLDM atau Tentera Darat. Setelah mereka berusaha mencari, tidak ditemui maka mereka isytihar hilang. Walau bagaimanapun, aset ATM sentiasa melaksanakan pemantauan di kawasan tersebut bagi mendapatkan sebarang petunjuk baru.

Saya sendiri pergi ke pulau itu. Memang kedudukan Pulau Perak itu amat merbahaya. Ia macam batu timbul di tengah laut. Memang ada kawasan datar hanya sedikit untuk helikopter mendarat dan tentera kita yang bertugas di situ kalau tidak ikut SOP, memang berada dalam keadaan yang cukup bahaya.

Oleh sebab itu pihak Tentera Laut, Darat dan Udara sentiasa terus berusaha di kawasan tersebut bagi mendapatkan sebarang petunjuk baru. Sebarang petunjuk baru pada pandangan Angkatan Tentera Malaysia, mereka adalah *signal-signal* mereka. Setakat ini mereka tidak memperoleh.

Walau bagaimanapun, mereka terus berusaha dari semasa ke semasa sehinggalah disahkan betul-betul dan itu pun mengambil masa tujuh tahun untuk mengisytiharkan seseorang itu meninggal. Itulah hendaklah diisytiharkan oleh mahkamah. Semasa tujuh tahun itu, segala *benefit* sebagai seorang angkatan tentera akan diperoleh oleh warisnya. Ini yang boleh dibuat setakat ini oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Angkatan Tentera Malaysia memang usaha mencari ini hebat. Kadangkalanya telah hilang dua tiga minggu di hutan pun mereka temui. Akan tetapi yang ini mereka tidak temui lagi sekarang. Usaha diteruskan terutama oleh pasukan Angkatan Tentera Malaysia secara keseluruhan. Itu jawapan yang dapat saya beri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit Yang Berhormat. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang terakhir.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, terima kasih. Yang Berhormat, saya menghayati jawapan ini kira okeylah, cuma kadangkala Yang Berhormat terpengaruh dengan puak-puak belah sana, tidak mengapalah. Akan tetapi dari segi apa Yang Berhormat berucap pada masa yang lepas itu, itu berkempen pilihan raya, macam-macamlah keluar kan? Ini termasuk Yang Berhormat sebut kapal selam tak boleh selam itu. Masa itu saya Menteri yang jaga hal-hal keselamatan. Boleh selam satu, satu lagi tidak boleh selam. Itu betul. Jadi memang saya tengok dalam video Yang Berhormat kata kapal selam ini tidak boleh selam, itu kempen pilihan raya. Yang Berhormat jawab betullah. Kata kempen pilihan raya, macam-macam disebutlah Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Nanti bincang panjang lagi kita keluar pula kes Razak Baginda, Altantuya, saya tidak mahulah keluar cerita-cerita itu. Siapa ambil komisen, lagi payahlah. Cukuplah saya jawab setakat ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kementerian Pendidikan untuk menjawab. Sila.

8.43 mlm.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sasterawan Negara Shahnon Ahmad dalam karyanya Al-Syiqaq I pernah berkata, "*dan bila kebenaran telah berkembang, segala kepalsuan akan terhapus dan segala kebenaran akan kekal sebagai kebenaran*".

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada 98 orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan dan teguran demi memperkasakan sektor pendidikan negara. Sebanyak 211 isu telah dibangkitkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sewaktu perbahasan Belanjawan 2020 peringkat dasar dari 14 Oktober hingga 24 Oktober 2019.

Saya percaya, kementerian ini merupakan kementerian paling banyak disebut oleh para pembahas di Dewan ini berdasarkan angka isu yang ditanyakan. Saya akan memberikan keutamaan kepada isu-isu yang berkaitan Belanjawan 2020 mengikut tema. Perkara-perkara spesifik dan operasi akan dirumuskan secara umum bagi menjimatkan masa dan jika perlu saya akan berikan jawapan bertulis. Walau bagaimanapun, semua isu yang dibangkitkan akan diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, di atas peterana Dewan yang mulia berdasarkan pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober yang lalu, Kementerian Pendidikan merupakan kementerian yang menerima peruntukan terbanyak iaitu RM64.122 bilion. Peruntukan ini meliputi sebanyak RM59.264 bilion ataupun 92.42 peratus untuk belanja mengurus. Selebihnya iaitu hanya RM4.858 bilion sahaja atau 7.58 peratus sahaja merupakan peruntukan belanja pembangunan.

Ini merupakan tanggungjawab yang besar kepada KPM bagi mengurus peruntukan yang diberikan dengan lebih strategik, lebih telus tanpa ketirisan dan sampai kepada golongan sasar yang selayaknya.

Pertamanya, terima kasih saya ucapkan kepada 11 Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu berkenaan Dasar-dasar Pendidikan berkaitan isu tiada pengasingan aliran sains dan sastera di sekolah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Ayer Hitam dan Yang Berhormat Batu Gajah, KPM bertanggungjawab membangunkan potensi murid berdasarkan kecenderungan minat dan kebolehan.

Perkara ini memerlukan akses kepada gabungan mata pelajaran yang menarik dan berdaya maju sebagai pilihan laluan kerjaya setiap murid. Walau bagaimanapun, selari dengan perubahan kurikulum menuju Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun hadapan, KPM akan memantau pelaksanaannya agar pelajar diberi kebebasan untuk mengambil mata pelajaran daripada bidang sains atau bidang sastera sesuai dengan kecenderungan dan kebolehan mereka.

Dengan ini, KPM boleh menarik seramai mungkin pelajar untuk memilih jurusan sains di peringkat yang lebih tinggi nanti. Ini sebagai persediaan untuk membentuk kerjaya yang lebih sesuai dengan keadaan dan permintaan industri pada masa hadapan selari dengan *Industrial Revolution 4.0,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan cadangan KPM melaksanakan Program Sarapan Percuma disentuh oleh tujuh Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Kuala Kedah.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat...

Dr. Maszlee bin Malik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Program Sarapan Pagi bagi murid sekolah rendah ini mengutamakan pendekatan *nutrition security*, nutrisi yang diperlukan dalam proses pembesaran dan pembentukan kognitif. Langkah ini diambil berdasarkan laporan...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit...

Dr. Maszlee bin Malik: Badan Kesihatan Nasional dan antarabangsa yang mendapati masalah obesiti, pertambahan berat badan dan *bone density* yang rendah dalam kalangan murid-murid di negara ini. Selain memberi nutrisi, PSP dijalankan sebagai sebahagian pelaksanaan pendidikan sivik. Sebagai contoh, sebelum murid bersarapan, mereka perlu mengamalkan kebersihan seperti membersihkan tangan dan selepas program, murid harus menghargai dan bersyukur kerana tidak membazirkan makanan. Murid juga akan diterapkan dengan usaha untuk melakukan *recycle* ataupun kitar semula terhadap sisa makanan.

Aspek nilai dan adab serta disiplin diri adalah tonggak pembinaan sahsiah semua murid. Berdasarkan justifikasi tersebut, PSP diberi kepada semua murid sekolah rendah tanpa mengira status ekonomi keluarga, latar belakang kaum mahupun sosial. KPM bertanggungjawab melaksanakan PSP dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia, Institut Pendidikan Tinggi Awam dan NGO.

KPM telah menubuhkan jawatankuasa induk dan jawatankuasa pelaksana di peringkat kementerian, Jabatan Pendidikan Ngeri dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi memastikan pelaksanaan PSP berjalan lancar, memenuhi objektif dan dapat dilaksanakan secara berterusan. Pelaksanaan PSP tidak menjejaskan masa persekolahan serta digabung jalin dengan tugasan guru masa pertama persekolahan.

Waktu makan murid akan dijadualkan secara berperingkat dan lokasi tempat makan murid akan dipelbagaikan menggunakan ruang yang ada di sekolah. Kaedah makanan di dalam kelas bersama-sama guru merupakan satu langkah praktikal dari segi ruang dan hubungan mesra guru, murid.

Tuan Yang di-Pertua, penulis tersohor Helen Keller pernah berkata, "*Alone we can do so little, together we can do so much*", dengan izin. Berkaitan isu penggabungan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA)...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu ingin dimaklumkan bahawa Kabinet telah memutuskan secara dasar untuk menubuhkan jawatankuasa untuk melihat isu ini. Sesi libat urus dengan pemegang taruh yang dijalankan pada 26 dan 27 September 2019, UMT dan UNiSZA telah bersetuju untuk menggunakan peluang penggabungan ini bagi memperkasakan lagi kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: Dapatan awal perbincangan dengan pihak berkepentingan telah memperlihatkan keupayaan dan potensi kedua-dua universiti, UMT dan UNiSZA sebagai sebuah universiti yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk.

Dr. Maszlee bin Malik: Maksudnya, sinergi dan pemaduan di antara dua buah universiti ini diharapkan akan menghasilkan sebuah universiti bertaraf antarabangsa di bumi Terengganu.

■2050

Penggabungan kedua-dua buah universiti ini diharapkan akan melahirkan sebuah universiti antarabangsa yang menggabungkan..

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak bagi laluan kah *Minister.*

Dr. Maszlee bin Malik: Bilangan profesor yang lebih ramai.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Dr. Maszlee bin Malik: Bilangan penerbitan bermutu yang lebih banyak dan juga bidang kajian bermutu yang lebih besar saiznya. Justeru, penggabungan ini bakal memperkasakan *hub*...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Pendidikan tinggi di Terengganu serta memperkukuhkan kebitaraan bidang fokus sedia ada melalui aktiviti...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, bagilah *chance.*

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Dr. Maszlee bin Malik: Kerajaan akan memastikan penggabungan ini tidak akan merugikan mana-mana pihak yang terlibat kerana...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Orang mencelah bagilah *chance,* bagilah peluang. Macam mana Yang Berhormat Menteri macam itu.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Ia dapat melonjakkan prestasi dan pencapaian yang ditetapkan lebih cemerlang di peringkat negara dan antarabangsa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Macam kereta api tidak ada *break* saja.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak bagi jalan kah tidak bagi jalan.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, di hujungnya...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak bagi jalan kah, tak nak bagi jalan? Yang Berhormat jawablah, hendak bagi jalan, tak nak bagi jalan? Orang berdiri ramai ini.

Dr. Maszlee bin Malik: Di hujungnya kita inginkan sebuah universiti antarabangsa yang...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, saya rasa apa yang saya bangkitkan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tak nak bagi jalan.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Menjadikan Terengganu dikenali dengan dua bidang tujahan. Pertamanya, akademi laut yang menjadi rujukan serantau. Kedua, di bidang ilmu keislaman.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau *one way* tidak payah cakaplah, *one way* tidak mahu dengarlah Yang Berhormat Menteri. *One way* kami tidak mahu dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk.

Dr. Maszlee bin Malik: Iaitu untuk menjadi pusat rantau kajian manuskrip dan ilmu keislaman di Asia Tenggara.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Buat apa hendak keluar? Kita boleh bagi *chance*, bagilah.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Minta laluan Kuala Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua: Nak bagi laluan?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat ini baca khutbah kah? Kalau Yang Berhormat baca khutbah bolehlah, ini bukan khutbah. Ini kita untuk berbahas, ini bukan khutbah. Bagilah peluang.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya minta Kuala Terengganu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi laluanlah! Sudah ada satu jam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, saya minta laluan.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Kuala Terengganu Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi jalan. Ada isu bagi jalan, ada isu bagi jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Terengganu diberi laluan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi laluan seorang-seorang.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya minta saya juga diberikan laluan sedikit.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Duduk dulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Terengganu dulu. Yang Berhormat Kuala Terengganu silakan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya tertarik dengan satu...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat *steady,* Yang Berhormat Menteri *steady,* janganlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri beri laluan kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu, yang lain duduklah dulu. Ya silakan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Dalam satu wawancara Yang Berhormat menjawab bahawa...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kalau jawab sendiri tidak payahlah.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: ...Gabung dua universiti jadi satu *super* universiti. Malangnya saya dapati keputusan ini dibuat dahulu 4 September, kemudian pada 13 September baru Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tidak tahu apa-apa pun.

Ada kenyataan daripada Majlis Profesor UMT pada 13 September sebulat suara menolak cadangan penggabungan UMT dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) ini yang mana keahlian Majlis Profesor UMT ini merupakan hampir semua kakitangan kanan di UMT. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Saya rasa Yang Berhormat Kuala Terengganu tidak mengikuti apa yang disebutkan iaitu keputusan dibuat secara dasar untuk penggabungan dan hasil daripada keputusan tersebut kita melakukan proses libat urus. Maka sama ada Majlis Profesor, sama ada para pelajar, sama ada kakitangan telah dilibatkan di dalam libat urus setelah mereka mengadakan bantahan tersebut.

Sepatutnya kita telah meletakkan *timeline,* waktu untuk melakukan libat urus. Malangnya kita dapati penolakan telah berlaku pada awal tapi tidak apa itu perkara yang normal. Di mana-mana negara, di negara maju banyak universiti-universiti terkemuka yang berlaku *merger,* dengan izin, ataupun penggabungan biasanya penolakan memang akan berlaku. Akan tetapi apabila berlakunya sesi libat urus, mereka dibawa untuk melihat ruang yang lebih besar, peluang yang lebih besar untuk setiap orang hasil daripada *merging* biasanya mereka akan bersetuju, terima kasih. Izinkan saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta laluan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak beri laluan sila duduk dulu.

Dr. Maszlee bin Malik: Isu tentang peruntukan pembangunan dan...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, kalau macam itu tidak guna kita berbahas. Dua perkara Yang Berhormat sentuh...

Dr. Maszlee bin Malik: Saya akan berikan, saya akan berikan jalan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Fasal apa jadikan universiti di Terengganu sebagai bahan eksperimen.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *You okay,* bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini peluang Menteri menjawab. Sila duduk dulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dia jawab bagus. Tidak apa.

Dr. Maszlee bin Malik: Kita tidak mempunyai waktu yang banyak dan kita mempunyai 200 lebih isu. Jika saya melayan setiap celahan, kita tidak akan dapat menyelesaikan dalam tempoh diberikan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang itu dalam minit kedua. Saya hendak tanya...

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri, yang mana tak ada dekat dalam Dewan tidak payah jawab.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, isu tentang peruntukan, pembangunan dan penyelenggara di institusi pendidikan di bawah KPM merupakan isu yang paling diminati oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Taklah, kalau yang tidak ada dalam Dewan memang tidak payah menjawablah.

Dr. Maszlee bin Malik: Seramai 59 orang Ahli Berhormat membangkitkan 89 isu berkaitan peruntukan, pembangunan dan penyelenggaraan institusi pendidikan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Macam ini kah cara Yang Berhormat Menteri Pendidikan?

Dr. Maszlee bin Malik: Saya akan menjawab isu yang menyentuh perkara dasar. Namun semua perkara lain seperti yang telah dibangkitkan Ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian oleh kerajaan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, dua perkara dasar yang saya nak tanya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Ayer Hitam, duduklah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Berdiri sahaja, duduklah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa masalah?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Ayer Hitam...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-dua belah pihak, sila duduk! Yang Berhormat Menteri tidak memberi laluan. Biarkan Yang Berhormat Menteri teruskan, silakan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri cakap sendirilah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak apalah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *You* pergi Tanjong Piai sajalah Yang Berhormat Ayer Hitam. Pergi Tanjong Piai saja, jangan ganggu di sini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa masalah Yang Berhormat Tanjong Karang?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri okey, yang bising fasal apa? Kita hendak minta jalan dengan baik Yang Berhormat. Yang Berhormat ini Menteri yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kepala Batas, Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Tanjong Manis telah membangkitkan isu berkaitan agihan peruntukan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Macam tadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu, okey boleh terima. Ini Yang Berhormat bercakap seorang fasal apa?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Saya tengok Menteri ambil mudah perkara ini.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau bercakap seorang-seorang tidak payahlah kami dengar.

Dr. Maszlee bin Malik: Perkara asas yang digunakan untuk sekolah-sekolah di seluruh negara. Untuk makluman agihan peruntukan penyelenggaraan mengikut jenis sekolah telah mengambil kira keperluan sebenar sekolah-sekolah dari segi penyelenggaraan dan naik taraf.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, RM1.6 bilion...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Ayer Hitam, tidak bagi jalan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Ayer Hitam pergi Tanjong Piai kempen sajalah...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Ini sesi Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dr. Maszlee bin Malik: Pertimbangan bagi penyaluran peruntukan penyelenggaraan adalah seperti berikut.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Dia jawab tapi saya tidak faham dengan jawapan itu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, tegur dulu Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Rasah itu.

Dr. Maszlee bin Malik: Kepada skor... *[Rakaman kurang jelas]* Keutamaan pelaksanaan penyelenggaraan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau macam ini kita pun boleh bagi *petition* lah Yang Berhormat bagi jalan. Bagi jalanlah Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Kepada kerja-kerja pada sekolah keselamatan skala lima hingga tujuh.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagilah jalan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat Tanjong Karang duduklah dengar lah.

Dr. Maszlee bin Malik: ...Aset-aset fizikal mahupun fasiliti bangunan yang tidak sempurna, tidak berfungsi atau tidak selamat digunakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Biarlah. Dia kalau dia bercakap seorang macam mana. Hendak buat bising sajalah kalau macam ini. Buat bising.

Dr. Maszlee bin Malik: Selain daripada itu, kerosakan tersebut boleh mendatangkan ancaman dan bahaya sehingga mengakibatkan kecederaan atau kehilangan nyawa.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bangun jelah, bangun buat bising.

Dr. Maszlee bin Malik: Berdasarkan keperluan.... *[Dewan riuh]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bangun, bangun semua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Menteri, hendak beri laluan kah tidak ini. Tuan Yang di-Pertua tanya, hendak beri laluan kah tidak kalau tidak kita tidak payah ada di sini.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita bangun, kita bangun tidak hendak bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ditanya, sama ada Yang Berhormat Menteri memberi laluan atau tidak.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kita minta saya berdiri lima minit minta laluan saya sabar.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri jawablah, hendak bagi laluan atau tidak?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak bagi, tidak bagi duduklah pembangkang.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai 200 lebih isu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa masalah duduklah.

Dr. Maszlee bin Malik: Jikalau kita memberikan laluan di setiap lima minit saya percaya kita tidak akan dapat sudahkan penggulungan pada malam ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul, betul. Duduk, Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan duduk.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak hendak bagi jalan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tidak faham boleh keluar.

Dr. Maszlee bin Malik: Waktu yang diberikan kepada saya adalah satu jam sama dengan kementerian yang lain.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *You two shut up already.*

Dr. Maszlee bin Malik: Saya terpaksa berdisiplin. Saya terpaksa melakukan disiplin iaitu membaca setiap persoalan yang telah diberikan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Akan tetapi disiplin termasuk juga menjawab soalan Ahli Parlimen.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Menjawab jawapan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri telah menjawab banyak soalan yang perlu dijawab. Jadi sila duduklah sabar. Silakan.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang tidak ada dalam Dewan tidak payah jawab. Jawab yang ada dalam Dewan tunggu sampai perbahasan habis.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kita sabar tunggu di sini tapi...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Ini bukan sesi bahas. Ini sesi untuk Menteri menjawab. Jadi kita dengar dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sebagai orang veteran kita minta semua Ahli Yang Berhormat semua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan, dengarlah. Tidak faham undang-undang.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: ...Untuk sama-sama kita beringat.

Dr. Maszlee bin Malik: Di samping itu, kita juga meluluskan peruntukan yang besar.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat dua perkara, satu PSP satu lagi tentang *Streamyx.*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Ayer Hitam tidak faham kah, kenapa biadab Yang Berhormat Ayer Hitam.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong duduk! Semua pun duduk. Semua duduk biarkan Yang Berhormat Menteri teruskan banyak soalan yang harus dijawab. Silakan.

Dr. Maszlee bin Malik: Di samping itu kementerian juga meluluskan peruntukan yang besar di bawah peruntukan pembangunan bagi meneruskan pelaksanaan pembangunan sekolah kebangsaan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, suruh dia buat gulung sajalah sebab tidak hendak jawab. Gulung Yang Berhormat Menteri. Tidak ada sudah habis sudah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk Yang Berhormat Tanjong Karang, duduklah.

Dr. Maszlee bin Malik: Ini bagi memastikan kesesuaian untuk tujuan bina baharu dan penggantian semula.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau macam ini, gulunglah Yang Berhormat seorang.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian tidak ada dia sudah balik.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kita tunggu sini.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *Streaming* tidak akan boleh jawab. Kedua, Program Sarapan Pelajar, kenapa tidak boleh jawab?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Ayer Hitam ganggu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ayer Hitam ganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat Menteri teruskan.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini KPM sentiasa berusaha untuk menambah baik dan menaik taraf fasiliti pendidikan bagi memastikan persekitaran pembelajaran selamat dan kondusif.

Dalam konteks pembangunan semula sekolah daif pembangunan pelaksanaan pada tahun 2019 telah ditambah baik dan aspek penggunaan skala impak. Kaedah pelaksanaan dan skop pembinaan termasuk rumah guru dan makmal. Keutamaan diberikan kepada sekolah yang telah tidak selamat daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian pergi tandas Yang Berhormat. Pontian pergi tandas tadi sekejap.

Dr. Maszlee bin Malik: Dari segi prestasi projek pembangunan semula sekolah daif di seluruh negara pula, sebanyak 534 projek dilaksanakan bagi hingga tahun 2018.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, kalau inilah cara tidak boleh tanya soalan buat apa kita tunggu.

Dr. Maszlee bin Malik: Jumlah tersebut sebanyak 452 sekolah telah mendapat sijil perakuan siap kerja CPCP.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tak nak bagi jalan, apa guna kita tunggu buat bising sajalah kalau macam itu.

Dr. Maszlee bin Malik: Manakala bakinya sebanyak 82 sekolah masih dalam pelaksanaan. Jumlah projek bagi tahun 2019 pula adalah sebanyak 43 projek, lima projek dalam fasa perolehan, selebihnya iaitu 38 projek dalam fasa pembinaan dan dijangka siap di antara Disember 2019 hingga Februari 2020.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Balik semua? Baliklah semua. Yang Berhormat Menteri, kita jumpa dekat Tanjong Piai.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tunggulah, ada 200 soalan kan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh macam ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, kami-kami sedang duduk Tuan Yang di-Pertua. Mengapa mereka ganggu.

■2100

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri hendak menjawab banyak soalan yang harus dijawab. Dengarlah dahulu.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dia kena isu sampai esok Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Okey *bye-bye.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Isunya satu isu. Satu isu.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua,

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ada berapa banyak isu. Habis satu isu, satu isu yang patut jawab.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Mereka sahaja mencari alasan hendak balik.

Dr. Maszlee bin Malik: Dalam sesi perbahasan kali ini...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita pun pernah jadi Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Isu berkaitan pembangunan semula...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kami hendak dengar ini. Balik, balik.

Dr. Maszlee bin Malik:…Sekolah daif di negeri Sarawak telah dibangkitkan oleh 15 orang Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, kami hendak dengar ini. Mereka mengganggu kami dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong duduk! Duduk!

Dr. Maszlee bin Malik: Untuk makluman bagi projek pembangunan semula dan...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kalau boleh bagi Yang Berhormat Kuala Terengganu, tak akan saya tidak boleh? Kenalah berlaku adil.

Dr. Maszlee bin Malik: Menaik taraf sekolah daif khususnya di Sarawak sebanyak RM400 juta telah diperuntukkan bagi projek- projek baharu dan sambungan di negeri Sarawak. Peruntukan RM50 juta yang telah...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri tidak berani hendak jawab soalan kitalah.

Dr. Maszlee bin Malik: …Dinyatakan di dalam Belanjawan 2020 bagi projek-projek sambungan akan dibelanjakan untuk kerja-kerja awalan bagi 30 sekolah daif telah dikeluarkan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak apalah, dia syok sendirilah Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik:…Surat setuju terima kepada kontraktor.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tunggu tuan, jumpa Tanjong Piai lah. Kita kempen. Hendak pergi Tanjong Piai ini... *[Rakaman kurang jelas]*

Dr. Maszlee bin Malik: Manakala bakinya akan dibelanjakan untuk dua lagi projek sekolah daif yang masih dalam proses... *[Rakaman kurang jelas]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang keluarlah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kata tol Simpang Renggam hendak dihapuskan. Tanjong Piai ini pergi ada tol tak? Cuba teka?

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi peruntukan projek-projek baru sebanyak RM320 juta diperuntukkan untuk satu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang ganggu, kami nak dengar tidak boleh!

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak boleh dengar apa Yang Berhormat Menteri sebutkan. Jadi kalau tak hendak dengar, saya ingat boleh keluarlah itulah senang... *[Dewan riuh]*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Keluar, keluar, keluar!

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya hendak jawapan sahaja.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, ini memalukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri. Ini sesi Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, ini standard Dewan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma tanya soalan yang saya bangkitkan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lama dalam Dewan tidak pernah jumpa Yang Berhormat Menteri macam ini. Tidak bagi jalan. Malulah Dewan kita, ini bukan khutbah.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya hendak tanya pasal *streaming* mulai tahun depan. Program makanan sekolah apa akan jadi?

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, bagi peruntukan projek-projek baharu sebanyak RM320 juta bagi peruntukan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apalah Yang Berhormat Menteri buat malu sahaja. Buat malu Yang Berhormat Menteri Pendidikan. *You,* Yang Berhormat Menteri Pendidikan buat malu sahajalah. Pegawai-pegawai dekat belakang. Saya dahulu Timbalan Menteri Pendidikan pun saya jawablah. Malulah Timbalan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang mengganggu Dewan. Minta Yang Berhormat Tanjong Karang keluar.

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang: Saya boleh keluar, tak payah halau. Akan tetapi saya pernah menjadi Timbalan Menteri Pendidikan. Memalukan kementerianlah kalau standard macam ini. *[Tidak jelas]*

Dr. Maszlee bin Malik: Diperuntukkan untuk 37 projek sekolah daif di negeri Sarawak... *[Rakaman kurang jelas]* merangkumi pembinaan bilik darjah, blok pentadbiran, asrama, rumah guru... *[Rakaman kurang jelas]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan ganggulah Yang Berhormat Tanjong Karang. Keluarlah!

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang: Kita Timbalan Menteri Pendidikan pun boleh jawab soalan. Ini Yang Berhormat Menteri. Tiada standard punya Yang Berhormat Menteri.

[Pembesar suara dimatikan][Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar, sebentar. Baik. Okey, duduk semua, bersabar. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, bagi peruntukan projek-projek baharu sebanyak RM350 juta diperuntukkan untuk 37 projek sekolah daif di negeri Sarawak sahaja. Ini merupakan hadiah kepada rakyat Sarawak daripada Kerajaan Persekutuan. Skop bagi projek-projek ini merangkumi pembinaan bilik darjah, blok pentadbiran, asrama, rumah guru, dewan makan...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri, itu bukan hadiah Yang Berhormat Menteri. Itu kita bayar balik Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: …Tandas sekolah, pusat sumber, bilik khas dan bilik sains. Sehingga kini, tujuh projek telah ditender manakala 30 projek lagi akan dijangka akan ditender oleh...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Ada peruntukan Yang Berhormat Menteri iaitu RM350 itu kita bayar...

Dr. Maszlee bin Malik: Jabatan Kerja Raya Sarawak pada November dan Disember 2019.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kita bayar, itu duit Sarawak!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sibuti, sila duduk!

Dr. Maszlee bin Malik: Seterusnya bagi isu pembangunan sekolah daif ...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Itu hak Sarawak dalam Perlembagaan!

Dr. Maszlee bin Malik: Seterusnya bagi isu pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah pula telah dibangkitkan oleh tujuh Ahli Yang Berhormat dari Sabah. Untuk makluman, peruntukan pembangunan tahun 2019 diluluskan sebanyak RM10 juta untuk pelaksanaan pembangunan semula dan menaik taraf tiga buah sekolah daif di Sabah.

Perlaksanaan projek ini merangkumi skop pembinaan gantian bilik darjah, asrama, dewan makan, dewan belajar, blok pentadbiran, kuarters guru dan tandas di SK Sungai-Sungai, SK Nibang Pitas dan SK Tiong Widu, Tambunan. Sehingga kini ketiga-tiga projek tersebut sedang dalam proses penilaian tender. Selain itu, peruntukan tambahan sebanyak RM78 juta juga telah diluluskan bagi pembangunan semula dan menaik taraf 19 buah sekolah daif di Sabah, di bawah peruntukan *private finance initiative* (PFI). Pelaksanaan projek ini adalah di bawah seliaan JKR Sabah.

Untuk makluman, senarai 587 buah sekolah daif di Sabah sedang diteliti dan dipertimbangkan di peringkat dasar KPM. Pelaksanaan projek ini bergantung kepada kelulusan peruntukan oleh agensi pusat dan akan dilaksanakan secara berperingkat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, boleh minta sedikit?

Dr. Maszlee bin Malik: Ya, silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dalam...

[Dewan ketawa] [Dewan riuh]

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, kalau macam itu orang lain boleh, takkan kita bertanya tidak boleh dapat.

[Dewan ketawa][Dewan riuh]

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Mana boleh macam itu Yang Berhormat Menteri. Ini tidak adil Yang Berhormat Menteri.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Ayer Hitam minta tolong duduk. Yang Berhormat Ayer Hitam, *floor* saya.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Ini membuktikan Yang Berhormat Menteri '*pilih kasih*'.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kita beri laluanlah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Ayer Hitam duduk dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You* orang dulu '*pilih kasih*'.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dalam perbahasan saya, sebelum ini saya ada menyebut bila saya rujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Laporan Audit Siri Ke-2 sebab saya hendak cuba membidas kenyataan daripada Yang Berhormat Lenggong sebelum itu yang mendakwa bahawa Barisan Nasional memperuntukkan RM2.5 bilion untuk RMKe-11. Akan tetapi dalam laporan audit yang saya nyatakan tadi menunjukkan bahawa hanya 22 peratus sahaja peruntukan untuk pembaikan sekolah daif orang kata yang dijayakanlah pada waktunya.

Jadi, apakah jaminan Kementerian Pendidikan bahawa peruntukan ini dapat digunakan sepenuhnya supaya manfaat itu dapat disegerakan kepada penduduk Sarawak.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mencelah sedikit tentang peruntukan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan...

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat Kangar.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Oleh sebab RM350 juta itu bukannya hadiah, itu tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kita kena menandatangani MA63 untuk menubuhkan Malaysia.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kalau Sarawak tidak diguna...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak bagi laluan. Silakan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: ...Ada Malaysia ini.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sebanyak RM350 juta kita bayar kenapa menjadi hadiah? Kenapa Sabah tidak bayar hutang?

Dr. Maszlee bin Malik: Kalau yang dilihat sebelum ini walaupun banyak peruntukan yang diberikan kononnya untuk sekolah daif hakikatnya hari ini kita beri di Sabah dan Sarawak, masih terdapat banyak sekolah daif.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri tarik balik hadiah itu Yang Berhormat Menteri. Tanggungjawab Yang Berhormat Menteri tukar kepada tanggungjawab Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Kita bagi pihak Kerajaan Pakatan Harapan kita akan pastikan perkara seperti ini tidak berulang lagi.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Oh! Hebat!.. *[Dewan riuh]*

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri kita bukan mengemis Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Pemantauan akan dilakukan bukan hanya untuk pihak kementerian akan tetapi oleh setiap Ahli Parlimen daripada Pakatan Harapan...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kita ahli dalam Malaysia ini. Kalau tidak guna Malaysia keluarkan Sarawak! Kita bayar!

Dr. Maszlee bin Malik: …dan juga daripada pihak pembangkang untuk memastikan setiap sen yang disalurkan untuk pembaikan sekolah daif akan...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Ini untuk masa depan. Yang Berhormat Menteri kita *respect* Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: …Sampai kepada golongan sasar.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kalau tidak, keluar! Yang Berhormat Menteri, tarik balik hadiah itu Yang Berhormat Menteri. Tanggungjawab sahaja Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Kluang dan Yang Berhormat Padang Serai pula membentangkan...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan...

Dr. Maszlee bin Malik: Isu berkaitan dengan sekolah daif di Semenanjung Malaysia.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi projek pembangunan semula dan menaik taraf sekolah daif khusus di Semenanjung Malaysia...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sibuti, amaran terakhir ya. Sila duduk, sila duduk... *[Dewan riuh]*

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi projek pembangunan semula dan menaik taraf sekolah daif khusus di Semenanjung Malaysia.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri kita bukan mengemis Yang Berhormat Menteri. Kita bayar..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibuti ini sudah kurang sopan lah...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sibuti, sila duduk. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tarik balik hadiah itu Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibuti ini sudah kurang sopanlah ganggu Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Yang Berhormat Sibuti, adakah Yang Berhormat Sibuti berhajat untuk duduk- tidak?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta laluan, minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak memberi izin untuk mencelah, duduklah. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri mempunyai banyak soalan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tukar sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Ini bukan hadiah, kita hormat RM350 juta kita bayar.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: *Don't be petty, sit down.*

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Maksudnya Kerajaan Persekutuan kita bayar. Maksudnya kenapa Sabah tidak ada minta bayar? Kita bayar baru dapat RM350 juta.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Sibuti jangan panjangkan perkara ini. Duduklah Yang Berhormat Sibuti, jangan ganggu Yang Berhormat Menteri

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Sabah mana dapat banyak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa masalahnya...

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sibuti ini kali yang ketiga ya. Saya suruh duduk, sila duduk... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong pun duduk, diam-diam. Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini *point of order* Tuan Yang di-Pertua. Ini saya tidak mahu ganggu oleh sebab Yang Berhormat Menteri ini kawan saya akan tetapi ini *point of order* sebab ini sangkaan yang tidak benar Yang Berhormat sebut ialah hadiah. Sebenarnya ini ialah wang yang harus dibayar balik.

Saya ingat yang untuk kita selesaikan. Kalau tidak kasihan orang Sarawak diletakkan dalam keadaan yang seolah-olahnya mereka dapat percuma padahal itu kena bayar balik. Saya minta Yang Berhormat tolong bagi perhatian yang cukup. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Bagi projek pembangunan semula dan menaik taraf sekolah daif khususnya di Semenanjung Malaysia sebanyak RM119.6 juta telah diperuntukkan bagi projek baharu dan sambungan. Peruntukan sebanyak RM110 juta telah dinyatakan di dalam Belanjawan 2020 adalah bagi projek sambungan sedia ada yang sedang berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Bagi peruntukan projek baharu sebanyak RM6.6 juta telah diperuntukkan untuk 22 projek sekolah daif di Semenanjung Malaysia iaitu di Johor sebanyak lima buah, di Kedah sebanyak lima buah, di Pahang sebanyak empat buah di Perak sebanyak dua buah, di Selangor sebanyak empat buah dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak dua buah. Bagi memastikan semua projek pembangunan semula dan naik taraf sekolah daif berjalan lancar, KPM turut bekerjasama secara rapat dengan Kementerian Pendidikan Sains Penyelidikan Teknologi Sarawak, Kementerian Pendidikan dan Inovasi Sabah dan semua Jabatan Pendidikan Negeri dan sentiasa mengadakan mesyuarat secara berkala bagi memilih dan menentukan sekolah daif yang akan dibaik pulih.

Saya sendiri memantau pelaksanaan penaik taraf sekolah daif secara dekat melalui *dashboard* yang disediakan di dalam pejabat saya.

■2110

Harapan saya, biarlah istilah sekolah daif di Sabah dan Sarawak ini hanya akan mendiami lipatan sejarah serta menjadi ungkapan dalam bentuk *past tense,* dengan izin dan *fi'il Mmadhi,* dengan izin selepas ini. Inilah tekad Kerajaan Pakatan Harapan... *[Tepuk]*

Berkaitan status penyambungan elektrik ke grid sekolah-sekolah di Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Betong. KPM sedang bekerjasama secara dekat dengan Kerajaan Negeri Sarawak bagi melaksanakan projek penyambungan ke talian grid elektrik bagi 121 buah sekolah, yang jaraknya kurang daripada satu kilometer daripada tiang utama elektrik.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Seminit sahaja.

Dr. Maszlee bin Malik: Projek ini dibahagikan kepada tiga fasa pelaksanaan yang mana kesemuanya dijangka akan diselesaikan selewat-lewatnya pada hujung tahun 2020.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Maszlee bin Malik: Projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Sarawak Energy Berhad sebagai sebahagian daripada Ahli di dalam jawatankuasa pelaksanaan projek ini.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order* Yang Berhormat. *Point of order*.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Peraturan Mesyuarat 36(12) ya. Kenyataan Yang Berhormat keluarkan tadi itu mengelirukan Dewan. Sebab yang itu bukan hadiah, sebaliknya pinjaman seperti yang Sarawak telah sebutkan. Jadi, saya minta yang itu diperbetulkan. Sebab ini melanggar Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat dengar?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar tetapi konteksnya berlainan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Dak*, ini hadiah kepada Kerajaan Negeri Sarawak tetapi bukan hadiah. Sebenarnya ini hutang yang mesti dibayar balik. Ini bukan hadiah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan konteksnya saya ingat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah. Tidak payah. Ya, silakan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Saya Limbang ya. Jadi, saya ini jarang juga lah Menteri tetapi malam ini rasa-rasanya demi untuk kebaikan bersama, tadi Menteri pun sebut "*lipatan sejarah*". *Hansard* ini pun akan menjadi sejarah. Jadi, saya rasalah sama ada malam ini kah di luar kah, rasanya bagus diubah perkataan "*hadiah*" itu kepada "*tanggungjawab kita bersama*" untuk membangunkan perjanjian awal kita. Oleh sebab rasanya, perkataan "*hadiah*" itu *is some people can interpret it as a humiliation* untuk Sarawak. Itulah rasa-rasanya. Jadi, saya rasa perkataan itu, *I think we can give better words than that*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu merupakan cinta Kerajaan Persekutuan kepada rakyat negeri Sarawak.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, dengan penuh hormat minta bagi laluan.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti yang amat prihatin terhadap kebajikan guru-guru terutamanya aspek– dan menaik taraf kuarters guru bagi keselesaan mereka.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kalau boleh bagi pada orang lain, apa salahnya bagi peluang saya tanya soalan. Apa yang saya bahas.

Dr. Maszlee bin Malik: Pada tahun 2019, KPM memberi keutamaan kepada penyelenggaraan kepada kuarters yang berpenghuni.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order* saya tadi itu – *approved*?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Namun, KPM juga menjalankan pembaikan kuarters kosong yang mempunyai permintaan berdasarkan permohonan dan keutamaan skop yang disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri atau bahagian.

Bagi tahun 2020 pula, KPM memperuntukkan RM70 juta untuk penyelenggaraan kuarters milik KPM di seluruh negara, termasuk di negeri Sarawak yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sibuti. Sekali lagi menunjukkan cinta Kerajaan Pusat kepada semua rakyat.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, jiwa besar. Kita sentiasa sokong Menteri. Okey. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Tuan Yang di-Pertua, Sasterawan Negara S. Othman Kelantan pernah menyebut di dalam novel *Angin Timur Laut* beliau. Selagi manusia itu hidup, manusia harus berjuang untuk dirinya, untuk keluarganya atau untuk masyarakatnya. Perjuangan itu mesti diteruskan walaupun terpaksa berdepan dengan kekerasan alam dan manusia.

Kebajikan anak-anak yang kurang upaya amat dekat di hati saya. Terima kasih kita ucapkan kepada Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Tebrau dan Yang Berhormat Setiu yang prihatin dan telah menyentuh tentang peruntukan sebanyak RM23 juta bagi menyediakan kemudahan murid berkeperluan khas ataupun MBK di sekolah selaras dengan Dasar Sifar Penolakan ataupun *Zero Reject Policy*, dengan izin. Untuk makluman, ini lah julung kalinya, Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam sejarah menerima peruntukan khas bagi penyediaan kemudahan MBK seumpama ini.

Sehubungan itu, kemudahan asas mesra OKU yang perlu dilengkapkan di sekolah menggunakan peruntukan ini terdiri daripada susur landai, susur tangan, tandas OKU dan parkir OKU. Sebanyak 115 buah sekolah akan dikenal pasti bagi menyediakan kemudahan mesra OKU dengan kos sebanyak RM200 ribu setiap sekolah. Senarai nama ini akan disediakan pada pertengahan Disember 2019.

Selain daripada itu, KPM juga sentiasa memastikan pendidikan khas diberi peruntukan yang sewajarnya seperti peruntukan bagi latihan, intervensi dan lain-lain lagi. Sehingga kini, terdapat sebanyak 13 buah Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas di seluruh negara, yang menyediakan perkhidmatan sokongan pendidikan kepada masyarakat khususnya Murid Berkeperluan Khas. Seramai 28 orang pegawai bidang khusus telah ditempatkan mengikut bidang kepakaran masing-masing seperti *peripatetic*, terapi pertuturan bahasa, terapi cara kerja, *audiology* dan *psychology*.

Bagi anak-anak MBK dan ibu bapa, kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan mereka tidak akan dipinggirkan lagi dalam pendidikan selaras dengan cogan kata Kementerian Pendidikan "*Pendidikan untuk Semua*".

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Seterusnya berkaitan isu...

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Dr. Maszlee bin Malik: Seterusnya berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai iaitu peruntukan untuk pembangunan penyelidikan. Yang Berhormat Lembah Pantai ada ya? Ada. Okey.

Iaitu peruntukan untuk pembangunan penyelidikan dan jumlah *pattern* yang telah didaftarkan. Untuk makluman, program dana penyelidikan fundamental KPM diteruskan pada tahun 2019 melalui penawaran penyelidikan di bawah pelbagai skim geran iaitu Skim Geran Pendidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS), Skim Geran Pembangunan Prototaip (PRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS).

KPM komited dalam menyokong usaha dan daya saing penyelidik di institusi pendidikan tinggi bagi menghasilkan penemuan baharu termasuk penghasilan harta intelek. Sasaran penghasilan harta intelek, *intellectual property*, dengan izin, adalah sebanyak 900 menjelang 2020 secara kumulatif.

Untuk makluman, bilangan harta intelek yang terdiri daripada *pattern*, cap dagangan ataupun *trademark*, reka bentuk industri- *industry design*, hak cipta dan petunjuk geografi, *geographical design* yang telah dicapai dalam tempoh 2016 hingga 2018 adalah sebanyak 907. Bilangan ini dijangka akan terus meningkat dan melebihi jumlah sasaran yang ingin dicapai sehingga tahun 2020. Kita juga akan memastikan kesemua pencapaian ini dapat diterjemahkan dalam proses pembangunan masyarakat dan mampu menyelesaikan masalah kehidupan mereka.

Seterusnya, Yang Berhormat Tampin. Ada Yang Berhormat Tampin?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tampin. Tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Kuala Nerus? Tidak ada juga.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, yang ada di sini boleh minta tanya?

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Dengan tertib... *[Dewan riuh]*

Dr. Maszlee bin Malik: Okey silakan Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Hah, okey. Orang berbudi kita berbahasa dan saya rasa terima kasihlah kepada Yang Berhormat. Dalam minit kedua tadi, Yang Berhormat ada menyentuh tentang *streaming*.

Saya menganggap ini satu perubahan yang sangat penting. Saya banyak khuatir apabila pengumuman dibuat tanpa perincian dan pelajar-pelajar kita apabila memilih *stream*, kalau sains dengan sastera, mereka campur adukkan kerana ada beberapa jurusan yang mana mesti ada mata pelajaran teras.

Jadi, sejauh manakah kementerian telah bersedia dan kita mengadakan satu anjakan paradigma dari segi subjek yang ada? Apa yang boleh digulung dalam satu jurusan yang penting supaya sebagai panduan? Saya bagi contoh. ICCSE, dia memang ada. Kalau seseorang yang hendak menjadi peguam, mesti subjek-subjek ini adalah wajib. Jadi di bawah kementerian, kita tahu, kita ada mata pelajaran teras seperti mana yang saya kata. Saya setuju kita boleh mengambil contoh daripada negara maju seperti Jerman, tetapi bukan semua kita boleh tiru sebab ada subjek yang kita tidak ada.

Jadi, yang pertama saya hendak tanya mengenai *streaming* itu, adakah kita akan buat secara panduan yang jelas? Kedua, saya menyambut baik Yang Berhormat kata, itu cuma bukan satu dasar yang dibuat cuma idea yang dilontarkan supaya kita menjurus ke arah itu. Kalau ini adalah satu- saya mengalu-alukan kalau tidak, akan datang, masalah lebih besar kerana anak saya tahun hadapan dia hendak masuk Tingkatan 4, dia hendak buat pilihan subjek. Itu sangat penting dan ini menentukan masa hadapan dia.

Kedua, soalan dalam minit keenam tadi Yang Berhormat ada sebut tentang program makanan untuk pelajar secara percuma. Ini kalau ikut kemampuan kita. Saya tengok buku bajet ini, kita ada satu RMT iaitu RM295 juta. Soalan saya, kalau mengikut apa yang ada di sini, itu merupakan tambahan RM6 juta daripada RM289 juta. Apakah dan di bawah butiran manakah RM1.67 bilion itu disediakan untuk program ini? Soalan saya.

■ 2120

Kedua, kalau begitu sudah tidak perlu lagi RMT kerana ia akan bertindih dengan program PSP yang mana diilhamkan oleh Yang Berhormat sendiri. Jadi saya hendak kepastian. Saya semak mungkin dia satu program baharu yang secara tersirat yang tidak dinyatakan jelas kerana yang pasti dalam buku ini cuma satu sahaja iaitu RM295 juta untuk tujuan Rancangan Makanan Tambahan. Terima kasih dan saya mohon jawapan, terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri boleh sekejap?

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Mungkin Yang Berhormat Ayer hitam terlalu menunggu untuk bertanya dan tidak perasan jawapan berkaitan dengan soalan yang pertama itu boleh rujuk kembali kepada ucapan yang telah disebutkan. Berkaitan soalan kedua, kita akan jawab secara bertulis.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Kuala Kangsar telah membangkitkan. Yang Berhormat Kuala Kangsar tidak ada.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, Jelebu sedikit sahaja.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih diucapkan kepada 15 orang Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu yang menyentuh tentang bantuan dan biasiswa pendidikan. Soalan, cadangan dan komen Ahli Yang Berhormat semua amat saya hargai.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri...

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Bentong...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Bentong tidak ada, kan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Keningau?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jelebu ada depan ini Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Batu? Tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Segamat?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Batu tidak ada, Yang Berhormat Jelutong tidak ada, Yang Berhormat Rasah tidak ada, Yang Berhormat Jelebu sahaja ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Segamat tidak ada juga? Yang Berhormat Segamat ada Yang Berhormat Segamat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Segamat? Tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Segamat tidak ada. Okey, Yang Berhormat Jelebu. Saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Jelebu. Ini kah Yang Berhormat Jelebu hendak tanya?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sebelum Yang Berhormat Menteri jawab, saya tanya sedikit. Sedikit sahaja. Okey Yang Berhormat Menteri. *Assalamualaikum* Yang Berhormat Menteri, *alhamdulilah*. Yang Berhormat Menteri tadi sekolah daif itu bantuan sekolah daif ke Sabah, Sarawak, saya hendak *repeat* balik Yang Berhormat Menteri ini betul-betul saya minta ini Yang Berhormat Menteri.

Dahulu Yang Berhormat Menteri sudah jawab kali yang keempat dalam sidang lepas bahawa SJK(T) petang ini sudah diarahkan untuk diselesaikan sehingga hari ini belum lagi Yang Berhormat, pengundi saya daripada masyarakat India yang berjumlah 5.6 peratus ini Yang Berhormat tunggu sangat. Dia tunggu *last minute,* Yang Berhormat Menteri kata *settle* lah tetapi saya tidak tahu Yang Berhormat Menteri jawab *settle,* pegawai tidak *settle* lagi. Minta Yang Berhormat Menteri, tolong sedikit selain daripada yang saya sudah sebut hari itu. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. *Insya-Allah* kita ambil *note* dan kita akan pastikan PPD berkaitan untuk mengambil tindakan dan terima kasih kerana keprihatinan Yang Berhormat Jelebu terhadap sekolah tersebut.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, Segamat ada Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Okey kita jawab selepas ini. Berhubung bantuan dan sokongan pendidikan kepada murid Orang Asli yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands dan Yang Berhormat Jelebu. Kementerian akan terus memastikan murid berkeperluan khusus seperti murid Orang Asli dan Penan, pendidikan khas, murid peribumi dan kumpulan minoriti yang lain seperti murid pintar cerdas dan murid di sekolah kurang murid mempunyai peluang untuk mendapatkan bantuan dan sokongan pendidikan yang relevan dengan keperluan mereka.

Pada masa sekarang, bantuan pendidikan yang telah diberikan kepada murid Orang Asli merangkumi 19 jenis bantuan. Bagi kategori bantuan persekolahan umum iaitu Bantuan Geran Per Kapita, Bantuan Per Kapita Prasekolah, Bantuan Makanan Prasekolah, Bantuan Bayaran Tambahan Prasekolah, Bantuan Kurikulum, Bantuan Kokurikulum Asrama, Bantuan Kokurikulum Prasekolah, Yuran Khas Sekolah, Bantuan Bayaran Tambahan Prasekolah dan Bantuan Sukan Sekolah.

Di bawah bantuan khusus pula, KPM menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Bantuan Sukan, Elaun Murid Berkeperluan Khas, Elaun Prauniversiti, Bantuan Makanan Asrama, Rancangan Makanan Tambahan, Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid, Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Peribumi, Projek Khas, Murid Sekolah Berasrama, Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform, Bantuan Jaket Keselamatan dan Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

KPM juga turut memberikan Bantuan Awal Persekolahan secara *one-off* kepada murid Orang Asli. KPM turut berhubung secara konsisten dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid yang mewakili suara Orang Asli bagi memastikan kebajikan pendidikan anak-anak Orang Asli terus terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi perbahasan kali ini juga, sebanyak 14 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu berkaitan PTPTN. Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Parit dan Yang Berhormat Machang.

Ahli Yang Berhormat, menyedari hakikat bahawa PTPTN perlu memberi perhatian terhadap penambahbaikan pengurusan pinjaman, PTPTN telah mengadakan sesi libat urus berbentuk perbincangan meja bulat, bengkel dan mesyuarat dengan pelbagai pihak sepanjang bulan Disember tahun 2018 sehingga bulan Mac tahun 2019. Pelbagai pandangan serta idea di bentang melalui Kertas Konsultasi Rakyat yang telah dijalankan pada 16 Mei sehingga 13 Jun 2019. Hasil daripada konsultasi tersebut, PTPTN telah mengenal pasti bahawa model PTPTN ini bermasalah dan tidak mampan.

Hasil kajian ini menyerlahkan 68 peratus daripada peminjam PTPTN hari ini masih lagi berpendapatan dalam kategori B40, 55 peratus peminjam adalah di kalangan B40 manakala 38 peratus lagi adalah M40 manakala 51 peratus peminjam menghadapi masalah untuk membayar balik. Kerajaan komited untuk membantu golongan ini, justeru PTPTN kini sedang menjalankan kajian untuk mengenal pasti faktor masalah pembayaran supaya kita boleh membantu golongan ini dengan mekanisme yang lebih tepat.

Dalam masa yang sama, 49.31 peratus peminjam adalah pelajar IPTS. Selain itu, dapatan ini terpaksa mengambil masa yang agak lama kerana kebanyakan data termasuk padanan data dengan LHDN tidak lengkap. Saya merasa agak pelik bagaimana data-data ini tidak lengkap di PTPTN sebelum Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih dan kita telah melakukan sebaik mungkin.

Ini menyebabkan kita terpaksa menghubungi agensi-agensi berkaitan untuk mendapatkan data dan ia mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Oleh yang demikian, KPM akan menubuhkan Jawatankuasa untuk meneliti model baharu bagi menggantikan model PTPTN yang bermasalah dan tidak mampan ini. Jawatankuasa ini kelak akan melibatkan pelbagai pihak termasuk pakar ekonomi dan ahli kerajaan serta pembangkang.

Yang Berhormat Machang dengan Yang Berhormat Maran ada? Tidak ada. Yang Berhormat Parit? Pun tidak ada. Okey. Yang Berhormat Masjid Tanah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Kuala Krai?

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Ada? Oh! Yang Berhormat Kuala Krai ada. Seterusnya, bagi menjawab isu pendidikan percuma yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Kuala Krau, dan Yang Berhormat Paya Besar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan rendah dan menengah kerajaan adalah percuma sepenuhnya dengan menawarkan 19 jenis bantuan pra persekolahan. Ini termasuk bantuan umum, bantuan khusus dan bantuan *one-off* kepada murid sekolah yang berkelayakan. Manakala pendidikan di peringkat tinggi pula adalah hampir percuma iaitu pelajar hanya membayar 10 peratus sahaja daripada kos operasi.

Ini bermakna, setiap pelajar universiti awam secara tidak langsung menerima 90 peratus subsidi daripada kerajaan. Kerajaan dalam usaha mempertimbangkan cadangan memberikan pendidikan percuma sepenuhnya agar dapat mengurangkan beban rakyat mendapatkan hak pendidikan. Beberapa model sedang dipertimbangkan dan pengiraan terperinci berkaitan perkara ini perlu dilaksanakan bersama dengan pihak Kementerian Kewangan dan universiti awam untuk menampung kos tambahan ini.

Pendidikan percuma tidak boleh dilaksanakan secara *overnight* dengan izin kerana ia mempunyai implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan serta melibatkan kelestarian institusi pendidikan pada masa akan datang.

KPM kini menawarkan Program Bantuan Kewangan kepada pelajar komuniti dari keluarga berpendapatan RM3,000 sebulan dan juga pelajar asasi di 12 universiti awam seluruh Malaysia untuk syarat kelayakan dari keluarga B40 dan M40. Kedua-dua Program Bantuan Kewangan ini merangkumi bayaran yuran pengajian, elaun penginapan pelajar asasi dan bantuan wang saku berjumlah RM300 sebulan. KPM juga turut menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan Program Pendidikan Khas kepada pelajar pekak dan bisu yang mengikuti pengajian di beberapa kolej komuniti terpilih.

Di samping itu, KPM juga menawarkan biasiswa pendidikan. Pada masa ini, pelaksanaan program biasiswa oleh KPM difokuskan kepada pegawai dalam perkhidmatan khususnya guru-guru, pensyarah kolej komuniti dan politeknik serta pensyarah universiti awam. Bagi meningkatkan kompetensi mereka dalam bidang-bidang tertentu yang berkait dengan perkhidmatan.

KPM juga turut menawarkan tajaan biasiswa kepada orang awam dari peringkat ijazah pertama hingga ijazah kedoktoran melalui pelaksanaan Program *MyBrainSc- My Brain Science.* Namun tawaran biasiswa ini hanyalah disasarkan kepada program khusus sains tulen. Bagi bantuan yang lain, orang awam boleh memohon menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA, yayasan-yayasan pendidikan, kerajaan negeri, Khazanah dan pelbagai lagi agensi yang menawarkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran.

■2130

KPM telah mengambil langkah proaktif untuk mengumpulkan senarai biasiswa yang sedia ada di laman web KPM bagi memudahkan orang awam untuk memohon. Yang Berhormat Sabak Bernam ada? Yang Berhormat Tangga Batu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Sabak Bernam ada, Sabak Bernam ada. Sabak Bernam ada, belakang, belakang, belakang.

Dr. Maszlee bin Malik: Maaf tidak perasan.

Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: PH, PH... *[Dewan ketawa]*

Dr. Maszlee bin Malik: Okey. Yang Berhormat Sabak Bernam telah membangkitkan mengenai isu bantuan kepada mahasiswa seperti baucar ataupun kad mahasiswa.

Untuk makluman, Bantuan Baucar Buku telah digantikan dengan Bantuan Pelajaran Pendidikan Tinggi (BPPT) yang disalurkan melalui Kad Diskaun Siswa pelajar. Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun memohon peruntukan tambahan bagi kad siswa bagi tahun 2020. Kementerian berharap Kementerian Kewangan dapat meluluskan permohonan tambahan ini bagi membantu mahasiswa kita.

Isu berkaitan TVET telah dibangkitkan oleh 10 orang Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Sungai Besar, Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Hulu Selangor dan Yang Berhormat Kepala Batas. Bagi menjelaskan cadangan Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Tenggara dan Yang Berhormat Batu Gajah supaya TVET diberikan tumpuan dan satu kerjasama dilaksanakan antara kementerian, saya ingin menegaskan, TVET merupakan antara fokus utama KPM iaitu misi kami adalah untuk mengarusperdanakan sistem TVET negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 14 Ogos 2019, KPM telah diberikan mandat oleh Mesyuarat Jemaah Menteri untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET yang merentasi sembilan kementerian, termasuk Kementerian Sumber Manusia seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Tujuan jawatankuasa ini adalah sebagai badan penasihat kepada kerajaan dalam hal-hal berkaitan pembangunan aliran TVET negara, selain turut membahaskan isu semasa negara berkaitan TVET.

Jawatankuasa Teknikal TVET pula dipengerusikan dan dianggotai oleh pemain-pemain industri, pegawai kanan semua kementerian dan agensi yang telah dibahagikan kepada lima kluster ialah kluster *governance*, industri, kualiti, pembiayaan dan penjenamaan. Antara perkara yang telah dilaksanakan untuk mengarusperdanakan TVET termasuklah pertama, sistem jaminan kualiti tunggal TVET bertujuan untuk memperkukuhkan sistem akreditasi program TVET yang lebih menyeluruh termasuklah menubuhkan Jawatankuasa Jaminan Kualiti TVET yang bertanggungjawab menyelaras dasar dan proses jaminan kualiti program TVET serta pemakaian dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* yang diguna sama oleh MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Kedua, laluan pendidikan graduan TVET melalui program-program teknologi di rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Selain itu, graduan TVET juga diberikan peluang untuk melanjutkan pengajian ke tahap sarjana muda, sarjana dan kedoktoran di universiti awam. Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia atau setara adalah syarat wajib tambahan ini. Ini kerana secara prinsip, reka bentuk laluan program TVET tidak memerlukan pelajar mengikuti peperiksaan SPM. Akhir sekali, graduan TVET juga turut berpeluang melanjutkan pengajian melalui pengiktirafan pembelajaran terdahulu.

Pendidikan TVET seiring dengan cabaran Industri 4.0, di mana kementerian telah membangunkan satu rangka kerja TVET 4.0 yang selari dengan dasar *industry forward* MITI. Rangka kerja ini adalah panduan dan rujukan kepada institusi TVET di bawah KPM iaitu *Malaysian Technical University Network* (MTUN), politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional bagi membekalkan tenaga kerja TVET berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis.

Dari segi menarik minat pelajar ke dalam TVET, Jawatankuasa TVET dalam proses penjenamaan semula TVET negara. Sebagai tambahan, KPM telah dan sedang giat melaksanakan ekspo jelajah TVET bagi mempromosikan pendidikan TVET di seluruh negara.

Kelima, penting sekali bagi memperkukuh strategi perancangan masa depan TVET, kementerian dan industri melalui Jawatankuasa Pemerkasaan TVET akan bekerjasama dalam beberapa perkara termasuklah *coownership model* antara kerajaan dan industri untuk peralatan, teknologi, kepakaran dan inovasi. *Industry base Center of Excellence* (CoE) untuk mengoptimumkan sumber dan dana kerajaan. *Industry-led Competency Certification Bodies*, model *German Dual Vocational Training* dan sebagainya, pengiktirafan yang diterajui oleh industri untuk mengelakkan pertindihan atau *mismatch.*

Yang Berhormat Tebrau, ada. Okey. Yang Berhormat Tebrau pula mencadangkan supaya KPM membuka peluang TVET kepada bukan Melayu dan mengambil kira tahap kecekapan membaca dan menulis untuk memasuki bidang TVET. Suka saya memaklumkan bahawa pengambilan pelajar ke program kolej vokasional sememangnya terbuka kepada semua murid lepasan tingkatan tiga yang mempunyai minat dan kecenderungan yang tinggi dalam bidang kemahiran dan vokasional tanpa mengira kaum dan juga agama. Permohonan adalah tertakluk kepada beberapa syarat umum dan syarat khusus.

Syarat utama kemasukan ke program TVET adalah sekurang-kurangnya menguasai 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Ini selaras dengan Akta Pendidikan 1996 ataupun Akta 550 yang menetapkan murid di sekolah kerajaan perlu mengambil dan menguasai enam mata pelajaran teras. Calon juga hendak-lah merupakan seorang warganegara Malaysia dan telah menduduki pentaksiran berasaskan sekolah ataupun PBS. Begitu juga dengan kemasukan ke program TVET bagi lepasan SPM, pemohon mesti lah terdiri daripada warganegara Malaysia.

Mengambil kira keupayaan akademik pelajar serta kecenderungan mereka kepada kemahiran, KPM telah menyediakan program *apprenticeship* dengan mod Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di kolej vokasional dan Program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) di sekolah menengah kebangsaan. Program ini melibatkan sesi pembelajaran latihan di dalam dua situasi pembelajaran iaitu di sekolah, pusat latihan dan latihan di industri tempat kerja yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu berkaitan dengan insentif kepada guru yang menyambung pengajian ke peringkat *master* dan PhD, Yang Berhormat Merbok. Untuk makluman Yang Berhormat Merbok, pada masa ini, kementerian telah menawarkan pelbagai insentif bagi menggalakkan guru menyambung pengajian sama ada di peringkat diploma, ijazah ataupun PhD.

Antaranya, menawarkan cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa iaitu Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) ataupun tanpa biasiswa. Bagi guru yang menyambung pengajian menggunakan kewangan sendiri atau pinjaman, kerajaan sedang dalam usaha untuk mengkaji insentif yang bersesuaian bagi menghargai usaha tersebut. Selain itu, kementerian juga turut menyediakan kemudahan cuti tanpa rekod kepada guru-guru yang melanjutkan pelajaran tanpa biasiswa.

Yang Berhormat Sibuti membangkitkan kebajikan guru di Sarawak. KPM sememangnya prihatin terhadap guru-guru yang mengajar bukan sahaja di Sarawak, tetapi juga di seluruh negara. Guru-guru juga seperti penjawat awam yang lain, layak untuk menerima untuk menerima pelbagai elaun perkhidmatan awam. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti kerana menunjukkan keprihatinan kepada warga guru.

Khusus bagi guru yang berkhidmat di pendalaman, kerajaan memberikan elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan. Bayaran insentif pendalaman (BIP) dan imbuhan tetap perumahan (ITP). Elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan ditetapkan pada kadar RM500 untuk sekolah pendalaman kategori Pendalaman I, sebanyak RM1,000 untuk sekolah pendalaman dalam kategori Pendalaman II dan RM1,500 untuk sekolah dalam pendalaman kategori Pendalaman III.

Manakala guru-guru di sekolah pendalaman pula menerima BIP pada kadar 10 peratus daripada gaji bulanan berdasarkan kawasan yang diiktiraf oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Selain itu, terdapat juga guru yang layak dibayar ITP pada kadar penuh jika kuarters yang didiami tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan bagaimanapun akan terus mengkaji elaun-elaun yang diterima oleh pegawai kerajaan dari semasa ke semasa. Kadar pemberian elaun ini juga bagi sekolah pendalaman akan dikaji semula oleh Jabatan Pendidikan Negeri berdasarkan kemajuan di sesebuah kawasan.

Untuk makluman Yang Berhormat Jerai, Jerai ada?

Tuan Yang di-Pertua: Ada

Dr. Maszlee bin Malik: Okey. KPM melalui surat bertarikh 15 Februari 2019, telah bersetuju melaksanakan peluasan pelantikan warden asrama kepada kakitangan bukan guru di sekolah seperti mana yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Jerai. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum cadangan mewujudkan perjawatan warden tetap di asrama dan akan mengkaji cadangan ini dengan lebih mendalam kerana ini melibatkan pertambahan perjawatan dan membawa implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan.

Begitu juga dengan cadangan kenaikan elaun warden asrama oleh Yang Berhormat Jerai, Kementerian mengambil maklum akan cadangan ini dan akan mengkaji dengan lebih lanjut bergantung kepada keupayaan kewangan kerajaan...

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Okey, terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya, siapa tanya? Okey. Untuk makluman, imbuhan dan elaun kakitangan perkhidmatan awam termasuk elaun warden asrama adalah di bawah pertimbangan agensi pusat.

■2140

Selain itu, menyentuh mengenai pengisian perjawatan termasuk penggantian guru yang pencen dan lain-lain. Yang Berhormat Igan- Yang Berhormat Igan ada? Yang Berhormat Igan membangkitkan mengenai kekurangan 32 orang guru. Yang Berhormat Ledang pula berkaitan kekurangan guru. Yang Berhormat Puncak Borneo dan Yang Berhormat Sekijang menyentuh tentang isu pampasan dan persaraan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memberi perhatian kepada setiap sekolah di bawah kelolaan KPM bagi memastikan mereka mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi dan sentiasa mengambil tindakan yang bersesuaian, sekiranya wujud kekosongan. Urusan pengisian sentiasa dilaksanakan oleh KPM dari semasa ke semasa. Begitu juga dengan urusan persaraan, KPM memproses urusan persaraan berdasarkan seksyen 12, Akta Pencen 1980, Akta 227.

Menyentuh tentang isu persaraan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo. Isu ini bersifat lokal dan boleh dirujuk kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, KPM ingin memaklumkan bahawa keluarga mendiang cikgu Catherine Janet telah pun menerima pampasan bantuan kebajikan mangsa kebakaran iaitu ganjaran terbitan daripada pihak kerajaan. Selain itu, keluarga mendiang juga telah menerima wang caruman daripada KWSP. Untuk makluman Yang Berhormat, mendiang cikgu Catherine Janet mula berkhidmat sebagai guru pada 2018 dan belum memilih untuk bertukar kepada skim pencen.

Menjawab pertanyaan Yang Berhormat Hulu Terengganu- Yang Berhormat Hulu Terengganu ada? Tidak ada, sudah balik sudah. Yang Berhormat Ledang?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Ledang atas keprihatinan terhadap beban tugas guru dan mencadangkan supaya dibuat penambahan jawatan pembantu tadbir di sekolah. Untuk makluman penambahan jawatan adalah berdasarkan kepada norma perjawatan yang telah ditetapkan dengan mengambil kira saiz sekolah dan juga *enrolment* murid.

Walau bagaimanapun, KPM akan sentiasa meneliti norma perjawatan dari semasa ke semasa berdasarkan dasar norma perjawatan yang ditetapkan oleh agensi pusat. Kementerian sedar bahawa tugas pentadbiran berlebihan mengambil masa urusan teras guru dalam pengajaran dan pembelajaran serta mengurangkan keberkesanan pengajaran mereka.

Oleh itu, kementerian mengambil perhatian yang utama terhadap beban guru dengan meluluskan sebanyak 10 inisiatif bagi mengurangkan beban tugas guru seperti mana yang telah diumumkan dalam sesi amanat tahun baru KPM 2019 dan sambutan hari guru yang lalu. Peranan sebenar guru adalah untuk mendidik. Justeru, setiap perkara yang berkait dengan pendidikan dan menyumbang kepada kemenjadian murid, bukanlah beban tetapi tanggungjawab dan juga perjuangan para guru serta jasa mereka kepada nusa dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Segamat minta laluan.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat kata sebelum menggulung, mohon juga kalau boleh balas yang Segamat, perbahasan itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bertulislah.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Tadi Yang Berhormat Menteri kata akan ulang untuk jawapan Segamat, terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Segamat membangkitkan bantuan kepada pelajar India. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak meminggirkan mana-mana pihak dalam pemberian bantuan dan biasiswa. Pemberian biasiswa diberikan kepada semua pemohon yang layak termasuk kepada murid-murid luar bandar, Sabah dan Sarawak tanpa melihat faktor kaum, agama dan juga geografi.

Penawaran tajaan biasiswa dibuat berdasarkan kepada merit kelayakan dan tapisan temu duga oleh panel penilai pakar yang dipilih oleh kementerian. Begitu juga dengan bantuan persekolahan, bantuan pra sekolah umpamanya diberikan kepada semua murid di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang terdiri daripada sekolah jenis kebangsaan Tamil, Cina, sekolah mubaligh dan juga sekolah agama.

KPM sentiasa beriltizam untuk memberikan bantuan dan sokongan kewangan yang saksama kepada sekolah-sekolah ini. Bantuan persekolahan khusus dan bantuan *one-off* pula diberikan kepada golongan sasar yang layak berdasarkan kriteria tertentu. Dalam melaksanakan pemberian bantuan persekolahan, KPM menggariskan beberapa perkara seperti berikut:

(i) memastikan pemberian bantuan adalah kepada kumpulan sasar yang layak menerima bantuan;

(ii) mengagihkan bantuan kewangan kepada murid dan sekolah mengikut kriteria dan masa yang telah ditetapkan;

(iii) memastikan bantuan persekolahan memenuhi keperluan dan tuntutan sosial masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya minta juga berkenaan dengan lima orang pelajar yang mendapat matrikulasi CGPA 4.00 dan juga MUET sekurang-kurangnya lima dan mereka juga mewakili peringkat paling kurang pun peringkat negeri ataupun kebangsaan tapi mereka yang telah memohon untuk program perubatan tetapi tidak berjaya dan terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri kerana Kementerian Pendidikan dengan kakitangan telah pun memberikan ramai pelajar yang gagal, hampir seramai 85 pelajar telah pun diberikan tempat dalam program-program lain termasuk farmasi dan sebagainya.

Maka dalam perbahasan saya bacakan empat orang nama itu dan saya mohon jasa baik Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri yang diminta bukanlah hak sama rata dengan pelajar bumiputera, langsung sama sekali tidak. Akan tetapi yang diminta hanyalah keadilan untuk empat pelajar ini sahaja. Saya juga minta ini juga bagi pihak BN, MIC kerana dia pun tidak ada. Maka ini tanggungjawab dia juga, maka saya pun tanyakan juga bagi pihak Yang Berhormat Tapah.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, kita akan melihat isu itu dengan lebih teliti dan ia akan dijawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Segamat.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Yang Berhormat Menteri, Julau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Julau.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya, Yang Berhormat Julau.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Di awal penggulungan tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyebut mengenai RM35 juta untuk projek menaik taraf sekolah daif di Sarawak. Adakah RM35 juta itu untuk projek penyambungan bekalan elektrik dari grid utama untuk sekolah-sekolah daif ini? Mohon Menteri menjawab soalan Julau berkaitan penyambungan bekalan elektrik grid utama untuk sekolah-sekolah di Sarawak?

Pada 15 Julai 2019 di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga telah memberikan komitmen bahawa sebelum hujung tahun ini kita akan memastikan semua sekolah akan dapat disambungkan kepada elektrik. Boleh Menteri jelaskan sikit?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Jerai sikit, bagi laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jerai, silakan.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Saya ada bertanya kepada Menteri Pendidikan tentang penambahan masa tulisan jawi di sekolah rendah yang sebelum ini setengah jam dan mohon dipanjangkan sejam. Ini dimintalah untuk memartabatkan jawi di peringkat sekolah.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan Yang Berhormat Julau tentang apakah peruntukan untuk grid dan juga sekolah daif disekalikan. Tidak, ia dua peruntukan yang berlainan dan berkaitan dengan komitmen untuk penyambungan sebelum hujung tahun, saya rasa ini belum hujung tahun lagi dan kita akan cuba pastikan ia akan disambungkan secepat mungkin. Berkaitan dengan waktu jawi itu, kita akan pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada banyak lagi poin?

Dr. Maszlee bin Malik: Banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan lah.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja, tidak banyak lagi. Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan hal ehwal murid dan pelajar IPT telah dibangkitkan oleh 11 orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Beaufort dan juga Yang Berhormat Ledang.

Isu berkaitan masalah kesihatan mental dalam kalangan murid telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Ledang. Untuk makluman, KPM dan Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa bekerjasama dalam membantu murid yang menghadapi masalah kesihatan mental, keresahan ataupun, *anxiety*.

KPM mempunyai SOP untuk mengambil langkah yang wajar bagi menangani masalah mental yang berlaku di kalangan murid, termasuk program pengesanan awal kesihatan murid berkaitan tahap kemurungan, *anxiety,* stres dan kemahiran daya tindak.

KPM juga ingin menjawab pertanyaan Yang Berhormat Rantau Panjang- Yang Berhormat Rantau Panjang tidak ada, sudah balik sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah balik.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih, kepada lapan Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Santubong, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Igan, Yang Berhormat Hulu Terengganu, Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Jerai yang telah mengemukakan cadangan, pandangan dan teguran berkaitan dengan isu akademik, kurikulum dan ko-kurikulum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa menumpukan usaha untuk mereka-bentuk kurikulum pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Ini bagi melahirkan pelajar dan graduan yang boleh menyesuaikan diri dan mampu menghadapi cabaran masa depan yang tidak menentu.

Konsep pendidikan berteraskan IR 4.0 dapat memastikan pelajar dan graduan yang dilahirkan kekal relevan dan memenuhi keperluan negara dan industri.

■2150

Usaha ini dijalankan melalui pelaksanaan pendidikan STEM, menambah baik kurikulum, pembelajaran abad ke-21, penggunaan teknologi dalam penyampaian kurikulum, global *classroom* serta pembelajaran secara maya termasuk kerjasama dengan agensi seperti MDEC dan lain-lain lagi. Yang Berhormat Kubang Kerian ada?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Dr. Maszlee bin Malik: Yang Berhormat Batu Gajah? Yang Berhormat Batu Gajah ada. Berkaitan isu penyediaan kertas peperiksaan oleh pihak sekolah seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Batu Gajah.

Lembaga Peperiksaan (LP) telah meneliti dan sangat berhati-hati dalam penyediaan *standard operating procedure* (SOP) peperiksaan atau pentaksiran menerusi dokumen panduan dan pengurusan peperiksaan atau pentaksiran terutama perkara berkaitan dengan bahan peperiksaan.

SOP ini diselaraskan dengan aspek pengurusan, peperiksaan ataupun penaksiran yang sistematik, cekap dan berakauntabiliti. Dalam kes ketirisan maklumat peperiksaan atau pentaksiran, siasatan akan dilakukan kepada personel yang terlibat dalam ketidakakuran dan ketidakpatuhan kepada SOP. Walau bagaimanapun, kita perlu diingatkan, kadangkala terdapat pelbagai berita palsu yang ditularkan seolah-olah berlakunya kebocoran dan sebagainya dan ini sebenarnya tidak berlaku.

Sebanyak 12 pertanyaan berkaitan isu pengangguran graduan dan kebolehpasaran graduan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Kluang dan Yang Berhormat Rompin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa komited dalam memastikan pendidikan tinggi negara berupaya melahirkan graduan dan lulusan IPT yang holistik serta seimbang daripada aspek ilmu dan akhlak, bercirikan usahawan yang seiring dengan kemajuan teknologi dan pekerjaan masa kini.

KPM dalam usaha membangunkan pusat data raya KPM melalui pelaksanaan beberapa projek yang telah dikenal pasti bagi menyelesaikan isu semasa pendidikan antara lainnya kebolehpasaran graduan, portal pemilihan kursus ke institusi pengajian tinggi dan *hotspot* kes jenayah di kalangan murid sekolah. Melalui penubuhan dan pusat data raya KPM ini, satu portal gerbang utama akan dilancarkan pada tahun hadapan. Melalui portal ini, maklumat berkaitan kelayakan graduan, cadangan perancangan pekerjaan dan melanjutkan pelajaran serta permohonan biasiswa ataupun pinjaman pelajaran boleh diakses oleh pelbagai termasuk pihak graduan sendiri.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Ledang yang mencadangkan agar kaunselor juga perlu diberikan maklumat terkini tentang Revolusi Industri 4.0 supaya mereka dapat memberikan pandangan dan nasihat kerjaya dan haluan kepada anak-anak kita. Cadangan ini begitu bernas. Oleh itu, pusat data raya yang sedang dibangunkan oleh KPM ini juga akan digunakan untuk membantu dan membimbing kaunselor dan pelajar dan juga ibu bapa untuk bersedia menghadapi Revolusi Industri 4.0 di dalam memilih bidang kerjaya pada masa hadapan.

Pada Oktober 2019, simulasi analitis data raya tentang kebolehpasaran graduan sedang dilaksanakan oleh Pusat Sitasi KPM yang melibatkan 300 RIBU bakal graduan. Dapatan daripada simulasi ini merupakan titik tolak kepada permulaan bagi memadankan kelayakan graduan dan pekerjaan yang diperlukan dalam pasaran global.

Penutup. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khasnya terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh KPM. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Akhir sekali, izinkan saya mengambil kata-kata daripada Sasterawan Negara, Arena Wati di dalam novelnya...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Maszlee bin Malik: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak satu yang isu yang agak penting yang saya timbulkan dalam bahas saya tentang kedudukan IPG ini. Yang Berhormat Menteri, minta kalau dapat Yang Berhormat Menteri beri penjelasan sedikit. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Seperti mana yang telah disebutkan sebelum ini dalam kenyataan rasmi, tidak berlaku mana-mana penutupan seluruh IPG seperti mana yang digembar-gemburkan, malah...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Malahan, apa yang akan berlaku untuk pengetahuan Yang Berhormat Jelebu, kita sedang menaik taraf dan menaik fungsi IPG di masa hadapan dan ini akan dibawa kepada Kabinet untuk diluluskan. Okey, boleh diteruskan?

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri, boleh ada taruk sedikit yang terakhir Yang Berhormat Menteri?

Dr. Maszlee bin Malik: Ya, silakan Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada membangkitkan berkenaan tentang pembelajaran matematik dan sains di dalam bahasa Inggeris di Sarawak bermula tahun hadapan. Saya ingin tahu dasar kementerian bagaimana untuk membantu dan adakah Sarawak mampu untuk menjalankan dasar tersebut? Adakah buku-buku kerja berkaitan tentang matematik dan sains *in english* ini telah sedia?

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kelas-kelas *Dual Language Programme* (DLP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, ia berlaku dengan kerjasama oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan juga dipantau oleh kita-minta maaf... *[Batuk]* Dipantau oleh kita secara dekat demi memastikan kejayaannya. Kita melakukan usaha sama dengan Kerajaan Negeri Sarawak melalui Menteri Pendidikan Sarawak Dato' Sri Michael Manyin, okey. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, izinkan saya memetik Sasterawan Negara, Arena Wati yang mana telah menyatakan di dalam novelnya, *'Sudara.'* Arena wati mengatakan, "*Kita boleh ramah tapi pantang berkasar. Kita boleh marah tetapi ketawalah dan janganlah kehilangan senyum. Kita pasrah miskin tetapi jauhkanlah diri dari keinginan mengemis. Orang yang kehilangan wang cuma rugi benda tetapi orang kehilangan amanah, dia rugi harga diri*". Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah menghuraikan jawapan dengan panjang lebar. Hampir dua jam.

Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 30 Oktober 2019. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.57 malam]